

**PEMBANGUNAN MODEL EKOLOGI SPIRITAL ISLAMI
UNTUK PENDIDIKAN ISLAM**

WAN NORNAJMIWATI BT WAN AB RAHMAN

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**PEMBANGUNAN MODEL EKOLOGI SPIRITUAL ISLAMI UNTUK
PENDIDIKAN ISLAM**

WAN NORNAJMIWATI BT WAN AB RAHMAN

**TESIS DISERAHKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FACULTY OF EDUCATION
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
20120**

UNIVERSITI MALAYA
PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **WAN NORNAJMIWATI BT WAN AB RAHMAN**

No. Pendaftaran/Matrik: **PHA120006**

Nama Ijazah: **IJAZAH KEDOKTORAN**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil kerja ini"):

PEMBANGUNAN MODEL EKOLOGI SPIRITAL ISLAMI UNTUK PENDIDIKAN ISLAM

Bidang Penyelidikan: **PENDIDIKAN ISLAM**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon
Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh:

Tandatangan Saksi

Nama:
Jawatan:

Tarikh:

ABSTRAK

Pendidikan yang holistik amat penting untuk membangunkan potensi pelajar secara keseluruhan. Ini menunjukkan, selain dari aspek jasmani, intelek dan emosi, aspek kerohanian juga perlu dititik beratkan dalam proses pendidikan. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengukuhkan nilai spiritual pelajar melalui penghayatan terhadap elemen ekologi. Berdasarkan kaedah kajian Reka Bentuk dan Pembangunan oleh Richey dan Klien (2007), kajian pembangunan model ini telah dilaksanakan secara tiga fasa. Objektif kajian bagi Fasa 1 (analisis keperluan) ialah: mengenalpasti keperluan pembangunan model melalui tahap kefahaman pelajar dan pandangan pakar. Objektif kajian bagi Fasa 2 (reka bentuk) ialah: mereka bentuk model melalui analisis dokumen dan kesepakatan pakar. Objektif kajian bagi Fasa 3 (penilaian) ialah: penilaian kepenggunaan model dari retropeksi pelajar. Model ini dibangunkan bersandarkan kepada pemikiran al-Ghazali (t.th), serta dalil-dalil al-Quran berhubung ekologi. Di samping itu, model ini juga dibangunkan berdasarkan Model Penghayatan Akidah al-Ghazali, Teori Pembelajaran konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Bloom. Dalam kajian Fasa 1, satu soal selidik telah diedarkan kepada 200 pelajar daripada 4 buah sekolah menengah di Negeri Kedah. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* dan diinterpretasi dalam nilai min. Dapatkan menunjukkan 10 item yang berkaitan dengan konsep ekologi spiritual berada pada tahap skor min yang sangat tinggi, iaitu min skor antara 4.21-5.00. Selain itu, untuk menyokong hasil dapatan daripada soal selidik, pengkaji telah menemubual 4 orang pakar yang terdiri daripada seorang pensyarah kanan bidang Pendidikan Islam sebuah IPTA dan 3 orang guru Pendidikan Islam. Dapatkan kajian telah menunjukkan pakar bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk model ini dibangunkan. Seterusnya,

dalam Fasa 2, kajian dilaksanakan dengan menggunakan *Fuzzy Delphi Method*. Satu instrumen soal selidik telah dibangunkan berdasarkan sorotan kajian dan dapatan analisis keperluan untuk dinilai oleh 16 orang pakar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah *FDM* dan 3 syarat penerimaan pakar iaitu nilai *Threshold (d)* ≤ 0.2 , nilai peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$ dan skor fuzzy (*A*) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$. Hasil dapatan kajian menunjukkan 51 item yang dikemukakan telah mendapat kesepakatan pakar manakala terdapat 3 item telah ditolak oleh pakar iaitu 1 item dalam medium pembelajaran dan 2 item dalam konstruk impak pembangunan model. Seterusnya dalam Fasa 3, kajian telah melibatkan 80 orang pelajar muslim tingkatan empat dari 4 buah sekolah di utara semenanjung iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis. Dalam fasa ini, kajian dijalankan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal yang diubahsuai yang bersifat semi kualitatif. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik telah dianalisis menggunakan nilai peratusan dan syarat penerimaan bagi setiap item dalam fasa ini ialah mesti melebihi 70%. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan 51 item yang dikemukakan telah diterima iaitu memperolehi nilai penilaian melebihi 70%. Selain itu, ulasan keseluruhan penilaian pelajar terhadap model adalah sangat baik. Secara keseluruhannya, dapatan kajian bagi Fasa 1: analisis keperluan, Fasa 2: reka bentuk dan dapatan Fasa 3: penilaian telah menjawab persoalan dan objektif kajian . Kajian ini akhirnya mencadangkan satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam dibangunkan dengan tujuan mengukuhkan nilai spiritual pelajar.

Kata kunci: Kerohanian; alam; ekologi; akidah.

DEVELOPMENT OF ISLAMIC SPIRITUAL ECOLOGY MODEL FOR ISLAMIC EDUCATION

ABSTRACT

Holistic education is very important to be developed in the potential of students as a whole. This shows that, apart from the physical, intellectual and emotional aspects, the spiritual aspect also needs to be emphasized in the educational process. Accordingly, this study was conducted with the aim of strengthening the spiritual values of students through the appreciation of ecological elements. Based on the design and Development study method by Richey and Client (2007), the development study of a model has been implemented in three phases. The objectives of the study for Phase 1 (needs analysis) are: to identify the needs of model development through the level of student understanding and expert views. The objectives of the Phase 2 study (design) are: to design a model through document analysis and expert agreement. The objectives of Phase 3 (assessment) are: evaluation of model usability student retrospection. This model was developed based on al-Ghazali's rule of thought (t.th), as well as the arguments of the Qur'an on ecology. In addition, this model was also developed based on al-Ghazali's Faith Appreciation Model, Constructivism Learning Theory and Bloom's Learning Theory. In the Phase 1 study, a questionnaire was distributed to 200 students from 4 secondary schools in the State of Kedah. The data obtained were analyzed using Statistical Package For Social Science (SPSS) software and interpreted in mean values. Findings show that 10 items related to the concept of spiritual ecology are at a very high mean score level, which is a mean score between 4.21-5.00. In addition, to support the findings of the questionnaire, the researcher interviewed 4 experts consisting of a senior lecturer in the field of Islamic Education in

IPTA and 3 Islamic Education teachers. The findings of the study have shown that experts agree that there is a need for this model to be developed. Next, in Phase 2, the study was conducted using the Fuzzy Delphi Method (FDM). A questionnaire instrument was developed based on the study highlights and the findings of the need analysis to be evaluated by 16 experts. The data obtained were analyzed using FDM method and 3 expert acceptance conditions namely Threshold value (d) ≤ 0.2 , expert agreement percentage value $\geq 75\%$ and fuzzy score (A) \geq value α - cut = 0.5. The results of the study show that 51 items submitted had obtained expert agreement while there are 3 items have been rejected by experts, namely 1 item in the learning medium and 2 items in the model development impact construct. Next in Phase 3, the study involved 80 form four Muslim students from 4 schools in the north of the peninsula, namely Kedah, Penang, Perak and Perlis. In this phase, the study was conducted using a modified semi-qualitative Nominal Group Technique. The data obtained through the questionnaire was analyzed using the percentage value and acceptance conditions for each item in this phase must be more than 70%. The total findings of 51 items submitted have been received, namely obtaining an evaluation value of more than 70%. In addition, the overall review of student assessments of the model is excellent. Overall, the findings of the study for Phase 1: needs analysis, Phase 2: design and findings Phase 3: evaluation have answered the questions and objectives of the study. This study finally proposes an Islamic Spiritual Ecological Model for Islamic Education to be developed with the aim of strengthening students' spiritual values.

Keywords: spirituality; nature; ecology; Islamic faith.

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat *radhiallahu anhum ajmain*.

Alhamdulillah Wal hamdulillah, dengan izin dan inayahNya, akhirnya saya dapat menyempurnakan kajian ini. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran khususnya cabaran dalam memotivasi diri sendiri agar terus istiqamah sehingga akhir. *Subhanallah*, sesungguhnya benar, betapa luasnya ilmu Allah SWT dalam Kitab Nya, makin digali, semakin banyak yang tidak diketahui.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan khusus pada YBhg. Prof. Madya Dr. Zaharah binti Hussin selaku penyelia yang amat sabar, prihatin, dan sentiasa menjadi pembimbing yang baik. Semoga Allah SWT memberkati hidup Prof. dan hanya Allah SWT sahaja yang mampu membaliasnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Tajaan, sekalung penghargaan kepada sahabat-sahabat khususnya Dr Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil & isteri, Prof. Madya Dr Norliza binti Kushairi, Dr Azizah binti Sarkowi, Dr Hazura Bt Abu Bakar, Dr.Zakaria Bin Abdullah, K.Aisyah dan Ustaz Aziz, serta semua rakan-rakan IPGKDA khususnya rakan-rakan JPIM, JIP dan rakan-rakan SMK Pulau Nyiur yang sentiasa memberi sokongan dan menghulurkan bantuan. Jazakumullah kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan bantuan yang tidak dapat disenarai kesemuanya.

Tidak lupa buat suami yang menjadi aspirasi, Dr. Hj. Asri Bin Md Saman @ Osman yang sedia memberi pertolongan dan semangat walaupun sama-sama bergelut untuk menyiapkan kajian masing-masing. Setinggi kasih kepada buat Bonda tercinta Baidah bt Ghamat dan Ibu Mertua tersayang Zaini bt Saayan yang tidak jemu-jemu menitipkan doa untuk kejayaan kami suami isteri. Sekalung al-Fatihah khusus buat al-marhum ayahanda Wan Ab Rahman bin Mat Ali serta ayahanda mertua Md Saman @ Osman bin Hamid dan bonda mertua Azizah bt Awang yang telah mendahului mengadap Tuhan Maha Pencipta. Moga al-marhum dan al-marhumah sentiasa dicucuri rahmat dan tenang di sana bersama solihin. Sekalung terima kasih juga kepada abang, kakak dan adik ipar yang tidak lokek membantu, bertanya khabar dan mendoakan kami sepanjang menyiapkan kajian ini.

Terima kasih dan salam sayang buat anak-anak Ummi, Along 'Ammar Hakimi; K.ngah Nur Hannan; K.lang Nur Afifah Syamilah; K.cik Nur Afifah Syakirah; K.teh Nur Alya Solehah; K.Uda Nur Najihah Humaira'; K.Yong Nur Syifa' Aqilah dan adik Nur Izzah Afiqah yang sentiasa memahami dan mengingatkan Ummi agar menuaikan amanah ini. Ummi mendoakan agar kalian agar menjadi hamba yang taat pada Allah, mencintai Rasulullah SAW, sentiasa mendoakan Ummi dan Abi dan beroleh kecemerlangan dan keberkatan di dunia dan akhirat.

Akhir kalam, janganlah sekali-kali berputus asa dengan rahmat Allah SWT, setiap yang berlaku ada hikmah di sebaliknya...”

WAN NORNAJMIWATI BT WAN AB RAHMAN
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman
06000 Jitra, Kedah Darul Aman.
2020

KANDUNGAN

Pengakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan	vii
Kandungan	ix
Senarai Rajah	xv
Senarai Jadual	xvii
Senarai Singkatan.....	21
Senarai Lampiran	1

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah.....	6
1.4 Tujuan Kajian.....	11
1.5 Objektif Kajian.....	13
1.6 Soalan Kajian	13
1.7 Kerangka Teori	16
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.9 Kepentingan Kajian	22
1.10 Definisi Operasional	24
1.10.1 Pembangunan Model.....	24
1.10.2 Ekologi Spiritual Islami	25
1.10.3 Pendidikan Islam	26
1.11 Batasan Kajian	27
1.12 Kesimpulan	28

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	29
2.2 Ekologi	29
2.3 Ekologi Spiritual Islam	30

2.4 Ciri-Ciri Ekologi Spiritual Islam.....	33
2.4 Pembangunan Spiritual Dalam Islam.....	41
2.5 Konsep Ekologi Spiritual Islami Dalam kajian	42
2.6 Sumber Konsep Ekologi Spiritual Islami.....	44
2.6.1 Al-Quran.....	45
2.6.2 Al-Hadis	53
2.6.3 Kajian Ilmuan Islam	57
2.7 Konsep Ekologi Spiritual Islami Dalam Kurikulum Pendidikan Islam	58
2.8 Pemikiran Imam Al -Ghazali Berhubung Ekologi Spiritual Islami.....	62
2.9 Pembangunan Spiritual Berasaskan Dalil Ekologi	64
2.10 Konsep Pembelajaran.....	130
2.11 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	133
2.11.1 Pengaplikasian Konsep ‘Scaffolding’ Dalam Model.....	135
2.12 Teori Pembelajaran Bloom	136
2.13 Aspek Utama Pembangunan Model.....	137
2.14 Kajian Berkaitan Ekologi Spiritual	138
2.15 Kesimpulan	142

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	143
3.2 Reka Bentuk Kajian	143
3.3 Fasa 1: Analisis Keperluan	147
3.3.1 Fasa 1 (I): Soal Selidik	148
i. Tujuan	148
ii. Instrumen Kajian	148
iii. Responden Kajian	150
iv. Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisaan Data.....	151
v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	152
3.3.2 Fasa 1 (II): Temubual Pakar.....	154
i. Tujuan	155
ii. Instrumen Kajian (Soalan Temubual)	155
iii. Peserta Temubual.....	156
iv. Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisaan Data.....	157

v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	157
3.4 Fasa 2: Reka Bentuk Model	158
3.4.1 Fasa 2 (I): Analisis Dokumen.....	158
i. Tujuan	159
ii. Instrumen Kajian.....	159
iii. Sampel Analisis Dokumen.....	160
iv. Prosedur Pengumpulan dan Penganalisaan Dokumen	161
v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	162
3.4.2 Fasa 2 (II): Kaedah Fuzzy Delphi (<i>Fuzzy Delphi Method</i>)	162
i. Tujuan	165
ii. Instrumen Kajian (Soal Selidik).....	166
iii. Pakar <i>FDM</i>	167
iv. Prosedur Pengumpulan dan Penganalisaan Data	168
v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data	170
3.5 Fasa 3: Penilaian	170
3.5.1 Fasa 3 Teknik Kumpulan Nominal (<i>NGT</i>).....	171
i. Tujuan	172
ii. Instrumen kajian.....	173
iii. Responden kajian	174
iv. Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisaan Data.....	174
v. Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	176
3.6 Matriks Kajian Pembangunan Model	177
3.7 Kesimpulan	181

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	182
4.2 Dapatan Fasa 1: Analisis Keperluan	182
4.2.1 Dapatan Kajian Fasa 1: (I) Soal Selidik	182
i. Demografik Responden.....	184
ii. Analisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Konsep Ekologi	185
iii. Analisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Elemen Ekologi	188
iv. Analisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Sifat Ekologi Spiritual	191
v. Rumusan dapatan Kajian Fasa 1 (I)	193

4.2.2 Dapatkan kajian Fasa 1: (II) Temubual.....	195
i. Profil Pakar.....	196
ii. Analisis Pandangan Pakar Terhadap Tahap Kefahaman Pelajar	197
iii. Analisis Pandangan Pakar Terhadap Kepentingan Kefahaman	198
iv. Analisis Pandangan Pakar Terhadap Keperluan Pembangunan	199
v. Rumusan Dapatkan Keseluruhan Kajian Fasa 1 (II)	200
4.3 Dapatkan Fasa 2: Reka bentuk.....	204
4.3.1 Dapatkan Kajian Fasa 2 (I): Analisis dokumen.....	204
i. Kitab Ihya' Ulumuddin	204
ii. Tematik Al-Quran	207
a. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Konsep Ekologi Spiritual	208
b. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Elemen Ekologi Spiritual	210
c. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Sifat-Sifat Ekologi Spiritual	218
d. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Penghayatan Amalan.....	219
iii. Tafsir Ibn Kathir.....	224
iv. Tafsir Ibn Abbas.....	227
v. Tafsir al -Azhar	228
4.3.1.1 Rumusan Dapatkan Fasa 2 : (I)	230
4.3.2 Dapatkan Fasa 2 (II) Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	233
i. Kaedah Penentuan Analisis Pakar.....	238
ii. Konsensus Pakar Dalam Aspek Utama Model	240
iii. Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Aspek Pemahaman.....	242
iv. Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Aspek Sifat	245
v. Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Aspek Penghayatan	248
vi. Konsensus Pakar Terhadap Dalil Al-Quran Ekologi Spiritual.....	251
vii. Konsensus Pakar Dalam Medium Pembelajaran	265
viii. Konsensus Pakar Dalam Impak Pembangunan Model	267
4.3.2.1 Rumusan Dapatkan Fasa Rekabentuk	271
4.4 Dapatkan Fasa 3: Penilaian	272
4.4.1 Dapatkan Fasa 3	276
i. Demografik Peserta Kajian	276
ii. Kesesuaian Aspek Utama Model	278

iii. Kesesuaian Isi Kandungan Dalam Aspek Kefahaman.....	279
iv. Kesesuaian Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat	281
v. Kesesuaian Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan ...	283
vi. Kesesuaian dalil Dalam Elemen Ekologi Spiritual	285
vii. Kesesuaian laman blog dalam Model Ekologi Spiritual Islami.....	286
viii. Kesesuaian Pandangan Keseluruhan pelajar	290
4.4.1.1 Rumusan dapatan Fasa 3: Penilaian	303
4.5 Kesimpulan	304

BAB 5 : PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	305
5.2 Ringkasan Kajian	305
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	306
5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 1 :.....	306
(i) Fasa 1 (I) Analisis Keperluan Melalui Soal Selidik	306
(ii) Fasa 1 (II) Analisis Keperluan Melalui Temubual Pakar.....	313
5.3.2 Perbincangan Dapatan Fasa 2 (I&II): Reka Bentuk Model	315
(i) Fasa 2 (I): Reka Bentuk Model Melalui Analisis Dokumen	315
(ii) Fasa 2 (II): Reka Bentuk Model Melalui Kaedah FDM.....	316
5.3.3 Perbincangan Dapatan Fasa 3: Penilaian Model	324
(i) Tema 1: Pandangan Pelajar Terhadap Penilaian Kebolehgunaan	329
(ii) Tema 2: Pandangan pelajar terhadap kepenggunaan Model	331
5.4 Model kajian	333
5.5 Rumusan Kajian	335
5.6 Implikasi Kajian	336
(i) Aspek Pembangunan Spiritual	336
(ii) Aspek Ilmu (<i>Knowledge</i>).....	336
(iii) Aspek sahsiah.....	336
(iv) Aspek Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar	336
(v) Aspek kurikulum	337
(vi) Aspek Metodologi	337
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan.....	337
5.8 Kesimpulan	339

Bibliografi	341
Lampiran A	352
Lampiran B	353
Lampiran C	360
Lampiran D	361
Lampiran E.....	362
Lampiran F	363
Lampiran G	364
Lampiran H	365
Lampiran I.....	366
Lampiran J	367
Lampiran K	368
Lampiran L.....	369

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Pendekatan DDR research oleh Richey & Klien 2007	11
Rajah 1.2: Pembangunan Spiritual Berdasarkan pemikiran Imam Ghazali	17
Rajah 1.3: Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005)	18
Rajah 1.4: Teori Pembelajaran Bloom gabungan Model Penghayatan Akidah	18
Rajah 1.5: Kerangka Teori	19
Rajah 1.6: Kerangka Konsep Kajian	21
Rajah 2.1: Sumber Konsep Ekologi Spiritual Islami	44
Rajah 2.2: Komponen Asas Pembelajaran	131
Rajah 2.3: Teori Pembelajaran Bloom Berdasarkan Model Penghayatan Akidah	137
Rajah 2.4: Kajian berkaitan Ekologi, Alam dan Pendidikan Islam	139
Rajah 3.1: Kerangka kajian berdasarkan <i>DDR Research</i> (Richey & Klien, 2007)	145
Rajah 3.2: Aras Persetujuan Skala Fuzzy	164
Rajah 3.3: Aspek Utama Model	175
Rajah 4.1: Rumusan Dapatan Mengikut Pandangan Pakar	203
Rajah 4.2: Pemikiran al-Ghazali berhubung Ekologi Spiritual Islami	206
Rajah 4.3: Proses Analisis Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi	239
Rajah 4.4: Model Ekologi Spiritual Islami	271
Rajah 4.5: Slide Tajuk Kajian	292
Rajah 4.6: Slide Pengenalan Kajian	292
Rajah 4.7: Slide Teori Kajian	293
Rajah 4.8: Slide Aspek Utama Model	293
Rajah 4.9: Slide Aspek Kefahaman	294

Rajah 4.10: Slide Objektif Konsep	294
Rajah 4.11: Slide Sumber Utama	295
Rajah 4.12: Slide Elemen Ekologi	295
Rajah 4.13: Slide Elemen Ekologi Spiritual Manusia & Haiwan	296
Rajah 4.14: Slide Elemen Ekologi Spiritual Tumbuhan & Tanah	296
Rajah 4.15: Slide Elemen Ekologi Spiritual Air	297
Rajah 4.16: Slide Elemen Ekologi Spiritual Udara & Fenomena Alam	297
Rajah 4.17: Slide Contoh Penerangan Elemen Ekologi	298
Rajah 4.18: Slide Proses Kejadian Manusia Menurut al-Quran	298
Rajah 4.19: Slide Proses Kejadian Manusia Menurut Sains	299
Rajah 4.20: Slide Hikmah Ekologi Spiritual Islam	299
Rajah 4.21: Slide Ciri-Ciri Ekologi Spiritual Islam	300
Rajah 4.22: Slide Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat	300
Rajah 4.22: Slide Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan	301
Rajah 4.23: Slide Penghayatan Amalan Terhadap Rukun Islam	301
Rajah 4.24: Slide Penghayatan Amalan Terhadap Rukun Iman	302
Rajah 4.25: Slide Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam	302
Rajah 4.26: Slide Penutup	303
Rajah 5.1: Elemen Ekologi Spiritual	318
Rajah 5.2: Impak Pembangunan Model	329
Rajahh 5.3: Model Ekologi Spiritual Untuk Pendidikan Islam	334

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Tajuk Berkaitan Ekologi spiritual Dalam Pendidikan Islam	60
Jadual 2.2: Tajuk Berkaitan Ekologi spiritual Dalam Subjek Tassawur Islam.	61
Jadual 2.3: Dalil al-Quran Berkaitan Konsep Ekologi Spiritual	65
Jadual 2.4: Dalil al-Quran Berkaitan Elemen Ekologi Spiritual	70
Jadual 2.5: Dalil al-Quran Berkaitan Sifat Ekologi Spiritual	116
Jadual 2.6: Jenis Pembelajaran Bloom	136
Jadual 3.1: Metodologi Kajian	146
Jadual 3.2: Interpretasi Skor Min	151
Jadual 3.3: Pekali Kebolehpercayaan	153
Jadual 3.4: Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Ujian Rintis	153
Jadual 3.5: Profil Panel Pakar	156
Jadual 3.6: Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa	158
Jadual 3.7: Skala Fuzzy Tujuh Poin	165
Jadual 3.8: Profil panel pakar Fuzzy Delphi	167
Jadual 3.9: Skala Pemboleh ubah linguistik	169
Jadual 3.10: Matrik Kajian Mengikut Fasa	177
Jadual 4.1: Interpretasi Skor Min	184
Jadual 4.2: Demografi Responden	185
Jadual 4.3: Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Konsep Ekologi spiritual	187
Jadual 4.4: Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Aspek Elemen	189
Jadual 4.5: Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Aspek Sifat	192
Jadual 4.6: Profil Pakar Fasa 1	196
Jadual 4.7: Indikator Persetujuan Cohen Kappa	201
Jadual 4.8: Tahap Persetujuan Pakar	202
Jadual 4.9: Dalil Elemen Ekologi spiritual: Manusia	211
Jadual 4.10 : Dalil Elemen Ekologi spiritual: Haiwan	212
Jadual 4.11: Dalil Elemen Ekologi spiritual: Tumbuhan	213
Jadual 4.12: Dalil Elemen Ekologi spiritual: Tanah	214
Jadual 4.13: Dalil Elemen Ekologi spiritual: Air	215

Jadual 4.14: Dalil Elemen Ekologi spiritual: Udara atau angin	216
Jadual 4.15: Dalil Elemen Ekologi spiritual: Fenomena Alam	217
Jadual 4.16: Dalil Sifat Ekologi spiritual	218
Jadual 4.17: Dalil Penghayatan Amalan berdasarkan Rukun Iman	219
Jadual 4.18: Dalil Penghayatan Amalan berdasarkan Rukun Islam	221
Jadual 4.19:Dalil Penghayatan Amalan berdasarkan sifat Ihsan	223
Jadual 4.20: Analisis Kandungan Kitab Ihya' Ulumuddin	230
Jadual 4.21: Analisis Tematik al-Quran	231
Jadual 4.22:Analisis Tematik al-Quran	233
Jadual 4.23: Item-item Konsensus Pakar Aspek Utama Model	234
Jadual 4.24: Item-item Konsensus Pakar Isi Kandungan Kefahaman	234
Jadual 4.25: Item-item Konsensus Pakar Isi Kandungan Sifat	235
Jadual 4.26: Item-item Konsensus Pakar Penghayatan Amalan	235
Jadual 4.27: Item-item Konsensus Pakar dalil elemen Ekologi spiritual	236
Jadual 4.28: Item-item Konsensus Pakar dalam Medium pembelajaran	237
Jadual 4.29: Item-item Konsensus Pakar Dalam Impak Pembangunan Model	237
Jadual 4.30: Analisis Konsensus Pakar dalam aspek utama model	240
Jadual 4.31: Konsensus Pakar dalam aspek utama model	241
Jadual 4.32: Kedudukan item aspek utama model	242
Jadual 4.33: Analisis Konsensus Pakar dalam Aspek Kefahaman	242
Jadual 4.34: Konsensus Pakar dalam Aspek Kefahaman	243
Jadual 4.35: Kedudukan item	245
Jadual 4.36: Analisis Konsensus Pakar dalam Isi Kandungan Sifat	245
Jadual 4.37: Konsensus Pakar dalam Isi Kandungan Sifat	246
Jadual 4.38: Kedudukan item	247
Jadual 4.39: Analisis Konsensus Pakar dalam Penghayatan Amalan	248
Jadual 4.40: Konsensus Pakar dalam Penghayatan Amalan	249
Jadual 4.41: Kedudukan item	251
Jadual 4.42: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	251
Jadual 4.43: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	252
Jadual 4.44: Kedudukan item	253

Jadual 4.45: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	253
Jadual 4.46: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	254
Jadual 4.47: Kedudukan item	255
Jadual 4.48: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	255
Jadual 4.49: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	256
Jadual 4.50: Kedudukan item	257
Jadual 4.51: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	257
Jadual 4.52: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	258
Jadual 4.53: Kedudukan item	258
Jadual 4.54: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	259
Jadual 4.55: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	260
Jadual 4.56: Kedudukan item	261
Jadual 4.57: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	261
Jadual 4.58: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	262
Jadual 4.59: Kedudukan item	262
Jadual 4.60: Analisis Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	263
Jadual 4.61: Konsensus Pakar dalam dalil elemen Ekologi spiritual	264
Jadual 4.62: Kedudukan item	264
Jadual 4.63: Analisis Konsensus Pakar dalam Medium Pembelajaran	265
Jadual 4.64: Konsensus Pakar dalam Medium Pembelajaran	266
Jadual 4.65: Kedudukan item	266
Jadual 4.66: Analisis Konsensus Pakar dalam Impak Pembangunan Model	267
Jadual 4.67: Konsensus Pakar dalam Impak Pembangunan Model	268
Jadual 4.68: Peserta Kajian NGT	273
Jadual 4.69: Demografik Responden	277
Jadual 4.70: Dapatan Data NGT	279
Jadual 4.71: Demografi Responden	280
Jadual 4.72: Dapatan Kebolehgunaan: Aspek utama	282
Jadual 4.73: Dapatan Penilaian: Isi Kandungan Dalam Aspek Kefahaman	283
Jadual 4.74: Dapatan Penilaian: Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat	285
Jadual 4.75: Dapatan Penilaian: Dalam Aspek Penghayatan Amalan	287

Jadual 4.76: Dapatan Penilaian: Dalil Elemen Ekologi	290
Jadual 5.1: Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Elemen Ekologi: Alam	311
Jadual 5.2: Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Elemen Ekologi: Air	311

SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
SWT	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
DDR	<i>Design Developmental Research</i> (Kajian Reka Bentuk Pembangunan)
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
SAW	<i>Sallahu Alaihi Wa Sallam</i>
RA	<i>RadhiAllahu Anhu</i>
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i> (Kaedah Fuzzy Delphi)
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
NGT	<i>Nominal Group Technique</i> (Teknik Kumpulan Nominal)
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian- Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Soal Selidik Di Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah- Sekolah di Negeri Kedah Darulaman.
LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Soal Selidik Di Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah- Sekolah di Negeri Perlis.
LAMPIRAN D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Soal Selidik Di Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah- Sekolah di Negeri Pulau Pinang.
LAMPIRAN E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Soal Selidik Di Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah- Sekolah di Negeri Perak
LAMPIRAN F	Surat Keputusan Jawatan Kuasa Panel Seminar Seminar 1
LAMPIRAN G	Surat Keputusan Jawatan Kuasa Panel Seminar 2
LAMPIRAN H	Surat Jawapan Pakar
LAMPIRAN I	Borang Soal Selidik Fasa 1
LAMPIRAN J	Borang Soal Selidik Fasa 2
LAMPIRAN K	Borang Soal Selidik Fasa 3
LAMPIRAN M	Penerbitan

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkembangan dunia teknologi pada hari ini telah banyak mempengaruhi perkembangan dunia pendidikan. Dengan kepesatan perkembangan era globalisasi yang begitu pantas, ianya turut memberi banyak impak kepada generasi muda hari ini. Justeru itu, pendidikan yang holistik amat penting untuk membangunkan potensi pelajar secara keseluruhan. Ini menunjukkan, selain dari aspek jasmani, intelek dan emosi, aspek kerohanian perlu dititik beratkan dalam proses pendidikan. Penyataan tersebut selaras dengan kandungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang mensasarkan lima (5) aspirasi sistem dan enam (6) ciri murid yang akan dicapai dalam tempoh 13 tahun, bermula dari tahun 2013 hingga 2025.

Berdasarkan pelan tersebut, enam (6) ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Dalam pembangunan etika dan kerohanian, sistem pendidikan negara berhasrat melahirkan ciri murid yang berupaya mendepani cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa, agar mereka boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal, serta berani melakukan sesuatu yang betul. Sistem pendidikan juga berhasrat untuk membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Pembangunan aspek etika dan kerohanian (spiritual) murid yang menjadi antara aspirasi PPPM itu juga adalah sejajar dengan penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menerusi Akta Pendidikan 1996, halaman 11:

“ Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek , **rohani** dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan , berketrampilan , berakhhlak mulia bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

Pembinaan FPK memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhhlak, seimbang dan harmonis, boleh mencapai kesejahteraan diri,dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003). Pendekatan bersepadu dalam FPK untuk mewujudkan insan yang seimbang dalam setiap aspek mampu mendidik bukan sahaja akal, tetapi hati sehingga menjadi modal insan yang mengiktiraf kewujudan Pencipta, menundukkan sifat ego dan membolehkan mereka membangunkan sifat kehambaan hanya kepada Pencipta (Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah, 2013). Peri pentingnya pembangunan elemen spiritual atau kerohanian dalam diri pelajar ini bertepatan dengan pandangan Noriati A. Rashid, Keok Cheong Lee, Zulkifli Mahayudin dan Zakiah Noordin (2014), yang menegaskan unsur rohani yang diterapkan dalam pendidikan akan melahirkan pelajar yang menyedari dan mengisafi adanya Pencipta, menjadi seorang yang sentiasa bersyukur, berakhhlak mulia serta bertanggungjawab seterusnya berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan dapat memberi sumbangan kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Al-Ghazali, (2005) kesempurnaan rohani manusia yang sebenar boleh dicapai apabila manusia berkemampuan mengenali diri sendiri dengan mengawal tingkah laku berpandukan hati, menyembah Allah SWT kerana mengenali Allah serta kemampuan berinteraksi dengan alam dengan mengenali alam. Al-Ghazali menekankan penghayatan akidah sebagai asas kepada amalan ibadah dan akhlak yang sempurna.. Begitu juga al-Muhasibi (2003) menekankan pembangunan rohani manusia adalah melalui pendidikan kejiwaan iaitu muhasabat al-nafs, mujahadah al-nafs dan riyadah al-nafs. Menurut Yahya (2004) penghayatan akidah dalam kalangan pelajar yang lemah menyebabkan mereka terlibat dalam perkara-perkara yang meruntuhkan akhlak. Justeru menurut al-Qaradawi 2005 kekuatan akidah dan hubungan yang berterusan dengan Allah SWT dapat mengatasi masalah kemerosotan akhlak para pelajar. Hal ini kerana, kekuatan akidah merupakan satu daripada empat kekuatan asas yang harus dikuasai oleh pelajar untuk membersihkan emosi, fikiran dan perlakuan daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan kehendak Islam.

Berasaskan dapatan tersebut, Pembangunan spiritual pelajar melalui ekologi spiritual melalui kajian ini merupakan satu inisiatif ke arah memperkasakan elemen kerohanian (spiritual) pelajar. Konsep Ekologi spiritual atau istilah asalnya *eco-spiritual* merupakan satu konsep yang diadaptasi daripada salah satu aliran falsafah alam sekitar di Barat. Secara umum, konsep tersebut adalah menyentuh hubungan manusia dengan alam (*connection to nature*) (Beringer, 1999). Walaubagaimanapun, konsep *eco-spiritual* yang dipelopori oleh Barat adalah tidak menepati pandangan Islam di mana mereka menerima alam sebagai sesuatu yang kudus tetapi tidak berpaksikan kepada kepercayaan dan tauhid kepada Pencipta sebenar alam iaitu Allah SWT (Abu Bakar Yang, 2012; Hazura Abu Bakar, 2009).

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, satu pembinaan Model pembelajaran berasaskan konsep Ekologi Spiritual yang berpandukan pemikiran al-Ghazali telah dirangka berdasarkan dalil-dalil al-Quran berkaitan ekologi. Model ini sangat penting untuk diketengahkan khususnya dalam bidang pendidikan kerana ianya merupakan satu usaha untuk meningkatkan elemen spiritual pelajar melalui penghayatan terhadap elemen ekologi.

Selain itu, model yang diadaptasi daripada fahaman *eco-spiritual* yang mengandungi dalil-dalil al-Quran berhubung elemen ekologi sebenarnya telah terdapat di dalam kurikulum Pendidikan Islam melalui bidang Tilawah al-Quran, Akidah, dan Akhlak (KPM, 2002). Walaubagaimanapun, dalam model ini, dalil- dalil al-Quran tersebut dibahaskan dengan lebih mendalam serta secara khusus dalam satu konsep tersendiri. Perbincangan dari sudut pandangan yang berbeza khususnya mengaitkannya dengan ekologi dapat menambahkan lagi pengetahuan, mengukuhkan kefahaman serta meningkatkan lagi elemen spiritual diri dan penghayatan akidah dalam diri seseorang khususnya pelajar (Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman, Zaharah Husin & Asri Md Saman, 2016). Dalam Pendidikan Islam, konsep ini sebenarnya amat berkait rapat dengan aspek akidah murid. Abdul Salam Mohd Shukri (2003) berpendapat, pendidikan Akidah secara dasarnya adalah merupakan suatu ilmu yang kompleks. Pengajaran dalam ilmu Akidah adalah perlu mencapai matlamat yang tertinggi iaitu pengiktirafan terhadap kekuasaan Allah SWT dalam semua aspek kehidupan.

Asas kepada pengenalan konsep ini ialah dengan menekankan pembangunan spiritual atau dengan kata lain, pembangunan kerohanian pelajar melalui kesedaran terhadap elemen ekologi dengan bersumberkan al-Quran bertujuan untuk meningkatkan nilai spiritual dan penghayatan dalam aspek akidah seseorang.

Kepentingan mengkaji ayat-ayat al-Quran sebenarnya telah diulang-ulang dalam surah al-Qamar sebanyak empat (4) kali iaitu ayat 17, 22, 32 dan ayat 40 yang bermaksud:

“ Sesungguhnya telah kami memudahkan al Quran (bagi manusia) untuk jadi pengajaran. Adakah orang yang mengambil pengajaran (daripadanya)?”
(Surah al-Qamar: 54: 17, 22, 32 & 40)

Penegasan Allah SWT itu jelas membuktikan kebenaran mengkaji ayat-ayat Allah SWT akan mendatangkan impak yang sangat bermanfaat kepada manusia terutama membentuk akidah yang benar dalam diri seseorang. Menurut Mehdi Golshani dalam Abu Bakar Yang (2012), ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai alam sekitar atau ekologi boleh dibahagikan kepada lapan (8) bahagian iaitu: (1) ayat yang menggambarkan unsur-unsur penting kejadian dan menuntut manusia untuk menyingkap rahsianya (at- Thaariq 86:5); (2) ayat yang menerangkan kejadian sesuatu di alam ini dan menyuruh manusia mengkaji tentang kejadian-kejadian tersebut (al-Ghaasiyah 88:17-20); (3) ayat yang menyuruh manusia mengkaji bagaimana ia dicipta (al-Ankabut,29:20); (4) ayat-ayat yang menyuruh manusia mempelajari dan memahami fenomena alam (al-Baqarah 2: 164); (5) ayat yang menunjukkan bahawa Allah SWT bersumpah ke atas pelbagai objek alam (asy-Syams 91:1-6); (6) ayat yang menerangkan tentang kejadian alam dan kaitannya dengan Hari kebangkitan (ar-Ruum 30:19); (7) ayat yang menegaskan tentang kelangsungan keseimbangan dan teraturnya alam ciptaan Allah (al-Mulk 67:3-4) dan (8) ayat yang menegaskan keharmonian hidup manusia dan alam sekitar serta ketundukan apa yang ada di langit dan di bumi adalah untuk manusia (al-Baqarah 2:29).

Justeru itu, menghayati kejadian alam ciptaan Allah merupakan satu cara untuk mengukuhkan nilai spiritual seseorang . Semua dalil berhubung elemen ekologi yang terdiri daripada manusia itu sendiri, haiwan, tumbuhan, tanah, air, udara dan elemen yang tidak kurang penting iaitu fenomena alam seperti kejadian siang dan malam,

kejadian guruh dan petir dan banyak lagi adalah merupakan medium untuk mengenal Allah SWT dan sekali gus mampu untuk meningkatkan elemen spiritual seseorang.

1.3 Penyataan Masalah

Pendidikan yang holistik bagi melahirkan modal insan yang seimbang dalam setiap aspek sememangnya telah terkandung dengan jelas melalui kandungan FPK. Ini juga sejajar dengan matlamat pendidikan negara dan kurikulum yang dilaksanakan. Kemenjadian pelajar bukan sahaja bergantung kepada ketinggian daya intelek semata-mata, tetapi amat perlu mempunyai unsur kerohanian atau spiritual yang kuat disamping keseimbangan emosi dan jasmani. Lebih-lebih lagi cabaran dunia globalisasi pada hari ini dan keupayaan mengakses maklumat di hujung jari amat memerlukan pertimbangan diri dan kekuatan dalaman atau spiritual agar mereka tidak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif. Sehubungan itu, beberapa isu yang berkaitan dengan kekuatan spiritual pelajar menjadi fokus kajian.

Isu yang pertama dapat dilihat daripada aspek pengukuhan elemen spiritual kepada pelajar. Kajian lalu mendapati pengabaian dalam aspek spiritual (kerohanian) pelajar akan memberi kesan yang negatif kepada pelajar (Mohd Zailani Yusof, 2019). Kajian yang telah dibuat mendapati masalah disiplin yang semakin meningkat dan membimbangkan dalam kalangan pelajar khususnya di sekolah menengah (Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2016 & Saidi Daud, 2008). Kajian Asmawati Suhid (2007), menunjukkan antara faktor penyebab masalah tingkah laku sosial dalam kalangan pelajar ialah kurangnya pendidikan agama khususnya dari ibu bapa. Masalah tersebut turut mempunyai kaitan rapat dengan faktor kurangnya penghayatan agama, pengaruh persekitaran dan kelemahan dari segi amalan ibadat wajib pelajar itu sendiri (Khalim Zainal, 2008; Yuseri Ahmad 2010 dan Mashitah Sulaiman, 2011).

Selain itu, kajian lalu mendapati, masalah keruntuhan akhlak dan nilai berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan sebenar mereka diciptakan oleh Allah SWT (Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan, 2002). Begitu juga dapatan kajian Roslee Ahmad (2008) mendapati peningkatan gejala sosial dan tingkah laku seksual pelajar adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti tidak menunaikan solat, berpuasa, kurang melakukan perbuatan mengingati Allah SWT, seperti berwirid, berzikir, bermuhasabah diri dan tidak mahu mendekatkan diri kepada Allah SWT. Menurut Bergin (1991), kajian emperikal menunjukkan agama mempunyai hubungkait secara positif dengan kesihatan mental, emosi dan keberfungsian sosial.

Isu yang seterusnya ialah sejauhmanakah aspek spiritual telah ditekankan di sekolah dan sejauh manakah keberkesanannya?. Dalam perkembangan pendidikan di Malaysia, penerapan aspek spiritual sebenarnya terkandung di dalam kurikulum yang dilaksanakan di sekolah. Walaubagaimanpun, terdapat kajian lepas yang menegaskan bahawa kurikulum persekolahan arus perdana masih kurang memberi tumpuan terhadap kerohanian (Saedah Siraj, 2012). Apa yang membimbangkan, sehingga kini kita masih terus berhadapan dengan masalah-masalah sosial dalam kalangan pelajar di sekolah arus perdana seperti masalah buli, masalah disiplin, jenayah juvana, seks bebas dan ponteng sekolah (Norlidah Alias 2013; Mardzelah Mukhsin, 2012). Oleh itu, data yang menunjukkan kesalahan disiplin pelajar yang semakin meningkat adalah dengan secara tidak langsung menunjukkan nilai kerohanian yang lemah dalam kalangan remaja hari ini. Terdapat kajian yang menunjukkan antara penyebab utama berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar ialah faktor diri sendiri (Aminuddin Hehsan & Siti Noor Muhamad, 2009).

Tegasnya, kekuatan dalaman murid atau nilai spiritual yang kukuh akan mempengaruhi potensi murid secara keseluruhan. Kesan kelemahan penerapan unsur kerohanian ini ialah lahirnya generasi yang mempunyai daya intelek yang tinggi , namun gagal mengawal dan membatasi diri dari terjebak dengan isu-isu jenayah internet, sidiket penipuan, pelacuran, jenayah kolar putih dan rasuah (Sidek Baba, 2018; Norlidah Alias 2013).

Isu berikutnya ialah peranan Pendidikan Islam dalam membangunkan spiritual pelajar. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Islam dilihat sebagai satu subjek khusus yang dapat mendidik dan membimbing murid supaya menjadi insan kamil yang menyerlah dari aspek akhlak, bukan hanya sekadar di alam persekolahan malah meliputi persekitaran mereka, Falsafah Pendidikan Islam (FPI) telah menyatakan:

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran , keperibadian dan pandangan hidup , sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”.

Sehubungan itu, usaha yang berterusan untuk menseimbangkan keperluan jasmani dan kerohanian murid bukan sahaja tertumpu kepada sebahagian mata pelajaran sahaja, tetapi usaha yang bersepadau perlu dilaksanakan agar benar-benar mencapai matlamat melahirkan modal insan yang seimbang. Aspek spiritual dilihat amat penting untuk dibangunkan dalam diri pelajar kerana nilai spiritual yang kukuh dalam diri akan memberi kesan kepada corak pemikiran, amalan ibadat dan sahsiah murid. Adalah sangat jelas, pengabaian dalam aspek spiritual (kerohanian) murid akan memberi kesan yang negatif.

Menurut Bennet (1994), masalah disiplin yang semakin meningkat dalam kalangan murid adalah berkaitan rapat dengan faktor kegagalan ibu bapa dan guru-guru menerapkan gaya didikan yang mementingkan nilai dan moral yang mantap. Hasil kajian Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) jelas mendapati bahawa pemantapan iman pelajar melalui pendekatan Islam iaitu solat dan tazkirah agama mampu mengubah tingkah laku pelajar yang bermasalah. Pembangunan domain spiritual pelajar merupakan salah satu asas penting bagi melahirkan murid yang seimbang secara holistik.

Selain daripada kandungan kurikulum yang akan membangunkan potensi spiritual pelajar, guru turut berperanan sebagai agen pembangunan domain spiritual pelajar dengan bertindak sebagai penyemai keimanan serta pembentuk sahsiah dan akhlak (Habibah Ramli, 2017). Peneguhan ilmu fardhu ain yang mempunyai tiga elemen utama iaitu aspek akidah, ibadah dan akhlak mampu memberikan kesan kepada pembentukan disiplin pelajar. Elemen akidah yang akan membina hubungan ketuhanan antara pelajar dengan pencipta seterusnya mempengaruhi amal ibadah dan akhirnya mempengaruhi disiplin pelajar (Muslihah Mazlan, et.al, 2016).


Bertitik tolak dari isu-isu yang dikemukakan, fokus kajian Pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami adalah satu usaha yang strategik untuk membangunkan spiritual pelajar melalui penghayatan terhadap elemen ekologi. Ini berdasarkan pemikiran Imam Al-Ghazali (2005) yang menyarankan kesempurnaan rohani manusia yang sebenar boleh dicapai apabila manusia berkemampuan mengenali diri sendiri dengan mengawal tingkah laku berpandukan hati, menyembah Allah SWT kerana mengenali Allah serta kemampuan berinteraksi dengan alam dengan mengenali alam. Kajian Abu Bakar Yang (2012) turut menegaskan bahawa dalam al-Quran dan as-Sunnah tertulis bahawa alam sekitar dan ilmu yang berkaitan dengannya mempunyai peranan yang sangat besar kepada manusia iaitu untuk mengenal Tuhan yang menciptanya.

Kajian terhadap fenomena alam dan keajaiban-keajaiban penciptaan-Nya akan memperlihatkan kebesaran, kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT, serta memperkuatkan lagi keimanan seseorang Muslim kepada Tuhan-Nya. Terdapat kajian-kajian lepas antaranya kajian Zaharah Hussin (2008) dan Nazri Abd Rahman (2015) berhubung pembangunan kerohanian spiritual dan nilai telah menunjukkan ayat-ayat al-Quran adalah pemangkin dalam membentuk nilai dalam diri seseorang. Justeru itu, kajian terhadap dalil-dalil al-Quran berhubung ekologi bukan sahaja mampu meningkatkan nilai spiritual diri seseorang, malah mampu memberi kesedaran tentang kepentingan memelihara anugerah alam yang sangat berharga kepada kehidupan manusia.

Berdasarkan konsep Ekologi Spiritual Islami dalam konteks kajian, telah dinyatakan di dalam al-Quran bahawa tujuan Allah SWT mencipta alam adalah untuk memenuhi keperluan manusia dengan cara melaksanakan amanah sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi. Kejadian alam yang hebat dan mengagumkan bukan sahaja melahirkan manusia yang mempunyai perasaan ‘*abdi*’ kehambaan kepada Allah SWT, bahkan akan membawa kepada ‘*tauhidullah*’ (mentauhidkan Allah) seterusnya dapat mengukuhkan nilai spiritual seseorang khususnya pelajar.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian pembangunan ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Berdasarkan sorotan kajian, model ini belum dibangunkan oleh mana-mana pihak termasuklah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru itu, penghasilan model ini amat tepat dalam usaha memperkasakan elemen spiritual pelajar. Model ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar, menambah kefahaman dan memupuk potensi diri mereka tentang kesedaran ketuhanan serta tanggungjawab sebagai seorang muslim yang beriman malah bertanggungjawab terhadap alam. Ia juga sebagai wahana untuk pelajar meneroka pembelajaran dengan lebih bermakna, kreatif dan inovatif berasaskan teknologi terkini. Kajian pembangunan model ini melibatkan tiga fasa utama iaitu kajian Fasa 1 merupakan Fasa Analisis Keperluan, Fasa 2 merupakan Fasa Reka bentuk model, dan Fasa 3 ialah Fasa penilaian model. Fasa-fasa pembinaan model tersebut telah diadaptasi daripada kajian penyelidikan pembangunan yang menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research (DDR)* oleh Richey dan Klien (2007).



Rajah 1.1 Pendekatan *Design and Developmental Research (DDR)* oleh Richey dan Klien (2007)

Dengan merujuk kepada dalil al-Quran, hadis dan pemikiran cendikiawan Islam sebagai asas, menjadikan kajian pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ini amat relevan untuk dilaksanakan. Ini kerana, dengan merujuk kepada dalil al-Quran, dapat mengukuhkan spiritual dan menyuburkan proses tadbir al-Quran bukan sahaja dalam kalangan pelajar, malah dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, perbincangan kajian ini yang merangkumi ilmu al-Quran, ilmu Ekologi dan ilmu Sains akan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kekuasaan Allah SWT. Dengan itu, pengukuhan elemen spiritual dapat membentuk kemenjadian pelajar dan melahirkan individu yang seimbang dalam semua aspek iaitu jasmani, rohani, emosi dan intelektual. Pengaplikasian kaedah pembelajaran yang sesuai dan menarik juga dapat menggalakkan pelajar meneroka maklumat dan memanfaatkan input yang diperolehi untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman. Selain itu, penggunaan kaedah pembelajaran berdasarkan teknologi akan menarik minat pelajar untuk memperolehi maklumat dengan lebih mudah. Justeru kajian pembangunan model ini sangat rasional untuk dilaksanakan dan diperkembangkan.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Objektif kajian Fasa 1: Mengenalpasti keperluan pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam berasaskan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual dan pandangan pakar.
- ii. Objektif kajian Fasa 2: Mereka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam melalui analisis dokumen dan kesepakatan pakar.
- iii. Objektif Fasa 3: Menilai Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam dari retropeksi pelajar.

1.6 Soalan Kajian

Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian di atas, kajian pembangunan ini dirangka bagi menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

Fasa 1: Analisis Keperluan pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Persoalan kajian dalam fasa ini adalah:

Fasa 1 (I):

1. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?
2. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek elemen Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?
3. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek sifat Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?

Fasa 1 (II)

1. Sejauhmanakah keperluan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam menurut pandangan pakar?

Fasa 2: Reka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam melalui analisis dokumen dan pengesahan pakar. Persoalan bagi fasa ini ialah seperti berikut:

Fasa 2 (I)

1. Bagaimanakah reka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?

Fasa 2 (II):

1. Apakah aspek-aspek utama dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?
2. Apakah isi kandungan bagi setiap aspek dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?
3. Apakah dalil-dalil al-Quran yang sesuai dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?
4. Apakah medium pembelajaran yang sesuai untuk pelajar dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?
5. Apakah impak pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Fasa 3: Penilaian Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam

1. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian aspek utama dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
2. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
3. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
4. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
5. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian elemen ekologi spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
6. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
7. Apakah pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah bertujuan memberikan gambaran atau batasan-batasan tentang teori-teori yang digunakan sebagai landasan kepada penelitian yang akan dilaksanakan. Bagi Dewey (1938), kerangka teori adalah:

...A conceptual framework is an analytical tool with several variations and contexts. It is used to make conceptual distinctions and organize ideas. Strong conceptual frameworks capture something real and do this in a way that is easy to remember and apply.

Pembinaan kerangka teori bagi satu-satu kajian amat penting kerana kerangka teori dapat memandu penyelidik membuat satu penilaian yang objektif ke atas penyelidikannya (Mohd Majid Konting, 2000). Menurut Garrison (2000), teori merupakan satu penyusunan idea, konsep, dan model secara koheren dan sistematik bagi tujuan membina makna untuk menjelaskan, mentafsirkan, dan mencorakkan amalan. Penggunaan teori dalam kajian dapat memudahkan penyelidik dalam menjelaskan fenomena yang kompleks dan pada masa yang sama, mencadangkan generalisasi. Himpunan pengetahuan yang disebut sebagai teori ialah satu set pernyataan yang telah disusun dan diolah sedemikian bagi tujuan memahami fenomena dan memandu amalan (Nik Aziz NiK Pa, 2003).

Asas teori untuk kajian ini dibentuk berlandaskan kepada pemikiran tokoh Hujjatul Islam iaitu Pemikiran al-Ghazali (t.th) terhadap ekologi spiritual dengan merujuk Kitab Ihya' Ulumuddin dan analisis tematik dalil-dalil al-Quran berhubung ekologi yang diklasifikasikan sebagai pembangunan spiritual berasaskan al-Quran. Analisis tematik bagi dalil tersebut turut dirujuk berpandukan tiga (3) kitab tafsir muktabar iaitu Tafsir Ibn Kathir oleh Imam Ibn Kathir, Tafsir Ibn Abbas oleh Imam Ibn Abbas dan Tafsir al-Azhar oleh Hamka. Seterusnya, bagi mencapai objektif untuk


membina model pembelajaran, pengkaji telah merujuk Teori pembelajaran Konstruktivisme oleh Vygotsky (1978). Kajian ini juga turut disokong dengan Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005) dan Teori pembelajaran Bloom (1956) bagi melengkapkan tiga (3) aspek utama dalam model iaitu aspek kefahaman (aspek kognitif), aspek sifat (aspek afektif) dan aspek penghayatan amalan (aspek psikomotor).

Asas teori dalam mereka bentuk model ini adalah berdasarkan pemikiran Imam al-Ghazali berhubung ekologi spiritual dan merujuk kepada dalil-dalil al-Quran berhubung ekologi. Dalil-dalil berkaitan diambil daripada tematik al-Quran dan disesuaikan dengan tema kajian. Dalil-dalil tersebut digabungkan dengan asas teori yang lain bagi membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Gabungan Teori Konstruktivisme dan Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005) berdasarkan kajian Norsaleha Mohd Salleh, Ab Halim Tamuri & Salleh Amat (2013) serta Teori Pembelajaran Bloom telah dilaksanakan bagi menyesuaikan kajian sebagai sebuah model pembelajaran. Analisis pemikiran Imam al-Ghazali dan tematik al-Quran yang membentuk tema utama kajian ditunjukkan dalam rajah 1.2 di bawah.

Konsep Ekologi Spiritual	Elemen Ekologi Spiritual	Sifat Ekologi Spiritual
<ul style="list-style-type: none"> • Ayat 164 Surah Al - Baqarah • Ayat 190-191 Surah Aali Imran 	<ul style="list-style-type: none"> • Manusia • Haiwan • Tumbuhan • Tanah • Air • Angin/udara • Fenomena alam 	<ul style="list-style-type: none"> • Berfikir • Bersyukur • Bertanggungjawab • Bertakwa


Rajah 1.2 Pembangunan Spiritual Berdasarkan Pemikiran Imam Ghazali dan Analisis Tematik al-Quran Berhubung Ekologi.

Seterusnya, rajah 1.3 dan 1.4 di bawah menunjukkan adaptasi antara Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005) dan Teori Pembelajaran Bloom dalam mendasari kajian sebagai sebuah model pembelajaran.




Rajah 1.3 Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005) berdasarkan kajian Norsaleha Mohd Salleh, Ab Halim Tamuri & Salleh Amat (2013).

Proses adaptasi antara Model Penghayatan Akidah tersebut digabungkan dengan Teori Pembelajaran Bloom yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor telah membentuk tiga aspek utama Model Ekologi Spiritual iaitu aspek kefahaman, aspek sifat dan aspek Penghayatan amalan. Aspek utama tersebut digambarkan dalam Rajah 1.4 dan Rajah 1.5 pula menunjukkan kerangka teori bagi kajian ini.



Rajah 1.4 Teori Pembelajaran Bloom yang digabungkan berdasarkan Model Penghayatan Akidah oleh al-Ghazali (2005)




Rajah 1.5 Kerangka Teori

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Konseptual ini bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat atau fasa dalam kajian. Kerangka teori juga boleh diasaskan di atas mana-mana teori yang ada atau dibentuk sendiri berdasarkan kajian terdahulu. Kerangka Konseptual ini akan menjadi panduan kepada kajian yang akan dilaksanakan (Wilkinson, 1991).

Dalam kajian ini, kerangka konsep adalah gabungan teori-teori utama yang digunakan bagi membentuk konsep kajian iaitu pemikiran Imam Al Ghazali berhubung Ekologi Spiritual Islami dan dalil-dalil al-Quran berkaitan ekologi. Selain itu, pengkaji merujuk panduan kitab tafsir untuk memastikan dalil-dalil yang dipilih adalah tepat bagi membentuk konsep ekologi spiritual, elemen, sifat dan penghayatan amalan dalam model. Seterusnya kerangka konsep digabungkan dengan kaedah kajian yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Sebagaimana yang dinyatakan dalam pengenalan kajian, kajian ini menggunakan gabungan kaedah kajian berdasarkan reka bentuk kajian pembangunan model yang melibatkan tiga fasa utama iaitu Fasa 1: Fasa Analisis keperluan, Fasa 2: Fasa Reka Bentuk model dan Fasa 3: Fasa Penilaian model.

Akhir sekali, kerangka konseptual kajian menunjukkan hasil kajian atau *output* yang berjaya dihasilkan berdasarkan kajian pelaksanaan. Berpandukan kepada kerangka teori kajian yang telah dibincangkan, ia telah disusun dan digambarkan dalam satu kerangka konsepsual kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.6 di bawah.



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah kajian pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam. Secara umumnya kajian ini dapat memberi impak kepada beberapa aspek iaitu aspek pembangunan spiritual, ilmu (*knowledge*), sahsiah, amalan pembelajaran dalam kalangan pelajar, amalan pengajaran guru dan aspek kurikulum dan kokurikulum

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah dapat meningkatkan spiritual pelajar melalui penghayatan terhadap elemen ekologi. Kajian ini juga penting dalam memupuk kesedaran masyarakat khususnya golongan pelajar dan guru tentang kepentingan menjaga dan menghargai diri sendiri dan alam semulajadi sebagai mekanisma untuk melahirkan ketauhidan kepada Allah SWT. Rahsia penciptaan alam yang menakjubkan akan membawa perasaan kehambaan kepada Pencipta Alam yang Maha berkuasa dan seterusnya boleh menghalang seseorang daripada melakukan kemungkaran. Malah boleh mencegah diri dari sengaja melakukan kerosakan di muka bumi demi kepentingan sejagat. Justeru itu, kajian ini dapat memberi mengukuhkan elemen spiritual diri, dan memupuk ketauhidan kepada Ilahi melalui elemen ekologi.

Seterusnya, hasil daripada kajian ini juga dapat menambah kajian-kajian ilmiah sedia ada tentang konsep Ekologi Spiritual Islam. Kajian ini akan menambah maklumat dan boleh dijadikan panduan dalam mengintegrasikan ilmu Islam yang bersumberkan al-Quran, hadis serta kajian ilmuan Islam berhubung alam. Selain itu, kajian ini sebagai input kepada peranan akal dan intelek untuk memikirkan rahsia sebenar di sebalik penciptaan alam yang sangat menakjubkan.

Di samping itu juga, pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami yang dijalankan ini memberi kepentingan terhadap pemantapan kurikulum dan kokurikulum dalam Pendidikan Islam. Kajian ini dapat memberi dimensi baru untuk dijadikan sebagai salah satu bahan yang boleh diserapkan, ditambah dan dikukuhkan lagi di dalam sukatan mata pelajaran.

Kajian ini boleh diketengahkan sebagai kandungan tambahan bagi pembinaan polisi kurikulum pada masa akan datang atau dengan kata lain ia boleh dijadikan kurikulum masa depan. Walaupun tidak dinafikan konsep ini sebenarnya telah ada di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan secara tidak langsung, sebenarnya ia amat perlu untuk diketengahkan sebagai satu tajuk yang tersendiri dan dibincangkan secara lebih mendalam.

Konsep ini juga sepatutnya diintegrasikan dan diserap dengan mata pelajaran yang lain seperti Sains, Geografi, Biologi dan sebagainya. Ini kerana Islam tidak memisahkan nilai kerohanian dengan kehidupan manusia. Malah kejadian alam amat berkait dengan kehidupan manusia dan pastinya melalui pendidikan dan penyebaran ilmu akan melahirkan nilai tauhid kepada Allah SWT.

Selain itu, kajian ini juga amat memberi impak kepada perlaksanaan aktiviti kokurikulum. Pembangunan model ini dapat dijadikan panduan untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan lebih bermakna. Contohnya guru dan pelajar dapat mengaplikasikan proses pembelajaran secara '*learning by doing*' iaitu dengan merancang dan melaksanakan aktiviti berdasarkan ekologi, mengkaji kepentingan tumbuhan, air dan tanah melalui program menanam pokok, membersihkan sumber air dan alam sekitar. Program tersebut digabung jalin dengan aktiviti yang menerapkan konsep ekologi spiritual ini. Kajian ini boleh diserapkan di dalam sukatan oleh

Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mencapai matlamat pendidikan iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Selain itu juga, kajian ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam tentang kepentingan untuk mengintegrasikan Pendidikan Islam dengan disiplin ilmu yang lain seperti Sains, Geografi, Sejarah dan lain-lain di samping menerapkan konsep ketuhanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara langsung kajian ini boleh diaplikasikan sebagai sumber rujukan kepada guru-guru untuk mengaitkan pengajaran kepada unsur-unsur alam dan prinsip tauhid. Selain itu, kajian ini turut dapat dijadikan bahan untuk diaplikasikan di dalam program-program dan aktiviti kokurikulum.

Pihak kementerian juga boleh menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan kepada latihan-latihan perguruan dan diimplementasikan kepada bakal guru ke arah melahirkan guru yang mempunyai pemikiran kritis dan berdasarkan kefahaman yang jitu terhadap kekuasaan Allah SWT.

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Pembangunan Model

Menurut Hassan Langgulung (1979), model adalah sebagai satu alat untuk menilai secara kualitatif bagaimana sesuatu sistem itu berlaku. Manakala Kamus Oxford pula mendefinisikan model sebagai,

A three-dimensional representation of a person or thing or of a proposed structure, typically on a smaller scale than the original .

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, model bermaksud reka bentuk sesuatu barang yang dikeluarkan. Menurut Tracey & Morrow (2006), model merupakan satu bentuk

kONSEPSI yang digambarkan dalam bentuk grafik bagi pembaca mudah memahami proses kerja atau aktiviti yang dimaksudkan pengkaji.

Nazri Abd Rahman (2015) menyatakan model ialah suatu bentuk gambaran yang mewakili teori dengan menunjukkan pembolehubah yang terkandung di dalamnya dan wujudnya kaitan antara pembolehubah tersebut. Hirokawa dan Poole (1996) menerangkan bahawa model merupakan perwakilan konsepsi tentang suatu benda atau fenomena, ia mewakilkan semula ciri-ciri penting bagi suatu benda atau fenomena dan menunjukkan bagaimana bahagian-bahagian tertentu berkait antara satu sama lain (Nik Aziz Nik Pa, 2003). Dalam konteks kajian ini, pembangunan model yang dimaksudkan adalah pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

1.10.2 Ekologi Spiritual Islami

Ekologi menurut Wikipedia Bahasa Melayu, merupakan salah satu cabang sains yang mengkaji habitat dan interaksi di antara benda hidup dengan alam sekitar. Perkataan ini telah dipopularkan oleh pakar Biologi Jerman dan pengikut Darwin pada tahun 1866 Ernst Haeckel dari perkataan Greek (*oikos* bererti "rumah" dan *logos* bererti "sains"). Kini, istilah ekologi ini telah digunakan secara meluas dan merujuk kepada kajian saling hubungan antara organisma dengan persekitaran dan juga saling hubungan dalam kalangan kumpulan organisma itu sendiri. Justeru, Ekologi Spiritual merupakan gabungan dua perkataan iaitu ekologi dan spiritual. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (DBP, 2007), ekologi bermaksud kajian tentang hubungan antara organisma hidup dengan persekitarannya atau dengan kata lain, ia juga bermaksud hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran. Manakala perkataan spiritual pula bermaksud berkaitan dengan atau bersifat rohani atau jiwa (bukan bersifat fizikal).

Dari aspek konsep Ekologi Spiritual Islam, ia menjurus kepada hubungan antara manusia dan alam, fungsi diciptakan alam dan fungsi hidup yang betul atau dengan kata lain matlamat kehidupan yang sebenar (Eko Asmanto,2015). Berdasarkan kajian Fachruddin M. Mangunjaya, Husain Heriyanto & Reza Gholami (2007) menjelaskan fahaman Ekologi Spiritual Islam adalah merangkumi tugas manusia terhadap alam, hakikat alam sebagai ciptaan Allah SWT, fungsi alam dan hubungan manusia dalam memelihara alam berdasarkan pandangan agama Islam. Dalam konteks kajian ini, Model Ekologi Spiritual Islami merupakan satu konsep pembangunan spiritual melalui penghayatan terhadap elemen ekologi bertujuan untuk meningkatkan elemen spiritual pelajar.

1.10.3 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran yang terkandung di dalam kurikulum pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Dalam konteks kajian ini, penyelidikan kajian adalah kepada kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah. Menurut Ibnu Khaldun (2000), Pendidikan Islam merupakan suatu pendidikan yang mempunyai hubungan yang erat dengan Allah SWT. Ia bukanlah pendidikan yang dibina berdasarkan pemikiran dan kenyataan-kenyataan yang berlaku di sekeliling manusia semata-mata, bahkan ia adalah pendidikan yang mengembalikan manusia kepada penciptaNya serta bertujuan untuk kebahagiaan manusia di alam dunia dan seterusnya kebahagiaan yang hakiki di alam akhirat.

Seterusnya an-Najar (1990), mengatakan bahawa Pendidikan Islam ialah proses memberikan pendidikan berdasarkan ajaran Islam. Drs. Burlian Somad (1989), menyatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan aktiviti atau kegiatan yang bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti yang

baik dan bernilai tinggi mengikut kacamata Islam. Pendidikan Islam juga membentuk rasa anak didik menjadi halus dan tajam sehingga mampu mencintai Allah SWT serta merasa sangat takut mendapat azab Allah SWT.

Kesimpulannya Pendidikan Islam ialah suatu proses mendidik dan melatih aqal, jasmani dan rohani manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan al-Sunnah, pengalaman salaf al-saleh serta ilmu muktabar untuk melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan di akhirat. Dalam konteks kajian ini, Pendidikan Islam dilihat sebagai satu mata pelajaran yang mengandungi unsur spiritual dalam kurikulum dan pengamatannya.

1.11 Batasan Kajian

Dalam kajian berkaitan ilmu berdasarkan al-Quran, terdapat banyak dalil al-Quran yang menerangkan tentang ekologi. Oleh yang demikian, kajian ini hanya terbatas kepada dalil-dalil al-Quran yang dipilih bagi mereka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Antaranya ayat yang menerangkan konsep ekologi spiritual Islam iaitu ayat 164 di dalam Surah al-Baqarah, ayat 190-191 dalam Surah aali-Imran. Selain itu, dalil-dalil yang berkaitan dengan elemen ekologi spiritual, sifat-sifat ekologi spiritual dan ayat berkaitan aspek penghayatan amalan yang akan diterangkan dalam perbincangan bab seterusnya.

Kajian ini juga memfokuskan analisis terhadap pemikiran al-Ghazali berhubung ekologi spiritual. Dengan merujuk kepada kitab *Ihya' Ulumuddin*, jilid ke 4 dengan penghususan bab 33 iaitu bab berfikir, kajian ini hanya terbatas bagi melihat idea-idea yang berkaitan dan tidak membincangkan pemikiran beliau dalam bidang lain.

Selain itu, kajian ini juga adalah terbatas untuk membangunkan satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum untuk Pendidikan Islam di sekolah menengah. Justeru itu, sampel kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Islam tingkatan 4 di sekolah terlibat dan pakar-pakar yang berpengalaman dalam bidang Pendidikan Islam dan ekologi yang bersetuju dengan permohonan pengkaji untuk dilantik menjadi pakar.

1.12 Kesimpulan

Perbincangan bagi bab ini merupakan suatu gambaran awal bagi aspek penting pra kajian. Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang kajian Pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Selain itu, turut dibincangkan kerangka dan konseptual kajian serta definisi operasional, batasan kajian dan akhirnya berkenaan kepentingan kajian ini untuk dilaksanakan. Bab awal ini merupakan sebagai pengenalan kajian secara menyeluruh seterusnya diikuti perbincangan berikutnya dalam bab 2 iaitu kajian literatur, bab 3 metododologi kajian, bab 4 dapatan kajian dan bab akhir iaitu bab 5 perbincangan, implikasi dan cadangan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengulas literatur berkaitan ekologi menurut perspektif Islam, pembangunan spiritual, konsep ekologi spiritual, perbezaan ekologi menurut perspektif Islam dan Barat serta konsep ekologi spiritual dalam sukanan pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Turut dibincangkan ialah perincian teori-teori kajian , aspek utama pembangunan model dan akhir sekali dibincangkan sorotan kajian lepas berkaitan konsep dan juga penutup.

2.2 Ekologi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (DBP, 2007), ekologi bermaksud kajian tentang hubungan antara organisme hidup dengan persekitarannya atau dengan kata lain, ia juga bermaksud hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran. Ekologi merupakan ilmu daripada cabang sains yang mengkaji habitat dan interaksi di antara benda hidup dengan alam sekitar. Perkataan ini dicipta pada tahun 1866 oleh pakar biologi Jerman dan pengikut Darwin yang bernama Ernst Haeckel. Ekologi berasal dari perkataan Greek iaitu *oikos* yang bermaksud "rumah" dan *logos* bermaksud "sains".

Kini, istilah ekologi ini telah digunakan secara meluas dan merujuk kepada kajian saling hubungan antara organisme dengan persekitaran dan juga saling hubungan dalam kalangan kumpulan organisme itu sendiri. Alam sekeliling merangkumi kedua persekitaran abiotik iaitu benda bukan hidup seperti cuaca dan geologi dan persekitaran biotik iaitu benda hidup seperti tumbuhan dan haiwan. Kebanyakan penyelidikan ekologi menumpu kepada taburan dan jumlah organisma dan bagaimana ini mempengaruhi ciri dan sifat alam sekitar;

pengaruh organisma terhadap alam sekitar, dan pengaruh alam sekitar terhadap organisma tersebut.

Maksud ekologi yang lebih jelas diterangkan oleh Abu Bakar Yang (2012) iaitu satu disiplin ilmu yang mengkaji mengenai hubung kait antara spesies dengan spesies yang lain, hubung kait antara haiwan dengan tumbuhan, hubung kait antara suatu hidupan dengan alam persekitarannya, hubung kait antara satu ekosistem dengan ekosistem yang lain dan pelbagai jenis hubung kait lagi , dan tidak terkecuali manusia sebagai salah satu makhluk yang juga berada dalam sistem ekologi itu sendiri.

Menurut Ibrahim Mamat (2000), ekologi ialah hubungan antara organisme hidup seperti manusia dan haiwan dengan persekitarannya, manakala ekosistem ialah cara interaksi antara satu kumpulan hidupan seperti haiwan dan tumbuhan dengan persekitarannya yang tidak bernyawa. Ini bermakna dalam menghuraikan alam sekitar, bukan sahaja hidupan atau benda itu yang dipentingkan bahkan hubungan antara mereka juga sama pentingnya.

2.3 Ekologi Spiritual Islam

Definisi ekologi menurut perspektif Islam adalah merangkumi hubungan antara semua makhluk ciptaan Allah SWT bukan hanya hubungan antara manusia, tumbuhan, haiwan semata-mata tapi segala hal yang meliputi ketiga elemen tersebut. Definisi tersebut mempunyai hubungan dengan Ekologi Spiritual Islam, iaitu menjurus kepada hubungan antara manusia dan alam, fungsi diciptakan alam dan fungsi hidup yang betul atau dengan kata lain matlamat kehidupan yang sebenar (Eko Asmanto,2015).

Berdasarkan kajian Fachruddin M. Mangunjaya, Husain Heriyanto & Reza Gholami (2007) menjelaskan fahaman Ekologi Spiritual Islam adalah merangkumi tugas manusia terhadap alam, hakikat alam sebagai ciptaan Allah SWT, fungsi alam dan hubungan manusia dalam memelihara alam berdasarkan pandangan agama Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah Al Baqarah ayat 164:

Bermaksud: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

(Surah al-Baqarah: 2: 164)

Dalam menafsirkan ayat di atas, Hamka menyuruh manusia untuk mengenal Allah SWT dengan memperhatikan alam ciptaanNya . Bahawa dalam kejadian langit dan bumi, perubahan malam dan siang, dan pelbagai lagi fenomena alam adalah bertujuan agar manusia memikirkan secara serius hal tersebut sehingga manusia dapat mengetahui segala rahsia yang ada di alam. Begitu juga dengan kejadian air hujan yang memberi manfaat bagi kehidupan tumbuh-tumbuhan, binatang, mahupun manusia itu sendiri dan kesemuanya harus dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Imam Al-Qurthubi pula menjelaskan, manusia diperintahkan untuk meneliti dan mengambil iktibar daripada proses kejadian alam termasuk langit, bumi, pertukaran siang dan malam, udara dan pelbagai jenis binatang. Semua kejadian Allah tersebut dapat memberikan manfaat yang sangat besar kepada manusia sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini. Sementara itu menurut Mustafa Al-Maragi, sebilangan ulama mengatakan bahawa Allah SWT memiliki dua (2) kitab iaitu kitab yang berupa alam semesta (termasuk lingkungan hidup) dan kitab yang diwahyukan kepada Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW berupa al-Quran. Maka sesiapa yang dapat mengambil pengajaran daripada keduanya maka akan memperolehi kebahagian dunia dan juga ukhrawi dan begitu pula sebaliknya. Berdasarkan keterangan di atas dapat kita simpulkan bahawa ekologi adalah segala sesuatu kehidupan yang Allah

SWT ciptakan di dunia ini meliputi seluruh komponen berupa air, udara, dan tanah termasuk segala sesuatu yang hidup di dalamnya. Kesemua itu Allah SWT ciptakan dengan penuh harmoni untuk kemaslahatan umat manusia dan agar manusia sentiasa berfikir dan merenung tentang kehebatan Allah SWT.

Justeru, hubungan manusia dengan alam atau makhluk lain, pada dasarnya mempunyai dua (2) prinsip, iaitu: pertama, kewajiban menggali dan mengelola alam dengan segala kekayaannya; dan kedua, manusia sebagai pengelola alam tidak dibenarkan merosakkan alam kerana ianya akan merosakkan kehidupan umat manusia itu sendiri. Manusia diperintahkan untuk memanfaatkan dan memakmurkan alam semesta yang diciptakan oleh Allah SWT. Oleh itu, memakmurkan alam semesta dengan menjaganya dan memanfaatkannya secara baik adalah juga satu ibadat yang diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT.

Prinsip pertama, Allah SWT berfirman dalam al-Quran Surat Hud ayat 61:

Bermaksud: Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".

(Surah Hud: 11: 61)

Seterusnya prinsip yang kedua, iaitu manusia dilarang merosak alam. Prinsip ini telah ditegaskan oleh Allah SWT melalui berbagai ayat dalam al-Quran, di antaranya dalam Surah al-A'raf ayat 56:

Bermaksud: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.

(Surah al-A'raf: 7: 56)

Berdasarkan ayat di atas, dapatlah difahami dengan jelas bahawa konsep ekologi spiritual Islam menyentuh hubungan manusia dengan alam yang tidak dapat dipisahkan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara dan memulihara alam yang dianugerahkan Allah SWT kepada kita ini. Apa yang dikemukakan di atas merupakan prinsip dasar hubungan manusia dengan alam sekitar, iaitu prinsip memanfaatkan dan sekaligus melestarikan alam. Agama Islam memberi motivasi kepada manusia untuk mewujudkan kedua hubungan itu dengan sebaik-baiknya.

2.4 Ciri-Ciri Ekologi Spiritual Islam

Kajian Barat dalam disiplin ilmu ekologi telah mencetuskan kepada beberapa aliran pemikiran antaranya fahaman environmentalisme yang berasaskan pandangan saintifik moden Barat yang sekular Zaini Ujang (1993) dan Abu Bakar Yang (2012). Secara dasarnya, pemikiran tersebut tidak berpaksikan kepada kepercayaan dan tauhid kepada Pencipta sebenar alam iaitu Allah SWT. Mereka menerima kehebatan fenomena kejadian alam tetapi tidak mengakui kehebatan Allah SWT sebagai pencipta alam.

Secara keseluruhannya, kajian Barat berhubung alam akan menolak kewujudan Allah SWT atau Pencipta tetapi menerima bahawa setiap keajaiban alam dan ciptaan makhluk yang berlaku adalah secara semulajadi . Contohnya pandangan Charles Robert Darwin, seorang naturalis amatir yang menyangka bahawa asal kehidupan dan spesies adalah berlandaskan konsep “ adaptasi kepada persekitaran”. Menurut Darwin, spesies-spesies ini bukannya diciptakan oleh Allah SWT, tetapi sebaliknya datang daripada satu moyang dan kemudiannya menjadi berbeza di antara satu sama lain disebabkan oleh keadaan-keadaan semulajadi (Harun Yahya,2002). Teori Evolusi Darwin ini merupakan contoh yang jelas menujukkan asas pemikiran ekologi spiritual barat iaitu kejadian makhluk adalah proses semulajadi dan

meletakkan manusia pada kedudukan yang sama dengan haiwan. Ianya amat berbeza dengan fahaman Ekologi Spiritual Islami yang menyakini Allah sebagai pencipta makhluk dan kejadian manusia yang istimewa berbanding makhluk lain.

Sebenarnya, walaupun saintis Barat sendiri yang mengakui kejanggalan teori yang dikemukakan oleh Darwin dan saintis Barat yang lain, namun oleh kerana sokongan dan dokongan saintis Barat yang materialis, teori tersebut telah diterima dan mempengaruhi pemikiran masyarakat. Pandangan Barat tersebut amat bertentang dengan pandangan Islam yang mengakui setiap kejadian yang berlaku mempunyai Pencipta alam yang sebenar iaitu Allah SWT, sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Alaq ayat 1 dan 2:

Bermaksud: Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang Menciptakan:
Dia telah mencipta manusia dari segumpal darah.”
(Surah al-Alaq: 96: 1-2)

Seterusnya firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 20:

Bermaksud: Katakanlah Wahai Muhammmad: Berjalanlah kamu di muka bumi, lalu diperhatikanlah, bagaimana Allah SWT memulai kejadian, kemudian Allah SWT mengadakan kejadian yang akhir (akhirat). Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.
(Surah al-Ankabut: 29: 20)

Selain itu, kajian Barat juga telah menafikan hak keistimewaan kejadian ciptaan manusia sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran, antaranya melalui firman Allah SWT dalam surah at-Tiin ayat 4:

Bermaksud: Sesungguhnya Kami (Allah SWT) ciptakan manusia dengan sebaik-baik bentuk.
(Surah at-Tiin: 95: 4)

Terdapat tiga (3) kumpulan ahli sains di Barat berkaitan dengan kejadian alam. Kumpulan yang pertama iaitu mereka yang tidak percaya adanya pencipta, kumpulan ini mengutarakan teori mekanis atau teori teori ubahansur iaitu proses perubahan dan pembangunan, dilaksanakan oleh mekanik tanpa tujuan. Kebanyakan mereka

terpengaruh dengan fahaman sosialisme dan berpendapat alam hayat adalah kebetulan. Kumpulan kedua iaitu kumpulan yang berpegang kepada teori penciptaan yang percaya adanya pencipta tetapi mereka hanya berhujah dengan dalil saintifik dan menolak hujah al-Quran dan al-Hadis yang menerangkan kebenaran Pencipta dan Rasul yang diutuskan untuk memberitahu manusia apa peranannya, siapa penciptanya dan tujuan hidup. Kebanyakan mereka adalah beragama Kristian. Manakala kumpulan ketiga pula ialah yang berpegang kepada teori evolusi kreatif, mereka menerima teori evolusi dan mendakwa bahawa evolusi itu dipandu oleh Tuhan (Sulaiman, 1995). Mereka telah menerima Teori Evolusi yang dikemukakan Darwin, yang telah menyamakan proses kejadian manusia dengan haiwan. Teori evolusi tersebut telah menggambarkan spesies-spesies ringkas dari semasa ke semasa yang akhirnya membawa kepada perubahan menerusi mutasi dan sebagainya sehingga menjadi spesies yang lebih tinggi dan kompleks.

Jelas menunjukkan, fahaman tersebut telah meletak manusia sama taraf dengan spesies haiwan yang lain. Persamaan ini dilihat misalnya dari segi sistem taksonomi, sehingga manusia dikelaskan dalam kumpulan *Homo sapien*. Kekeliruan tentang fahaman evolusian dan penipuan teori Darwin telah diperjelaskan dengan terperinci oleh Harun Yahya yang berkongsi pandangan beliau terhadap kewujudan dan kesatuhan Allah SWT. Menurut beliau, asal usul kepercayaan evolusi ini adalah seiring dengan kepercayaan yang menolak kewujudan ciptaan (Allah SWT).

Teori tersebut mendakwa bahawa setiap benda, sama ada yang hidup atau tidak, telah muncul tanpa suatu gerakan daripada ciptaan tetapi hanyalah hasil daripada sebuah kebetulan yang kemudiannya tersusun mengikut keadaan. Walaubagaimanapun, teori tersebut jelas ditolak oleh Islam berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al- Qamar: ayat 49:

Bermaksud: Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan.
(Surah al-Qamar: 54: 49)

Seterusnya firman Allah SWT dalam surah ar-Rad ayat 8:

Bermaksud: Allah SWT mengetahui akan apa yang dikandung oleh setiap ibu dan Allah SWT juga mengetahui apa yang kurang dari apa yang dikandung dalam rahim seseorang ibu atau yang lebih. Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan disisi Nya kadar yang tertentu.

(Surah ar-Rad: 13: 8)

Jelasnya, kajian-kajian tersebut tidak membawa kepada mengenal ‘Pencipta’ yang sebenar, mereka hanya percaya kepada penelitian dan eksperimen semata-mata. Mereka yakin dengan fenomena yang mereka lihat dengan mata kepala dan melupakan siapa di sebalik fenomena itu (Shihab, 2012). Pandangan tersebut amat bertentangan dengan ajaran Islam yang mana setiap kejadian akan membawa kepada mengakui keesaan dan kebesaran Allah SWT serta tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Kajian-kajian tersebut amat berbahaya kerana akan mendorong masyarakat ke arah tidak mempercayai konsep ketuhanan.

Menurut pandangan Zaini Ujang dalam Abu Bakar Yang (2012), terdapat sekurang-kurangnya 11 konsep dalam prinsip ekologi Islam, iaitu: Kosmologi atau Konsep Alam, Konsep Khalifah, Konsep Amanah, Konsep Rahim, Konsep Keadilan, Konsep Mizan atauimbangan, Konsep Tawazun atau perimbangan, Konsep Fasad , Konsep Jamal atau keindahan, Konsep Nasim atau kesegaran dan Konsep Kekudusan. Kesemua konsep ini penting untuk menunjukkan bagaimana Islam meletakkan nilai alam sekitar sebagai salah satu daripada unsur penting dalam aspek akidah, fekah dan tasawuf.

Rahsia kejadian alam merupakan antara perkara penting yang dinyatakan di dalam al-Quran dan al-hadis Rasulullah SAW. Ini memberikan gambaran bahawa kejadian alam yang begitu unik, hebat dan teratur ini perlu direnung, difikirkan, diteliti

dan dikaji seterusnya digunakan sebaiknya. Tuntutan al-Quran agar kita sentiasa berfikir dengan proses kejadian alam, keseimbangan fungsi komponen-komponen alam sebenarnya membawa kepada mengenali dan mengakui kekuasaan pencipta alam yang sebenar.

Keperluan terhadap kajian ini sebenarnya amat berkait rapat dengan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh Barat terhadap kehebatan alam dan pengiktirafan mereka terhadap fenomena alam yang memberi kesan terhadap pembangunan diri dan kepercayaan manusia. Walau bagaimanapun, menurut perspektif Islam, kajian tersebut tidak mencapai tujuan sebenar di sebalik penciptaan alam yang unik dan mengagumkan Terdapat lima (5) ciri utama ekologi Barat yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam iaitu: (i) Tidak ada konsep alam ghaib yang melibatkan tuhan, malaikat, hari kiamat, syurga, neraka dan sebagainya; (ii) Menyamakan taraf manusia dengan spesies lain; (iii) Pendekatannya adalah bersifat semasa; (iv) Melahirkan ideologi ‘environmentalisme’ dan dianggap seolah-olah seperti agama baru di Barat; (v) Bebas daripada pengaruh keimanan, agama samawi dan falsafah ketuhanan. Jadual berikut menerangkan perbezaan antara ciri-ciri ekologi Islam dan Barat yang diubahsuai daripada pandangan (Abu Bakar Yang, 2012).

Ciri –ciri Ekologi Spiritual Islam adalah seperti berikut:

1. Mempunyai konsep alam ghaib yang melibatkan tuhan, malaikat, hari kiamat, syurga, neraka dan sebagainya.
2. Tidak menyamakan taraf manusia dengan spesies lain(manusia adalah sebaik-sebaik kejadian)
3. Pendekatannya adalah bersifat sesuai pada sepanjang masa.
4. Bukan ideologi atau agama yang baru.
5. Mempunyai pengaruh keimanan, agama samawi dan falsafah ketuhanan.

Manakala ciri-ciri Ekologi Spiritual Barat ialah :

1. Tidak ada konsep alam ghaib yang melibatkan tuhan, malaikat, hari kiamat, syurga, neraka dan sebagainya.
2. Menyamakan taraf manusia dengan spesies lain.
3. Pendekatannya adalah bersifat semasa.
4. Melahirkan ideologi ‘*environmentalisme*’ dan dianggap seolah-olah seperti agama baru di Barat.
5. Bebas daripada pengaruh keimanan, agama samawi dan falsafah ketuhanan.

Pandangan ini jelas membuktikan bahawa, walaupun terdapat kajian Barat terhadap ekologi dan spiritual manusia, tetapi hasil kajian mereka tidak mencapai nilai ketauhidan kepada Pencipta alam yang sebenar iaitu *makrifatullah*. Fenomena alam yang menakjubkan sebenarnya mengajak manusia yang berakal untuk berfikir tentang kekuasaan Allah SWT, pencipta sebenar keajaiban-keajaiban alam tersebut. Akal manusia yang rasional sebenarnya mengakui keterbatasan manusia untuk mencipta seumpamanya. Adalah mustahil, manusia dapat mencipta laut, langit, cakerawala, gunung-gunung malah di dalam diri manusia sendiripun terdapat berbagai keajaiban yang tidak mampu dirungkaikan. Kehebatan penciptaan alam menunjukkan kehebatan Penciptanya dan seterusnya pengkajian tentang alam membawa diri kepada

pengabdian diri kepada Pencipta dan mengisafi kelemahan diri manusia (Abu Bakar Yang, 1998). Firman Allah SWT di dalam al-Quran Surah at-Zariyaat ayat 20 hingga 21:

Di bumi ada beberapa ayat (dalil-dalil kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin. Begitu pula pada dirimu sendiri. Apa tiidakah kamu memerhatikannya?. (Surah at-Zariyaat: 51: 20 & 21)

Dalil tersebut dikuatkan lagi dengan firman Allah SWT dalam surah as-Sajdah ayat 4 yang jelas menunjukkan segala kejadian alam semuanya cukup teratur, membuktikan bahawa wujudnya kuasa mutlak dan tidak terjadi dengan sendiri sebagaimana yang didakwa oleh golongan sesat dan Atheis (Abd. Latif, 1999).

Kita sebagai manusia sebenarnya memiliki kebijaksanaan yang dapat kita gunakan bagi memahami diri dan dunia di sekeliling kita. Menurut Howard Gardner dalam bukunya, *The Unschooled Mind*, beliau mengatakan kebijaksanaan ini disebut sebagai *Multiple Intelligences*. Dikatakan terdapat tujuh (7) kebijaksanaan yang dapat digunakan oleh manusia bagi mendekati dunia sekelilingnya. Antara tujuh (7) jenis kebijaksanaan itu termasuk bahasa, analisa logik matematik (*logical mathematical analysis*), muzik, penggunaan jasmani bagi mencipta ataupun membina sesuatu, memahami diri, dan orang lain. Pemahaman kita kepada alam sekeliling, dapat membawa kita proses mengenali Allah SWT yang Maha Berkuasa. Ia juga dapat menguatkan batin kita supaya melangkah secara benar dan mengambil pelajaran daripada daripada apa yang kita kenal dan saksikan.

Banyak ayat Allah SWT yang mengajak dan menuntut manusia memerhatikan dan mengenal sekelilingnya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 164:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, bahtera-bahtera yang belayar di laut dengan membawa apa yang berguna untuk manusia, dan apa yang Allah SWT turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan dan suburkan bumi selepas kering. Dia sebarkan dibumi segala jenis haiwan, pengisaran angin serta awan antara langit dan bumi. Pada semua itu terdapat ayat-ayat untuk kaum yang berakal.

(Surah al-Baqarah: 2: 164)

Kejadian alam yang mempunyai fungsi tersendiri sebenarnya tunduk kepada ‘sunatullah’ iaitu setiap yang berlaku mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah az-Zumar ayat 62:

Bermaksud: Allah SWT yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang mentadbirkan serta menguasai segala-galanya.

(Surah az-Zumar: 39: 62)

Walaubagaimanapun, masih ramai dalam kalangan manusia yang tidak mahu berfikir dan mengambil pengajaran daripada tanda-tanda kekuasaan Allah SWT. Sikap orang yang tidak mahu berfikir dan menerima petunjuk Allah SWT telah digambarkan dalam surah al-A’raf ayat 146:

Aku akan memalingkan daripada ayat Ku orang-orang yang angkuh di bumi tanpa hak. Mereka itu, sekiranya mereka melihat setiap ayat, mereka tidak beriman kepadaNya. Dan sekiranya mereka melihat jalan petunjuk ,mereka tidak menjadikannya jalan. Tetapi, sekiranya mereka melihat jalan kesesatan, mereka menjadikannya jalan. Itu disebabkan mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka selalu lalai kepadaNya.

(Surah al-A’raf: 7: 146)

Melihat kepada kejadian manusia sebenarnya telah dapat membawa kepada mengenali kekuasaan Allah SWT. Walau bagaimanapun, kehebatan dan kekuasaan Allah SWT hanya akan diperakui oleh manusia yang mahu memerhatikan dan berfikir. Mereka yang enggan mengambil peluang ini dikecam oleh Allah SWT dalam surah al-Ghashiyah ayat 17-20:

Bermaksud: Adakah mereka tidak memerhatikan bagaimana unta diciptakan? Dan langit bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-gunung, bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi, bagaimana ia dihamparkan?”
(Surah al- Ghashiyah: 88: 17-20)

Allah SWT juga mengecam sesiapa yang tidak mahu berfikir dengan bukti-bukti yang ditunjukkan oleh Nya sebagaimana disebut dalam Surah aali-Imran ayat 190:

Bermaksud: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi,dan silih bergantinya malam dan siang,terdapat tanda-tanda untuk orang yang berakal. Sungguh celaka sesiapa yang membacanya,tetapi tidak memikirkannya.

(Surah aali-Imran: 3: 190)

2.4 Pembangunan Spiritual Dalam Islam

Dalam membincangkan maksud spiritual, ianya amat berkaitan dengan atau bersifat rohani atau jiwa (bukan bersifat fizikal). Berdasarkan kajian Mohd Suhardi Mat Jusoh & Mohd Farid Mohd Sharif (2018) telah menerangkan dalam perspektif *tarbiah Islamiyyah*, pembentukan nilai dan kecemerlangan insan berteraskan aspek kesucian hati merupakan asas terpenting yang menentukan keberhasilan dan kejayaan dalam proses pembangunan manusia. Asas ini berbeza dengan sistem sekular yang hanya memberi tumpuan pada akal dan jasad sahaja. Kesannya, proses penilaian terhadap pencapaian dan pembangunan manusia menjadi lebih rumit dan sukar ditentukan iaitu adakah seseorang itu telah membangun secara seimbang dan menyeluruh dalam konteks pendidikan semasa hari ini.

Menurut Said Hawa (t.th) dalam Kitab *Tazkiyatun Nafs* yang merupakan ringkasan daripada Kitab *Ihya' Ulumuddin* Imam Ghazali telah membuat rumusan berhubung spiritual manusia dengan menyatakan jiwa manusia sentiasa diuji dengan penyakit-penyakit mazmumah di dalam jiwa contohnya rasa malas beribadah, ingin melakukan kejahatan, sifat riya', ujub dan sompong serta sifat-sifat lain yang menyalahi syariat. Oleh kerana itu, menyucikan dan membersihkan jiwa dari

berbagai penyakit hati ini merupakan suatu kewajipan sebagaimana yang Allah SWT nyatakan dalam al-Quran iaitu Allah SWT sangat menyukai hamba-hamba-Nya yang menyucikan jiwa dan sangat membenci hamba-hamba-Nya yang mengotori jiwa dengan kemaksiatan.

Merujuk petikan daripada kajian Zaharah Hussin (2012):

“ Spirituality refers to a belief in a higher power, an awareness of life and its meaning, the centering of life a person with purpose in life. It involves relationships with a higher being, with self, and with the world around the individual. Spiritual implies living with moral standards.”

Jelas menunjukkan aspek kerohanian memainkan peranan yang amat bermakna dalam proses pembangunan manusia kerana ia dapat membentuk tingkah laku, tindakan dan keputusan seseorang dan dengan itu juga, krisis kejiwaan yang berlaku dapat diatasi jika manusia kembali kepada ajaran-ajaran agama dengan melakukan penyucian jiwa seperti yang disarankan oleh al-Quran. Bagi memenuhi objektif ini, maka semestinya aspek pembangunan spiritual perlu dijadikan teras utama dalam konteks pelaksanaan Pendidikan Islam sama ada yang berbentuk formal atau informal. Justeru itu, kajian ini merupakan satu pemangkin dalam membangunkan spiritual pelajar agar menepati ajaran Islam yang sebenar.

2.5 Konsep Ekologi Spiritual Islami Dalam kajian

‘Ekologi Spiritual’ merupakan gabungan dua perkataan dasar iaitu Ekologi dan Spiritual. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (DBP, 2007), ekologi bermaksud kajian tentang hubungan antara organisma hidup dengan persekitarannya atau dengan kata lain, ia juga bermaksud hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran. Manakala perkataan spiritual pula bermaksud berkaitan dengan atau bersifat rohani atau jiwa (bukan bersifat fizikal).

Dalam konteks kajian ini, konsep Ekologi Spiritual Islami merupakan satu konsep pembangunan spiritual pelajar dengan bersumberkan pemikiran Imam Al Ghazali berhubung ekologi spiritual, dan dalil-dalil al-Quran berkaitan ekologi bertujuan untuk meningkatkan nilai spiritual pelajar. Pembangunan spiritual ini adalah berasaskan konsep pemantapan akidah melalui elemen alam. Kajian ini juga bertujuan merungkai persoalan sebenar penciptaan alam kepada manusia dan menolak kepincangan kajian Barat terhadap keajaiban alam berasaskan sumber al-Quran dan al-Sunnah dan pandangan ilmuan Islam.

Bukti-bukti kehebatan ‘Pencipta’ yang jelas dari penciptaan alam sebenarnya akan membawa manusia yang berakal, untuk berfikir dan bermuhasabah ke arah mentauhidkan Allah SWT. Konsep ini jelas berbeza dengan pandangan Barat yang mengatakan:

“Eco Spirituality is based in a fundamental belief in the sacredness of nature, earth and the universe”
(<http://universespirit.org>).

Pandangan Barat berhubung alam pada masa kini juga menjurus ke arah pendekatan kerohanian mengikut fahaman dan anutan kepercayaan mereka masing-masing.

Kajian ini bertujuan untuk mengembangkan konsep ekologi spiritual berasaskan sumber al-Quran, al-Sunnah dan kajian ilmuan Islam. Pengenalan kepada konsep ini khususnya dalam lapangan pendidikan mensasarkan golongan pelajar yang merupakan modal insan yang perlu dibentuk berdasarkan tiga (3) komponen asas iaitu akidah yang benar, ibadah yang mantap dan akhlak yang jitu. Tiga (3) komponen tersebut amat berkait rapat dengan penerokaan ilmu atau pendidikan. Pernyataan ini dibenarkan melalui kajian Azma Mahmood (2006) yang menegaskan bahawa

penghayatan akidah sebagai tunjang kepada penghayatan ibadah dan akhlak dalam kehidupan.

2.6 Sumber Konsep Ekologi Spiritual Islami


Sumber Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam yang utama ialah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini amat bertepatan dengan Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 2:

Bermaksud: Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah SWT dan tentang sempurnanya) ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.
(Surah al-Baqarah: 2: 2)

Seterusnya dalam *Syariah Islamiyyah*, al-Hadis atau al-Sunnah adalah sumber rujukan kedua sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda:

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah dan sunnah nabinya”.

Selain itu, sumber utama Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam juga adalah berdasarkan kajian ilmuan-ilmuan Islam. Sumber Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam ditunjukkan pada rajah 2.1 di bawah:



Rajah 2.1 Sumber Konsep Ekologi Spiritual Islami
(Sumber: Diadaptasi dari M. Quraish Shihab, 2012).

Sumber rujukan utama dalam konsep ekologi spiritual ini adalah selari pandangan ilmuan Islam yang meletakkan al-Quran sebagai sumber intelektual dan spiritual Islam. Al-Quran bukan sahaja merupakan asas bagi agama dan pengetahuan spiritual tetapi hakikatnya bagi semua ilmu pengetahuan (Al-Attas 1978; Osman Bakar 2008). Begitu juga dengan sumber rujukan kedua dalam Pendidikan Islam iaitu Hadis Rasulullah S.A.W yang berperanan dalam memperincikan apa yang terdapat di dalam al-Quran sebagai memudahkan manusia yang mempunyai kemampuan akal yang terbatas bagi memahami semua kandungan al-Quran. Menurut Hassan Malla Uthman (1985) telah menjelaskan bahawa kitab al-Quran yang terkandung di dalamnya surah-surah dan ayat-ayat yang mengandungi hikmah dan peraturan Allah S.W.T. Manakala Hadis Rasulullah S.A.W yang berperanan dan mentafsir ayat-ayat al-Quran.

2.6.1 Al-Quran

Al-Quran merupakan kitab suci yang *Syumul* sifatnya, yang ditanzilkan oleh Tuhan Maha Pencipta yang sangat mengetahui akan kehendak serta keperluan manusia. Dengan demikian Allah SWT menurunkan al-Quran sebagai panduan bagi manusia yang merangkumi semua berkaitan dengan kehidupan mereka. Ini termasuklah hal-hal berkaitan dengan kehidupan mereka, hal-hal yang berkaitan dengan hubungan antara sesama manusia, manusia dengan Allah SWT dan manusia dengan alam sekitar (Mohd Yusuf Ahmad, 2000).

Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Sebaik-baik kamu adalah mereka yang belajar al-Quran dan mengajarnya.”
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini dapatlah difahami bahawa sesiapa yang mempelajari al-Quran merupakan insan yang terbaik malah lebih baik sekiranya individu yang telah memiliki ilmu al-Quran dapat pula menyampaikan kepada orang lain.

Antara tuntutan al-Quran terhadap kita ialah:

a) Menuntut Ilmu

Ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ialah lima (5) ayat daripada surah al-Alaq. Daripada ayat ini dapat kita fahami bahawa Allah SWT menyuruh kita semua berusaha mempelajari ilmu. Ilmu yang pertama yang perlu difokuskan ialah ilmu yang berkaitan ketuhanan atau aqidah.

b) Mengenal Allah SWT

Dalam Pendidikan Islam, ilmu awal yang sewajarnya dibekalkan kepada anak-anak adalah ilmu mengenal Allah SWT. Mereka perlu diajar tentang keesaan Allah SWT. Jelas di dalam al-Quran ucapan basmalah dan surah al-Fatihah yang diulang-ulang pada setiap hari membawa erti kepada keesaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Fatihah Ayat 1 hingga 7:

Bermaksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

(Surah al-Fatihah: 1: 1-7)

c) Ilmu Mengenal Manusia Dan Kemanusiaan

Berdasarkan kitab suci al-Quran yang mulia kejadian manusia merupakan suatu kejadian yang amat sempurna. Dalam surah al-Mukminun ayat 12 hingga 14 Allah SWT menceritakan bahawa kejadian manusia adalah secara berperingkat-peringkat. Justeru orang yang sentiasa membaca al-Quran akan mampu mengetahui asal-usul kejadian dirinya dan mengetahui matlamat penciptaanNya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun Ayat 12 hingga 14:

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakan kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.
(Surah al-Mukminun: 23: 12-14)

Justeru dalam mengkaji hikmah al-Quran, setiap pihak sewajarnya memanfaatkan ilmu dalam kitab agung ini mengikut bidang masing-masing. Contohnya para akademik sewajarnya menggunakan al -Quran untuk mencari panduan pendidikan, kaedah dan pengajaran berpandukan kitab suci al-Quran. Ahli tasawwuf mengambil dalil untuk beramal demi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Manakala ahli sains Tabii dan Falak menjadikan al-Quran sebagai asas mencari dan mengaplikasi *Sunnatullah* yang ada di dalam alam ini. Pendidikan al-Quran yang bersifat *syumul* ini mendidik manusia, khasnya yang percayakan Allah SWT dan mengagungkan kitab-Nya supaya mengambil pendidikan dan iktibar daripada ayat al-Quran.

Pendidikan yang *syumul* ini mendidik semua potensi yang ada pada manusia, di samping itu mendidik akidah supaya terselamat daripada kefahaman yang menyesatkan dan meruntuhkan Iman. Pengkajian ayat-ayat al-Quran akan dapat meluaskan pengetahuan, menenangkan fikiran dan penyucian hati (Shihab, 2012). Allah SWT menegaskan kepentingan mengkaji ayat-ayatNya dalam firmanNya yang diulang-ulang menerusi surah al-Qamar ayat 17, 22, 32 dan ayat 40:

Bermaksud: Sesungguhnya telah kami memudahkan al-Quran (bagi manusia) untuk jadi pengajaran. Adakah orang yang mengambil pengajaran (daripadanya)?

(Surah al-Qamar: 54: 17, 22, 32 & 40)

Penegasan Allah SWT itu jelas membuktikan kebenaran mengkaji ayat-ayat Allah SWT akan mendatangkan impak yang sangat bermanfaat kepada manusia terutama membentuk yang benar dalam diri seseorang. Dapat ditegaskan bahawa pendidikan al-Quran bertujuan supaya manusia dapat memperkembangkan potensi akliyahnya bagi meningkatkan martabatnya menjadi insan yang soleh. Selain itu, tujuannya manusia menggunakan semua pancaindera anugerah Allah SWT kepadanya bagi mengecapi nikmat dan bersyukur di samping mencari pengalaman demi meningkatkan potensi intelek dalam aspek ilmiah, teknologi, dan vokasional serta kemahiran di samping turut mendorong manusia untuk membuat perbandingan dan mengambil pengajaran daripada pengalaman serta mengambil iktibar dalam hal-hal yang boleh merosakkan manusia dari segi rohani, jasmani dan akli.

Kajian sains pada hari ini sebenarnya telah menemui kebenaran yang disebut di dalam al-Quran contohnya tentang alam semesta. Antara teori saintis Barat berhubung alam kosmologi (cakerawala) ialah Teori *Big Bang*

(Ramli Abdul Samad, 2010). Teori ini menerangkan kewujudan alam semesta adalah proses dari titik Ledakan Besar (*Big Bang*) sehingga saat ini telah bermula 13.7 bilion tahun yang lalu. Dari mata kaca sains atau kosmologi kewujudan alam semesta telah terjadi melalui pelbagai tahap mulai dari titik Ledakan Besar (*Big Bang*). Proses pembentukan cakerawala itu yang bermula dari sebuah titik sebesar neutron dengan tenaga dan suhu yang tidak terhingga, telah meletup lalu membina sebuah cakerawala yang kita kenali kini. Cakerawala atau alam semesta ini telah berusia selama 13.7 bilion. Sebelum saintis menemui teori ini, Allah SWT telah menerangkan kejadian tersebut melalui kalamNya (al-Quran).

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' Ayat 30:

Bermaksud: Dan apakah orang-orang kafir yang tidak mengetahui bahwasanya langit dan bumi itu kedua-duanya dahulu adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara kedua-duanya. Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup, maka mereka tiada juga beriman.
(Surah al-Anbiya': 21: 30)

Al-Quran menyatakan alam semesta datang dari sumber material dan tenaga, dan kemudian Allah SWT mengembangkannya. Dalam Surah al-Anbiya'Ayat 30 juga menyatakan *hydrogen* (dinyatakan sebagai air-susunan atom air ialah H₂O) adalah bahan utama kepada kita sebagaimana Firman Allah:

Bermaksud: Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?
(Surah al-Anbiya': 21: 30)

Allah SWT juga menegaskan bahawa alam langit yang meliputi cakerawala yang terkandung di dalamnya matahari, bulan, bintang serta planet-planet adalah berasal dari satu benda atau asalnya bercantum kemudian dipisah-pisahkan dan beredar mengikut orbit atau peredaran masing-masing (Abd Latif, 1999).

Menurut Ibn Kathir dan Ibn Abbas, bahawa berdasarkan ayat tersebut menunjukkan bahawa pada masa lalu langit dan bumi adalah bergabung antara satu sama lain kemudiannya ia dipisahkan oleh Allah SWT dan menjadi langit dan bumi yang bertingkat-tingkat. Walau bagaimanapun, kepincangan kajian barat berhubung teori ini ialah mereka menolak kewujudan Allah SWT sebagai Pencipta dan Pengatur segala kejadian alam yang berlaku, mereka yakin dan percaya bahawa setiap kejadian adalah merujuk kepada Teori Evolusi. Sebelum penemuan teori ini oleh ahli sains, al-Quran telah menerangkannya pada 1400 tahun yang lampau, ini menunjukkan kebenaran dan kehebatan al-Quran. Jelasnya bukan ilmu sains yang membenarkan al-Quran tetapi sebaliknya al-Quran adalah sebagai dasar kepada penemuan teori sains. Menurut Mehdi Golshani dalam Abu Bakar Yang (2012), dalam bukunya Filsafat Sains Menurut Al-Quran, ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai alam sekitar boleh dibahagikan kepada lapan (8) bahagian.

1. Ayat yang menggambarkan unsur-unsur penting kejadian dan menuntut manusia untuk menyingkap rahsianya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at- Thaariq, Ayat 5:

Bermaksud: Maka hendaklah manusia memerhatikan dari apakah ia diciptakan.
(Surah at-Thaariq: 86: 5)

2. Ayat yang menerangkan kejadian sesuatu di alam ini dan menyuruh manusia mengkaji tentang kejadian-kejadian tersebut. Sebagaimana Firman Allah SWT:

Bermaksud: Maka apakah mereka tidak memerhatikan bagaimana unta diciptakan. Dan langit bagaimana ia ditinggikan, dan gunung ganang bagaimana ia ditegakkan. Dan bumi bagaimana ia dihamparkan.....”
(Surah al Ghaasiyah: 88:17-20).

3. Ayat yang menyuruh manusia mengkaji bagaimana ia dicipta, sebagaimana firman Allah SWT:

Bermaksud: Katakanlah: berjalanlah dibumi, lalu perhatikanlah bagaimana Allah memulai penciptaan.....”
(Surah al-Ankabut:29: 20).

4. Ayat-ayat yang menyuruh manusia mempelajari dan memahami fenomena alam, sebagaimana firman Allah SWT:

Bermaksud: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tandatanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.
(Surah al-Baqarah: 2: 164)

5. Ayat yang menunjukkan bahawa Allah SWT bersumpah ke atas pelbagai objek alam, sebagaimana firmanNya:

Bermaksud: Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang; dan bulan apabila ia mengiringinya; Dan siang apabila ia memperlihatkannya dengan jelas nyata; Dan malam apabila ia menyelubunginya (dengan gelap-gelita), Demi langit dan Yang membinanya (dalam bentuk yang kuat kukuh - yang melambangkan kekuasaanNya); Serta bumi dan Yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhlukNya).
(Surah asy-Syams: 91:1-6)

6. Ayat yang menerangkan tentang kejadian alam dan kaitannya dengan Hari kebangkitan, sebagaimana firmanNya:

Bermaksud: Serta pujiyah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhlukNya) Dia mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup, serta menghidupkan bumi sesudah matinya; dan sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur).

(Surah ar-Ruum: 30:19)

7. Ayat yang menegaskan tentang kelangsungan keseimbangan dan teraturnya alam ciptaan Allah SWT, sebagaimana firmanNya:

Bermaksud: Dia-lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan (mu) dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? Kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia)”.

(Surah al-Mulk: 67:3-4)

8. Ayat yang menegaskan keharmonian hidup manusia dan alam sekitar, serta ketundukan apa yang ada di langit dan di bumi adalah untuk manusia, sebagaimana firman Allah SWT:

Bermaksud: Dia-lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah al-Baqarah: 2:29)

Oleh itu, al-Quran merupakan sumber utama dan benar untuk memahami konsep akidah. Semua kejadian alam yang terdiri daripada elemen manusia itu sendiri, elemen alam sekitar yang merangkumi tumbuhan, gunung-ganang, cakerawala, elemen haiwan dan elemen yang tidak kurang penting iaitu elemen tanah, air dan fenomena alam adalah merupakan medium untuk mengenal Allah SWT. Al-Quran yang bersifat *syumul* membawa manusia agar berfikir tanda-tanda kebesaran, kekuasaan dan kehebatan Allah SWT dengan kejadian alam.

Ini jelas ditegaskan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah Ayat 164:

Bermaksud: Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar dilaut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan”.

(Surah al-Baqarah: 2: 164)

2.6.2 Al-Hadis

Bertepatan dengan kedudukan Hadis sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam, pembangunan model dan pembentukan konsep ekologi spiritual juga dikukuhkan dengan sumber hadis. Contohnya elemen ekologi spiritual berhubung proses kejadian manusia dijelaskan melalui hadis Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Masud yang bermaksud:

“Sesungguhnya dikumpulkan penciptaan setiap kamu di dalam rahim ibu selama empat puluh hari dalam bentuk nuthfah(sperma), kemudian menjadi ‘alaqah(segumpal darah)selama itu juga,kemudian menjadi mudghah(segumpal daging) selama itu juga diutus malaikat untuk meniupkan roh kepadanya. Lalu diperintahkan untuk menulis empat perkara : rezekinya , amalnya, ajalnya, sengsaranya dan kebahagiaanya. Maka demi Allah yang tiada tuhan selain-Nya, ada seseorang di antara kamu mengerjakan amalan ahli syurga, sehingga tiada jarak antara dirinya dan syurga kecuali sehasta sahaja. Maka dahulunya atas takdir Allah , lalu dia melakukan perbuatan ahli neraka hingga masuk ia ke dalamnya. Ada seseorang di antara kamu mengerjakan amalan ahli neraka , sehingga tiada lagi jarak antara dirinya dan neraka kecuali sehasta sahaja. Maka dahululah ketentuan Allah, lalu dia melakukan perbuatan ahli syurga , dia pun masuk ke dalamnya.”

Hadis tersebut membincangkan tentang proses kejadian manusia yang begitu teratur dan tersusun. Manusia merupakan salah satu elemen yang utama di dalam pembangunan konsep Ekologi Spiritual. Di dalam sebuah hadis lain yang

diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dalam Sunannya (Kitab Tafsir al-Quran), Nabi SAW bersabda:

“ Sebaik saja Allah telah menciptakan bumi, bumi bergoyang. Allah kemudian segera menciptakan gunung-gunung dan berfirman kepada gunung-gunung itu;” Jadilah dan menetaplah di atasnya. Bumi pun menjadi tenang”.

Hadis ini menerangkan bukti kekuasaan Allah SWT yang mencipta gunung-ganang dengan bertujuan sebagai pasak bumi. Menurut Zaglul Al Najjar dalam kitab yang bertajuk Keajaiban Sains Dalam Hadis yang telah diterjemahkan oleh Norhasanudin Faisal Salleh telah menerangkan bahawa secara teks dan makna, hadis ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah an-Nazi’at Ayat 32 hingga 33:

Bermaksud: Dan gunung-gunung dipancangkan Nya dengan teguh, (semua itu) untuk kesenanganmu dan untuk binatang-binatang ternakmu.

(Surah an-Nazi’at: 79: 32-33)

Banyak hadis yang sampaikan oleh Baginda Rasulullah SAW menjadi bukti pengakuan tentang kebesaran Pencipta iaitu Allah Azzawajalla. Oleh yang demikian itu, peranan hadis sebagai sumber ilmu bagi konsep ekologi spiritual adalah tidak perlu dipertikaikan dan diperakui kepentingannya.

Antara hadis lain yang menceritakan proses penciptaan manusia yang bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al Kahfi Ayat 37 yang menegaskan asal kejadian manusia adalah dari tanah dan mengalami proses seterusnya.

Daripada Abdullah bin Mas’ud r.a berkata, “ Telah menceritakan kepada kami Rasulullah SAW iaitu As- Sadiq Al Masduq (seorang yang jujur menyampaikan dan berita yang disampaikannya adalah benar). “ Sesungguhnya seorang manusia mulai diciptakan dalam perut ibunya setelah diproses selama empat puluh hari. Kemudian menjadi segumpal daging pada empat puluh hari berikutnya. Setelah empat puluh hari berikutnya, Allah pun mengutus seorang malikat untuk menghembuskan roh ke dalam dirinya”.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim, Riyadus Salihin, No.396, 2010 M: 137)

Selain dari hadis-hadis di atas, terdapat hadis Rasulullah SAW yang menceritakan tanda-tanda kebesaran Allah SWT di alam semesta yang bersesuaian dengan Firman Allah SWT dalam Surah An Nahl Ayat 80 hingga 83.

Daripada Mujahid, bahwasanya seorang Arab Badwi datang mengadap Nabi SAW, lalu ia berbicara dengan Nabi SAW . Maka baginda membacakan kepadanya firman Allah SWT (Dan Allah menjadikan bagi kalian rumah-rumah kalian sebagai tempat tinggal)(Surah An Nahl,16: 80). Maka orang Badwi itu menjawab, “ya”. Lalu Rasulullah SAW membacakan lagi firman-Nya, (...Dan Dia menjadikan bagi kalian rumah-rumah dari kulit binatang ternak...) Kemudian orang Arab itu menjawab, “ya”. Lalu Nabi SAW membacakan lagi ayat yang lainnya yang semuanya dia jawab dengan kalimah “ya”. Hingga Nabi SAW membacakan firman-Nya (....Demikianlah Allah menyempurnakan nikmat-Nya atas kalian agar kalian berserah diri) Maka orang Arab Badwi itu pergi, dan Allah menurunkan firman-Nya (Surah An Nahl,16:83)”. (Hadis Riwayat Ibnu Abu Hatim, Tafsir Ibnu Kasir, Jilid 8:339)

Antara contoh Hadis Rasulullah SAW yang menekankan kepentingan alam sekitar:

Daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda jika berlaku kiamat dan pada tangan seseorang kamu itu ada biji benih, maka hendaklah ditanam biji benih itu.

(Hadis Riwayat Ahmad)

Berdasarkan hadis tersebut, boleh disimpulkan bahawa terdapat lima (5) pengajaran penting yang boleh dihayati oleh manusia sebagai khalifah. Pertama, menanam sesuatu biji benih merupakan sebahagian daripada ibadat dan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya dengan niat bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT. Kenapa biji benih ? Jawapannya kerana bermula dengan sebutir biji benih akan menumbuhkan sepohon pokok, dan daripada sepohon pokok, ia akan menjadi hutan. Dalam al-Quran, terdapat sekurang-kurangnya empat puluh satu (41) ayat yang Allah SWT mengaitkan dengan pokok beserta manfaatnya dan akhirnya memperlihatkan bahawa Allah SWT sebagai

pemilik alam ini (Zaini Ujang & Zulkifli Mohd Yusof, 2019). Malah ada ayat yang menerangkan kegunaan pokok sebagaimana dalam surah al-Waqiah Ayat 72:

Bermaksud: Kamukah yang menumbuhkan pokok kayunya atau kami yang menumbuhkannya?
(Surah al-Waqiah: 56: 72)

Kedua, kepentingan menanam biji benih merupakan satu keutamaan dalam kerangka *maqasid syar'iyyah* dan dikira sebagai satu ibadah dalam Islam. Walaupun sedang bergelut pada saat akhir kehidupan, iaitu ketika hampir berlakunya kiamat, kita masih dituntut melakukan ibadah dengan menanam biji benih yang ada pada tangan seseorang.

Ketiga, hadis ini menjelaskan bahawa menanam biji benih atau bercucuk tanam adalah amalan yang sangat mulia, yang akan diberikan ganjaran yang besar oleh Allah SWT. Ini kerana bercucuk tanam akan menambah amalan sedekah seseorang sebagaimana hadis daripada Anas RA katanya, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Tidaklah seseorang muslim bercucuk tanam, kemudian tanaman tersebut telah dimakan oleh burung, manusia atau haiwan melainkan tanaman tersebut menjadi sedekah baginya”
(Hadis riwayat al Bukhari)

Keempat, menanam biji benih merupakan amalan yang bermanfaat untuk jangka masa panjang. Biji benih tersebut akan tumbuh menjadi tanaman atau pokok yang berbuah yang boleh membiak dengan banyak manakala pokok tersebut mampu memberikan manfaat kepada manusia dan alam sekitar melalui sumber kayu kayan bagi sektor pembuatan perabut, menghasilkan oksigen yang mampu menyejukkan suhu bumi dan sebagainya.

Kelima, menanam biji benih merupakan petunjuk dalam mewujudkan kehidupan masyarakat yang sejahtera selain menghasilkan makanan, ianya juga boleh dieksport atau digunakan untuk diproses sebagai produk sampingan contohnya ubat-uabatan, kosmetik dan sebagainya.

Kesimpulannya, dalam konteks kajian, fokus utama konsep ekologi spiritual ialah merangsang pemikiran pelajar untuk berfikir tentang kekuasaan dan ketetapan atau aturan Allah SWT (*Sunnatullah*) dengan merujuk kepada sumber yang benar. Seterusnya pemikiran tersebut akan membawa kepada kesedaran terhadap tanggungjawab dan tujuan penciptaan Allah SWT dalam setiap kejadian. Akhirnya generasi yang akan lahir ialah generasi yang sentiasa melakukan kebaikan dengan amal-amal soleh dan menjauhi diri dari melakukan kemungkaran terhadap Allah SWT.

2.6.3 Kajian Ilmuwan Islam

Dalam konteks kajian ini, sumber rujukan utama ialah Kitab *Ihya'* *Ulummuddin* karangan Imam al-Ghazali (t.t). Selain itu, Kitab Intipati *Ihya'* *Ulumuddin*, Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin Daripada *Ihya'* *Ulumuddin* Imam al-Ghazali karangan al- Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi telah dijadikan sebagai rujukan tambahan. Kitab ini merupakan panduan yang baik bagi masyarakat untuk memahami dengan lebih jelas konsep Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam.

Dalam kitab ini, Imam al-Ghazali telah menerangkan dalam bab yang khusus dengan tajuk 33: Berfikir. Antara kandungan utama perbincangan di dalam bab ini ialah: A: Keutamaan Berfikir; B: Yang Perlu Difikirkan; C: Cara Memikirkan Makhluk Allah SWT; D: Tanda-Tanda Kekuasaan Allah SWT Dalam Tubuh Manusia; E: Tanda-Tanda Kekuasaan Allah SWT Dalam Bumi; F: Tanda-Tanda Kekuasaan Allah SWT Dalam Tubuh Binatang; G: Tanda-Tanda Kekuasaan Allah SWT Dalam Lautan; H: Tanda-Tanda Kekuasaan Allah SWT Di Udara dan I: Tanda-Tanda Kekuasaan Allah SWT Di Langit.

Imam Al Ghazali turut membincangkan perihal rahsia kejadian makhluk ciptaan Allah dalam kitab khusus karangan beliau. Antara kandungan Kitab tersebut iaitu meyebut tentang rahsia diciptakan langit dan dunia, matahari, bulan dan bintang, planet bumi, lautan, air, udara, api, burung, binatang, ikan dan tumbuh-tumbuhan. Penjelasan Imam Al Ghazali perihal makhluk Allah ini menunjukkan keagungan Allah dan membawa manusia untuk berfikir tentang kedhaifan makhluk khususnya manusia.

Selain itu, antara ilmuan Islam kontemporari yang banyak membincangkan tentang kejadian-kejadian Allah SWT dan memberikan hujah-hujah terdapat penyelewengan daripada sudut pandangan Barat ialah Adnan Oktar, seorang penulis yang menggunakan nama pena “Harun Yahya”. Beliau yang berkelulusan daripada Universiti Istanbul, Turki telah menulis sejak 1980 an lagi di mana sebahagian besar hasil tulisan beliau menyentuh berkenaan isu politik, akidah, kepercayaan serta isu-isu saintifik. Antara karya beliau yang sangat penting di dalam usaha menyingkap dan pembohongan yang dilakukan oleh penganut evolusi. Buku beliau yang bertajuk ‘Penipuan Evolusi’ telah menjelaskan kepincangan teori evolusi yang di bawa oleh Barat (Harun Yahya, 2002). Dalam konteks kajian, hasil karya ini adalah bersesuaian dan boleh dijadikan sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

2.7 Konsep Ekologi Spiritual Islami Dalam Kurikulum Pendidikan Islam

Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2010) menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan Islam dengan jelas menunjukkan bahawa Pendidikan di Malaysia mempunyai hala tuju dan matlamat membentuk generasi yang soleh dan berkemampuan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah yang diamanahkan oleh Allah SWT. Selain daripada bermatlamat untuk melahirkan hamba Allah SWT yang bertanggungjawab untuk diri sendiri, masyarakat, dan negara, ia juga

bermatlamat untuk melahirkan hamba Allah SWT yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kandungan Falsafah Pendidikan Islam jelas dalam kenyataan berikut:

“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al Quran dan As Sunnah bagi membentuk sikap,kemahiran ,keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri,masyarakat,alam sekitar dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”

(Bahagian Kurikulum JAPIM, 2002)

Berdasarkan penjelasan Abdul Halim el-Muhammady (1995), pendidikan dalam Islam memberi penekanan kepada empat (4) konsep, iaitu (i) pendidikan seumur hidup, pembangunan seluruh potensi manusia secara bersepadu yang mencakupi aspek kognitif, afektif dan sosial; (ii) melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT dan amanah sebagai khalifah di muka bumi; (iii) memakmurkan amalan atas dasar kesepaduan dan kesempurnaan iman serta (iv) ilmu dan amal soleh untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Bertepatan dengan konsep ini, yang menggariskan konsep khalifah dan hubungannya dengan alam, Pendidikan Islam dilihat sebagai mekanisme terbaik untuk memberikan pendidikan, kefahaman yang jitu terhadap tujuan penciptaan alam oleh Allah SWT dan seterusnya mencetus kesedaran dan tindakan penyelesaian terhadap masalah pengurusan alam.

Bermula dari peringkat rendah seterusnya menengah, mata pelajaran Pendidikan Islam berperanan penting untuk membentuk pelajar yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Pendidikan Islam perlu diintegrasikan dengan mata pelajaran yang lain contohnya ilmu sains, geografi, biologi, dan lain-lain bagi memastikan kesan yang menyeluruh untuk melahirkan masyarakat yang menghargai alam sekitar. Sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam (KBSM) di peringkat Menengah dibahagikan kepada Tilawah al-Quran dan al-Hadis dan Ulum

Syariah yang mengandungi bahagian akidah, ibadah, sirah dan adab Islamiyyah. Untuk kesan pendidikan alam sekitar yang optimum, perlunya penyerapan yang menyeluruh di dalam setiap bahagian ilmu, bukan sebahagian sahaja sebagaimana yang ada pada hari ini. Penerapan pembangunan kerohanian dalam kurikulum sekolah akan menjamin kualiti pendidikan dan kualiti kebijaksanaan insan yang dilahirkan. Kualiti pendidikan dan kualiti kebijaksanaan manusia sangat bergantung kepada pengajaran pembangunan kerohanian.

Dalam konteks kajian, didapati daripada analisis kurikulum Pendidikan Islam telah ada tajuk yang berkaitan konsep ekologi spiritual di dalam sukanan tingkatan 1 hingga 5. Walaubagaimanapun, tajuk-tajuk tersebut hanya diterangkan secara umum dan tidak dibincangkan di dalam satu tajuk yang khusus. Perincian tajuk berkaitan diterangkan di dalam jadual berikut:

Jadual 2.1

Tajuk Berkaitan Ekologi Spiritual Dalam Buku Teks Pendidikan Islam (KBSM) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tingkatan	Bahagian	Tajuk
1	Akidah: Dalil kewujudan Allah SWT	<ul style="list-style-type: none">• Dalil kewujudan Allah SWT
2	Tilawah Al Quran	<ul style="list-style-type: none">• Mengisafi kekuasaan Allah SWT• Menghargai <i>sunnatullah</i>• Memanfaatkan anugerah Allah SWT• Menyakini hari kebangkitan
3	Tilawah Al Quran	<ul style="list-style-type: none">• Akal cahaya kehidupan• Adab ditempat rekreasi• Adab Memelihara alam
4	Adab	
5	Adab	

Oleh itu, kajian ini adalah satu cadangan untuk penambahbaikan dan bertujuan untuk memberi penekanan kepada aspek spiritual pelajar agar mencapai kesedaran ketuhanan melalui elemen alam (ketauhidan Ilahi) dan melahirkan generasi yang menghargai alam sebagai mekanisme tauhid serta bertanggungjawab sebagai khalifah

untuk memelihara alam sebaik mungkin. Secara tidak langsung ia akan melahirkan masyarakat yang peka dengan isu alam sekitar yang mana pada hari ini, berlaku pengabaian hak-hak alam yang jelas berpunca daripada kurangnya kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam.

Selain itu, berdasarkan analisis sukanan pelajaran Tassawur Islam, iaitu satu mata pelajaran yang mempunyai kaitan yang rapat dengan Pendidikan Islam, konsep Ekologi Spiritual Islami ini telah dibincangkan lebih khusus dan secara lebih mendalam. Walaubagaimanapun, mata pelajaran ini hanya dapat memberi input yang baik kepada murid yang mengambil subjek berkenaan sahaja kerana ia hanya terdapat pada sukanan Tasawwur Islam tingkatan empat dan merupakan mata pelajaran elektif di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perincian tajuk berkaitan bagi mata pelajaran Tassawur Islam diterangkan di dalam jadual berikut:

Jadual 2.2

Tajuk Berkaitan Konsep Ekologi Spiritual Dalam Tassawur Islam Tingkatan 4

Pelajaran	Tajuk
Pelajaran 1	Konsep Ketuhanan
Pelajaran 3	Konsep Insan
Pelajaran 4	Konsep Alam
Pelajaran 5	Tanggungjawab Memelihara dan memulihara alam
Pelajaran 6	Kedudukan wahyu dan akal

Selain dari analisis yang telah dinyatakan di atas, dalam perkembangan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan Kurikulum *Standard* Sekolah Menengah (KSSM), telah menunjukkan konsep ini telah diterapkan kepada pelajar secara tidak langsung. Contohnya dalam tajuk tingkatan 1 bahagian Akidah, pelajaran 16 mengenai *Asmaul Husna* (Nama-nama Allah yang baik) diterangkan antara bukti Allah SWT bersifat al-Khaliq atau pencipta ialah Allah SWT mencipta manusia daripada tiada kepada ada. Tajuk ini dijelaskan melalui proses penciptaan manusia yang telah diterangkan oleh al-Quran sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan diakui oleh kajian

Sains pada hari ini. (DBP, 2016) . Oleh yang demikian, analisis ini membuktikan konsep ini telah dibincangkan dalam pendidikan, khususnya Pendidikan Islam.

2.8 Pemikiran Imam Al -Ghazali Berhubung Ekologi Spiritual Islami

Imam al-Ghazali dilahirkan pada tahun 450 Hijrah bersamaan 1058 Masihi di at-Taabiran juga di kenali sebagai Ghazalah di Bandar Tus, sebuah bandar di Khurasan yang terletak di Iran pada hari ini. Beliau digelar "al-Ghazali" bersempena dengan gelaran bapanya yang bekerja sebagai pemintal bulu kambing (*al-Ghazzal*). Ada yang mengatakan mengambil sempena kampung kelahirannya, Ghazalah. Nama penuhnya Muhammad ibni Muhammad ibni Muhammad ibni Ahmad, dan nama gelaran nisbahnya al-Ghazali at-Tusi. Nama panggilannya pula Abu Hamid. Antara nama-nama gelaran lain yang telah diberikan kepada beliau ialah *Hujjatul Islam*, *Siraj al-Mujtahidin* dan *Zain al-'Abidin*. Beliau seorang yang warak, tekun belajar, kuat daya ingatan serta bijak berhujah. Beliau juga merupakan seorang ahli tasawwuf yang sentiasa mempertingkatkan amalan kerohanian sehingga diberi gelaran sufi. Antara hasil karya beliau yang lain, ialah *Al-Munqiz Min ad-Dalal*, *Mizanul-amal*, *Tahafut al-Falasifah*, *Hidayah al-Salikin*, *Jawahir al-Quran*, *Minhaj al-Abidin*, *Asma Allah al-Husna*, *Ayyuha al-Walad* dan *Kimia as-Sa'adah*.

Dalam kajian, Kitab *Ihya' Ulumuddin*, karangan *Hujjatul Islam*, Imam al-Ghazali (t.t), telah dirujuk sebagai asas teori kajian. Beliau membincangkan tentang keutamaan berfikir dalam jilid 4 kitab tersebut dan menegaskan bahawa Allah SWT menyuruh supaya kita semua suka berfikir dan merenung kebesaran Allah SWT melalui ciptaanNya. Sebagaimana firman Allah SWT:

Bermaksud: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

(Surah aali-Imran: 3:191)

Adalah amat penting, pemikiran untuk *makrifat* ‘mengenal tuhan’ dan memperolehi hikmah ialah dengan membaca, merenung dan menghayati ayat-ayat Allah SWT (al-Quran) berserta hadis Rasulullah SAW. Penyelidik telah mengambil pandangan beliau dalam menerangkan bab berfikir ini sebagai asas pemikiran Ekologi Spiritual Imam al-Ghazali iaitu saranan untuk berfikir tentang tanda-tanda kekuasaan Allah SWT melalui enam (6) elemen berikut:

1. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam tubuh manusia
2. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam bumi
3. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam tubuh binatang
4. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam lautan
5. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam udara
6. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam langit

Berdasarkan analisis terhadap pandangan Imam al-Ghazali tentang tanda-tanda kekuasaan Allah SWT, penyelidik telah menjadikan pandangan tersebut sebagai asas pembentukan elemen Ekologi Spiritual. Ianya juga dijadikan asas utama kepada idea Imam al-Ghazali berhubung Ekologi Spiritual.

2.9 Pembangunan Spiritual Berasaskan Dalil Ekologi

Sebagaimana diterangkan sebelumnya, konsep yang dibangunkan ini adalah berkaitan dengan ekologi. Oleh itu, maklumat kajian diperolehi melalui indeks tematik dalil-dalil al-Quran yang mempunyai kaitan dengan alam. Hasil carian menunjukkan terdapat 1276 ayat yang menyentuh tentang alam. Dalam konteks kajian, ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan alam telah diklasifikasikan dalam beberapa pembahagian untuk membentuk konsep Ekologi Spiritual Islami. Antaranya terdapat dalil yang dikelaskan sebagai dalil dalam aspek kefahaman, elemen ekologi spiritual dan sifat ekologi spiritual. Selain itu ayat-ayat berkaitan penghayatan amalan juga dimasukkan dalam model ini. Dalil-dalil berkaitan kefahaman terhadap konsep ditafsir melalui kitab tafsir yang muktabar. Ini bertujuan untuk lebih memahami dalil dan ditafsir oleh ahli *mufasirin* yang berautoriti.

Perincian dalil-dalil yang dipilih telah dibincang dalam bab berikutnya. Ayat berkaitan dengan alam dipilih berdasarkan kajian-kajian literatur yang dilakukan oleh penyelidik di dalam membentuk konsep kajian. Hubungan antara alam dan ekologi yang berkait rapat malah alam itu sendiri merupakan antara elemen ekologi menjadi dasar kepada pemilihan ayat-ayat berkaitan alam di dalam al-Quran. Antara rujukan utama yang dijadikan sumber oleh pengkaji ialah buku-buku, artikel, jurnal-jurnal berkaitan ekologi dan disesuaikan dengan konteks kajian. Akhirnya, dengan merujuk berdasarkan indeks tematik al-Quran, antara ayat-ayat al-Quran yang berkaitan konsep Ekologi Spiritual adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.4, 2.5, dan 2.6 di bawah:

Jadual 2.3

Dalil al-Quran Berkaitan Konsep Ekologi Spiritual

Bab	Tematic	Ayat al-Quran
Ilmu dan cabang-cabangnya	Seruan untuk tafakkur dan menggunakan akal	Al-Baqarah 2: 44, 73, 171, 242, 269. Aali-Imran 3: 7, 190. Al-Maidah 5: 58, 103. Al-Anfal 8: 22. Yusuf 12: 111. Ar-Ra'd 13: 4, 19-24. Ibrahim 14: 52. Al-Hijr 15: 75 Taaha 20: 128. Al-Hajj 22: 46. Ar-Rum 30: 24. Sad 38: 29, 43. Az-Zumar 39: 9, 18. Al-Jathiyah 45: 5. Al-Hasyr 59: 14.

Maksud ayat bagi seruan untuk tafakkur dan menggunakan akal ialah seperti berikut :

Surah Al-Baqarah 2: 44

Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?

Surah Al-Baqarah 2: 73

Maka Kami (Allah) berfirman: "Pukulah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu" (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang yang telah mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya.

Surah Al-Baqarah 2: 171

Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya.

Surah Al-Baqarah 2: 242.

Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu hukum-hukumnya supaya kamu memahaminya.

Surah Al-Baqarah 2: 269.

Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

Surah Ali-Imran 3: 7

Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabahaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata:" Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

Surah Ali-Imran 3: 190

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

Surah Al-Maidah 5: 58

Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang, mereka menjadikan sembahyang itu sebagai ejek-ejekan dan permainan. Yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal.

Surah Al-Maidah 5:103

Allah tidak sekali-kali mensyariatkan Bahirah, tidak juga Saa'ibah, tidak juga Wasilah dan tidak juga Haam. Akan tetapi orang-orang kafir itu sentiasa mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah; dan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal fikirannya

Surah Al-Anfal 8: 22

Sesungguhnya sejaht-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya).

Surah Yusuf 12: 111

Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Surah Ar-Ra'd 13: 4

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.

Surah Ar-Ra'd 13: 19-24

Maka adakah orang yang mengetahui bahawa Al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Orang-orang yang menyempurnakan perjanjian Allah dan tidak merombak (mencabuli) perjanjian yang telah diperteguhkan itu.

Dan orang-orang yang menghubungkan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soaljawab dan hitungan amal (pada hari kiamat).

Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhan mereka semata-mata, dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka; dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat.

Iaitu Syurga yang kekal yang mereka akan memasukinya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amal soleh dari ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka serta anak-anak mereka; sedang malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu.

(Memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahtera lah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu.

Surah Ibrahim 14: 52

(Al-Quran) ini disampaikan kepada manusia supaya mereka diberi ingat dan diberi nasihat dengannya; dan supaya mereka mengetahui (dengan hujjah-hujjah yang tersebut di dalamnya) bahawa sesungguhnya Allah

ialah Tuhan Yang Maha Esa; dan supaya orang-orang yang mempunyai fikiran, beringat dan insaf.

Surah Al-Hijr 15: 75

Sesungguhnya balasan azab yang demikian itu, mengandungi tanda-tanda bagi orang-orang yang kenalkan sesuatu serta memerhati dan memikirkannya.

Surah Taaha 20: 128

Adakah tersembunyi serta belum jelas lagi kepada mereka: berapa banyak Kami telah binasakan dari kamu-kaum yang terdahulu daripada mereka, sedang mereka sekarang berulang-alik melalui tempat-tempat tinggal kaum-kaum itu? Sesungguhnya pada yang demikian ada tanda-tanda (untuk mengambil iktibar) bagi orang-orang yang berakal fikiran.

Surah Al-Hajj 22: 46

Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaularah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

Surah Ar-Rum 30: 24

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaranNya dan kekuasaanNya, Ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia menurunkan hujan dari langit, lalu Ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahamiNya.

Surah Sad 38: 29

(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

Surah Sad 38: 43

Dan Kami kurniakan (lagi) kepadanya - keluarganya, dengan sekali ganda ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna (supaya mereka juga bersikap sabar semasa ditimpa malang).

Surah Az-Zumar 39: 9

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat TuhanYa? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Surah Az-Zumar 39: 18

Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna.

Surah Al-Jathiyah 45: 5

Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran.

Surah Al-Hasyr 59: 14

(Orang-orang Yahudi dan orang-orang munafik) dengan keadaan bersatu padu sekalipun, tidak berani memerangi kamu melainkan di kampung-kampung yang berbenteng kukuh, atau dari sebalik tembok. (Sebabnya): permusuhan di antara mereka sesama sendiri amatlah keras; engkau menyangka mereka bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah (disebabkan berlainan kepercayaan mereka). Yang demikian itu, kerana mereka adalah kaum yang tidak memahami (perkara yang sebenarnya yang memberi kebaikan kepada mereka).

Jadual 2.4

Dalil Elemen Ekologi Spiritual

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
Ilmu dan cabang-cabangnya	Manusia dan alam sekitarnya	Al-Baqarah 2: 223. Aali-Imran 3: 190-191. Yunus 21: 30. Al-Mukminun 23: 14. An-Naml 27: 64. Az-Zumar 39: 6. At-Thur 52: 35-36. An-Najm 53: 46. Al-Qiyamah 35: 37. Al-Insan 76: 2. Al-Mursalat 77: 20. Aali-Imran 3: 59. Al-Kahf 18: 51. Al-'Ankabut 29: 19-20. Ar-Rum 30: 19. Ghafir 40: 64. At-Tin 95: 4. Al-Baqarah 2: 28, 30, 164. Aali-Imran 3: 190. An-Nisa' 4: 1, 28, 56. Al-An'am 6: 98. Al-A'raf 7: 172. Hud 11: 7. Al-Hijr 15: 26. An-Nahl 16: 4, 70, 78. Al-Isra' 17: 70. Al-Kahf 18: 37, 51. Al-Hajj 22: 5. Al-Mukminun 23: 12-14.
	Perkembangan kehidupan	
	Manusia dan kejadianya	

Jadual 2.4 (sambungan)

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
	Manusia dan kejadiannya	An-Nur 24: 45. Al-'Ankabut 29: 19. Ar-Rum 30: 11, 19-21, 54. As-Sajdah 32: 7-9. Fatir 35: 11. Yaasin 36: 71, 77. Az-Zumar 39: 6. Ghafir 40: 57, 67, 68. Az-Zukhruf 43: 12. An-Najm 53: 45-46. Al-Hujrat 49: 13. Al-Ma'arij 70: 19-21. Nuh 71: 17-18. Al-Qiyamah 75: 36-39. Al-Insan 76: 2. Al-Mursalat 77: 20-22. An-Naba' 78: 8. 'Abasa 80: 17-19. At-Thoriq 86: 5-7.
Alam		Al-baqarah 2: 29, 255. Al-A'raf 7: 185. Yunus 10: 101. Yusuf 12: 105. Al-Isra' 17: 70, 85. Al-Kahf 18: 109. Al-Anbiya' 21: 30. Al-'Ankabut 29: 19-20. Fatir 35: 27-28. Yaasin 36: 40. Ghafir 40: 81-85.

Jadual 2.4 (sambungan)

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
	Hujan	Al-A'raf 7: 57. Ar-Ra'd 13: 17. An-Nahl 16: 10. Al-Anbiya' 21: 30. Al-Hajj 22: 63. Al-Mukminun 23: 18. Al-Furqan 25: 53. An-Naml 27: 58. Luqman 21: 34. Fatir 35: 12. Az-Zumar 39: 21. As-Syura 42: 28. Az-Zukhruf 43: 11. Qaf 50: 9. Ar-Rahman 55: 19. Al-Hadid 57: 20. Yunus 10: 24. Al-Furqan 25: 62. An-Naml 27: 88. Al-Qasas 28: 71-72. Yaasin 36: 37-40. As-Saffat 37: 5. Al-Ma'arij 70: 40. Ar-Ra'd 13: 3. Al-Hijr 15: 19. An-nahl 16: 15, 81. Taaha 20: 23, 105-107. Al-Anbiya' 21: 30-31. As-Syu'ra' 26: 63. An-Naml 27: 61, 88. Al-'Ankabut 29: 40. Saba' 34: 2, 9. Fatir 35: 27. Qaf 50: 7, 44. Al-Zalzalah 99: 1-2
	Gerakan bumi	
	Isyarat kepada ilmu geologi	

Jadual 2.4 (Sambungan)

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
	Isyarat kepada gaya tarik bumi	Ar-Ra'd 13: 2. Al-Hajj 22: 65. Ar-Rum 30: 25. Luqman 31: 10. Fatir 35: 41.
	Siang dan Malam	Al-Hajj 22: 61. Luqman 31: 29. Fatir 35: 13. Yaasin 36; 37, 40. Al-Hadid 57: 6.
	Gunung-gunung	Al-A'raf 7: 74. Hud 11: 43. Al-Hijr 15: 19, 82. An-Nahl 16: 15. Al-Kahf 18: 47. Maryam 9: 90. Taaha 20: 105-107. Al-Anbiya' 21: 31, 79. Al-Hajj 22: 18 As-Syu'ra' 26: 149-150. An-Naml 27: 61. Luqman 31: 10. Al-Ahzab 33: 72. Saba' 34: 10. Fatir 35: 27. Sad 38: 18-19. Fussilat 41: 10. At-Thur 52: 10. Al-Waqi'ah 56: 5-6. Al-Haqqah 69: 14. Al-Ma'arij 70: 9. Al-Muzammil 73: 14. Al-Mursalat 77: 10, 27. <u>An-Naba' 78: 7,20.</u>

Jadual 2.4 (Sambungan)

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
	Gunung-gunung	An-Nazi'at 79: 32. At-Takwir 81: 3. Al-Ghashiyah 88: 19. Al-Qari'ah 101: 5.
	Lautan	Al-Baqarah 2: 50,164. Al-Maidah 5: 96. Al-An'am 6: 59, 63, 97. Al-A'raf 7: 138, 163. Yunus 10: 22, 90. Ibrahim 14: 32. An-Nahl 16: 14. Al-Isra' 17: 66-67, 70. Al-Kahf 18: 61-63, 79, 109. Taaha 20: 77. Al-Hajj 22: 65. An-Nur 24: 40. As-Syu'ra' 26: 63. Al-Furqan 25: 53. An-Naml 27: 61-63. Ar-Rum 30: 41. Luqman 31: 27, 31. Fatir 35: 12. As-Syura' 42: 32-34. Ad-Dukhan 44: 24. Al-Jathiyah 45: 12. At-Thur 52: 6. Ar-Rahman 55: 19-20, 24. At-Takwir 81: 6. Al-Infitar 82: 3.

Jadual 2.4 (Sambungan)

Tumbuh-tumbuhan	Yunus 10: 24. Ar-Ra'd 13: 3, 35. Al-Hijr 15: 19. Taaha 20: 53. Al-Hajj 22: 5. As-Syu'ra' 26: 7. An-Naml 27: 60. Qaf 50: 7-8, 10.
Tanam-tanaman	Al-An'am 6: 99, 141. Ar-Ra'd 13: 4. Al-Nahl 16: 10-11, 67. Al-Hajj 22: 5. Al-Mukminun 23: 18-20. As-Sajdah 32: 27. 'Abasa 80: 24-32.
Haiwan dan binatang binatang kecil	An-Nisa' 4: 119 Al-Maidah 5: 3. Al-An'Am 6: 38, 92, 142. An-Nahl 16: 5-8, 68-69, 79-80. Al-Anbiya' 21: 30. Al-Hajj 22: 28, 73. Al-Mukminun 23: 21-22. An-Nur 24: 45. An-Naml 27: 16-19. Al-'Ankabut 29: 41. Yaasin 36: 11-73. Ghafir 40: 79-80. Az-Zukhruf 43: 12-13. Al-Mulk 67: 19. Al-Ghashiyah 88: 17.

Jadual 2.4 (Sambungan)

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
Manusia dan hubungan Kejadian manusia kemasyarakatan	Kejadian manusia	An-Nisa' 4: 1. Al-An'am 6: 2,98. Al-A'raf 7: 12. Al-Hajj 22:5. Al-Mukminun 23: 12, 14. Ar-Rum 30: 20, 21, 54. As-Sajdah 32: 7-9. Fatir 35: 11. Az-Zumar 39: 6. Ghafir 40: 57. Fussilat 41: 21. Al-Mursalat 77: 20-23. 'Abasa 8: 18-19. Al-Infitar 82: 7-8. At-Tariq 86: 5-7. At-Tin 95: 4-5. Al-'Alaq 96:2.

Maksud ayat berkaitan dalil manusia dan alam sekitar :

Surah Al-Baqarah 2: 223

Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman.

Surah Ali-Imran 3: 190-191

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.
(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Surah Yunus 10: 30

Pada masa itu tiap-tiap diri dapatlah mengetahui (dan merasai) akan apa yang telah dikerjakan dan mereka dikembalikan kepada Allah Tuhan mereka yang sebenar-benarnya (yang akan membala dengan adilnya); dan (dengan itu) hilang lenyaplah dari mereka apa yang mereka ada-adakan.

Surah Al-Mukminun 23: 14

Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakanlah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

Surah An-Naml 27: 64

Atau siapakah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian dia mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya). dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Katakanlah (wahai Muhammad): "Bawalah kemari keterangan-keterangan kamu, jika betul kamu orang-orang yang benar".

Surah Az-Zumar 39: 6

Ia menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), kemudian Ia menjadikan daripadanya - isterinya (Hawa); dan Ia mengadakan untuk kamu binatang-binatang ternak delapan ekor: (empat) pasangan (jantan dan betina). Ia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita. Yang demikian (kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu; bagiNyalah kekuasaan yang mutlak; tiada Tuhan melainkan Dia; oleh itu bagaimana kamu dapat dipesongkan (dari mematuhi perintahNya)?

Az-Zumar 39: 6

Surah At-Thur 52: 35-36

(Mengapa mereka tidak beriman?) Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri?

Adakah mereka yang mencipta langit dan bumi itu? (Sudah tentu tidak!) Bahkan mereka adalah orang-orang yang tidak meyakini (kebenaran apa yang mereka pernah mengakuinya).

Surah An-Najm 53: 46

Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim)

Surah Al-Qiyamah 75: 37

Bukankah ia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)?

Surah Al-Insan 76: 2

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.

Al-Insan 76: 2

Surah Al-Mursalat 77: 20

Bukankah Kami telah menciptakan kamu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang?

Maksud ayat berkaitan Manusia dan kejadiannya :

Surah Al-Baqarah 2: 28

Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu; setelah itu Ia mematikan kamu, kemudian Ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadaNya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan).

Al-Baqarah 2: 28

Surah Al-Baqarah 2: 30

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

Surah Al-Baqarah 2: 164

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Surah Ali-Imran 3: 190

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

Surah An-Nisa' 4: 1

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

An-Nisa' 4: 1

Surah An-Nisa' 4: 28

Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

An-Nisa' 4: 56

Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan membakar mereka dalam api neraka. Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

An-Nisa' 4: 56

Surah Al-An'am 6: 98

Dan Dia lah yang mencipta kamu dari diri yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang sulbi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau dalam kubur). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengerti (secara mendalam).

Surah Al-A'raf 7: 172

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Surah Hud 11: 7

Dan Dia lah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa, sedang "ArasyNya, berada di atas air (Ia menjadikan semuanya itu untuk menguji kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) berkata: "Bahawa kamu akan dibangkitkan hidup kembali sesudah mati" tentulah orang-orang yang ingkar akan berkata: "Ini tidak lain, hanyalah seperti sihir yang nyata (tipuannya)".

Surah An-Nahl 16: 4

Ia menciptakan manusia dari air benih, (setelah sempurna kejadiannya), tiba-tiba menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya.

Surah An-Nahl 16: 70

Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Surah An-Nahl 16: 78

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

Surah Al-Isra' 17: 70

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Surah Al-Kahf 18: 37

berkatalah rakananya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki?

Surah Al-Kahf 18: 51

Aku tidak memanggil mereka menyaksi atau membantuKu menciptakan langit dan bumi, dan tidak juga meminta bantuan setengahnya untuk menciptakan setengahnya yang lain; dan tidak sepatutnya Aku mengambil makhluk-makhluk yang menyesatkan itu sebagai pembantu.

Surah Al-Hajj 22: 5

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan

kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

Surah Al-Mukminun 23: 12-14

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah.

Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh.

Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatahalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

Surah An-Nur 24: 45

Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Surah Al-'Ankabut 29: 19

Tidakkah mereka melihat dan memikirkan bagaimana Allah mencipta makhluk-makhluk pada mulanya, kemudian Ia akan mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya)? Sesungguhnya yang demikian itu amatlah mudah bagi Allah.

Surah Ar-Ruum 30: 11

Allah memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula pada hari kiamat), kemudian kepadaNyalah kamu akan dikembalikan (untuk menerima balasan).

Surah Ar-Ruum 30: 19-21

Ia mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup, serta

menghidupkan bumi sesudah matinya; dan sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur).

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya (menghidupkan kamu semula), bahawa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi.

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Surah Ar-Ruum 30: 54

Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dia lah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

Surah As-Sajdah 32: 7-9

Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah

Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang

Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Surah Fatir 35: 11

Dan Allah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian Ia menjadikan kamu berpasangan (lelaki dan perempuan). Dan tiada mengandung seseorang perempuan (juga seekor betina), dan tidak pula satu-satunya melahirkan (anak yang dikandungnya) melainkan dengan keadaan yang diketahui Allah. Dan tidak diberikan seseorang berumur panjang, juga tidak dijadikan seseorang pendek umurnya, melainkan ada kadarnya di dalam Kitab Ilahi. Sesungguhnya yang demikian itu mudah sahaja kepada Allah.

Surah Yaasin 36: 71

Tidakkah mereka melihat dan memikirkan, bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang-binatang ternak, di antara jenis-jenis makhluk yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami lalu mereka memilikinya?

Surah Yaasin 36: 77

Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (setelah Kami

sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati).

Surah Az-Zumar 39: 6

Ia menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), kemudian Ia menjadikan daripadanya - isterinya (Hawa); dan Ia mengadakan untuk kamu binatang-binatang ternak delapan ekor: (empat) pasangan (jantan dan betina). Ia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita. Yang demikian (kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu; bagiNyalah kekuasaan yang mutlak; tiada Tuhan melainkan Dia; oleh itu bagaimana kamu dapat dipesongkan (dari mematuhi perintahNya)?

Surah Ghafir 40: 57

Demi sesungguhnya, menciptakan langit dan bumi (dari tiada kepada ada) lebih besar (dan lebih menakjubkan) daripada menciptakan manusia dan menghidupkannya semula (sesudah matinya); akan tetapi kebanyakan manusia (yang mengingkari hari kiamat) tidak mengetahui.

Surah Ghafir 40: 67

Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).

Surah Ghafir 40: 68

Dia lah yang menghidupkan dan mematikan; oleh itu apabila Ia menetapkan jadinya sesuatu perkara maka Ia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia.

Surah Az-Zukhruf 43: 12

Dan (Dia lah) yang menciptakan sekalian makhluk yang berbagai jenisnya; dan Ia mengadakan bagi kamu kapal-kapal dan binatang ternak yang kamu dapat mengenderainya.

Surah An-Najm 53: 45-46

Dan bahawa sesungguhnya, Dia lah yang menciptakan pasangan - lelaki dan perempuan.

Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim)

Surah Al-Hujrat 49: 13

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Surah Al-Ma'arij 70: 19-21

Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut).

Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah.

Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut.

Surah Nuh 71: 17-18

"Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna.

"Kemudian Ia mengembalikan kamu ke dalam bumi (sesudah mati), dan mengeluarkan kamu daripadanya (sesudah dihidupkan semula untuk dihitung amal kamu dan diberi balasan), dengan pengeluaran yang sesungguh-sungguhnya?

Surah Al-Qiyamah 75: 36-39

Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan)?

Bukankah ia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)? Kemudian air mani itu menjadi sebuku darah beku, sesudah itu Tuhan menciptakannya, dan menyempurnakan kejadiannya (sebagai manusia)?

Lalu Tuhan menjadikan daripadanya dua jenis - lelaki dan perempuan.

Surah Al-Insan 76:2

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.

Surah Al-Mursalat 77: 20-22

Bukankah Kami telah menciptakan kamu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang?

Lalu Kami jadikan air (benih) itu pada tempat penetapan yang kukuh. Hingga ke suatu masa yang termaklum?

Surah An-Naba' 78: 8

Dan Kami telah menciptakan kamu berpasang-pasang?

Surah 'Abasa 80: 17-19

Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya?

(Tidakkah ia memikirkan) dari apakah ia diciptakan oleh Allah?

Dari air mani diciptakanNya, serta dilengkapkan keadaannya dengan persediaan untuk bertanggungjawab.

Surah At-Thoriq 86: 5-7

(Setelah mengetahui yang demikian), maka hendaklah manusia memikirkan: dari apa ia diciptakan.

Ia diciptakan dari air (mani) yang memancut (ke dalam rahim)

Yang keluar dari "tulang sulbi" lelaki dan "tulang dada" perempuan.

Maksud ayat berkaitan Alam:

Surah Al-Baqarah 2: 29

Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Surah Al-Baqarah 2: 255

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkан (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)

Surah Al-A'raf 7: 185

Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalamullah Al-Quran) itu mereka mahu beriman?

Surah Yunus 10: 101

Katakanlah (wahai Muhammad): "Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul

(yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.

Surah Yusuf 12: 105

Dan berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang-ulang semasa mereka pergi dan datang, sedang mereka tidak juga menghiraukan dan memikirkannya.

Surah Al-Isra' 17: 70

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Surah Al-Isra' 17: 85

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".

Surah Al-Kahf 18: 109

Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalauolah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanmu, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanmu, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan".

Surah Al-Anbiya' 21: 30

Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

Surah Al-Ankabut 29: 19-20

Tidakkah mereka melihat dan memikirkan bagaimana Allah mencipta makhluk-makhluk pada mulanya, kemudian Ia akan mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya)? Sesungguhnya yang demikian itu amatlah mudah bagi Allah.

Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Surah Fatir 35: 27-28

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang

mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam. Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Surah Yaasin 36: 40

(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Surah Ghafir 40: 81-85

Dan Ia memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kebesaranNya dan kekuasaanNya (melalui Rasul-rasulNya dan pada makhluk-makhluk yang dijadikanNya); maka di antara tanda-tanda kesempurnaan Allah, yang mana satu, yang kamu ingkari?

Selain dari itu, tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, dengan itu tidakkah mereka memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka (yang telah dibinasakan dengan sebab dosa-dosanya)? Orang-orang itu lebih ramai dari mereka, dan lebih dari mereka tentang kekuatan tenaga dan tentang kesan-kesan usaha pembangunan di muka bumi. Dalam pada itu, apa yang telah diusahakan oleh orang-orang itu, tidak dapat menolongnya sedikitpun. Kerana pada masa mereka didatangi oleh Rasul-rasul yang diutus kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan (untuk menyelamatkan mereka, mereka mengejek-ejeknya, dan) mereka bergembira dengan pengetahuan yang ada pada mereka (yang mengenai keduniaan semata-mata); dan dengan yang demikian mereka pun diliputi oleh azab yang mereka ejek-ejek dahulu.

Maka ketika mereka melihat azab Kami, mereka berkata: "Kami beriman kepada Allah semata-mata, dan kami kufur ingkar kepada benda-benda yang dengan sebabnya kami menjadi musyrik".

Maka iman yang mereka katakan semasa melihat azab Kami, tidak berguna lagi kepada mereka; yang demikian adalah menurut "Sunnatullah" (undang-undang peraturan Allah) yang telah berlaku kepada hamba-hambaNya. Dan pada saat itu rugilah orang-orang yang kufur ingkar.

Surah Az-Zariyat 51: 21

Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?

Surah Al-Qamar 54: 49

Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).

Maksud ayat berkaitan Angin:

Surah Al-Baqarah 2: 164

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Surah Al-Baqarah 2: 266

Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar (kurma) dan angur, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, ia juga mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang ia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu yang masih kecil, lalu kebun itu diserang oleh angin taufan yang membawa api sehingga terbakarlah ia ? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar).

Surah Ali-Imran 3: 177

Sesungguhnya orang-orang yang membeli (memilih) kufur dengan meninggalkan iman tidak sekali-kali mereka akan dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun, dan mereka pula beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Surah Al-A'raf 7: 57

Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

Surah Yunus 10: 22

Dia lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh

bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): "Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur".

Surah Ibrahim 14: 18

Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap TuhanYa ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran.

Surah Al-Hijr 15: 22

Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih; maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya; dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya.

Surah Al-Isra' 17: 68-69

Adakah kamu - (sesudah diselamatkan ke darat) - merasa aman (dan tidak memikirkan), bahawa Allah akan menggemparkan sebahagian dari daratan itu menimbul kamu, atau dia akan menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; kemudian kamu tidak beroleh sesiapapun yang menjadi pelindung kamu?

Atau adakah kamu merasa aman (dan tidak memikirkan) bahawa Allah akan mengembalikan kamu sekali lagi ke laut, kemudian Ia menghantarkan kepada kamu angin ribut yang memecah belahan segala yang dirempuhnya, lalu Ia mengaramkan kamu dengan sebab kekufuran kamu; kemudian kamu tidak beroleh sesiapapun yang boleh menuntut bela tentang itu terhadap Kami?

Surah Al-Kahf 18: 45

Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditupu angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Surah Al-Anbiya' 21: 81

Dan (Kami mudahkan) bagi Nabi Sulaiman angin yang kencang tiupannya, bertiup menurut kehendaknya ke negeri yang Kami limpahi berkat padanya; dan adalah Kami mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Surah Al-Hajj 22: 31

(Amalkanlah perkara-perkara itu) dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekuatkan sesuatu pun denganNya; dan sesiapa yang mempersekuatkan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia

jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbangkan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan).

Surah An-Nur 24: 43

Tidakkah engkau melihat bahwasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya. Dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu Ia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan.

Surah Al-Furqan 25: 48

Dan Dia lah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmatNya, dan Kami menurunkan dari langit: air yang bersih suci.

Surah An-Naml 27: 63

Atau siapakah yang menunjukkan jalan kepada kamu dalam gelap-gelita darat dan laut, dan yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatNya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Maha Tinggilah keadaan Allah dari apa yang mereka sekutukan denganNya.

Surah Ar-Rum 30: 46-51

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya, bahawa Ia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan; dan untuk merasakan kamu sedikit dari rahmatNya, dan supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintahNya, dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan seterusnya supaya kamu bersyukur.

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) Rasul-rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya keterangan-keterangan yang jelas nyata; kemudian Kami menyeksa orang-orang yang berlaku salah (mengingkarinya); dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman.

Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan; kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendakiNya, dan menjadikannya berkelompok-kelompok; lalu engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya. Maka apabila Allah menurunkan hujan itu mengenai sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambanya, mereka serta merta bergembira

Dan sesungguhnya mereka dahulu, sebelum diturunkan hujan kepada mereka, adalah orang-orang yang telah berputus asa.

Maka lihatlah olehmu kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Ia menghidupkan bumi sesudah matinya (dengan tanaman-tanaman yang menghijau subur). Sesungguhnya Allah yang demikian kekuasaanNya, sudah tentu berkuasa menghidupkan orang-orang yang telah mati. Dan (ingatlah) Ia maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Dan demi sesungguhnya, jika Kami hantarkan angin (menyerang tanaman) lalu mereka melihat tanaman itu menjadi kuning kering, nescaya mereka sesudah itu, terus kembali kufur (tidak mengenangkan nikmat-nikmat Allah serta berputus asa).

Surah As-Sajdah 32: 27

Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?

Surah Al-Ahzab 33: 9

Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkanNya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (Al-Ahzaab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) serta angkatan tentera (dari malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan.

Surah Saba' 34: 12

Dan Kami kurniakan kepada Nabi Sulaiman kuasa menggunakan angin untuk perjalanannya: sepagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan; dan Kami alirkan baginya matair dari tembaga; dan (Kami mudahkan) sebahagian dari jin untuk bekerja di hadapannya dengan izin TuhanNya. Dan sesiapa dari jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami, Kami akan merasakannya (pukulan) dari azab api neraka.

Surah Fatir 35: 9

Dan Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (yang kering kontang); lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan (hujan dari awan) itu. Sedemikian itu pula kebangkitan manusia (hidup semula sesudah mati).

Surah As-Syura 42: 33

Jika Ia kehendaki, Ia menghentikan tiupan angin, maka tinggalah kapal-kapal itu terapung-apung di muka lautan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi tanda-tanda (yang besar pengajarannya) bagi tiap-tiap seorang (mukmin) yang sentiasa bersikap sabar, lagi sentiasa bersyukur.

Surah Al-Jathiyah 45: 5

Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, serta keluasan rahmatNya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran.

Surah Al-Ahqaf 46: 24-25

Maka apabila mereka melihat azab itu sebagai awan yang menghalang lembah-lembah mereka, mereka berkata: "Ini ialah awan yang akan membawa hujan kepada kita!" (Mendengarkan kata-kata yang demikian, Nabi Hud berkata): "Tidak! Bahkan itulah (azab) yang kamu minta disegerakan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

"Yang menghancur leburkan segala-galanya dengan izin Tuhan-Nya". (Setelah azab itu menimpa mereka) maka menjadilah mereka (punah ranah) - tidak ada yang kelihatan melainkan tempat-tempat tinggal mereka. Demikianlah Kami membalaas kaum yang berdosa.

Surah Az-Zariyat 51: 41-42

Dan juga pada (kisah) kaum Aad (terdapat perkara-perkara yang menjadi iktibar), - ketika kami hantarkan kepada mereka angin ribut yang tidak mengandungi sebarang kebaikan

Angin itu tidak meninggalkan sesuatupun yang dirempuhnya, melainkan menjadikannya (hancur) seperti debu.

Surah Al-Qamar 54: 19-20

Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahas yang berlanjutan

Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar.

Surah Al-Haqqah 69: 6-7

Adapun Aad (kaum Nabi Hud), maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya.

Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalauolah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka: batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong.

Maksud ayat berkaitan Awan:

Surah Al-Baqarah 2: 164

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada)

peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Surah Al-A'raf 7: 57

Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

Surah Ar-Ra'd 13: 12

Dia lah yang memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir), dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia yang menjadikan awan tebal yang berat (dengan air).

Surah An-Nur 24: 40

Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis - apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah menurut undang-undang peraturanNya mendapat cahaya (hidayah petunjuk) maka ia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar).

Surah An-Nur 24: 43

Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya. Dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu Ia menimpa hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan.

Surah An-Naml 27: 88

Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat tiap - tiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya; sesungguhnya Ia Amat mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan.

Surah Ar-Rum 30: 48

Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan; kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendakiNya, dan menjadikannya berkelompok-kelompok; lalu engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya. Maka apabila Allah menurunkan hujan itu mengenai sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambanya, mereka serta merta bergembira

Surah Fatir 35: 9

Dan Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (yang kering kontang); lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan (hujan dari awan) itu. Sedemikian itu pula kebangkitan manusia (hidup semula sesudah mati).

Surah At-Thur 52: 44

Dan kiranya mereka melihat sepotong besar dari langit gugur (untuk menimpa mereka), mereka akan berkata: "(Itu adalah) awan yang bertompok - berlapis-lapis!"

Surah Al-Waqi'ah 56: 68

Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum?

Maksud ayat berkaitan Hujan :

Surah Al-A'raf 7: 57

Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

Surah Ar-Ra'd 13: 17

Ia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhlukNya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung. Dan dari benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberi misal perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah. Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan.

Surah An-Nahl 16: 10

Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya.

Surah Al-Anbiya' 21: 30

Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

Surah Al-Hajj 22:63

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus serta lemah-lembut (urusan tadbirNya), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (akan hal-ehwal sekalian makhlukNya).

Surah Al-Mukminun 23: 18

Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.

Surah Al-Furqan 25: 53

Dan Dia lah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga, dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Ia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.

Surah An-Naml 27: 58

Dan Kami hujani mereka dengan hujan yang membinasakan, maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa orang-orang yang telah diberi amaran.

Surah Luqman 31: 34

Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuanNya.

Surah Fatir 35: 12

Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskan dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin lagi pahit. Dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada

kamu): dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut - hidup-hidup, dan dapat pula kamu mengeluarkan benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya; (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu) supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia Allah, dan supaya kamu bersyukur.

Surah Az-Zumar 39: 21

Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.

Surah As-Syura 42: 28

Dan Dia lah yang menurunkan hujan setelah mereka berputus asa, dan Ia pula menyebarkan rahmatNya merata-rata. Dan (ingatlah) Dia lah pengawal (yang melimpahkan ihsanNya), lagi Yang Maha Terpuji.

Surah Az-Zukhruf 43: 11

Dan (Dia lah) yang menurunkan hujan dari menurut sukatan yang tertentu, lalu Kami hidupkan dengan hujan itu negeri yang kering tandus tanahnya. Sedemikian itulah pula kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur).

Surah Qaf 50: 9

Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai

Surah Ar-Rahman 55: 19

Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu

Surah Al-Hadid 57: 20

Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburnannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang

hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.

Maksud ayat berkaitan siang dan malam :

Surah Al-Hajj 22: 61

(Pertolongan yang dijanjikan Allah tetap berlaku) kerana Allah berkuasa menukar gantikan sesuatu keadaan sebagaimana kuasaNya memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti); dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Surah Luqman 31: 29

Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti), dan Ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya)? Tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Surah Fatir 35: 13

Allah jua yang memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti), dan Ia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Yang melakukan semuanya itu ialah Allah Tuhan kamu, bagiNyalah kuasa pemerintahan; sedang mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji kurma.

Surah Yaasin 36: 37

Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam; Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita

Surah Yaasin 36: 40

(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Surah Al-Hadid 57: 6

Dia lah yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam (silih berganti); dan Dia lah yang Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.

Maksud ayat berkaitan Gunung-ganang :

Surah Al-A'raf 7: 74

"Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Aad, dan di tempatkannya kamu di bumi, (dengan diberi kemudahan) untuk kamu mendirikan istana-istana di tanahnya yang rata, dan kamu memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka kenangkanlah nikmat-nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi".

Surah Hud 11: 43

Anaknya menjawab: "Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku daripada ditenggelamkan oleh air". Nabi Nuh berkata: "Hari ini tidak ada sesuatupun yang akan dapat melindungi dari azab Allah, kecuali orang yang dikasihani olehNya". Dan dengan serta-merta ombak itu pun memisahkan antara keduanya, lalu menjadilah ia (anak yang derhaka itu) dari orang-orang yang ditenggelamkan oleh taufan.

Surah Al-Hijr 15: 19

Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya.

Surah Al-Hijr 15: 82

Dan mereka memahat sebahagian dari gunung-ganang, sebagai tempat tinggal dengan keadaan aman (dari sesuatu bahaya).

Surah An-Nahl 16: 15

Dan Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu; dan Ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju.

Surah Al-Kahf 18: 47

Dan (ingatkanlah) hari Kami bongkar dan terbangkan gunung-ganang dan engkau akan melihat (seluruh) muka bumi terdedah nyata; dan Kami himpukkan mereka (di padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorangpun dari mereka.

Surah Maryam 19: 90

Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap

Surah Taaha 20: 105-107

Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muhammad) dari hal gunung-ganang; maka jawablah: "Tuhanmu akan menghancurkannya menjadi debu dititiup angin.

"Lalu Ia membiarkan tapak gunung-gunung itu (di bumi) rata lagi licin". Engkau tidak akan melihat pada tapaknya itu tempat yang rendah atau yang tinggi.

Surah Al-Anbiya' 21: 31

Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani.

Surah Al-Anbiya' 21: 79

Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.

Surah Al-Hajj 22: 18

Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpah azab (disebabkan kekufurannya dan maksiatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapapun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkannya.

Surah As-Syu'ra' 26: 149-150

"Dan kamu memahat sebahagian dari gunung-ganang sebagai tempat tinggal - dengan bijak dan bersungguh-sungguh?

"Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku.

Surah An-Naml 27: 61

Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahnya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui.

Surah Luqman 31: 10

Ia menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan Ia biakkan padanya berbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat.

Surah Al-Ahzab 33: 72

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Surah Saba' 34: 10

Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada Nabi Daud limpah kurnia dari Kami (sambil Kami berfirman): "Hai gunung-ganang, ulang-ulangilah mengucap tasbih bersama-sama dengan Nabi Daud, dan wahai burung-burung (bertasbihlah bersama-sama dengannya)!" Dan juga telah melembutkan besi baginya

Surah Fatir 35: 27

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam

Surah Sad 38: 18-19

Sesungguhnya Kami telah mudahkan gunung-ganang turut bertasbih memuji Kami bersama-sama dengannya; pada waktu petang dan ketika terbit matahari.

Dan (Kami mudahkan juga) ungas turut berhimpun (untuk bertasbih memuji Kami bersama-sama dengannya); tiap-tiap satunya mengulangi tasbih masing-masing menurutnya.

Surah Fussilat 41: 10

Dan Ia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Ia melimpahkan berkat padanya, dan Ia menentukan ada padaNya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa.

Surah At-Thur 52: 10

Dan gunung-ganang bergerak dari tempatnya dengan cara yang luar biasa.

Surah Al-Waqi'ah 56: 5-6

Dan gunung-ganang dihancur leburkan dengan selebur-leburnya.

Lalu menjadilah ia debu yang bertebaran.

Al-Haqqah 69: 14

Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur

Surah Al-Ma'arij 70: 9

Dan gunung-ganang pula menjadi seperti bulu (yang berterbangan)

Surah Al-Muzammil 73: 14

(Azab itu tetap berlaku) pada hari bumi dan gunung-ganang bergoncang (serta hancur lebur), dan menjadilah gunung-ganang itu timbunan pasir yang mudah bersepah.

Surah Al-Mursalat 77: 10

Dan apabila gunung-ganang hancur lebur berterbangan.

Surah Al-Mursalat 77: 27

Dan Kami telah jadikan di bumi: gunung-ganang yang menetapnya, yang tinggi menjulang; dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga?

Surah An-Naba' 78: 7

Dan gunung-ganang sebagai pancang pasaknya?

Surah An-Naba' 78: 20

Dan gunung-ganang - setelah dihancurkan - diterbangkan ke angkasa, lalu menjadilah ia bayangan semata-mata seperti riak sinaran panas di padang pasir.

Surah An-Nazi'at 79: 32

Dan gunung-ganang pula dikukuhkan letaknya (di bumi, sebagai pancang pasak yang menetapnya)

Surah At-Takwir 81: 3

Dan apabila gunung-ganang di terbangkan ke angkasa (setelah dihancurkan menjadi debu)

Surah Al-Ghashiyah 88: 19

Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan?

Surah Al-Qari'ah 101: 5

Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.

Maksud ayat berkaitan lautan :

Surah Al-Baqarah 2: 50

Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana milarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya.

Surah Al-Baqarah 2: 164

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Surah Al-Maiadah 5: 96

Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan.

Surah Al-An'am 6: 59

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.

Surah Al-An'am 6: 63

Katakanlah: "Siapakah yang menyelamatkan kamu dari bencana-bencana di darat dan di laut? (Ketika) kamu berdoa merayu kepadaNya dengan merendah diri (secara terbuka) dan secara bersembunyi, (dengan berkata): "Demi sesungguhnya jika Allah selamatkan kami dari bencana ini nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang bersyukur".

Surah Al-An'am 6: 97

Dan Dia lah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui.

Surah Al-A'raf 7: 138

Dan Kami bawakan Bani Israil ke sebarang Laut (Merah) itu lalu mereka sampai kepada suatu kaum yang sedang menyembah berhalal-berhalanya. (Melihatkan yang demikian) mereka (Bani Israil) berkata: "Wahai Musa buatlah untuk kami suatu tuhan (berhalal) sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan". Nabi Musa menjawab: "Sesungguhnya kamu ini adalah kaum yang jahil.

Surah Al-A'raf 7: 163

Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan-ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air; sedang pada hari-hari lain, ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik.

Surah Yunus 10: 22

Dia lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): "Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur".

Surah Yunus 10: 90

Dan Kami bawakan Bani Israil ke seberang Laut Merah, lalu dikejar oleh Firaun dan tenteranya, dengan tujuan melakukan kezaliman dan pencerobohan, sehingga apabila Firaun hampir tenggelam berkatalah ia (pada saat yang genting itu): "Aku percaya, bahawa tiada Tuhan melainkan yang dipercayai oleh Bani Israil, dan aku adalah dari orang-orang yang berserah diri (menurut perintah)".

Surah Ibrahim 14: 32

Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).

Surah An-Nahl 16: 14

Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.

Surah Al-Isra' 17: 66-67

Tuhan kamulah yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal di laut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; sesungguhnya Ia adalah Maha Mengasihi kepadamu kamu.

Dan apabila kamu terkena bahaya di laut, (pada saat itu) hilang lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain dari Allah; maka apabila Allah selamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tada (tidak mengingatiNya); dan memanglah manusia itu sentiasa kufur (akan nikmat-nikmat Allah).

Surah Al-Isra' 17: 70

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Surah Al-Kahf 18: 61-63

Maka apabila mereka berdua sampai ke tempat pertemuan dua laut itu, lupalah mereka akan hal ikan mereka, lalu ikan itu menggelunsur menempuh jalannya di laut, yang merupakan lorong di bawah tanah.

Setelah mereka melampaui (tempat itu), berkatalah Nabi Musa kepada temannya: "Bawalah makan tengah hari kita sebenarnya kita telah mengalami penat lelah dalam perjalanan kita ini".

Temannya berkata: "Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupakan hal ikan itu; dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan Syaitan; dan ikan itu telah menggelunsur menempuh jalannya di laut, dengan cara yang menakjubkan".

Surah Al-Kahf 18: 79

Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat.

Surah Al-Kahf 18: 109

Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalauolah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah TuhanKu, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah TuhanKu, walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan".

Surah Taaha 20: 77

Dan demi sesungguhnya! Kami telah wahyukan kepada Nabi Musa: "Hendaklah engkau membawa hamba-hambaKu (kaummu) keluar memgembara pada waktu malam, kemudian pukulah air laut dengan tongkatmu, untuk mengadakan jalan yang kering bagi mereka di laut itu; janganlah engkau menaruh bimbang daripada ditangkap oleh musuh, dan jangan pula engkau takut tenggelam".

Surah Al-Hajj 22: 65

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintahNya? Dan Ia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izinNya; sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihanNya dan rahmatNya kepada umat manusia.

Surah An-Nur 24: 40

Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis - apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah menurut undang-undang peraturanNya mendapat cahaya (hidayah petunjuk) maka ia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar).

Surah As-Syu'ra 26: 63

Lalu Kami wahyukan kepada Nabi Musa: "Pukulah laut itu dengan tongkatmu". (Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu (kepada beberapa bahagian), lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar.

Surah Al-Furqan 25: 53

Dan Dia lah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga, dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Ia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.

Surah Surah An-Naml 27: 61-63

Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahnya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui.

Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu) mendiami dan menguasai bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Amat sedikit di antara kamu yang mengingati (nikmat Allah itu). Atau siapakah yang menunjukkan jalan kepada kamu dalam gelap-gelita darat dan laut, dan yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatNya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Maha Tinggilah keadaan Allah dari apa yang mereka sekutukan denganNya.

Surah Ar-Rum 30: 41

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Surah Luqman 31: 27

Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah Luqman 31: 31

Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat Kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahanNya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur.

Surah Fatir 35: 12

Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskan dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin lagi pahit. Dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada kamu): dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut - hidup-hidup, dan dapat pula kamu mengeluarkan benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya; (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu) supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia Allah, dan supaya kamu bersyukur.

Surah As-Syura 42: 32-34

Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kapal-kapal (yang besar tinggi) seperti gunung, belayar laju merempuh lautan.

Jika Ia kehendaki, Ia menghentikan tiupan angin, maka tinggalah kapal-kapal itu terapung-apung di muka lautan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi tanda-tanda (yang besar pengajarannya) bagi tiap-tiap seorang (mukmin) yang sentiasa bersikap sabar, lagi sentiasa bersyukur. Atau (jika Ia kehendaki) Ia binasakan kapal-kapal itu disebabkan dosa-dosa yang dilakukan oleh orang-orangnya, (lalu setengahnya dibiarakan mati lemas) dan (setengahnya diselamatkan dengan jalan) Ia memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa mereka.

Surah Ad-Dukhan 44: 24

"Dan tinggalkanlah laut itu dalam keadaan tenang - terbelah, kerana sesungguhnya mereka (yang mengejarmu itu) ialah tentera yang akan ditenggelamkan (sehingga binasa)".

Surah Al-Jathiyah 45: 12

Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya, dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya, dan juga supaya kamu bersyukur.

Surah At-Thur 52: 6

Dan demi laut yang penuh tepu (dengan kepanasan)

Surah Ar-Rahman 55: 19-20

Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu.

Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.

Surah Ar-Rahman 55: 24

Dan Dia lah yang menguasai kapal-kapal yang belayar di laut, yang kembang tinggi layarnya seperti gunung-ganang

Surah At-Takwir 81: 6

Dan apabila lautan meluap-luap bercampur-baur

Surah Al-Infitar 82: 3

Dan apabila lautan pecah bercampur-baur

Maksud ayat berkaitan Tumbuh-tumbuhan

Surah Yunus 10: 24

Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bungaan yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).

Surah Ar-Ra'd 13: 3

Dan Dia lah juga yang guruh dan malaikat bertasbih memujiNya, kerana takut kepadaNya. Dan Dia lah juga yang menghantarkan petir, lalu Ia mengenakan dengan panahannya kepada sesiapa yang dikehendakinya Dan mereka yang ingkar itu membantah (serta mendustakan Rasul) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah (dan kuat kuasaNya) Padahal Ia Amat keras azab seksanya.

Surah Ar-Ra'd 13: 35

Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa itu ialah air sungai-sungainya sentiasa mengalir di sekitar tamannya; makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya sentiasa teduh. Itulah kesudahan usaha orang-orang yang bertaqwa, sedang kesudahan usaha orang-orang yang kafir pula ialah neraka.

Surah Al-Hijr 15: 19

Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya.

Surah Taaha 20: 53

(Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.

Surah Al-Hajj 22: 5

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

Surah As-Syu'ra 26: 7

Masihkah mereka berdegil dan tidak memperhatikan bumi, berapa banyak kami tumbuhkan padanya dari berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat?

Surah An-Naml 27: 60

Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohnnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).

Surah Qaf 50: 7-8

Dan juga (keadaan) bumi ini, (bagaimana) Kami bentangkan dia sebagai hamparan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang terdiri kukuh, serta Kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang indah subur?

(Kami adakan semuanya itu) untuk menjadi perhatian dan peringatan, (yang menunjukkan jalan kebenaran), kepada tiap-tiap seorang hamba Allah yang mahu kembali kepadaNya (dengan taat dan berbakti).

Surah Qaf 50: 10

Serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya.

Maksud ayat berkaitan Tanam-tanaman

Surah Al-An'am 6: 99

Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

Surah Al-An'am 6: 141

Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Surah Ar-Ra'd 13: 4

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.

Surah An-Nahl 16: 10-11

Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya.

Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.

Surah An-Nahl 16: 67

Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.

Surah Al-Hajj 22: 5

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

Surah Al-Mukminun 23: 18-20

Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.

Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.

Dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan.

Surah As-Sajdah 32: 27

Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahwasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? Maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?

Surah ‘Abasa 80: 24-32

(Kalaularia tidak memikirkan asal dan kesudahan dirinya), maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya (bagaimana kami mentadbirkannya).

Sesungguhnya kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan.

Kemudian kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan.

Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian.

Dan buah anggur serta sayur-sayuran.

Dan Zaitun serta pohon-pohon kurma.

Dan taman-taman yang menghijau subur.

Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput.

Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu.

Maksud ayat berkaitan haiwan dan binatang-binatang kecil :

Surah An-Nisa’ 4: 119

"Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan anangan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membela telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.

Surah Al-Maidah 5: 3

Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekit, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah Al-An'am 6: 38

Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Surah Al-An'am 6: 92

Dan ini ialah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang mengandungi berkat (banyak faedah-faedah dan manfaatnya), lagi mengesahkan kebenaran (Kitab-kitab Suci) yang diturunkan sebelumnya, dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk "Ummul-Qura" (Makkah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya; dan orang-orang yang beriman kepada hari akhirat, mereka beriman kepada Al-Quran, dan mereka tetap mengerjakan dan memelihara sembahyangnya.

Surah Al-An'am 6: 142

Dan di antara binatang-binatang ternak itu, ada yang dijadikan untuk pengangkutan, dan ada yang untuk disembelih. Makanlah dari apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu, dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.

Surah An-Nahl 16: 5-8

Dan binatang-binatang ternak itu, Ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan.

Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berihat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.

Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan Ia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Surah An-Nahl 16: 68-69

Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.

Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagi penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mau berfikir.

Surah An-Nahl 16: 79-80

Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah; sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.

Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan Ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (Ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa.

Surah Al-Anbiya' 21: 30

Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mau beriman?

Surah Al-Hajj 22: 28

"Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaaNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.

Surah Al-Hajj 22: 73

Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta

(dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya).

Surah Al-Mukminun 23: 21-22

Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan (tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya); Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.

Dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal kamu diangkut.

Surah An-Nur 24: 45

Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Surah An-Naml 27: 16-19

Dan Nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Nabi Daud; dan (setelah itu) Nabi Sulaiman berkata: "Wahai umat manusia, kami telah diajar mengerti bahasa pertuturan burung, dan kami telah diberikan serba sedikit dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan); sesungguhnya yang demikian ini adalah limpah kurnia (dari Allah) yang jelas nyata".

Dan dihimpunkan bagi Nabi Sulaiman bala tenteranya, dari jin dan manusia serta burung; lalu mereka dijaga serta diatur keadaan dan perjalanan masing-masing.

(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke "Waadin-Naml", berkatalah seekor semut: "Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari".

Maka tersenyumlah Nabi Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, dan berdoa dengan berkata: " Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmatMu - dalam kumpulan hamba-hambaMu yang soleh".

Surah Ghafir 40: 79-80

Allah yang menjadikan binatang ternak bagi kamu; sebahagian di antaranya untuk kamu menunggangnya, dan sebahagian lagi untuk kamu makan.

Dan kamu pula beroleh berbagai faedah pada binatang ternak itu, dan supaya kamu dapat memenuhi sesuatu hajat yang ada dalam hati kamu dengan menggunakan binatang itu; dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal, kamu diangkut.

Surah Az-Zukhruf 43: 12-13

Dan (Dia lah) yang menciptakan sekalian makhluk yang berbagai jenisnya; dan Ia mengadakan bagi kamu kapal-kapal dan binatang ternak yang kamu dapat mengenderainya.

Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan:" Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya.

Surah Al-Mulk 67: 19

Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Surah Al-Ghashiyah 88: 17

(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan?

Jadual 2.5

Sifat Ekologi Spiritual

Bab	Tematik	Ayat al-Quran
Ilmu dan cabang-cabangnya	Seruan untuk tafakur dan menggunakan akal	Al-Baqarah: 44, 73, 171, 242, 269. Aali-Imran: 7, 190. Al-Maidah: 58, 103. Al-Anfal: 22. Yusuf: 111. Ar-Ra'd: 4, 19-24. Ibrahim: 52. Al-Hijr: 75 Taaha: 128. Al-Hajj: 46. Ar-Rum: 24. Sad: 29, 43. Az-Zumar: 9, 18. Al-Jathiyah: 5. Al-Hasyr: 14.

Jadual 2.5 (sambungan)

Akhhlak	Mensyukuri nikmat	Al-Baqarah 2: 40, 47, 122, 231. Aali-Imran 3: 103. Al-Maidah 5: 7, 11, 20. Al-Anfal 8: 26. Al-Ahzab 33: 9. Fatir 35: 3. Az-Zukhruf 43: 13. Ad-Dhuha 93: 11.
	Bijaksana	Al-Baqarah 2: 129, 151, 231, 251, 269. Aali-Imran 3: 48, 164. An-Nisa' 4: 113. An-Nahl 16: 125. Al-Isra' 17: 39. Al-Ahzab 33: 34. Az-Zukhruf 43: 63. Al-Qamar 54: 5. As-Sajdah 32: 72.
Amal	Takwa	Al-Baqarah 2: 2-5, 177, 197, 203, 212, 237. Aali-Imran 3: 15-17, 76, 102, 120, 123, 125, 130, 133-136, 138, 179, 186, 198, 200. An-Nisa' 4: 1, 128- 131. Al-Maidah 5: 2, 4.

Maksud ayat berkaitan Mensyukuri nikmat :

Surah Al-Baqarah 2: 40

Wahai Bani Israil! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganKu, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain).

Surah Al-Baqarah 2: 47

Wahai Bani Israil! Kenangkanlah nikmat-nikmatKu yang Aku telah kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku telah melebihkan (nenek-moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang-orang (yang ada pada zamannya).

Surah Al-Baqarah 2: 122

Wahai Bani Israil, kenanglah akan limpah kurnia nikmatKu yang telah Kuberikan kepada kamu, dan Aku telah melebihkan (datuk nenek) kamu (yang taat dahulu) atas umat-umat yang lain (yang ada pada zamannya).

Surah Al-Baqarah 2: 231

Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka); dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri. dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah itu sebagai ejek-ejekan (dan permainan). Dan kenanglah nikmat Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Surah Ali-Imran 3: 103

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.

Surah Al-Maidah 5: 7

Dan kenanglah nikmat Allah (yang telah dikurniakanNya) kepada kamu serta ingatlah perjanjianNya yang telah diikatNya dengan kamu, ketika kamu berkata: "Kami dengar dan kami taat (akan perintah-perintah Allah dan RasulNya)" Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada.

Surah Al-Maidah 5: 11

Wahai orang-orang yang beriman, kenanglah nikmat Allah (yang telah dikurniakanNya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulurkan tangannya (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah; dan kepada Allah jualah (sesudah bertaqwa itu) hendaklah orang-orang yang beriman berserah diri.

Surah Al-Maidah 5: 20

Dan (ingatkanlah mereka wahai Muhammad), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Kenanglah nikmat Allah (Yang diberikan) kepada kamu ketika Ia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang Nabi, dan Ia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Firaun dan orang-orangnya), dan Ia memberikan kepada kamu barang yang tidak pernah diberikan kepada seseorang pun dari umat-umat (yang ada pada masa itu)".

Surah Al-Anfal 8: 26

Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang-orang menangkap dan milarikan kamu, maka Allah memberi kamu tempat bermustautin dan diperkuatkanNya kamu dengan pertolonganNya, serta dikurniakanNya kamu dari rezeki yang baik-baik, supaya kamu bersyukur.

Surah Al-Ahzab 33: 9

Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkanNya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (Al-Ahzaab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) serta angkatan tentera (dari malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan.

Surah Fatir 35: 3

Wahai umat manusia, kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakanNya kepada kamu; tidak ada sama sekali yang menciptakan sesuatu selain daripada Allah; Ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)?

Surah Az-Zukhruf 43: 13

Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan:" Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya

Surah Ad-Dhuha 93: 11

Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepadaNya.

Maksud ayat berkaitan bijaksana :

Surah Al-Baqarah 2: 129

"Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

Surah Al-Baqarah 2: 151

(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.

Surah Al-Baqarah 2: 231

Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka); dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri. dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah itu sebagai ejek-ejekan (dan permainan). Dan kenanglah nikmat Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Surah Al-Baqarah 2: 251

Oleh sebab itu, mereka dapat mengalahkan tentera Jalut dengan izin Allah, dan Nabi Daud (yang turut serta dalam tentera Talut) membunuh Jalut. Dan (sesudah itu) Allah memberikan kepadanya (Nabi Daud) kuasa pemerintahan, dan hikmat (pangkat kenabian) serta diajarkannya apa yang dikehendakiNya. Dan kalaularah Allah tidak menolak setengah manusia (yang ingkar dan derhaka) dengan setengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini; akan tetapi Allah sentiasa melimpah kurniaNya kepada sekalian alam.

Surah Al-Baqarah 2: 269

Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

Surah Ali-Imran 3: 48

Dan Allah akan mengajarnya ilmu menulis, dan hukum-hukum aturan agama, dan juga kandungan kitab-kitab Taurat dan Injil.

Surah Ali-Imran 3: 164

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Surah An-Nisa' 4: 113

Dan kalaularah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepadamu (wahai Muhammad), nescaya berhasil cita-cita segolongan dari mereka yang bertujuan hendak menyesatkanmu, padahal mereka tidak akan menyesatkan melainkan dirinya sendiri; dan juga mereka tidak akan dapat mendatangkan mudarat kepadamu sedikitpun; dan (selain itu) Allah telah menurunkan kepadamu Kitab (Al-Quran) serta Hikmah (pengetahuan yang mendalam), dan telah mengajarkanmu apa yang engkau tidak mengetahuinya. Dan adalah kurnia Allah yang dilimpahkanNya kepada mu amatlah besar.

Surah An-Nahl 16: 125

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Surah Al-Isra' 17: 39

Perintah yang demikian itu ialah sebahagian dari hikmat yang telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) oleh Tuhanmu. Dan (ingatlah) janganlah engkaujadikan bersama-sama Allah sesuatu yang lain yang disembah, kerana akibatnya engkau akan dicampakkan ke dalam neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir (dari rahmat Allah).

Surah Al-Ahzab 33: 34

Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (Al-Quran) dan hikmah pengetahuan (hadis-hadis Rasulullah). Sesungguhnya Allah Maha Halus tadbirNya, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.

Surah Az-Zukhruf 43: 63

Dan ketika Nabi Isa datang (kepada kaumnya) dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, berkatalah ia: "Sesungguhnya aku datang kepada kamu dengan membawa hikmat (ajaran Tuhan), dan untuk menerangkan kepada kamu: sebahagian dari (perkara-perkara agama) yang kamu berselisihan padanya. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah dan taatlah kepadaku.

Surah Al-Qamar 54: 5

(Yang demikian ialah) pengajaran yang cukup sempurna; dalam pada itu, segala peringatan dan amaran tidak akan mendatangkan faedah (kepada mereka yang ingkar).

Maksud ayat berkaitan Amanat yang dipikulnya :

Surah As-Sajdah 32: 12

Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu): "Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kami ingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; sesungguhnya kami sekarang telah yakin".

Maksud ayat berkaitan Takwa :

Surah Al-Baqarah 2: 2-5

Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.

Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).

Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekaalah orang-orang yang berjaya.

Surah Al-Baqarah 2: 177

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.

Surah Al-Baqarah 2: 197

(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).

Surah Al-Baqarah 2: 203

Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya.

Surah Al-Baqarah 2: 212

Kehidupan dunia (dan kemewahannya) diperhiaskan (dan dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang-orang kafir, sehingga mereka (berlagak sombong dan) memandang rendah kepada orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertaqwa (dengan imannya) lebih tinggi (martabatnya) daripada mereka (yang kafir itu) pada hari kiamat kelak. Dan (ingatlah), Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturanNya).

Surah Al-Baqarah 2: 237

Dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar maskahwin untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah kamu tetapkan itu, kecuali jika mereka memaafkannya tidak menuntutnya); atau (pihak) yang memegang ikatan nikah itu memaafkannya (memberikan maskahwin itu dengan sepenuhnya). Dan perbuatan kamu bermaaf-maafan (halal menghalalkan) itu lebih hampir kepada taqwa. Dan janganlah pula kamu lupa berbuat baik dan berbudi sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu kerjakan.

Surah Ali-Imran 3: 15-17

Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah supaya aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertaqwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan/ isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredaan dari Allah". Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan hamba-hambaNya.

(Iaitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka".

(Dan juga) orang-orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah), dan orang-orang yang benar (perkataan dan hatinya), dan orang-orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), dan orang-orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah), dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur.

Surah Ali-Imran 3: 76

Bahkan (mereka berdosa memakan hak orang, kerana), sesiapa yang menyempurnakan janjinya (mengenai hak orang lain) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa.

Surah Ali-Imran 3: 102

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Surah Ali-Imran 3: 120

Kalau kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan, maka yang demikian) menyakitkan hati mereka; dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. Dan kalau kamu sabar dan bertaqwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikitpun. Sesungguhnya Allah meliputi pengetahuanNya akan apa yang mereka lakukan.

Surah Ali-Imran 3: 123

Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu).

Surah Ali-Imran 3: 125

Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, nescaya Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang bertanda masing-masing.

Surah Ali-Imran 3: 130

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

Surah Ali-Imran 3: 133-136

Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa.

Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.

Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah -, dan mereka juga tidak

meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

Orang-orang yang demikian sifatnya, balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka, dan Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itulah sebaik-baik balasan (bagi) orang-orang yang beramal.

Surah Ali-Imran 3: 138

(Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia, dan petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.

Surah Ali-Imran 3: 179

Allah tidak sekali-kali akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan yang kamu ada seorang (bercampur aduk mukmin dan munafik, bahkan Ia tetap menguji kamu) sehingga Ia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang baik (beriman). Dan Allah tidak sekali-kali akan memperlihatkan kepada kamu perkara-perkara yang Ghaib akan tetapi Allah memilih dari RasulNya sesiapa yang dikehendakiNya (untuk memperlihatkan kepadanya perkara-perkara yang Ghaib). Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya; dan kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan beroleh pahala yang besar.

Surah Ali-Imran 3: 186

Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mendengar dari orang-orang yang telah diberikan Kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang yang musyrik: banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).

Surah Ali-Imran 3: 198

Tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka, mereka beroleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya, sebagai tempat sambutan tetamu (yang meriah dengan nikmat pemberian) dari Allah. Dan (ingatlah) apa jua yang ada di sisi Allah adalah lebih bagi orang-orang yang berbakti (yang taat, yang banyak berbuat kebajikan).

Surah Ali-Imran 3: 200

Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan).

Surah An-Nisa' 4: 1

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang

menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Surah An-Nisa' 4: 128-131

Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan. Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurniaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Maha Bijaksana.

Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang-orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertaqwa kepada Allah; dan jika kamu kufur ingkar, maka (ketahuilah) sesungguhnya Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.

Surah Al-Maidah 5: 2

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haraam, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari masjid Al-Haraam itu - mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa

(maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Surah Al-Maidah 5: 4

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu); dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha Cepat hitungan hisabNya"

Ayat-ayat al-Quran yang dikenalpasti dianalisis dan dijadikan instrumen dalam mereka bentuk dan membangunkan model. Dalil-dalil yang bertepatan dengan elemen Ekologi Spiritual akan dinilai oleh Pakar FDM dalam fasa 2 (II). Dalil-dalil yang memperolehi nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 dan peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$ sahaja diterima. Dalil tersebut telah dijadikan sebagai dalil bagi elemen Ekologi Spiritual. Bagi pembinaan konsep Ekologi Spiritual berasaskan al-Quran yang lebih mantap dan jitu, penyelidik telah merujuk tafsiran ayat yang dipilih berdasarkan tiga (3) kitab tafsir iaitu Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Ibn Abbas dan Tafsir al-Azhar oleh Hamka.

Pemilihan kitab-kitab tafsir ini adalah berdasarkan sorotan kajian yang menegaskan penerimaan Kitab Tafsir Ibn Kathir, Kitab Tafsir Ibn Abbas sebagai kitab tafsir yang muktabar. Selain itu, terdapat kecenderungan beberapa pengkaji ilmu ekologi untuk menggunakan Tafsir Ibn Abbas bagi mengaitkan ayat-ayat berkaitan ekologi dalam kajian mereka. Pemilihan Kitab Tafsir al-Azhar adalah di atas saranan oleh pakar penyemak isi kandungan model yang telah dinyatakan di dalam sesi

perbincangan bersama pakar dan penyataan ulasan daripada pakar tersebut. Rasional saranan pakar ialah untuk melihat tafsiran ayat dari kaca mata ulama nusantara.

Imam Ibn Kathir atau nama sebenar beliau Ismail bin Umar bin Kathir bin Daw bin Kathir bin Dir, asalnya al-Busrawi, kemudian ad-Dimashqi ash-Shafi'i dan juga al-Qurasyi. Beliau dilahirkan di Mijdal, sebuah kampung di luar kota Busra, terletak di sebelah Timur Damsyik pada tahun 701 H. Beliau menerima pendidikan daripada Ibnu Taimiyah, Al-Mizzi, Ibnu Qayim, Al-Dhahabi, Ibnu Al-Firkah, Isa bin Al-Mutim, Ahmed bin Abi-Talib, Ibnu Hajar, Baha Ad-Din Al-Qasim bin Muzaffar bin Asakir, Ibn Ash-Shirazi, Ishaq bin Yahya Al-Ammuddi, Zahriyyah Shaykh, dan Muhammad bin Zarrad. Ibnu Kathir menulis sebuah tafsir al-Quran yang sangat masyhur bertajuk Tafsir al-Qur'an al-Azim yang mengaitkan Hadis Nabi Muhammad SAW serta para Sahabat RA kepada al-Quran dalam penjelasan tafsirnya. Tafsir ibn Kathir terkenal di seluruh dunia Islam dan juga dalam kalangan Muslim di dunia Barat. Ibnu Kathir terkenal dengan daya ingatannya yang kuat berkaitan dengan Hadis-Hadis Nabi Muhammad SAW dan seluruh al-Quran. Ibnu Kathir meninggal dunia pada 774 H bersamaan Februari 1373 M di Damsyik.

Imam Ibn Abbas atau nama asal beliau `Abdullah ibn `Abbas dilahirkan tiga tahun sebelum Hijrah. Ayahnya bernama Abbas bin Abdul Muttalib dan ibunya pula bernama Lubabah binti Harith. Ini bermakna Abdullah merupakan sepupu kepada Nabi Muhammad SAW. Berasal dari kota Mekah. Berkat doa Rasulullah SAW kepadanya, Abdullah menjadi seorang pemuda yang terpelajar dan bijak dalam kalangan para sahabat yang seusia dengannya. Petah berdebat dan berbicara. Antara sumbangan besar beliau ialah menghasilkan kitab tafsir yang menjadi rujukan iaitu Tafsir Ibn Abbas.


Hamka lahir pada tahun 1908 di Desa Kampung Molek, Meninjau, Sumatera Barat, HAMKA sendiri merupakan singkatan dari nama beliau yakni Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Beliau memberikan sumbangan yang besar sebagai ulama Nusantara di dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan seperti filsafat, sastera, sejarah, sosiologi dan politik.

2.10 Konsep pembelajaran

Pembelajaran adalah proses interaksi pelajar dengan guru agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan. Pembelajaran seharusnya akan menghasilkan perubahan yang agak kekal hasil daripada penglibatannya dalam sesuatu pengalaman pendidikan. Skop pembelajaran sangat luas meliputi domain kognitif (pemikiran dan minda), afektif (perasaan dan emosi) dan psikomotor (anggota fizikal badan) (Abd Rahim Abd Rashid, 2002), Pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pembelajaran memerlukan kaedah dan proses sama ada dari yang paling mudah sehingga kepada yang paling kompleks. Pembelajaran boleh berlaku tanpa melalui proses pengajaran formal. Demikian juga pengajaran tidak semestinya menghasilkan pembelajaran.

Namun secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam situasi tertentu, terdapat pembelajaran yang tetap memerlukan proses pengajaran. Justeru, terdapat kemungkinan di mana pembelajaran yang berlaku tidak memenuhi syarat dan gagal mencapai kehendak sebenar pentakrifan pendidikan. Dalam pembelajaran, komponen asas yang mesti dipenuhi untuk menghasilkan pembelajaran ialah pelajar, perkara yang dipelajari (bersifat kandungan atau pengalaman pembelajaran, kaedah dan hasil perubahan yang kekal

secara relatif). Terdapat empat (4) komponen asas bagi menepati konsep pembelajaran iaitu pelajar, perkara yang dipelajari, kaedah pembelajaran dan hasil pembelajaran (Norhisham Nawi, 2011). Komponen asas pembelajaran boleh digambarkan seperti berikut:



*Rajah 2.2 Komponen Asas Pembelajaran
(Norhisham Nawi, 2011)*

Huraian bagi komponen asas pembelajaran tersebut dinyatakan seperti berikut:

i- Pelajar

Pelajar yang akan mempelajari sesuatu perkara sama ada berbentuk pengetahuan, kemahiran, pengalaman perasaan dan lain-lain. Pihak tersebut secara mudahnya digelar sebagai pelajar atau murid. Tanpa pelajar sudah tentu proses pembelajaran atau pengalaman pembelajaran tidak akan berlaku. Dalam konteks kajian, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar tingkatan empat bagi sekolah kajian. Dapatkan hasil kajian melalui kajian terhadap pelajar boleh dimanfaatkan kepada pelajar-pelajar lain dalam sistem pendidikan negara.

ii- Perkara Yang Dipelajari

Komponen kedua ialah perkara yang dipelajari. Ia boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan kategori. Umumnya secara mudah ia digelar ilmu samada berupa pengetahuan, kefahaman intelek, kemahiran, pengalaman perasaan, celik akal, kesedaran, nilai,

keyakinan, kepercayaan dan sebagainya. Ia juga boleh wujud dalam pelbagai konteks seperti fakta, andaian, persepsi, hipotesis, tesis, hikmah, pengalaman atau apa yang dialami dan sebagainya.

iii- Kaedah Pembelajaran

Kaedah pembelajaran adalah jambatan yang menyambungkan antara dua (2) komponen sebelumnya dan menyebabkan berlakunya proses pembelajaran. Ia juga boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan cara, bermula dengan yang paling mudah kepada yang paling kompleks. Walaupun proses pembelajaran adalah satu aktiviti yang bebas dan tidak terbatas kepada masa atau tempat tertentu, ia masih berhajatkan kepada kaedah untuk menjadikannya satu proses pembelajaran yang sempurna. Adalah mustahil proses pembelajaran boleh berlaku tanpa sebarang perantaraan kaedah. Antara kaedah pembelajaran ialah berguru, berbincang, bertanyakan soalan, berfikir, memerhati, merenung, mendapat ilham, bermimpi, mendapat wahyu (khusus untuk para nabi dan rasul) dan lain-lain. Ia juga boleh berlaku dalam pelbagai pendekatan seperti berpusatkan pelajar, guru, proses, objektif dan lain-lain.

iv- Hasil pembelajaran

Hasil yang dimaksudkan ialah sebarang perubahan yang berlaku hasil interaksi antara ketiga-tiga rukun sebelumnya. Perubahan tersebut sama ada dalam bentuk penambahan dan peneguhan atau perubahan atau pertukaran ke arah yang lebih baik. Perubahan itu mestilah benar dan memberi makna kepada pelajar berkenaan. Justeru, jika hasil tidak berlaku, ia tidak boleh dinamakan pembelajaran atau pengalaman pembelajaran walaupun ketiga-tiga komponen sebelumnya wujud. Oleh itu ramai individu yang tidak belajar walaupun secara zahirnya (berlaku aktiviti) seolah-olah berlaku proses pembelajaran. Sebaliknya terdapat juga seseorang individu yang sememangnya belajar atau mengalami pengalaman pembelajaran walaupun kaedahnya

sangat ringkas atau berbentuk spontan. Walau bagaimanapun terdapat rukun tambahan bagi proses pembelajaran yang melibatkan ilmu yang diperolehi dari sumber wahyu iaitu guru kerana ilmu agama wajib diperolehi melalui proses berguru atau mesti mendapat bimbingan dari ahli yang layak.

Dalam konteks kajian, pembelajaran yang dimaksudkan ialah input daripada pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami kepada pelajar melalui aplikasi aspek-aspek model melalui medium pembelajaran dan bimbingan guru. Proses pembelajaran berlaku daripada pemahaman pelajar terhadap konsep, seterusnya memberi kesan kepada sifat dan penghayatan amalan pelajar.

2.11 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Teori konstruktivisme oleh Vygotsky (1978) merupakan suatu teori yang digunakan sebagai panduan dalam pendidikan. Dalam pendidikan konstruktivis, terdapat beberapa prinsip asas, iaitu pengetahuan dibina oleh para murid, setiap murid memiliki idea dan pengetahuan asas, proses pembinaan pengetahuan melibatkan aspek sosial, dan guru merupakan fasilitator dalam pembinaan pengetahuan murid. Penggunaan pendekatan teori PdP memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesaan sesuatu PdP dalam bidang pendidikan. Sehubungan dengan itu, salah satu teori yang berkesan dalam proses PdP adalah konstruktivisme. Teori ini pada umumnya adalah merupakan pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia. Mc Brien dan Brandt (1997) menyatakan konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran berdasarkan penyelidikan tentang bagaimana manusia belajar. Kebanyakan penyelidik berpendapat setiap individu membina pengetahuan dan bukannya menerima pengetahuan daripada orang lain.

Teori konstruktivisme menyatakan bahawa murid membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada apa yang mereka telah fahami sebelum ini (Brooks & Brooks 1993). Mereka membentuk peraturan melalui refleksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna kepada mereka, maka mereka akan sama ada menginterpretasi apa yang mereka lihat supaya sesuai dengan peraturan yang mereka telah bentuk atau mereka akan menyesuaikan peraturan mereka agar dapat menerangkan maklumat baharu ini dengan lebih baik.

Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya setiap insan membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih. Nik Azis Nik Pa (1999), pula menyatakan konstruktivisme adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri. Hal ini bermakna, sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif dari luar. Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seseorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya setiap insan membentuk pengetahuan sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih. Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, maka pengertian pembelajaran secara konstruktivisme bolehlah dirumuskan sebagai satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada.

Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru. Implikasi dari teori

ini adalah PdP akan berpusatkan murid. Pengetahuan yang dipunyai oleh murid adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh murid tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif. Guru pula berperanan sebagai fasilitator yang membantu murid membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Guru juga sebagai perekat bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baru. Guru akan mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut.

2.11.1 Pengaplikasian konsep ‘Scaffolding’ dalam Model

Konsep ‘scaffolding’ membawa maksud suatu bantuan atau bimbingan kepada pelajar bagi menyiapkan sesuatu tugas yang tidak dapat diselesaikan tanpa mendapat bantuan daripada guru (Zakaria Abdullah, 2013) . Menurut Vygotsky (1978), guru dapat merangsang zon ini dengan memberikan peluang yang banyak kepada pelajar bergerak balas yang mencakupi kemahiran dan kebolehan yang boleh dilakukan oleh pelajar secara bersendirian serta lain-lain kemahiran yang memerlukan bantuan guru (Shahabudin, Rohizani & Mohd. Zohir, 2007).

‘Scaffolding’ juga dikatakan sebagai;

‘was developed as a metaphor to describe the type of assistance offered by a teacher or peer to support learning. In the process of scaffolding, the teacher helps the student master a task or concept that the student is initially unable to grasp independently. The teacher offers assistance with only those skills that are beyond the student’s capability’.

Dalam kajian ini, Teori Konstruktivisme melalui fungsi *Scaffolding* oleh Vygotsky adalah merupakan unsur medium pembelajaran model kepada pelajar. Memandangkan konsep ekologi spiritual merupakan satu konsep ilmu yang diserapkan di dalam pembelajaran yang sedia ada, medium pembelajaran seperti laman web, blog

dan pelbagai aplikasi berdasarkan teknologi maklumat digunakan untuk pembelajaran. Selain itu, peranan guru sebagai *scaffolding* turut menjadi elemen model di mana guru dapat menerapkan konsep dalam mata pelajaran, mengaitkan konsep dalam aktiviti pembelajaran dan pembelajaran khususnya dalam aktiviti kokurikulum pelajar.

2.12 Teori Pembelajaran Bloom

Taksonomi Bloom telah diperkenalkan oleh Benjamin Bloom dan rakan-rakannya pada tahun 1956 (Bloom, 1976). Ia menekankan proses mental dan kemahiran berfikir yang disusun daripada peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Susunannya daripada mudah kepada kompleks dan daripada konkret kepada abstrak (Krathwohl, 2002). Enam hierarki tersebut disusun daripada peringkat pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian (Noraini Idris, 2001). Teori Pembelajaran Bloom menjelaskan bahawa pembelajaran bukan sahaja berlaku dari segi mental, malah ia boleh berlaku dari segi fizikal, emosi dan juga sosial atau dengan kata lain berlaku dalam 3 aspek utama iaitu aspek kognitif afektif dan psikomotor. Penjelasan tentang teori pembelajaran Bloom boleh dirujuk berdasarkan Jadual 2.7 di bawah:

Jadual 2.7


Jenis Pembelajaran Bloom

PEMBELAJARAN KOGNITIF	PEMBELAJARAN AFEKTIF	PEMBELAJARAN PSIKOMOTOR
Mengutamakan penggunaan mental. • Contohnya: Menyelesaikan masalah matematik dan sains, memberi hujah bagi menyokong sesuatu perbincangan yang bersifat akademik.	Mengutamakan penggunaan aspek sosial dan emosi. • Contohnya : Berinteraksi dengan orang lain dan mendalami emosi diri sendiri untuk belajar bertolak ansur, bertanggungjawabn belas kasihan dan sifatsifat sosial yang lain.	Mengutamakan penggunaan aspek fizikal dan melibatkan koordinasi antara otak, saraf dan anggota badan. • Contohnya: Belajar menulis, bermain bolasepak, menunggang basikal, mebaiki kereta dengan perkakas, menjahit dan sebagainya.

2.13 Aspek Utama Pembangunan Model

Dalam konteks kajian, Teori Pembelajaran Bloom telah diubahsuai berdasarkan Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005). Model tersebut dipilih kerana sejajar dengan kandungan Model Ekologi Spiritual yang berkaitan dengan akidah iaitu dengan memahami konsep dapat melahirkan pelajar yang menyedari kekuasaan Allah SWT, seterusnya memberi kesan kepada aspek psikomotor atau penghayatan amalan melalui amalan ibadah.

Dalam aspek kefahaman, kandungan model digariskan berdasarkan kefahaman terhadap definisi konsep, objektif Ekologi Spiritual, elemen Ekologi Spiritual, sumber, hikmah dan ciri-ciri Ekologi Spiritual. Dalam aspek sifat, kandungan yang ditekankan ialah sifat berfikir, sifat bersyukur, sifat bertanggungjawab dan sifat bertakwa. Akhir sekali dalam aspek psikomotor, klasifikasi penghayatan amalan dijuruskan kepada pelaksanaan ibadah berdasarkan rukun Islam, rukun Iman dan Ihsan. Rajah 2.1 di bawah menunjukkan aplikasi Teori Bloom dalam model.




Rajah 2.3 Teori Pembelajaran Bloom Yang Digabungkan Berdasarkan Model Penghayatan Akidah al-Ghazali (2005)

2.14 Kajian Berkaitan Ekologi Spiritual

Konsep Ekologi Spiritual menurut perspektif Islam jelas bertentangan dengan penyelidikan barat berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan kerohanian terutama dari aspek nilai ketauhidan kepada Allah SWT . Faktor tersebut telah menjadikan kajian ini begitu relevan untuk diketengahkan. Kajian Zaharah Hussin (2012) yang telah mengetengahkan konsep Eko-Spiritual dalam pembangunan kerohanian manusia melalui kesedaran terhadap elemen alam sekitar telah mendapati bahawa, terdapat banyak kajian yang dilakukan berkaitan pembangunan kerohanian (*Spiritual Development*) adalah bersifat sekular (tanpa kepercayaan agama). Contohnya kajian terhadap 800 artikel akademik ISI berkaitan konsep ‘*spiritual development*’ hanya menemui 120 instrumen kajian berkaitan aspek kerohanian dan 76 daripadanya tidak melibatkan soal agama.

Berbeza dengan kajian-kajian dalam negara berkaitan ‘*spiritual development*’, pengkajian lebih banyak memberi fokus kepada aspek keagamaan dalam membincangkan isu-isu akhlak, kerohanian mahupun nilai-nilai moral. Kajian-kajian luar negara adalah lebih menjurus kepada ‘*spirituality and health*’ (Raisuyah Bhagwan, 2009; Aasim.et.al, 2012). Keperluan dalam pembangunan kerohanian pada hari ini adalah diperakui kerana ia akan melahirkan insan yang berkualiti dan seimbang dari aspek intelek dan kerohanian. Kecenderungan pelbagai kajian adalah lebih menumpukan kepada berkaitan bidang tersendiri seperti bidang ekologi, pembangunan spiritual atau nilai, kajian alam sekitar dan kajian berkaitan pembelajaran Pendidikan Islam samada pedagogi, atau amalan pembelajaran. Rajah 2.4 di bawah menunjukkan kajian-kajian yang berkaitan:



*Rajah 2.4 Kajian Berkaitan Ekologi, Alam Sekitar dan Pembelajaran Pendidikan Islam
Dan Pembangunan Spiritual*

Antara kajian yang menjurus kepada bidang alam sekitar ialah kajian Abdul Aziz Shamsuddin (2003), Abu Bakar Yang (2010), Aini MS, Nor Azura & Fakhrulrazi (2011), Arba'at Hassan (2006), Aznizah Mahyudin (2007), Chiang Siew Hong (1998), Mashitah Yaacob (2000), Mohd Isa Hashim, Mohamad Suhaily & Yusri Che Ngah (2005), Mohamad Zohir Ahmad & Nordin Abdul Razak (2007), Nor Akmal Ismail (2004), Nurul Hidayah Abdullah Liew, Haryati Shafii & Seow Ta Wee (2013), Rosnani Ibrahim (2006). Manakala kajian yang menjurus kepada bidang pembelajaran Pendidikan Islam antaranya ialah: Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi (2010), Ab. Halim Tamuri (2003), Abdul Rasyid (1999), Abdullah Ishak (1995), Abdullah Jusoh (1990), Adnan Yusof (2002), Ahmad Syaibani (1997), Ahmad Mohd Salleh (2004), Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). Antara kajian yang berkaitan al-Quran ialah Adel M. Abdul Aziz (2006), Ismail Abdul Rahman (1993), Mohd Fauzan Abdul Hamid (2006), Mustafa Abdullah, Osman Muda & Mohd Shafie Hamzah (2014), Yusri Chek (2005), Zakaria Din (2014) & Zamri Mohd Zainuddin (2009).

Oleh yang demikian, kajian ini mengabungkan kajian-kajian berkaitan bagi membangunkan satu penyelidikan yang akan memberi sumbangan kepada bidang pendidikan negara. Kajian pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami adalah satu kajian yang mengabung jalin kajian-kajian dalam bidang yang telah dinyatakan bagi menghasilkan satu kajian yang berperanan mengembangkan lagi disiplin ilmu. Selain itu, jika sebelumnya, elemen spiritual akan terbentuk dalam diri pelajar secara implisit contohnya daripada kandungan Falsafah Pendidikan Negara itu sendiri yang mengandungi unsur spiritual, mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri merupakan satu mata pelajaran yang mengandungi unsur spiritual, tetapi dengan kajian ini pembangunan spiritual pelajar melalui penghayatan terhadap elemen ekologi spiritual adalah satu inisiatif secara eksplisit untuk mengukuhkan elemen spiritual pelajar.

Bagi kajian khusus berkaitan Ekologi Spiritual Islam, kajian Eko Asmanto (2015), iaitu Meningkatkan Semangat Ekologi Kerohanian Dalam Perspektif Pendidikan Islam menekankan menangani permasalahan alam sekitar yang berlaku dalam masyarakat hari ini dalam perspektif Pendidikan Islam. Kajian ini menegaskan Ekologi Spiritual dalam Islam adalah menjurus kepada hubungan antara manusia dan alam, fungsi diciptakan alam dan fungsi hidup yang betul atau dengan kata lain matlamat kehidupan yang sebenar. Oleh itu, Pendidikan Islam dilihat sebagai satu wadah untuk menangani permasalahan. Jesteru itu, kajian ini selari dengan dapatan kajian dimana Ekologi Spiritual adalah satu isu yang perlu diketengahkan dalam masyarakat. Kajian ini juga menekankan melalui pendidikan, masyarakat akan sedar tentang kepentingan alam adalah Pendidikan. Berdasarkan kajian Fachruddin M. Mangunjaya, Husain Heriyanto & Reza Gholami (2007) menjelaskan fahaman Ekologi Spiritual Islam adalah merangkumi tugas manusia terhadap alam, hakikat alam sebagai ciptaan Allah SWT, fungsi alam dan hubungan manusia dalam

memelihara alam berdasarkan pandangan agama Islam. Kajian ini lebih menjurus berkaitan permasalahan alam sekitar yang berlaku seperti pembuangan sampah, pencemaran udara dan sebagainya yang berlaku dalam masyarakat. Permasalahan alam sekitar dilihat dalam perspektif Islam seperti tanggungjawab manusia sebagai khalifah untuk mentadbir alam dan hukum merosakkan alam boleh diibaratkan seperti membunuh manusia.

Selain itu, kajian Irawan Irawan (2017) juga menjurus pada peranan Ekologi Spiritual sebagai solusi krisis alam sekitar. Kajian ini menekankan peranan manusia sebagai khalifah yang dikurniakan akal oleh Allah untuk menguruskan alam. Umat Islam perlu memperbaiki tingkah laku mereka untuk hidup lebih harmoni dengan alam. Ia juga menekankan etika dan moral manusia sangat penting untuk memperlakukan alam dengan cara yang baik dan dalam diri manusia harus ada nilai kerohanian dalam setiap lapisan kehidupan ketika berhadapan dengan alam.

Justeru itu, kajian pembangunan model ini yang mengadapatisi fahaman ekologi spiritual Islam untuk pembangunan spiritual pelajar adalah amat tepat kerana melihat hubungan alam dan manusia yang sangat rapat. Hubungan itu akhirnya membawa kepada ketauhidan kepada Allah atau bertepatan dengan matlamat kajian ini untuk membangunkan nilai spiritual pelajar dengan ketauhidan kepada Allah sehingga boleh mencegah dari melakukan perbuatan mungkar.

2.15 Kesimpulan

Secara keseluruhannya dalam bab ini telah membincangkan kajian literatur berkaitan konsep Ekologi Spiritual Islam , sumber rujukan konsep ini serta asas-asas teori berkaitan kajian dan dapatan lalu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil tinjauan perpustakaan berhubung kajian-kajian berkaitan yang telah dilaksanakan mendapati banyak kajian lepas menjurus kepada bidang-bidang tersendiri seperti bidang alam sekitar atau ekologi sahaja, kajian kaedah pembelajaran pelajar dan pengajaran guru, kajian berkaitan nilai dan tahap penghayatan agama di kalangan pelajar melalui pengukuran amalan ibadat, namun kajian-kajian berkaitan yang mengabungkan penghayatan terhadap dalil-dalil berkaitan ekologi yang bertujuan membangunkan spiritual pelajar adalah masih terhad. Selain itu terdapat tiga (3) aspek utama yang difokuskan dalam pembangunan model iaitu aspek kefahaman, aspek sifat dan aspek penghayatan amalan. Perbincangan berikutnya dalam bab 3 memfokuskan kepada metodologi yang digunakan dalam kajian.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang proses mengumpul, menganalisis dan mentafsir data. Perkara utama yang dibincangkan dalam bahagian kaedah kajian adalah meliputi semua aspek yang berkaitan dengan prosedur kajian yang dijalankan. Penerangan dalam bab ini adalah tertumpu kepada fasa yang terlibat dalam kajian, iaitu Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan, fasa 2: Fasa Reka Bentuk dan fasa 3: Fasa Penilaian model di mana setiap fasa diperincikan tentang kaedah yang digunakan. Kandungan bab ini juga adalah meliputi prosedur pemilihan responden dan peserta kajian, proses pengumpulan data dan matriks kajian pembangunan model serta diakhiri dengan rumusan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah satu perancangan berstruktur dan berstrategi bagi menentukan sesuatu corak penyelidikan. Rekabentuk penyelidikan mempunyai perancangan menyeluruh untuk menjawab persoalan-persoalan atau masalah penyelidikan (Kerlinger, 1986 dalam Rusinah Joned, 2002). Dalam kajian ini reka bentuk kajian adalah melibatkan kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif. Menurut Cresswell (2005) dan hasil kajian Zaharah Hussin (2008), reka bentuk kajian seumpama ini dinamakan kaedah campuran secara penerangan (*Explanatory Mixed Method Design*) yang melibatkan dua (2) fasa kajian atau lebih.


Bertepatan dengan penyelidikan untuk membangunkan satu model pembelajaran, kajian ini menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research* (DDR) yang melibatkan tiga (3) fasa utama, iaitu dimulakan dengan kajian Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan, Fasa 2: Fasa Reka bentuk dan Fasa 3: Fasa Penilaian. Kajian reka bentuk dan pembangunan dapat dinyatakan sebagai satu kajian yang sistematik berkenaan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian, bertujuan mendapatkan asas empirikal untuk penghasilan keluaran dan alat pengajaran dan model-model baru atau lebih baik yang merangkumi pembinaannya (Richey & Klien, 2007). Pendekatan ini juga adalah bersandarkan kepada kajian Aniza Said (2015), Ridhuan Jamil (2016) dan Habibah Ramli (2017), yang mengadaptasikan kajian berdasarkan fasa-fasa utama berdasarkan dari buku *Design and Developmental Research: Emergent Trends in Educational Research*. Jelasnya, aliran kajian pembangunan adalah meliputi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk yang dihasilkan.

Dalam Fasa 1 kajian, satu tinjauan terhadap keperluan dalam pembinaan model telah dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual dan kandungan model bagi memenuhi Fasa Analisis Keperluan. Di samping itu, bagi mengukuhkan dapatan dalam Fasa Analisis Keperluan ini, pengkaji turut melaksanakan kaedah temubual kepada pakar yang terdiri daripada seorang pensyarah dari sebuah IPTA dan tiga (3) orang guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang melebihi 15 tahun. Seterusnya diikuti dengan Fasa 2 kajian iaitu mereka bentuk dan membina model berasaskan kajian literatur dan analisis kajian daripada dapatan analisis keperluan, *Kitab Ihya' Ulumuddin* karya Imam al-Ghazali RA berserta tematik

al-Quran dan Kitab tafsir yang muktabar iaitu Tafsir oleh Ibn Kathir, Ibn Abbas dan Kitab Tafsir al-Azhar oleh Hamka.

Selain itu, pembinaan model turut dilaksanakan melalui pengimplementasian teknik Fuzzy Delphi (*Fuzzy Delphi Method*) untuk mendapat kesepakatan pengesahan oleh pakar terhadap aspek utama dan isi kandungan model. Teknik ini adalah diubahsuai daripada teknik Delphi yang digunakan bertujuan untuk tujuan pengesahan kandungan model secara sistematik (Zaharah Hussin, 2008). Pada fasa terakhir kajian iaitu fasa ketiga, teknik NGT ubahsuai (*Nominal Group Technique*) iaitu Teknik Kumpulan Nominal telah digunakan untuk menilai kebolehgunaan model. Berdasarkan kajian Habibah Ramli et. al (2016), teknik ini merupakan satu kaedah menjawab persoalan kajian yang terkini dalam penyelidikan Pendidikan Islam dan bersifat semi kuantitatif kerana ia turut menggabungkan kaedah kualitatif.

Kerangka rekabentuk kajian yang berteraskan penyelidikan pembangunan Richey & Klien dipaparkan melalui rajah di bawah:



Rajah 3.1 Kerangka kajian berdasarkan *DDR Research* (Richey & Klien, 2007)

Dalam konteks kajian pembangunan model ini, kaedah penyelidikan bagi kajian ini secara keseluruhan diperincikan berdasarkan jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1
Metodologi Kajian

FASA	TEKNIK	INSTRUMEN	ANALISA DATA
Fasa 1: Analisis Keperluan	Kuantitatif (Soal selidik)	Borang soal selidik	Statistik deskriptif menggunakan <i>SPSS</i> dianalisis dalam bentuk min.
	Kualitatif (Temu bual)	Borang temu bual Separa berstruktur	Tematic
Fasa 2: Reka bentuk	Kualitatif (Kajian literatur)	Data analisis keperluan Analisis kandungan tematik al-Quran, Kitab Ihya' Ulumuddin	Tematic
	Kuantitatif	Borang soal selidik menggunakan kaedah <i>FDM (Fuzzy Delphi Method)</i>	Kaedah <i>FDM</i>
Fasa 3: Penilaian	Kuantitatif	Borang Soal selidik menggunakan Kaedah <i>Nominal Group Technic (NGT)</i>	Kaedah <i>NGT</i>

Seterusnya, untuk memudahkan pemahaman dan menjadikannya bersistematik, penerangan metodologi kajian dalam bab ini dibahagikan mengikut fasa-fasa kajian. Dalam setiap fasa, penerangan adalah meliputi perkara-perkara berikut: (i) Tujuan kajian (ii) Instrumen kajian (iii) Peserta kajian (iv) Prosedur pengumpulan & penganalisaan data (v) Kesahan dan kebolehpercayaan data.

3.3 Fasa 1: Analisis Keperluan

Fasa 1 adalah Fasa Analisis Keperluan yang melibatkan tinjauan awal terhadap sesuatu isu atau fenomena. Di dalam Fasa 1, analisis keperluan bagi kajian dijalankan berdasarkan kaedah tinjauan kepada pelajar bagi mengenalpasti tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami dan menganalisis keperluan model Ekologi Spiritual Islami untuk dibangunkan. Selain itu, langkah ini juga dapat mengenalpasti pengetahuan asas pelajar terhadap konsep. Konsep ini sebenarnya telah terkandung secara umum di dalam sukanan mata pelajaran Pendidikan Islam tingkatan satu sehingga lima dan terdapat juga di dalam sukanan Tasawwur Islam Tingkatan 4.

Walaubagaimanapun, penyelidikan dan pembangunan Model Ekologi Spiritual yang berbentuk model pembelajaran ini dilaksanakan dengan kaedah mengintergrasi ilmu Akidah, ilmu al-Quran dan Ekologi serta mengambil kira pandangan Sains ini dapat membantu pelajar untuk lebih memahami konsep dengan lebih mendalam dan seterusnya dapat meningkatkan elemen spiritual mereka.

Penerangan kaedah penyelidikan Fasa 1 adalah sebagaimana berikut:

3.3.1 Fasa 1 (I): Soal Selidik

i. Tujuan

Tujuan kajian Fasa 1 ialah untuk mengenalpasti keperluan untuk pembangunan model berdasarkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual. Persoalan kajian bagi fasa ini ialah:

- Soalan 1: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?
- Soalan 2: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek elemen Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?
- Soalan 3: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek sifat Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?

ii. Instrumen Kajian

Dalam kajian fasa pertama (I), pengkaji telah menggunakan instrumen borang soal selidik yang dibina berdasarkan kajian lepas. Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan hasil adaptasi dari kajian lepas iaitu kajian oleh Azma Mahmood (2006) dan Hazura Abu Bakar (2009). Kajian oleh Azma Mahmood adalah bertujuan untuk mengukur tahap penghayatan Pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia manakala kajian oleh Hazura Abu Bakar adalah bertujuan untuk mengkaji aspek penghayatan agama, nilai hidup serta pengetahuan alam sekitar pelajar Muslim dan kaitannya dengan sikap dan tingkah laku mereka terhadap alam sekitar. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dilihat bertepatan dengan tajuk kajian berhubung ekologi (alam sekitar) dan spiritual (penghayatan agama).

Sehubungan itu, satu set soal selidik menggunakan Skala Likert telah dibina untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan keperluan pelajar terhadap kajian pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami. Kajian Rusinah Joned (2002) menerangkan, Skala Likert mempunyai skala untuk menilai atau memberi kadar yang boleh dirumuskan. Antara kelebihan lain kaedah ini ialah mudah diurus dan dipakai, mudah dijawab, data yang dipungut lebih tinggi kepercayaannya dan boleh mengukur sikap (Mohd. Majid Konting, 2000).

Soal selidik yang dibina adalah terdiri daripada empat bahagian dan mengandungi 60 item. Bahagian A (demografi) iaitu terdiri daripada latar belakang sampel iaitu jantina dan keputusan gred bagi matapelajaran Pendidikan Islam. Manakala bahagian B pula terdiri daripada item-item yang dibina berdasarkan objektif kajian yang mengandungi pernyataan yang menjurus kepada konsep Ekologi Spiritual (20 item). Bahagian C (20 item) iaitu mengandungi item-item yang berbentuk pernyataan berhubung elemen Ekologi Spiritual manakala bahagian D (20 item) terdiri daripada item-item berbentuk pernyataan yang dibina berdasarkan sifat-sifat Ekologi Spiritual . Instrumen ini diukur dengan menggunakan 5 skala likert yang mempunyai skala 1 iaitu ‘sangat tidak setuju’, 2 iaitu ‘tidak setuju’, 3 ‘tidak pasti’, 4 ‘setuju’ dan 5 adalah ‘sangat setuju’. Setiap responden akan menilai setiap kenyataan atau item dengan menggunakan lima aras ini mengikut pandangan mereka.

iii. Responden Kajian

Responden kajian di dalam fasa pertama adalah terdiri daripada 200 orang pelajar Muslim Tingkatan Empat yang belajar di empat buah sekolah menengah berlainan kategori dan jenis di negeri Kedah. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan persampelan bertujuan. Rasional pemilihan kumpulan pelajar Muslim Tingkatan Empat ini adalah kerana model yang dibina adalah berasaskan sukanan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 1 hingga 4 secara dominan dan sukanan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 5 sebagai tambahan. Selain itu model ini juga berasaskan sukanan pelajaran Tasawwur Islam Tingkatan 4.

Responden ini juga dipilih berdasarkan pendapat Hazura Abu Bakar (2009) yang menyatakan berasaskan peringkat perkembangan akil baligh bagi seorang Muslim biasanya sudah berlaku pada umur 15 tahun. Pada peringkat umur ini, seorang individu Muslim sewajarnya telah mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan hukum-hukum asas syariat dalam aspek ibadah khusus dan ibadah umum. Aspek berkaitan alam sekitar ini adalah termasuk di dalam ibadah umum. Selain itu, ekologi spiritual merupakan istilah yang baru digunakan khususnya untuk kajian di dalam bidang pendidikan. Oleh itu, kumpulan ini dilihat lebih relevan untuk menerima satu konsep yang baru di dalam pendidikan berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

iv. Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisaan Data

Kaedah pengumpulan data dalam fasa pertama (I) ini adalah melalui borang kaji selidik. Proses pengumpulan dan penganalisaan data telah dikendalikan sendiri oleh pengkaji. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 200 orang murid tingkatan 4 yang beragama Islam di empat sekolah menengah kajian. Pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, dan seterusnya memohon kebenaran daripada pihak pengetua di sekolah yang terlibat. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik Fasa 1 (I) diproses menggunakan perisian SPSS dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dalam bentuk nilai min. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan analisis adalah berpandukan kepada jadual skor min Jainabee Kassim & Jamil Ahmad (2009), sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2
Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Menurut Wiersma (2000) dalam Hazura Abu Bakar (2009), dua (2) ciri penting yang dapat menentukan kesesuaian dan kegunaan sesuatu instrumen ialah kesahan dan kebolehpercayaan intrumen tersebut. Oleh itu, bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, beberapa langkah yang diambil oleh pengkaji. Antaranya bagi menjamin kesahan kandungan instrumen, tiga (3) orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam isi kandungan, pembinaan item dan bahasa telah dirujuk. Tiga (3) orang panel pakar tersebut adalah terdiri daripada seorang pensyarah dari sebuah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan dua (2) orang pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru (IPG).

Selain itu, bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini, maka kajian rintis dilaksanakan di sebuah sekolah menengah yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Dapatan bagi kajian rintis ini dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis ini di jalankan ke atas sekumpulan 70 orang pelajar muslim tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Negeri Kedah. Hasil kajian rintis menunjukkan tahap kefahaman terhadap konsep ekologi spiritual secara umum adalah tinggi. Dapatan juga mendapati responden amat berminat untuk memahami ilmu ekologi dan merasakan elemen spiritual adalah penting dalam kehidupan. Kajian rintis dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat kestabilan nilai Cronbach Alpha yang diperolehi.

Jadual Nilai Kebolehpercayaan boleh dijadikan panduan dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian dari aspek kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan (Lim, 2007) seperti di Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.3
Pekali Kebolehpercayaan

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Hasil kajian rintis menunjukkan tiga bahagian item telah mencapai tahap kebolehpercayaan sederhana (item B), amat baik (item C) dan baik (item D). Dapatan analisis nilai *Cronbach Alpha* ditunjukkan dalam rajah 3.4 di bawah.

Jadual 3.4
Nilai Cronbach Alpha Ujian Rintis

Bahagian item	Nilai Cronbach Alpha	Tahap kepercayaan item
A. Demografi peserta	-	-
B. Konsep Ekologi Spiritual	0.663	Sederhana
C. Elemen Ekologi Spiritual	0.914	Amat baik
D. Sifat ekologi Spiritual	0.824	Baik

Kaedah Cronbach Alpha merupakan ujian yang sering digunakan untuk mengukur ketekalan dalam sesuatu konsep. Pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.6000 adalah sesuai menurut Mohd. Majid Konting (2004) untuk dijadikan sebagai alat pengukur kepada sesuatu kajian. Oleh itu, nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha yang kurang dari nilai 0.60 tidak diterima pakai kerana ia dianggap rendah, nilai di antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima sementara nilai Cronbach Alpha lebih dari 0.80 di anggap sangat baik (Sekaran, 1992; Muijs, 2004).

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan daripada kajian rintis yang dijalankan, beberapa cadangan penambahbaikan bagi kajian yang sebenar telah dibincangkan bersama pakar penyemak. Antara penambahbaikan yang dicadangkan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian ialah selain mengenal pasti tahap kefahaman murid, kajian juga dirasakan perlu untuk melihat tahap penghayatan murid terhadap konsep ekologi spiritual. Selain itu, beberapa item telah diubah dari segi ayat bagi memudahkan pemahaman responden kajian dalam kajian sebenar. Hasil analisis daripada dapatan kajian Fasa 1, telah diambil kira di dalam pembinaan instrumen dalam fasa berikutnya iaitu Fasa Reka Bentuk model.

3.3.2 Fasa 1 (II): Temubual Pakar

Bagi memenuhi objektif analisis keperluan dan mengukuhkan lagi dapatan kajian

dalam Fasa 1, pengkaji turut melaksanakan kaedah temubual separa berstruktur kepada empat (4) orang pakar. Temu bual ini dilaksanakan bagi menyokong dapatan Fasa 1 (I). Temubual pakar bagi mendapat maklumat kajian amat penting sebagai mengenalpasti keperluan pembangunan model. Pengkaji menggunakan temubual separa berstruktur kerana ia bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik.

i. Tujuan

Fasa ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah keperluan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam menurut pandangan pakar. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

Sejauhmanakah keperluan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam menurut pandangan pakar?

ii. Instrumen Kajian (Soalan Temubual)

Instrumen ini digunakan semasa menemu bual empat (4) orang pakar bagi mendapatkan maklumat berhubung aspek-aspek utama konsep ekologi spiritual dan keperluan pembangunan model ini. Bagi mendapatkan data kualitatif, kaedah temu bual separa berstruktur dijalankan kepada empat (4) orang pakar yang terdiri daripada seorang pensyarah dalam bidang Pendidikan Islam dan tiga (3) orang guru Pendidikan Islam yang berpengalaman mengajar dalam bidang melebihi 15 tahun. Responden diminta memberikan jawapan mengikut pandangan masing-masing bagi setiap soalan temubual yang disediakan. Semua pandangan responden akan dicatat dan direkodkan menggunakan alat perakam suara.

iii. Peserta Temubual

Sampel kajian dalam ini adalah melibatkan peserta untuk temubual. Peserta merupakan pakar yang terdiri daripada seorang pensyarah dalam bidang Pendidikan Islam , dan tiga (3) orang guru Pendidikan Islam yang berpengalaman mengajar melebihi 15 tahun. Jumlah keseluruhan peserta temubual di dalam Fasa 1 ialah empat (4) orang. Jadual 3.5 menunjukkan deskripsi berhubung panel pakar yang terlibat dalam temubual:

Jadual 3.5
Profil Panel Pakar

Kod Pakar	Kepakaran	Jawatan	Institusi	Kelulusan Tertinggi	Pengalaman
K01	Kurikulum Pendidikan Islam Pedagogi	Pensyarah Kanan	Universiti	Doktor Falsafah	Pensyarah berpengalaman dalam bidang pedagogi, menulis buku berkaitan Pendidikan Islam
K02	Kurikulum Pendidikan Islam Tassawur Islam	Guru Agama	Sekolah Menengah	Sarjana Muda	Ketua Pemeriksa Kertas Tasawwur Islam SPM
K03	Kurikulum Pendidikan Islam Pedagogi	Guru Agama	Sekolah Menengah	Sarjana Muda	Ketua Pemeriksa Kertas Pend.Islam SPM
K04	Kurikulum Pend. Islam Pedagogi	Guru Agama	Sekolah Menengah	Sarjana Muda	Ketua Pemeriksa Kertas Pendidikan Islam PMR/PT3/ SPM

iv Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisaan Data

Seterusnya data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual dianalisis secara manual. Langkah pertama ialah membuat transkripsi selepas setiap sesi temu bual. Kemudian transkripsi-transkripsi dikumpulkan mengikut setiap soalan. Seterusnya, analisis transkripsi dilakukan dengan melihat tema-tema tertentu jawapan yang diberikan oleh responden mengikut proses yang dicadangkan oleh Bogdan dan Biklen dalam Hazura Abu Bakar (2009). Mereka mencadangkan tiga (3) langkah utama dalam analisis data kualitatif iaitu pertama: membangunkan kategori-kategori pengkodan, kedua; mengenalpasti ciri-ciri yang memenuhi kategori pengkodan dan ketiga; membuat interpretasi berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenal pasti.

v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Bagi menentukan keesahan dan kebolehpercayaan, pengkaji turut mendapatkan nilai persetujuan pakar terhadap tema yang dibina. Persetujuan pakar dalam kaedah kualitatif adalah penting (Cohen, Manion & Morris 2000). Pakar adalah interater (persetujuan antara penilai) iaitu orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji selaku pendidik. Mereka terdiri daripada tiga (3) orang pakar yang mahir berkaitan skop kajian dalam menentukan indeks *Cohen Kappa* dalam kajian ini. Mereka juga adalah pakar dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam dan bidang kualitatif. Pengkaji telah mengemukakan surat lantikan kepada pakar dan borang persetujuan pakar. Setelah maklum balas diperolehi, pengkaji telah menganalisis bagi menentukan kebolehpercayaan data seterusnya dilaporkan dalam dapatan kajian. Nilai pekali persetujuan dikira menggunakan formula Cohen Kappa dan indicator tahap persetujuan adalah seperti Jadual 3.6 berikut:

$$K = fa - fc / N - fc$$

Di mana:

fa = unit persetujuan oleh pakar

fc = 50 peratus jangkaan persetujuan

N = bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Jadual 3.6
Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa (Wiersma 2000)
Sangat tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	<0.30

Sumber: Wiersma (2000)

3.4 Fasa 2: Reka Bentuk Model

Proses seterusnya di dalam fasa kedua ialah mereka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Fasa ini melibatkan dua kaedah kajian dan melibatkan beberapa instrumen utama.

3.4.1 Fasa 2 (I): Analisis Dokumen

Dalam fasa ini, pengkaji menggunakan analisis dokumen Kitab Ihya' Ulumuddin dan kaedah Fuzzy Delphi untuk mendapatkan konsensus pakar bagi mereka bentuk model.

i. Tujuan

Fasa ini bertujuan untuk menganalisis tematik al-Quran berhubung ekologi dan kandungan kitab *Ihya' Ulum al-Din* bagi mendapatkan maklumat berhubung kefahaman konsep, sifat ekologi spiritual dan penghayatan amalan dalam membangunkan Model Ekologi spiritual Islami. Kaedah ini bertepatan dengan pendapat Cohen, Manion & Morrison (2007) yang menyatakan analisis kandungan juga digunakan untuk menganalisis teks secara sistematik dan merumuskannya dalam kategori serta tema tertentu untuk menghasilkan teori. Analisis kandungan adalah satu proses merumus dan melapor data bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007) dengan membuat analisis terhadap kandungan teks daripada sumber dokumen rasmi dan tidak rasmi (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Persoalan kajian bagi fasa ini ialah:

Bagaimakah reka bentuk dan pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?

ii. Instrumen Kajian

Dalam proses membina konsep, aspek utama dan elemen-elemen utama dalam model, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap Kitab *Ihya' Ulummudin* bab 33 karangan Imam al-Ghazali dan tematik al-Quran. Bagi memastikan tafsiran dalil yang dipilih adalah tepat dan mudah difahami, pengkaji merujuk kepada Kitab Tafsir oleh Ibn Kathir, Ibn Abbas dan Tafsir al-Azhar oleh Hamka. Dapatan daripada analisis dokumen tersebut, telah dijadikan asas dalam mereka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

iii. Sampel Analisis Dokumen

Kajian Fasa 2 (II) ini menggunakan sampel khusus (*purposive sampling*) yang telah ditentukan oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan Kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali. jilid 4, bab 33 yang membincangkan tajuk keutamaan berfikir. Bagi mendapatkan kefahaman yang tepat berhubung kandungan kitab *Ihya' Ulumuddin*, pengkaji merujuk kepada terjemahan kitab iaitu Intipati *Ihya' Ulummuddin*, Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin oleh Imam al-Ghazali. Kitab ini dikarang oleh al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi. Pengkhususan analisis melibatkan bahagian 33 yang berkaitan berfikir. Pengkaji memilih kitab *Ihya' Ulum al-Din* atas dasar kitab ini merupakan karya Imam al-Ghazali yang terbesar dan begitu berpengaruh dalam dunia Islam. Buku ini ditulis antara tahun 489 Hijrah dan 495 Hijrah dan ia menjadi rujukan utama sebahagian besar umat Islam dari pelbagai fahaman dan aliran. Kandungan kitab ini meliputi bidang ibadah, akhlak dan muamalah (Habibah Ramli, 2017).

Selain itu, pengkaji turut merujuk Kitab Tafsir al-Quran oleh Ibn Kathir, Ibn Abbas dan Tafsir al-Azhar oleh Hamka dan Kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali. Dalam proses menganalisis tematik al-Quran, pengkaji merujuk kepada tematik al-Quran tajwid dan terjemahan. Ayat-ayat al-Quran berkaitan ekologi telah dipilih dan disemak terjemahannya menggunakan Tafsir Pimpinan ar-Rahman. Bagi memastikan tafsiran yang tepat berhubung dalil-dalil berkaitan, pengkaji turut merujuk Tafsir Maudui dalam tajuk Pemuliharaan Alam Sekitar (Farhwahida Mohd Yusof & Mikdar Rusdi, 2015).

iv. Prosedur Pengumpulan dan Penganalisaan Dokumen

Analisis dokumen dilakukan untuk mengenal pasti elemen-elemen ekologi spiritual dan dalil-dalil al-Quran yang bertepatan dengan konsep ekologi spiritual. Bagi memastikan dalil-dalil yang digunakan adalah bertepatan, dalil-dalil al-Quran yang berkaitan elemen ekologi spiritual turut dianalisis berdasarkan Kitab Tafsir al-Quran karangan Ibnu Kathir, Ibn Abbas dan kitab tafsir al-Azhar karya Profesor Hamka.

Analisis kandungan melibatkan pemecahan dan pengasingan kategori yang jelas berpandukan tatacara yang ditetapkan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dikemukakan secara deskriptif dengan kaedah induktif, deduktif serta komparatif.

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan analisis kandungan secara konseptual dan relational dengan mengkaji semua data secara teliti, memastikan kategori dan contoh, mengkaji semula data dengan menentukan hubungan antara konsep-konsep yang bermakna dan membahagikan data itu mengikut kategori yang dikenalpasti. Hal ini kerana setiap kategori mempunyai ciri-ciri tertentu dan perlu berkaitan dengan persoalan kajian. Cara menyusun data mengikut kategori adalah melalui pengkodanan. Dua (2) cara pengkodanan yang dijalankan oleh pengkaji adalah secara deduktif iaitu kategori dipilih dari teori dan secara induktif iaitu kategori ditentukan selepas mengkaji data yang diperolehi sebagaimana yang disyaratkan oleh Chow & Jaizah Mahamud (2011).

v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Untuk tujuan keesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi, pengkaji menggunakan khidmat semakan pensyarah salah sebuah universiti di Selatan Semenanjung Malaysia. Pensyarah tersebut merupakan Timbalan Dekan Fakulti Tamadun Islam dan menghasilkan banyak buku berkaitan dengan Akidah dan Tauhid. Penggunaan terjemahan kitab *Ihya' Ulumuddin* juga dapat digunakan untuk tujuan keesahan.

3.4.2 Fasa 2 (II): Kaedah Fuzzy Delphi (*Fuzzy Delphi Method*)

Fuzzy Delphi Method (FDM) adalah satu kaedah dan intrumen pengukuran yang dilakukan penjenamaan semula berdasarkan daripada Kaedah Delphi. Kaedah ini telah diperkenalkan oleh Kaufman dan Gupta pada tahun 1988. *Fuzzy Delphi Method (FDM)* ini adalah suatu kombinasi di antara Set Penomboran Fuzzy dan kaedah Delphi. Oleh itu, FDM bukanlah satu instrumen yang baru tetapi ia adalah satu instrumen yang telah dilakukan penambahbaikan terhadap Kaedah Delphi. Penambahbaikan ini dapat menjadikan penggunaan FDM sebagai suatu alat pengukuran yang lebih efektif kerana ia dilihat mampu untuk menyelesaikan masalah yang mempunyai ketakpersisan dan ketidakpastian bagi sesuatu kajian.

Kaedah Fuzzy Delphi ini digunakan untuk mendapatkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden berdasarkan penggunaan kaedah kuantitatif. Seorang pakar matematik iaitu Lotfi Zadeh telah memperkenalkan teori set fuzzy pada tahun 1965 dan teori itu berfungsi sebagai lanjutan daripada teori set klasik di mana setiap elemen dalam satu set nilai berdasarkan kepada set binari (Ya atau Tidak).


Menurut Chang et.al (2000), FDM mampu untuk memproses kecaburan berhubung item ramalan dan kandungan maklumat responden serta dapat menjelaskan ciri-ciri

individu peserta kajian. Antara kebaikan dan kelebihan penggunaan FDM ialah: a) menjimatkan masa soal selidik, b) menjimatkan kos, c) mengurangkan jumlah bilangan kaji selidik, d) menaikkan kadar pemulihan soal selidik Pakar sepenuhnya boleh meluahkan pendapat mereka, e) memastikan kesempurnaan dan pendapat yang konsisten.

Mengambil kira kekaburan yang tidak boleh dielakkan semasa proses kajian dijalankan. Kaedah ini tidak menyalahafsir pendapat asal pakar dan memberikan gambaran tindak balas sebenar mereka.

Secara keseluruhannya, terdapat perbezaan antara Kaedah Delphi dan Kaedah Fuzzy Delphi. Antara kelemahan yang timbul daripada Kaedah Delphi berdasarkan kepada Saedah Siraj (2008) menyatakan bahawa kebolehpercayaan data diragui sekiranya pengkaji gagal memilih pakar yang sebenar. Selain itu, antara kelemahan yang dikenalpasti kemungkinan berlaku data yang tidak tepat dan tidak lengkap kerana kerana ujikaji dijalankan dalam masa yang panjang dan diulang-ulang (George Bojadziev & Maria Bojadziev, 2007).

Terdapat dua (2) aspek penting dalam teknik Fuzzy Delphi iaitu *Triangular Fuzzy Number* dan proses *Defuzzification*. *Triangular Fuzzy Number* disusun dengan nilai m_1 , m_2 dan m_3 dan ia biasanya ditunjukkan dalam bentuk (m_1, m_2, m_3) . Nilai m_1 mewakili nilai minimum, nilai m_2 mewakili nilai munasabah manakala nilai m_3 mewakili nilai maksimum. *Triangular Fuzzy Number* digunakan untuk menghasilkan skala *Fuzzy* (yang sama seperti Skala Likert) bagi tujuan menterjemahkan pembolehubah linguistik kepada nombor *fuzzy*. Bilangan aras persetujuan atau tahap bagi skala *Fuzzy* adalah dalam bilangan ganjil. Lebih tinggi skala *Fuzzy*, lebih jitu data yang diperolehi. Ia adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 3.2 di bawah:



Rajah 3.2 Aras Persetujuan Skala Fuzzy

Dalam kajian ini, proses mengumpul dan menganalisis data Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) dijalankan menerusi dua (2) peringkat. Peringkat pertama dilakukan dengan setiap pakar diberikan item dan setiap instrumen dipaparkan sisinya dengan Skala Likert serta ruangan kosong untuk huraihan atau komen serta cadangan pakar.

Pada peringkat kedua, data Skala Likert yang diperolehi pada peringkat pertama dianalisis dengan menggunakan program Excel untuk penjadualan lebih kemas. Semua data ditukarkan ke dalam bentuk *triangular Fuzzy number*. Skala Fuzzy yang digunakan dalam kajian ini adalah skala tujuh poin. Ia dinyatakan dalam Jadual 3.7 di bawah.

Jadual 3.7
Skala Fuzzy Tujuh Poin

Aras Persetujuan	Skala Fuzzy
Sangat-sangat Tidak Sesuai	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat Tidak Sesuai	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak Sesuai	(0.1, 0.3, 0.5)
Sederhana Sesuai	(0.3, 0.5, 0.7)
Sesuai	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat Sesuai	(0.7, 0.9, 1.0)
Teramat Sesuai	(0.9, 1.0, 1.0)

Sumber: (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al. 2013: 88).

i. Tujuan

Kaedah *Fuzzy Delphi* (*FDM*) digunakan dalam fasa ini bertujuan untuk membangunkan Model Ekologi Spiritual berdasarkan al-Quran (MEsQ) serta mendapatkan konsensus pakar untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah aspek-aspek utama dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
2. Apakah isi kandungan bagi setiap aspek dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
3. Apakah dalil-dalil al-Quran yang sesuai dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
4. Apakah medium pembelajaran yang sesuai untuk pelajar dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
5. Apakah impak pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

ii. Instrumen Kajian (Soal Selidik)

Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah Fuzzy Delphi untuk mendapat pengesahan atau kesepakatan pakar berhubung konsep, aspek-aspek utama dan elemen di dalam pembangunan model. Kaedah ini telah melibatkan 16 orang pakar yang terdiri daripada pensyarah Pendidikan Islam, Pensyarah Sains dan guru Pendidikan Islam. Bagi mendapatkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden, satu set soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian dan analisis yang telah dinyatakan sebelumnya. Instrumen ini adalah untuk membantu pakar dalam menentukan kepentingan bagi kriteria penilaian terhadap pembolehubah yang akan diukur dengan menggunakan pembolehubah linguistik.

Soal selidik ini dapat membantu pengkaji melihat aras keperluan sesuatu sesuatu pembolehubah dan subpembolehubah. Proses ini akan membantu menghasilkan data mengikut keperluan berdasarkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden kajian. Set soal selidik ini dibina berdasarkan pembolehubah linguistik 7 Skala Likert iaitu teramat tidak sesuai, sangat tidak sesuai, tidak sesuai, sederhana sesuai, sesuai, sangat sesuai dan teramat sesuai. Skala tersebut akan dinilai berdasarkan Skala Fuzzy yang akan diterangkan di dalam penganalisisan data. Soal selidik tersebut mengandungi 60 item yang dicerakinkan pada 6 bahagian utama iaitu 6 item dalam bahagian A (Demografi), 3 item dalam bahagian B (Kesesuaian aspek utama), 15 item dalam bahagian C (Kesesuaian isi kandungan dalam setiap aspek), bahagian D sebanyak 21 item (Kesesuaian dalil bagi setiap elemen), bahagian E (Kesesuaian medium pembelajaran) sebanyak 5 item dan bahagian F sebanyak 10 item (Kesesuaian impak pembangunan model).

iii. Pakar FDM

Dalam fasa kedua (II), peserta kajian yang terlibat adalah terdiri daripada 16 orang pakar. Kumpulan pakar tersebut terdiri daripada 7 orang Pensyarah dalam bidang Pendidikan Islam, seorang (1) pensyarah dan pegawai penyelidik (1) dalam bidang Sains serta 7 orang Guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Menurut Adler dan Zinglio (1996), bilangan pakar yang sesuai dalam Kaedah Delphi adalah diantara 10 hingga 15, jika terdapat tahap keseragaman yang tinggi di kalangan pakar. Manakala Jones dan Twiss (1978) mencadangkan sebanyak 10 hingga 50 orang pakar. Panel pakar dipilih berdasarkan kepakaran masing-masing. Berikut adalah profil panel pakar yang terlibat:

Jadual 3.8
Profil Panel Pakar Fuzzy Delphi

Pakar	Tempat Bertugas	Jawatan Kelayakan	dan Kepakaran
Pakar 1	IPTA	Timbalan Dekan/ Doktor Falsafah	Bidang Usuluddin/ Falsafah
Pakar 2	IPTS	Timbalan Dekan / Doktor Falsafah	Bidang Pendidikan Islam
Pakar 3	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Bidang Pendidikan Islam/ B.Arab/ Tamadun
Pakar 4	IPTA	Pensyarah Kanan/ Ketua Jabatan/ Doktor Falsafah	Bidang Al Quran & Al Hadis
Pakar 5	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Bidang Pendidikan Islam
Pakar 6	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Bidang Pendidikan Islam
Pakar 7	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Bidang Pendidikan Islam
Pakar 8	IPG	Pensyarah Kanan Ketua Unit Alam Sekitar/Doktor Falsafah	Bidang Pendidikan Sains

Jadual 3.8 (sambungan)

Pakar	Tempat Bertugas	Jawatan Kelayakan	dan	Kepakaran
Pakar 9	IPG	Pensyarah Kanan/ Sarjana		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 10	Kolej Vokasional	Guru Cemerlang/ Sarjana Muda		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 11	SMK	Guru Cemerlang/ Sarjana		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 12	SMK	Guru Cemerlang/ Sarjana		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 13	SMK	Ketua Panitia/ Sarjana Muda		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 14	SMK	Ketua Panitia/ Sarjana		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 15	SMK	Guru Pendidikan Islam/Sarjana Muda		Bidang Pendidikan Islam
Pakar 16	IKIM	Penyelidik Kanan/ Sarjana		Bidang Sains/Alam Sekitar

iv. Prosedur Pengumpulan dan Penganalisaan Data

Selain itu, di dalam fasa reka bentuk dan pembangunan model ini, pengkaji telah mengaplikasikan Kaedah Fuzzy Delphi untuk mendapat pengesahan atau kesepakatan pakar berhubung konsep, aspek-aspek utama dan elemen di dalam pembangunan model. Kaedah ini telah melibatkan 16 orang pakar yang terdiri daripada pensyarah Pendidikan Islam, Pensyarah ilmu Sains dan guru Pendidikan Islam. Pengkaji menghubungi pakar terlebih dahulu untuk mengesahkan persetujuan mereka untuk menjadi pakar. Setelah mendapat persetujuan daripada kesemua pakar, surat permohonan khidmat pakar bersama soal selidik telah dihantar melalui pos, e-mel dan serahan tangan.

Penganalisisan data pengesahan pakar dalam Fasa kedua pula akan dianalisis menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Setiap pendapat pakar dalam menentukan kepentingan bagi kriteria penilaian terhadap pembolehubah dan akan diukur menggunakan pembolehubah linguistik. Data akan dianalisis berdasarkan

langkah-langkah berikut sebagaimana yang dicadangkan oleh Mohd. Ridhuan Mohd Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabiah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar dan Norlidah Alias (2011). Langkah yang dicadangkan ialah:

1. Menentukan jumlah pakar yang terlibat. Menurut Adler dan Zinglio (1996), bilangan pakar yang sesuai dalam Kaedah Delphi adalah di antara 10 hingga 15, jika terdapat tahap keseragaman yang tinggi dalam kalangan pakar. Manakala Jones dan Twiss (1978) mencadangkan sebanyak 10 hingga 50 orang pakar. Kajian ini memilih untuk mendapatkan konsensus pakar seramai 16 orang.
2. Menentukan *Linguistic Scale*, berdasarkan kepada *triangular fuzzy number*. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih skala likert point 7. Jadual di bawah menunjukkan pemboleh ubah linguistik bagi 7 skala.

Jadual 3.9:

Skala Pembolehubah Linguistik

Aras Persetujuan	Skala Fuzzy			Skala Likert
Sangat - Sangat Setuju	0.9	1	1	7
Sangat Setuju	0.7	0.9	1	6
Setuju	0.5	0.7	0.9	5
Sederhana Setuju	0.3	0.5	0.7	4
Tidak Setuju	0.1	0.3	0.5	3
Sangat Tidak Setuju	0	0.1	0.3	2
Sangat-Sangat	0	0	0.1	1
Tidak Setuju				

3. Segala data dijadualkan untuk mendapatkan nilai purata (m_1, m_2, m_3) iaitu nilai minimum, nilai munasabah dan nilai munasabah. Seterusnya menentukan jarak antara nombor bagi menentukan nilai threshold dengan menggunakan rumus khusus: hanya nilai threshold ('d') yang melebihi 75 % diterima, jika nilai threshold ('d') kurang daripada 75 %, proses Fuzzy Delphi akan dijalankan untuk pusingan kedua dan seterusnya sehingga mencapai kesepakatan pakar.
4. Peringkat seterusnya ialah menentukan kesepakatan kumpulan. Peratusan kumpulan mesti melebihi 75 %.
5. Menentukan *Aggregate Fuzzy evaluation* dengan cara menambah semua nombor fuzzy.
6. Proses *Defuzzification*, proses ini bertujuan untuk menentukan kedudukan (*ranking*) bagi setiap pembolehubah atau subpembolehubah.

v. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data

Kesahan dan kebolehpercayaan data menerusi teknik FDM diperolehi menerusi konsensus pakar terhadap item-item yang dikemukakan kepada pakar melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada pakar.

3.5 Fasa 3: Penilaian

Dalam fasa terakhir kajian, penilaian kepenggunaan model dilakukan dengan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal atau *Nominal Group Technique (NGT)*.

3.5.1 Fasa 3 Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Teknik Kumpulan Nominal atau *Nominal Group Technique (NGT)* adalah satu proses pembuatan keputusan dalam bentuk perbincangan kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat, Intan & Zainal Ariffin, 2006) yang berbentuk semi kuantitatif dan berstruktur (O'Neil & Jackson, 1983; Dobbie, Rhodes, Tysinger, & Freeman, 2004; Perry & Linsley, 2006). NGT bersifat semi kuantitatif kerana ia turut menggabungkan kaedah kualitatif. Pada asalnya, teknik ini telah digunakan secara meluas dalam bidang pengurusan, pendidikan, kejuruteraan, klinikal serta perubatan .

Habibah et. al (2016) yang telah mengaplikasikan teknik ini dalam fasa akhir penyelidikan berkaitan pembangunan model profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyah*' yang bertujuan untuk melihat aspek kebolehgunaan model tersebut dan telah mendapat bahawa teknik ini bukan sahaja telah menjimatkan masa untuk memperolehi data malah ternyata berhasil mendapatkan pandangan responden mengenai kebolehgunaan komponen sesuatu model yang diutarakan.

Dapatan kajian menunjukkan teknik ini dapat membantu penyelidik mendapatkan data dengan mudah dan cepat kerana aspek kebolehgunaan model boleh diperolehi secara terus menerusi peratusan skor item yang diuji. Berdasarkan kajian Ridhuan Mohd Jamil (2016), antara kebaikan teknik NGT ialah pendekatan teknik ini mampu memberi ruang kepada peserta untuk fokus terhadap sesuatu isu yang dikaji . Selain itu, kaedah ini juga mampu meningkatkan kreativiti setiap peserta kajian kerana setiap peserta dibenarkan berhujah dan mencetuskan idea berdasarkan pengetahuan dan kreativiti mereka. Ini bertepatan dengan dapatan kajian yang menegaskan teknik NGT membolehkan penyertaan semua ahli kumpulan, mengelakkan pengaruh

individu yang menonjol dari mendominasi perbincangan di samping mengurangkan tekanan individu untuk mengikut pandangan kumpulan (O’Neil & Jackson, 1983; Lomax & McLeman, 1984; Dobbie et al., 2004).

Dalam aspek jumlah kumpulan dan peserta dalam teknik NGT, Habibah et.al, (2016) menyatakan berbeza-beza mengikut keperluan kajian. Ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Perry dan Linsley (2006) yang melibatkan seramai 36 orang peserta. Dobbie et al,(2004) juga hanya memilih 4 hingga 8 orang ahli bagi setiap kumpulan dalam 4 kumpulan yang dibentuk. Begitu juga dengan kajian O’Neil & Jackson (1983) mengenai pembangunan kurikulum program ijazah yang hanya melibatkan seramai 11 orang peserta. Kajian Ridhuan Mohd Jamil (2016) berkaitan pembangunan Model Kurikulum Latihan SKIVES bagi program kejuruteraan telah memilih seramai 21 orang peserta. Pemilihan 80 orang peserta kajian yang dibahagi kepada empat (4) kumpulan yang mana terdiri daripada 20 orang dalam setiap kumpulan adalah menepati tinjauan kajian yang telah dilaksanakan sebelumnya. Lomax & Mcleman (1984), juga menegaskan ahli kumpulan NGT perlu benar-benar mewakili kumpulan yang digeneralisasi untuk memastikan keesahan teknik ini.

i. Tujuan

Tujuan fasa ini ialah untuk membuat penilaian melalui retropeksi pelajar terhadap model yang dibangunkan. Persoalan kajian yang dikemukakan dalam fasa ini ialah:

1. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian aspek utama dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam?

2. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam?
3. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam?
4. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk pembelajaran kendiri murid dalam Pendidikan Islam?
5. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam?
6. Apakah pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam?

ii. Instrumen kajian

Satu set soal selidik telah dibina yang dibahagikan kepada empat (4) bahagian utama iaitu bahagian A (demografi) murid, ianya terdiri daripada latar belakang responden iaitu jantina, gred matapelajaran Pendidikan Islam (PT3), Kategori dan jenis sekolah. Bahagian B ialah item-item yang mengandungi pernyataan tentang kesesuaian aspek utama dan isi kandungan dalam setiap aspek model yang berjumlah sebanyak 29 item, bahagian C ialah pernyataan sebanyak 7 item yang berhubung tentang kesesuaian elemen dalam model, manakala bahagian D ialah item yang berkaitan retrospeksi

murid terhadap kepenggunaan model (12 item), bahagian E (i) iaitu 6 item berhubung pandangan keseluruhan murid terhadap kebolehgunaan model dan akhir sekali disokong dengan bahagian E (ii) yang bersifat kualitatif iaitu disertakan ruangan ulasan terhadap keseluruhan kebolehgunaan model. Instrumen ini diukur dengan menggunakan 5 Skala Likert yang mempunyai skala 1 iaitu ‘teramat tidak setuju’, 2 iaitu ‘sangat tidak setuju’, 3 ‘tidak setuju’, 4 ‘setuju’ dan 5 adalah sangat setuju.

iii. Responden kajian

Teknik ini dilaksanakan dengan mengadakan ujian rintis perbengkelan kebolehgunaan model kepada 20 orang murid tingkatan empat beragama Islam di sebuah sekolah menengah harian kategori luar bandar di Pulau Pinang dan pelaksanaan ujian kebolehgunaan sebenar dijalankan kepada 80 orang murid beragama Islam tingkatan empat di empat buah sekolah berlainan negeri iaitu sebuah sekolah di Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis.

iv. Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisaan Data

Pelaksanaan prosedur kajian bagi mengaplikasi teknik NGT ini adalah diubahsuai berdasarkan langkah-langkah yang diutarakan oleh kajian O’Neil & Jackson (1983), Dobbie et al.,(2004), Aizzat et al.,(2006), William et al.,(2006) dan Perry & Linsley (2006). Langkah pelaksanaan teknik NGT ialah (i) fasa penerangan, (ii) fasa senyap (penjanaan idea), (iii) fasa bulatan Robin(paparan idea), (iv) fasa penjelasan dan (v) fasa pengundian. Kajian ini dilaksanakan mengikut langkah-langkah berikut:


Langkah 1: Penerangan dan Pembentangan berhubung Model Ekologi Spiritual Islami yang dibangunkan menggunakan perisian Microsoft Power Point.

Kajian ini dilaksanakan dengan diadakan satu perbengkelan iaitu pengkaji membuat penerangan dan pembentangan draf blog Model Ekologi Spiritual Islami menggunakan perisian Microsoft power point untuk menerangkan Model Ekologi Spiritual Islami.

Langkah 2: Penjelasan terhadap aspek utama dan elemen di dalam model

Dalam langkah ini, pengkaji telah memberi ruang masa soal jawab kepada para peserta kajian terhadap perkara yang tidak difahami dan agak kabur semasa langkah pembentangan model dijalankan.

Antara rajah yang diterangkan semasa langkah ini ialah sebagaimana rajah 3.3 berikut:



Rajah 3.3 Aspek Utama Model

Langkah 3: Perbincangan antara peserta kajian

Pada langkah ini, para peserta dibenarkan untuk berbincang sesama sendiri terhadap pembentangan yang dijalankan dan item-item yang terkandung di dalam borang soal selidik penilaian kebolehgunaan yang telah dibekalkan pada langkah pertama Teknik Kumpulan Nominal (NGT) tadi.

Langkah 4: Pengundian melalui soal selidik berdasarkan model yang dibentangkan

Dalam langkah ini, para peserta diberikan suatu tempoh masa untuk melakukan proses penilaian melalui borang penilaian kebolehgunaan yang dibekalkan. Setelah tamat kesemua borang penilaian kebolehgunaan model dikutip semula. Selain itu, peserta diberi peluang memberi ulasan terhadap model yang dibentangkan dengan cara menulis pada ruang yang disediakan.

Langkah 5: Pembentangan dapatan kajian kebolehgunaan

Langkah yang terakhir, pengkaji mengutip dan memasukkan segala data undian yang dilakukan di dalam borang penilaian kebolehgunaan model oleh peserta kajian ke dalam Microsoft Excel bagi melihat peratusan dan penerimaan para peserta kajian terhadap model yang dibangunkan. Seterusnya dapatan dipersembahkan kepada kesemua peserta bagi menunjukkan tahap peratusan dan penerimaan mereka terhadap model.

v. Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Kesahan dan kebolehpercayaan data dengan mengadakan ujian rintis perbengkelan kebolehgunaan model kepada 20 orang murid tingkatan empat beragama Islam di sebuah sekolah menengah harian kategori luar bandar di Negeri Kedah. Dari segi keesahan dan kebolehpercayaan, Williams et al.(2006) menyatakan bahawa keesahan dan kebolehpercayaan NGT boleh dipertingkatkan dengan menentukan kriteria pemilihan ahli kumpulan, menerusi kajian rintis serta penentuan soalan perbincangan yang betul. Ini bermakna, ahli kumpulan NGT perlu benar-benar

mewakili kumpulan yang digeneralisasi untuk memastikan keesahan teknik ini (Lomax & Mc Leman, 1984).

3.6 Matriks Kajian Pembangunan Model

Matriks kajian yang dihasilkan mengandungi jadual yang mengandungi fasa, kaedah dan teknik yang akan digunakan bagi menjawab soalan-soalan kajian, responden yang terlibat dan soalan-soalan kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini. Pembangunan matriks kajian ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji melihat perincian setiap gerak kerja yang dijalankan. Jadual 3.10 menunjukkan matriks kajian di dalam proses pembangunan model ini.

Jadual 3.10

Matrik Kajian Mengikut Fasa

FASA KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	SOALAN KAJIAN	METOD KAJIAN	ANALISA
Fasa 1 Analisis Keperluan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam	Objektif : Untuk mengenal pasti keperluan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam	Fasa 1 (I) Persoalan kajian dalam fasa ini adalah: 1. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 2. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek elemen Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 3. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek sifat Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?	(Kuantitatif) Soal selidik Telah dijalankan kepada 200 orang pelajar daripada 4 buah sekolah	Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan <i>Statistical package For Social science(SPSS) for windows</i> Data-data ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu Nilaian min

Jadual 3.10 (Sambungan)

FASA KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	SOALAN KAJIAN	METOD KAJIAN	ANALISA
		<p>Fasa 1 (I)</p> <p>Persoalan kajian dalam fasa ini adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 2. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek elemen Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 3. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek sifat Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? <p>Fasa Pertama (II) Temubual</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sejauhmanakah keperluan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam menurut pandangan pakar? 	(Kuantitatif) Soal selidik Telah dijalankan kepada 200 orang pelajar daripada 4 buah sekolah	Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan <i>Statistical package For Social science(SPSS) for windows</i> Data-data ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu Nilaian min
			(Kualitatif) Temu bual kepada 4 orang pakar yang terdiri daripada seorang pensyarah bidang Pendidikan Islam dan tiga orang GPI	Data dianalisis secara manual

Jadual 3.10 (Sambungan)

FASA KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	SOALAN KAJIAN	METOD KAJIAN	ANALISA
Fasa 2 Reka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Quran Untuk Pendidikan Islam Melalui analisis dokumen dan pengesahan pakar	<p>Objektif:</p> <p>Mereka bentuk dan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami) Untuk Pendidikan Islam.</p> <p>Mengesahkan Model Ekologi Spiritual Islami) Untuk Pendidikan Islam. melalui pengesahan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.</p>	<p>Fasa 2 (I) Analisis dokumen</p> <p>1. Bagaimakah reka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?</p> <p>Fasa 2 (II)</p> <p>1. Apakah aspek-aspek utama yang penting dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?</p> <p>2. Apakah isi kandungan bagi setiap aspek dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?</p> <p>3. Apakah dalil-dalil al-Quran yang sesuai dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?</p> <p>4. Apakah medium pembelajaran yang sesuai untuk pelajar dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?</p> <p>5. Apakah impak pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?</p>	<p>(Kualitatif)</p> <p>Analisis kandungan Kitab Ihya'Ulumuddin-Imam al- Ghazali dan Tematik al-Quran</p> <p>(Kuantitatif) Soal selidik Pakar Menggunakan kaedah <i>Fuzzy Delphi Method (FDM)</i></p>	<p>Analisis dilaksanakan menggunakan teknik analisis kandungan</p> <p>Analisis dilaksanakan menggunakan teknik pengiraan Fuzzy Delphi</p>

Jadual 3.10 (Sambungan)

FASA KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	SOALAN KAJIAN	METOD KAJIAN	ANALISA
Fasa 3 Penilaian Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam	Objektif: Menilai kebolehgunaan kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam dari retropeksi pelajar	1. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian aspek utama dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 2. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 3. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 4. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 5. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian elemen ekologi spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 6. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam? 7. Apakah pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?	Kuantitatif Soal selidik kepada pelajar Melalui perbengkelan NGT	Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu Peratusan

3.7 Kesimpulan

Bab ini telah memberi gambaran keseluruhan tentang metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, persampelan, instrumen kajian, serta kaedah analisis dapatan kajian. Dapatan kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan instrumen turut dijelaskan dalam bab ini. Hasil dapatan daripada kajian rintis dijadikan asas penambahbaikan di dalam pembinaan instrumen bagi kajian sebenar . Semua data yang dikumpul dengan menggunakan kaedah yang dirancang diharap mampu memberi gambaran serta laporan terhadap matlamat atau tujuan kajian dan seterusnya dapat menjawab persoalan kajian yang akan dilaksanakan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Tujuan utama kajian ini ialah membangunkan Model Ekologi spiritual berdasarkan al-Quran untuk Pendidikan Islam. Kajian ini telah dijalankan secara tiga (3) fasa iaitu Fasa Analisis keperluan, Fasa Reka bentuk serta Fasa penilaian model. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan fasa kajian bagi memudahkan perkaitan antara dapatan dengan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

4.2 Dapatan Fasa 1: Analisis Keperluan

Di dalam dapatan kajian analisis keperluan ini, pengkaji telah menggunakan dua kaedah untuk mendapatkan data iaitu yang pertama kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik dan temu bual pakar.

4.2.1 Dapatan Kajian Fasa 1: (I) Soal Selidik

Untuk mendapatkan data analisis keperluan fasa 1 (I), kajian dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelajar beragama Islam daripada empat buah sekolah menengah di Negeri Kedah. 100 orang murid adalah daripada sekolah menengah harian biasa dan 100 orang lagi murid adalah daripada sekolah menengah agama. Bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual, sebanyak 60 item berbentuk pernyataan telah dikemukakan. Sebanyak 20 item berbentuk pernyataan berhubung konsep umum ekologi spiritual dalam bahagian B, 20 item berhubung kefahaman terhadap elemen-elemen ekologi spiritual (bahagian C) dan 20 item berhubung sifat-sifat ekologi spiritual (bahagian D). Instrumen yang dibina bagi fasa ini adalah menggunakan set soal selidik yang telah diubah suai

daripada instrumen kajian lepas yang dijalankan oleh Azma Mahmud (2006) dan Hazura Abu Bakar (2009). Dapatan kajian ini dirumuskan berpandukan soalan kajian bagi Fasa 1 (I) :

Soalan 1: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Soalan 2: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap elemen Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Soalan 3: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap sifat Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Set soal selidik ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian utama iaitu bahagian A iaitu demografi murid, ianya terdiri daripada latar belakang responden iaitu jantina, gred pencapaian Pendidikan Islam, kategori sekolah dan jenis sekolah. Bahagian B ialah item-item yang mengandungi pernyataan tentang konsep ekologi spiritual yang berjumlah sebanyak 20 item, bahagian C ialah pernyataan sebanyak 20 item yang berhubung tentang elemen ekologi spiritual, manakala bahagian D ialah item yang berkaitan sifat-sifat ekologi spiritual (20 item). Instrumen ini diukur dengan menggunakan 5 skala likert yang mempunyai skala 1 iaitu ‘sangat tidak setuju’, 2 iaitu ‘tidak setuju’, 3 ‘tidak pasti’, 4 ‘setuju’ dan 5 adalah ‘sangat setuju’.

Proses pengumpulan data dikendalikan sendiri oleh penyelidik. Sebelum proses tersebut, pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dan kajian daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (sila rujuk lampiran A), seterusnya pengkaji membuat permohonan dan mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Kedah (Lampiran B) dan akhir sekali pengkaji memohon kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah yang terlibat. Data yang diperolehi diproses menggunakan perisian SPSS dan dianalisis menggunakan statistik

deskriptif dalam bentuk nilai min. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatkan analisis berpandukan kepada jadual skor min Jainabee Kassim & Jamil Ahmad (2009).

Jadual 4.1 menunjukkan interpretasi skor min tersebut:

Jadual 4.1:

Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Jainabee Kassim & Jamil Ahmad (2009)

i. Demografik Responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 100 orang pelajar di sekolah menengah kebangsaan kategori bandar dan 100 orang pelajar sekolah menengah agama kategori luar bandar. Daripada jumlah tersebut, jumlah pelajar lelaki ialah 71 orang (35.5%) dan 129 orang (64.5%) murid perempuan. Dari aspek perolehan gred pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam, seramai 88 orang pelajar mendapat gred A (44.0%), 95 pelajar mendapat gred B (47.5%) dan seramai 14 orang pelajar mendapat gred C (7.0%) dan hanya 3 orang pelajar mendapat gred D iaitu 1.5 %. Data demografi dalam bahagian A menunjukkan responden merupakan pelajar yang berprestasi cemerlang dalam matapelajaran Pendidikan Islam kerana sebanyak hampir 90 % memperolehi gred A dan B. Pencapaian responden di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dapat mempengaruhi tahap kefahaman pelajar terhadap kajian yang dijalankan.

Jadual 4.2 menunjukkan rumusan bagi bahagian A di dalam borang soal selidik iaitu demografik responden.

Jadual 4.2
Demografi Responden

Aspek		Jumlah	Peratus
Jantina	Lelaki	N= 71	35.5%
	Perempuan	N= 129	64.5%
Gred Pencapaian	A	N=88	44.0%
Pendidikan Islam	B	N=95	47.5%
	C	N=14	7.0 %
	D	N=3	1.5 %
Kategori Sekolah	Bandar	100	50%
	Luar Bandar	100	50%
Jenis Sekolah	Sekolah Menengah	100	50%
	Harian		
	Sekolah Menengah	100	50%
Agama			

ii. Analisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Konsep Ekologi Spiritual Islami

Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual secara umum adalah sangat tinggi . Di dapati responden amat memahami dan bersetuju bahawa kejadian alam merupakan bukti kekuasaan Allah dengan skor min 4.96. Hasil analisis juga mendapati 10 item yang berkaitan dengan

konsep ekologi spiritual ini berada pada tahap skor min yang sangat tinggi , iaitu min skor antara 4.21-5.00. Item tersebut seperti “ Saya berminat untuk memahami ayat-ayat al quran yang menerangkan kehebatan Allah melalui kejadian alam dengan (min=4.67), pernyataan “ saya menyedari tentang kepentingan menjaga alam” (min= 4.55) dan “Kekuatan spiritual dalam diri seseorang dapat membentuk akhlak yang mulia” (min = 4.24). Seterusnya 5 pernyataan yang mencapai skor min pada tahap tinggi iaitu antara 3.41-4.20. Antaranya “ saya merasakan ekologi merupakan satu cabang ilmu yang penting dengan (min=4.10).

Walaubagaimanapun hasil analisis mendapati responden mencapai tahap min sederhana pada 4 item iaitu antaranya nialaian min 3.32 pada item B9 “saya mengetahui maksud ekologi”. Terdapat 1 item yang mencapai tahap skor min rendah (1.99) iaitu pernyataan “ setiap benda hidup dijadikan daripada air”. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual adalah sangat tinggi pada pernyataan konsep yang umum.

Ini terbukti daripada hasil analisis di mana pernyataan “ maksud alam ialah alam sekitar yang dicipta oleh Allah” dengan min 4.42, sedangkan maksud alam dalam Islam ialah merangkumi semua aspek yang ada di dalamnya seperti manusia dan haiwan. Selain itu, hasil analisis mendapati bahawa dapatan ini menepati objektif kajian di dalam fasa 1 (analisis keperluan) di mana responden mengakui dengan mencapai tahap skor min tinggi (3.97) dengan pernyataan “ saya merasakan elemen spiritual (kerohanian) adalah penting dalam kehidupan dan “saya berminat dengan pembelajaran yang berasaskan alam”(4.28), manakala hasil kajian turut mendapati pernyataan “ saya merasakan ekologi merupakan satu cabang imu yang penting” dengan mencapai tahap skor min 4.15 (tinggi). Dapat dirumuskan bahawa pelajar kurang memahami maksud ekologi secara jelas di mana pernyataan tersebut hanya

mencapai tahap sederhana (min=3.32) Dapatkan keseluruhan bahagian ini dapat ditunjukkan seperti jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3

Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Konsep Ekologi Spiritual Islami

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
B1.	Maksud alam ialah alam sekitar yang dicipta oleh Allah SWT	4.42	Sangat Tinggi
B2.	Kejadian alam merupakan bukti kekuasaan Allah SWT	4.96	Sangat Tinggi
B3.	Setiap yang berlaku di dalam alam adalah kerana proses semulajadi	3.28	Sederhana
B4.	Manusia dan haiwan merupakan sebahagian daripada komponen alam	4.40	Sangat Tinggi
B5.	Tumbuh-tumbuhan merupakan sebahagian daripada komponen alam	4.51	Sangat Tinggi
B6.	Setiap benda hidup dijadikan daripada air	1.99	Rendah
B7.	Teori kejadian manusia oleh barat (teori darwin) adalah tidak benar	3.61	Tinggi
B8.	Tujuan Allah mencipta alam hanya untuk diduduki oleh manusia	2.09	Sederhana
B9.	Saya mengetahui maksud ekologi	3.32	Sederhana
B10	Saya mengetahui maksud spiritual	3.38	Tinggi
B11	Saya merasakan ekologi merupakan satu cabang ilmu yang penting	4.15	Tinggi
B12	Saya merasakan elemen spiritual adalah penting dalam kehidupan	3.97	Tinggi
B13	Kekuatan spiritual dalam diri seseorang dapat membentuk akhlak yang mulia	4.24	Sangat Tinggi
B14	Kekuatan spiritual dapat mencegah seseorang daripada melakukan dosa	4.10	Tinggi

Jadual 4.3 (sambungan)

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
B15	Saya mempelajari tentang alam di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam	4.40	Sangat Tinggi
B16	Saya menyedari tentang kepentingan menjaga alam	4.55	Sangat Tinggi
B17	Saya mengetahui ayat-ayat al Quran yang menerangkan kehebatan Allah melalui kejadian alam	4.14	Tinggi
B18	Saya berminat untuk memahami ayat-ayat al Quran yang menerangkan kehebatan Allah melalui kejadian alam	4.67	Sangat Tinggi
B19	Saya sentiasa mengucapkan ‘Subhanallah’ apabila melihat kejadian alam yang menakjubkan.	4.20	Sangat Tinggi
B20	Saya berminat dengan pembelajaran yang berasaskan alam	4.28	Sangat Tinggi

iii. **Analisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Elemen-Elemen Ekologi Spiritual Islami**

Seterusnya, Jadual 4.4 menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual dalam aspek elemen-elemen ekologi spiritual. Hasil analisis berdasarkan tinjauan yang dibuat jelas menunjukkan pelajar mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dari aspek-aspek umum elemen-elemen ekologi spiritual. Hampir kesemua pernyataan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi (4.21-5.00) kecuali pada pernyataan “ saya tidak membazir air semasa berwuduk” pada tahap tinggi (min=4.05) dan item CA15 iaitu perbuatan mencemarkan sumber air merupakan satu dosa (3.74). Item-item lain seperti item berkaitan elemen manusia iaitu CM1 “ Kejadian manusia merupakan bukti kekuasaan Allah, CM2 “ Manusia dicipta dengan tujuan beribadat kepada Allah , Proses kejadian manusia diterangkan dengan jelas di dalam al-Quran (CM3) dan pernyataan manusia dilantik sebagai khalifah (CM4) telah memperolehi skor min yang sangat tinggi.

Tahap kefahaman pelajar yang sangat tinggi dalam aspek elemen ekologi spiritual juga di interpretasi berdasarkan skor min yang diperolehi dalam pernyataan berkaitan dengan elemen haiwan, alam dan air. Antara item yang memperolehi skor min yang sangat tinggi dalam skor 4.80 dan ke atas ialah pernyataan “Manusia perlu bersifat ihsan dengan haiwan” (CH4) Air merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan (CAI1) “Manusia akan dibangkitkan semula oleh Allah selepas mati” “(CM5) “Kejadian haiwan merupakan bukti kehebatan Allah” (CH1), Kejadian bencana alam yang berlaku adalah ‘peringatan’ daripada Allah kepada manusia” (CA5). Dapatkan keseluruhan bagi tahap kefahaman pelajar dalam aspek elemen ekologi spiritual adalah seperti jadual 4.4 berikut:

Jadual 4.4
Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Aspek Elemen-Elemen Ekologi spiritual Islami

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
Manusia			
CM1	Kejadian manusia merupakan bukti kekuasaan Allah	4.93	Sangat Tinggi
CM2	Manusia dicipta dengan tujuan beribadat kepada Allah	4.71	Sangat Tinggi
CM3	Proses kejadian manusia telah diterangkan dengan jelas di dalam al Quran	4.75	Sangat Tinggi
CM4	Manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifah dimuka bumi	4.52	Sangat Tinggi
CM5	Manusia akan dibangkitkan semula oleh Allah selepas mati	4.87	Sangat Tinggi
Haiwan			
CH1	Kejadian haiwan merupakan bukti kehebatan Allah	4.80	Sangat Tinggi
CH2	Tujuan penciptaan haiwan telah dinyatakan di dalam al Quran	4.21	Sangat Tinggi

Jadual 4.4 (Sambungan)

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
CH3	Kejadian haiwan merupakan nikmat yang besar kepada manusia	4.34	Sangat Tinggi
CH4	Manusia perlu bersifat ihsan dengan haiwan	4.87	Sangat Tinggi
CH5	Terdapat nama surah di dalam Al Quran yang menggunakan nama binatang	4.45	Sangat Tinggi
	Alam		
CA1	Setiap kejadian alam adalah mengikut ‘sunnatullah’, iaitu peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah.	4.35	Sangat Tinggi
CA2	Terdapat banyak ayat Al Quran yang menerangkan kejadian alam	4.63	Sangat Tinggi
CA3	Kejadian bencana alam yang berlaku mempunyai kaitan dengan perlakuan manusia	4.57	Sangat Tinggi
CA4	Manusia perlu mempunyai ilmu untuk menjaga alam dengan baik	4.61	Sangat Tinggi
CA5	Kejadian bencana alam yang berlaku adalah ‘peringatan’ daripada Allah kepada manusia	4.83	Sangat Tinggi
	Air		
CAI1	Kejadian air merupakan bukti kebijaksanaan Allah	4.66	Sangat Tinggi
CAI2	Air merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan	4.87	Sangat Tinggi
CAI3	Saya tidak membazir air semasa berwuduk	4.05	Tinggi
CAI4	Kita sedang menghadapi pencemaran sumber air yang serius	3.74	Tinggi
CAI5	Perbuatan mencemarkan sumber air merupakan satu dosa	4.24	Sangat Tinggi

iv. Analisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Sifat Ekologi Spiritual

Seterusnya berdasarkan dapatan kajian terhadap tahap kefahaman pelajar dalam aspek sifat ekologi spiritual jelas menunjukkan kefahaman yang sangat tinggi berdasarkan nilai min yang diperolehi bagi 20 item yang dikemukakan. Pelajar memahami kecenderungan sifat-sifat yang baik seperti sifat berfikir, sifat bersyukur, sifat bertanggungjawab dan sifat bertakwa akan lahir daripada penerapan konsep ekologi spiritual. Item yang menunjukkan kefahaman yang sangat tinggi di mana skor nilai min melebihi 4.80 dan ke atas ialah “Kita hendaklah bersyukur dengan kejadian alam yang dicipta oleh Allah” (DS1) min 4.89 dan pernyataan item “Beribadat kepada Allah merupakan salah satu cara mensyukuri nikmat Allah”(DS2)=min 4.85. Daripada dapatan ini dapat difahami bahawa pelajar bersetuju dengan pernyataan-penyataan item berkaitan aspek sifat ekologi spiritual terdapat ayat al-Quran yang mendorong agar berfikir kehebatan Allah melalui penciptaan alam, berfikir tentang makhluk Allah SWT seperti manusia, haiwan dan lain-lain akan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain itu sifat berfikir juga akan memberi keinsafan dan mencegah daripada melakukan dosa.

Berdasarkan dapatan ini juga, jelaskan menunjukkan persetujuan pelajar yang sangat tinggi berhubung sifat-sifat ekologi spiritual yang lain iaitu bersyukur, dimana pelajar bersetuju tuntutan bersyukur kepada Allah SWT ialah perlunya beribadat kepada Nya, menjaga diri, haiwan, sumber air merupakan tanda bersyukur. Begitu juga dengan item-item berkaitan sifat bertanggungjawab dimana pelajar bersetuju manusia akan ditanya di atas perintah Allah SWT dan akhirnya pelajar bersetuju bahawa orang yang bertakwa akan sentiasa melakukan kebaikan dan ditinggikan darjah oleh Allah SWT. Dapatkan keseluruhan pada bahagian ini dapat ditunjukkan seperti jadual 4.5 berikut:

Jadual 4.5

Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Aspek Sifat Ekologi Spiritual Islam

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
Berfikir			
DF1	Banyak terdapat ayat al-Quran yang mendorong kita agar berfikir tentang kehebatan Allah melalui penciptaan alam	4.64	Sangat Tinggi
DF2	Berfikir tentang kejadian manusia,haiwan,alam dan air akan mendekatkan diri kita kepada Allah	4.74	Sangat Tinggi
DF3	Berfikir tentang kejadian manusia,haiwan,alam dan air akan memberi keinsafan tentang kelemahan manusia	4.51	Sangat Tinggi
DF4	Berfikir tentang kejadian manusia,haiwan,alam dan air akan mencegah diri kita daripada melakukan dosa	4.36	Sangat Tinggi
DF5	Berfikir tentang kepentingan hubungan dengan manusia,haiwan,alam dan air akan menjadikan kita menghargai alam	4.57	Sangat Tinggi
Bersyukur			
DS1	Kita hendaklah bersyukur dengan kejadian alam yang dicipta oleh Allah	4.89	Sangat Tinggi
DS2	Beribadat kepada Allah merupakan salah satu cara mensyukuri nikmat Allah	4.85	Sangat Tinggi
DS3	Menjaga diri,haiwan,alam dan sumber air merupakan tanda orang yang bersyukur	4.68	Sangat Tinggi
DS4	Melakukan kemungkaran merupakan sifat orang yang tidak bersyukur	4.65	Sangat Tinggi
DS5	Saya sentiasa mengucapkan Alhamdulillah	4.35	Sangat Tinggi
Bertanggungjawab			
DT1	Manusia bertanggungjawab memakmurkan alam	4.47	Sangat Tinggi
DT2	Manusia bertanggungjawab memelihara diri ,haiwan ,alam dan sumber air daripada rosak	4.64	Sangat Tinggi
DT3	Manusia akan ditanya oleh Allah tentang apa yang dipertanggungjawabkan	4.69	Sangat Tinggi
DT4	Manusia yang bertanggungjawab akan melaksanakan perintah Allah	4.71	Sangat Tinggi

Jadual 4.5 (sambungan)

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
DT5	Manusia yang bertanggungjawab tidak akan melakukan kemungkaran Bertakwa	4.64	Sangat Tinggi
DK1	Memikirkan proses penciptaan manusia,haiwan,alam dan air akan menjadikan seseorang bertakwa kepada Allah	4.61	Sangat Tinggi
DK2	Mengisafi kekuasaan dan kehebatan Allah melalui kejadian alam akan menjadikan seseorang bertakwa kepada Allah	4.61	Sangat Tinggi
DK3	Orang yang bertakwa akan sentiasa melakukan kebaikan	4.70	Sangat Tinggi
DK4	Orang yang bertakwa tidak akan melakukan kemungkaran	4.55	Sangat Tinggi
DK5	Orang yang bertakwa akan ditinggikan darjah disisi Allah	4.70	Sangat Tinggi

v. Rumusan dapatan Kajian Fasa 1 (I)

Bab ini telah menerangkan secara terperinci tentang dapatan kajian bagi fasa pertama iaitu analisis keperluan. Hasil dapatan ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A adalah berkenaan dengan demografik responden. Bahagian B adalah berkenaan tahap kefahaman murid terhadap konsep ekologi spiritual, Bahagian C meliputi tahap kefahaman murid tentang elemen ekologi spiritual dan Bahagian D menjurus kepada tahap kefahaman murid tentang sifat ekologi spiritual.

Jika diteliti kepada Bahagian A, ia menjelaskan tentang demografik responden yang terdiri daripada jantina, gred pencapaian di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan PT3 tahun sebelumnya,kategori sekolah dan jenis sekolah. Bahagian B pula merujuk kepada tahap kefahaman responden terhadap konsep ekologi spiritual. Daripada dapatan kajian ini jelas dapat membantu pengkaji untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual dan menambah aspek-aspek lain yang sepatutnya perlu ditambah di dalam kajian ini. Bahagian C pula adalah memaparkan tahap kefahaman pelajar terhadap elemen ekologi spiritual. Elemen-

elemen ekologi spiritual yang diukur adalah manusia, haiwan, alam dan air. Bahagian D pula adalah melibatkan tahap kefahaman pelajar dalam sifat ekologi spiritual. Elemen sifat ekologi spiritual yang diukur adalah sifat berfikir,sifat bersyukur, bertanggungjawab dan bertakwa.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian di dalam fasa satu analisis keperluan berdasarkan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik ini menunjukkan pelajar mempunyai kefahaman yang sangat tinggi terhadap konsep ekologi spiritual, elemen-elemen dan sifat ekologi spiritual. Dapatan ini jelas menunjukkan tahap pengetahuan sedia ada pelajar terhadap konsep berdasarkan ilmu-ilmu yang diperolehi melalui proses pembelajaran, pengalaman dan pemerhatian pelajar terhadap alam sekeliling. Dapatan ini juga jelas menunjukkan kesediaan pelajar untuk menerima satu konsep yang baru dan dapat menyokong keperluan di dalam membangunkan satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

4.2.2 Dapatan kajian Fasa 1: (II) Temubual

Untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian bagi fasa ini, pengkaji telah menggunakan kaedah menemubual empat (4) orang pakar bagi mendapatkan maklumat berhubung keperluan pembangunan model ini dimana pakar tersebut adalah terdiri daripada seorang pensyarah bidang Pendidikan Islam daripada sebuah universiti awam di utara semenanjung dan tiga (3) orang guru bidang Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi tempoh 10 tahun. Analisis dapatan bagi kaedah ini adalah berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 4: Sejauhmanakah keperluan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam menurut pandangan pakar?

Menurut Straus dan Corbin (1998), kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum diketahui secara mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan soalan terbuka yang dijawab oleh pakar untuk mengetahui keperluan kepada pembinaan model berdasarkan kepada fenomena yang wujud mengikut pandangan pakar. Untuk itu, satu set soalan terbuka (open-ended) telah diagihkan kepada empat orang pakar. Soalan tersebut adalah berdasarkan tiga sub tema utama iaitu pandangan pakar terhadap tahap kefahaman murid mengenai konsep ekologi spiritual, pandangan pakar terhadap kepentingan kefahaman murid terhadap konsep ekologi spiritual dan pandangan pakar terhadap keperluan kepada pembangunan Model Ekologi spiritual berasaskan al-Quran untuk Pendidikan Islam.

i. Profil Pakar

Jadual 4.6 menunjukkan profil pakar Fasa Pertama yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4.6
Profil Pakar Fasa I (I)

Kod Pakar	Kepakaran	Jawatan	Institusi	Kelulusan Tertinggi	Pengalaman
K01	Kurikulum Pend.Islam Pedagogi	Pensyarah Kanan	Universiti	Doktor Falsafah	Pensyarah berpengalaman dalam bidang pedagogi, menulis buku berkaitan Pendidikan Islam
K02	Kurikulum Pen .Islam Tassawur Islam	Guru Agama	Sekolah Menengah	Sarjana Muda	Ketua Pemeriksa Kertas Tasawwur Islam SPM
K03	Kurikulum Pend. Islam Pedagogi	Guru Agama	Sekolah Menengah	Sarjana Muda	Ketua Pemeriksa Kertas Pendidikan Islam SPM
K04	Kurikulum Pend. Islam Pedagogi	Guru Agama	Sekolah Menengah	Sarjana Muda	Ketua Pemeriksa Kertas Pendidikan Islam PMR/PT3/ SPM

ii. Analisis Pandangan Pakar Terhadap Tahap Kefahaman Pelajar

Tema 1: Pandangan pakar terhadap tahap kefahaman pelajar mengenai konsep ekologi spiritual.

Berdasarkan kepada analisis soal selidik yang telah dijalankan semasa ujian rintis dan analisis soal selidik sebenar di dalam fasa I, kajian mendapati tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual adalah sangat tinggi. Antara faktor yang boleh diambil kira ialah pelajar telah didedahkan dengan konsep ekologi spiritual melalui mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam bab akidah. Pengkaji mendapati kesepakatan pakar bahawa murid telah mempunyai asas untuk memahami konsep ekologi spiritual tetapi tahap penghayatan amalan pelajar terhadap konsep ini adalah masih rendah. Kesepakatan ini berdasarkan kenyataan pakar:

“ ..memang konsep ini telah diserapkan secara tidak lansung kepada murid kita kerana ia berkait dengan akidah, walaubagaimanapun, sukanan mata pelajaran Pendidikan Islam kita masih kurang merangsang murid kearah berfikir aras tinggi atau ‘high order thinking’ dan masih kurang penghayatan dalam aspek spiritual, buktinya..masih ramai remaja yang terlibat dengan rempit, pergaulan bebas dan sebagainya...” K(01)1-20/1

“...dalam mata pelajaran Tassawur Islam, konsep ini telah ada iaitu dalam tajuk konsep alam, ini menjadikan murid dapat berfikir dan dah ada asas...tetapi oleh kerana subjek ini adalah elektif, hanya sebilangan kecil pelajar yang ambil dan ada pelajar yang tidak ambil.. K(02)1-25/1

“ ..walaupun kita dah ajar dan sampaikan ilmu pada murid,khususnya ilmu akidah yang ada kaitan dengan konsep ini, tetapi ilmu tersebut tidak menjurus kepada akhlak murid atau penghayatan dan penerapan ilmu masih kurang..”K(03)1-8/2

“...walaupun dah ada konsep ini dalam bab akidah, ibadah..tetapi, murid hanya insaf semasa itu sahaja, semasa pnp sahaja..tidak sampai ke dalam.. K(04)1-9/2

Daripada pandangan keempat-empat pakar, dapat dirumuskan bahawa telah ada asas kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual melalui mata pelajaran

Pendidikan Islam khususnya dalam bidang ilmu akidah, ibadah dan akhlak. Walaubagaimanapun, pakar berpendapat masih terdapat kekurangan dalam aspek penghayatan ilmu sehingga dapat memberi kesan kepada akhlak murid.

iii. Analisis Pandangan Pakar Terhadap Kepentingan Kefahaman Pelajar Terhadap Konsep.

Tema 2: Pandangan pakar terhadap kepentingan kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami.

Daripada sorotan kajian lepas menunjukkan kekurangan kefahaman dalam aspek akidah akan memberi kesan kepada akhlak seseorang pelajar (Azma Mahmood,2006).

Kepentingan kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual ini dapat digambarkan melalui pernyataan pakar berikut:

“..memang penting kerana murid-murid tidak boleh hubungkan ilmu dengan kehidupan sehari-hari, contohnya Tilawah al-Quran tidak dihubungkan dengan tauhid dan ekologi. Ianya perlu diberi penekanan dalam Pendidikan Islam agar murid dapat menghubung jalin antara tanggungjawab sebagai khalifah. Ia juga amat penting untuk melahirkan kesedaran dan melahirkan murid yang seimbang..sebab itu perlu ada penghayatan terhadap konsep ekologi spiritual... K(01)1-20/1

“..sangat penting untuk menekankan konsep ekologi spiritual ini kepada murid agar murid lebih faham tentang kebesaran Allah, fungsi sebenar alam dan tanggungjawab sebenar manusia...” K(02)1-25/1

Kenyataan dua pakar tersebut dipersekutui dengan dapatan pandangan pakar K03 dan K04 yang menegaskan konsep ini adalah berkaitan dengan tauhid serta perlu diterapkan pada peringkat awal lagi. Konsep ini juga akan merangsang pemikiran murid untuk lebih memahami tujuan penciptaan diri sendiri dan alam.

“..konsep ini ada kaitan dengan tauhid, ianya perlu diterap dari awal.. K(03)1-8/2

“ ..konsep ini sangat sesuai dan baik untuk difahami oleh murid, walaupun konsep ini dah ada..tetapi pendekatan dan olahan yang berbeza dapat memberi kesan kepada cara berfikir murid dan boleh membawa perubahan...” K(04)1-9/2

iv. Analisis Pandangan Pakar Terhadap Keperluan Pembangunan Model

Tema 3: Pandangan pakar terhadap terhadap keperluan kepada pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

Menurut pandangan pakar, terdapat keperluan dalam membangunkan Model Ekologi spiritual berasaskan al-Quran untuk Pendidikan Islam. Gambaran tersebut berdasarkan penyataan berikut:

“...model ini penting kerana dapat mengetengahkan ilmu dalam Islam dan dapat membantu guru-guru untuk menerangkan secara terperinci kepada murid tentang pentingnya hubungan dengan alam. Kita juga kekurangan dalam aspek teori dan model dan kita dapat menekankan kepentingan al-Quran melalui pembangunan model ini.. K(01)1-20/1

“ satu kajian yang bagus, supaya murid lebih memahami tentang Pencipta alam (Allah) dan dapat memahami tujuan hidup. Cabaran dunia hari ini ialah dunia tanpa sempadan, murid kurang dengan al-Quran , kurang dari segi amalan dan lebih kepada benda-benda lain seperti komputer... K(02)1-25/1

“...satu kajian yang baik, dapat melaksanakan pembelajaran secara tidak lansung, murid hari ini inginkan bukti yang nampak, mesti bawa dalil yang logik serta contoh. Kajian tentang alam juga akan membawa kepada kenal Allah..” K(03)1-8/2

“..Saya sokong dan rasa model ini baik kerana ia boleh menjadi medium mendekatkan diri dengan Allah, saya mencadangkan agar ada panduan penggunaan model ini kepada guru..” K(04)1-9/2

v. Rumusan Dapatan Keseluruhan Kajian Fasa 1 (II)

Dapatan kajian berdasarkan analisis pandangan pakar, menunjukkan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar dengan kesemua pakar memberi respon dan persetujuan bahawa pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam adalah perlu dan signifikan. Terdapat keperluan dalam membangunkan model walaupun kefahaman konsep ekologi spiritual ini di dalam sukatan Pendidikan Islam, kerana masih terdapat kekurangan dalam aspek penghayatan. Penghayatan konsep ini dilihat oleh pakar sebagai penting kerana ia dapat membentuk akhlak pelajar. Kesepakatan pakar terhadap keperluan pembangunan model ini adalah berdasarkan tiga tema utama iaitu pandangan pakar terhadap tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual, pandangan pakar terhadap kepentingan kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual dan pandangan pakar terhadap keperluan kepada Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

Dapatan ini juga berdasarkan kepada nilai persetujuan daripada tiga pakar yang dilantik bagi mengesahkan tema yang dibina. Nilai persetujuan pakar terhadap tema adalah penting bagi memastikan keesahan dapatan (Cohen, Manian, & Morrris 2000). Pakar adalah *interater* (persetujuan antara penilai) iaitu orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji selaku pendidik. Mereka terdiri daripada tiga orang pakar yang mahir berkaitan skop kajian dalam menentukan indeks Cohen Kappa dalam kajian ini. Mereka juga adalah pakar dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam dan bidang kualitatif. Pengkaji telah mengemukakan surat lantikan kepada pakar dan borang persetujuan pakar. Nilai pekali persetujuan dikira menggunakan formula *Cohen Kappa* dan indikator tahap persetujuan adalah seperti berikut:

$$K = fa - fc / N - fc$$

Di mana:

fa = unit persetujuan oleh pakar

fc = 50 peratus jangkaan persetujuan

N = bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Setelah maklum balas diperolehi, pengkaji telah menganalisis bagi menentukan kebolehpercayaan data seterusnya dilaporkan pada Jadual 4.7 berikut.

Jadual 4.7
Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	<0.30

Sumber: Wiersma (2000)

Analisis tahap persetujuan pakar dan purata keseluruhan nilai kappa ialah seperti jadual 4.8 di bawah dan nilai kappa yang tinggi menunjukkan langkah pengekodan adalah konsisten.

Jadual 4.8


Tahap Persetujuan Pakar Dan Purata Keseluruhan Nilai Kappa

Pakar	Institusi	Jawatan dan Kelayakan	Tahap Persetujuan (Nilai Kappa)	Purata keseluruhan nilai kappa
1	IPTA	Profesor Madya	K= $\frac{15-7.5}{15-7.5}$ $\underline{7.5}$ $\underline{7.5}$ = 1	
2	IPG	Pensyarah	K= $\frac{14-7.5}{15-7.5}$ $\underline{6.5}$ $\underline{7.5}$ = 0.867	$P1 + P2+P3$ 3 <u>1.0+0.87+0.7</u>
3	IPG	Pensyarah	K= $\frac{13-7.5}{15-7.5}$ $\underline{5.5}$ $\underline{7.5}$ 0.733	<u>3</u> 3 K = 0.87

Purata nilai analisis Cohen Kappa bagi kajian ini ialah 0.87 dikategorikan sebagai tinggi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keperluan kajian ini adalah tinggi dan menjadi satu cadangan untuk pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami (MES-i) Untuk Pendidikan Islam. Terdapat keperluan untuk pembangunan model dan kajian ini dilaksanakan kerana ianya bertujuan untuk memberi penekanan kepada aspek spiritual pelajar agar mencapai kesedaran ketuhanan melalui elemen alam.

Ianya juga dapat melahirkan pelajar yang berakhhlak mulia dan menghargai alam sebagai mekanisme tauhid serta bertanggungjawab sebagai khalifah untuk memelihara alam sebaik mungkin. Secara tidak lansung ia akan membentuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam.

Rumusan keseluruhan daptan Fasa 2 (II) iaitu analisis keperluan pembangunan Model Ekologi spiritual Islami untuk Pendidikan Islam dapat di rujuk pada rajah 4.1 di bawah:



Rajah 4.1 Rumusan Dapatan Mengikut Pandangan Pakar

4.3 Dapatan Fasa 2: Reka bentuk

Dalam bab ini, akan diterangkan secara menyeluruh berhubung analisis kandungan beberapa dokumen utama yang dijadikan sebagai asas pembinaan teori ekologi spiritual dan kerangka asas bagi kajian ini. Antara dokumen yang diguna pakai serta dijadikan asas kajian ini ialah Kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali, Tematik al-Quranul Karim, Kitab Tafsir Ibn Kathir, Kitab Tafsir Ibn Abbas dan Kitab Tafsir Al Azhar karangan Profesor Dr. Hamka. Di samping itu, dalam dapatan ini juga diterangkan dapatan berdasarkan kaedah *FDM*.

4.3.1 Dapatan Kajian Fasa 2 (I): Analisis dokumen

Dapatan analisis Fasa 2 (I) adalah seperti berikut :

i. Kitab Ihya' Ulumuddin

Dalam Kitab Ihya' Ulumuddin, karangan Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali (t.t) beliau membincangkan tentang keutamaan berfikir dan menegaskan bahawa Allah S.W.T menyuruh supaya kita semua suka berfikir dan merenung kebesaran Allah melalui ciptaanNya. Dengan merujuk kepada Kitab Ihya' Ulumuddin Imam Abu Hamid al-Ghazali juzuk ke 4 oleh Dr Badawi Thobanah, Universiti Kaherah (t.th) dan beberapa buah buku terjemahan daripada Kitab Ihya' Ulumuddin antaranya terjemahan Mutiara Ihya' Ulumuddin, terjemahan Intipati Ihya' Ulumuddin al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi (2006; 2015) dan terjemahan Ihya' Ulumuddin terbitan ASLI: Indonesia (1980), pengkaji telah menjadikan pemikiran Imam al-Ghazali berhubung bab berfikir ini sebagai teori asas dan menyesuaikannya dengan kajian ini iaitu Pemikiran Imam al-Ghazali terhadap ekologi spiritual.

Imam al-Ghazali Rahimahumullah menerangkan tuntutan berfikir tentang kebesaran Allah SWT berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“ Fikirkan tentang makhluk (apa-apa yang diciptakan oleh Allah) dan janganlah kamu memikirkan tentang (khaliq) zat Allah.”
(Diriwayatkan oleh Abu Naim dan Baihaki)

Tuntutan berfikir tersebut dikuatkan lagi dengan hadis Rasullullah SAW yang lain yang bermaksud:

“ Berfikir sesaat itu lebih baik daripada beribadat setahun”
(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban)

Menurut Imam al-Ghazali, tuntutan manusia agar sentiasa berfikir tentang kerana pujian, ganjaran dan kemuliaan yang akan diberikan oleh Allah SWT kepada orang-orang yang suka berfikir tentang kebesaran kebesaran dan kehebatan Allah SWT.

Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:


*Maksudnya: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi **orang-orang yang berakal**; (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”*

(Surah Ali Imran: 3:191)

Adalah amat penting, pemikiran untuk makrifat ‘mengenal tuhan’ dan memperolehi hikmah ialah dengan membaca, merenung dan menghayati ayat-ayat Allah SWT (al-Quran) berserta hadis Rasulullah SAW. Penyelidik telah mengambil pandangan beliau dalam menerangkan bab berfikir ini sebagai asas pemikiran ekologi spiritual Imam al-Ghazali iaitu saranan untuk berfikir tentang tanda-tanda kekuasaan Allah SWT melalui enam (6) elemen iaitu manusia, bumi, binatang, lautan, udara dan langit. Berdasarkan analisis terhadap pandangan Imam al-Ghazali tentang tuntutan berfikir tanda-tanda kekuasaan Allah SWT, penyelidik telah menjadikan pandangan tersebut sebagai asas

pembentukan elemen ekologi spiritual. Ianya juga dijadikan asas kepada pemikiran ekologi spiritual menurut Imam al-Ghazali.

Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT boleh dilihat dari dalam tubuh manusia itu sendiri, kejadian alam atau bumi, tubuh binatang, kejadian lautan, udara dan langit. Pemikiran Imam al-Ghazali tentang berfikir tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam kejadian makhluk ciptaan Nya distrukturkan melalui rajah 4.2 di bawah:



Rajah 4.2: Pemikiran al-Ghazali berhubung konsep Ekologi Spiritual Islami berdasarkan Kitab Ihya' Ulumuddin

Saranan berfikir tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam tubuh manusia bermula daripada asal kejadian manusia itu sendiri dari bahan yang ‘hina’. Firman Allah SWT dalam surah al Mukminun ayat 12-14:

Bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati tanah; kemudian kami jadikan “pati” itu (setitis) air benih pada tempat penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku, lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian kami Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaanya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.”

(Surah al-Mukminun: 12-14)

Dalam konteks kajian, pembangunan Model Ekologi spiritual ini adalah berdasarkan rangsangan agar pelajar agar berfikir tentang kehebatan kekuasaan Allah SWT melalui dalil-dalil al-Quran berhubung elemen ekologi yang disarankan oleh Imam al-Ghazali Rahimahumullah iaitu manusia, alam dan bumi, kejadian langit dan udara, haiwan dan lautan. Kefahaman dan penghayatan terhadap dalil-dalil ini akan melahirkan pelajar yang mengakui kekuasaan, keesaan dan kebijaksanaan Allah SWT, seterusnya dapat membentuk pelajar yang bersyukur dan bertakwa. Jesteru itu, akan lahir pelajar yang mempunyai kekuatan spiritual dan berakhhlak mulia sebagaimana Imam al-Ghazali menghuraikan “maka berfikir adalah merupakan pokok pangkal untuk mendapatkan segala kebaikan, hal itulah yang menyebabkan berkembangnya ilmu pengetahuan serta membawa makrifat dan keuntungan”.

ii. Tematik Al-Quran

Ayat-ayat al-Quran yang menerangkan tentang ekologi telah dijadikan sebagai asas utama pembangunan . Pemilihan ayat-ayat tersebut sebagai asas teori ekologi spiritual adalah berdasarkan sorotan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik berpandukan Kitab Ihya’Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali (t.t) beserta beberapa buku terjemahan ringkasan daripada kitab Ihya’ Ulumuddin. Selain itu, ayat-ayat berkaitan turut dipilih berdasarkan tematik al-Quranul karim berkaitan ekologi yang

dirujuk melalui Kitab Tafsir Maudui (Farahwahida Mohd Yusof & Mikdar Rusdi, 2015) berserta buku-buku rujukan berkaitan ekologi.

Bagi pembinaan teori ekologi spiritual berdasarkan al-Quran yang lebih mantap dan jitu, penyelidik telah menghuraikan ayat-ayat yang dipilih sebagai asas teori konsep ekologi spiritual berdasarkan tafsiran ayat 164 Surah Al Baqarah dan ayat 190-191 Surah Ali Imran daripada tiga kitab tafsir iaitu Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Ibn Abbas dan Tafsir al-Azhar oleh Prof. Dr. Hamka. Pemilihan kitab-kitab tafsir ini adalah berdasarkan sorotan kajian yang menegaskan penerimaan kitab tafsir Ibn Kathir sebagai muktabar dan kecederungan beberapa pengkaji ilmu ekologi untuk menggunakan Tafsir Ibn Abbas bagi mengaitkan ayat-ayat berkaitan ekologi dalam kajian mereka. Di samping itu, pemilihan kitab-kitab tafsir tersebut adalah di atas persetujuan dan saranan oleh seorang pakar penyemak isi kandungan model yang telah dinyatakan di dalam sesi perbincangan bersama pakar dan penyataan ulasan daripada pakar tersebut.

a. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Konsep Ekologi Spiritual

Dalil-dalil utama yang menjadi asas teori konsep ekologi spiritual ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al Baqarah ayat 164:

Bermaksud : Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.(Surah Al Baqarah: 2: 164)

Pemilihan ayat tersebut sebagai dalil asas bagi konsep ekologi spiritual diperkuuhkan lagi dengan ayat daripada Surah Ali-Imran ayat 190 hingga 191:

Maksudnya: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi **orang-orang yang berakal**; (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

(Surah Ali-Imran: 3: 190-191)

Menurut pandangan Mat Rofa Ismail (2014), *ulul albab* (orang-orang yang berakal) ialah golongan yang mengambil iktibar keagungan Ilahi menerusi ciptaan langit dan bumi serta mereka merenungi secara mendalam kejadian yang penuh ajaib tersebut dalam semua keadaan sama ada ketika berdiri, duduk, berbaring lalu melahirkan ucapan yang menggambarkan penghambaan seorang makhluk terhadap pencipta. Bagi mengukuhkan dapatan untuk merekabentuk konsep ekologi spiritual berdasarkan dalil al-Quran, dalil surah al Baqarah, ayat 164 ini telah dilihat melalui tafsiran ayat dengan merujuk *mufasirin* yang berautoriti dan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Ciri-ciri yang dinyatakan sebagai *ulul albab* sebagaimana ayat di ataslah yang perlu lahir dalam diri seorang pelajar muslim iaitu seorang hamba Allah SWT yang mempunyai asas spiritual atau kerohanian yang teguh. Pelajar-pelajar yang akan membentuk generasi yang beramal soleh dan bertakwa kepada Allah SWT.

Al-Quran sebenarnya sentiasa merangsang manusia menggunakan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk mengetahui hakikat sebenar kejadian (Shaikh Mohd Saifuddeen 2010; Zaini Ujang 2009). Contohnya al-Quran menggunakan perkataan, “Apakah kamu tidak berfikir”? “Apakah kamu tidak melihat”? “Apakah kamu tidak mendengar”? Sebagaimana dalam firman-Nya dalam Surah al-Ghasiah, 88:17-20.

Selain itu, al-Quran juga sentiasa menggesa manusia agar mengambil iktibar daripada setiap kejadian alam walaupun sekecil-kecil ciptaan. Orang-orang yang berfikir itu dikenali sebagai Ulul Albab di dalam al-Quran merupakan manusia yang berjaya mengambil pengajaran daripada al-Quran serta dapat mengambil pengajaran dari alam semesta dan segala penciptaan Allah s.w.t dengan akal dan hati yang bijaksana (Esa Khalid 2001; Mat Rofa 2006; Mohd Shadid 1994)

b. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Elemen Ekologi Spiritual

Ayat-ayat al-Quran yang dijadikan asas teori bagi elemen ekologi spiritual yang diklasifikasikan kepada tujuh elemen iaitu dalil-dalil berkaitan manusia, haiwan, tumbuhan, tanah, air, udara dan fenomena alam. Dalil-dalil berkaitan elemen ekologi spiritual boleh dirujuk melalui jadual 4.9 (elemen ekologi spiritual: manusia), jadual 4.10 (elemen ekologi spiritual: haiwan), jadual 4.11 (elemen ekologi spiritual: tumbuhan), jadual 4.12 (elemen ekologi spiritual: tanah) jadual 4.13 (elemen ekologi spiritual: air) jadual 4.14 (elemen ekologi spiritual: udara/angin) dan jadual 4.15 (elemen ekologi spiritual: fenomena alam).

Jadual 4.9

Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Manusia

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Al Mukminun ayat 13-14	Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta
2.	Surah Al Hajj ayat 5	Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.
3.	Surah Dzariyat : ayat 20-21	Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin, Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?(Adz-Dzaariyat 51:20-21)

Jadual 4.10:
Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Haiwan

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Al Mukminun ayat 21-22	Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan (tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya); Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu. Dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal kamu diangkut. (Al-Mu'minun 23:22)
2.	Surah An Nahl ayat 14	Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur. (Al-Nahl 16:14)
3.	Surah Al Mulk ayat 19	Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Al-Mulk 67:19)

Jadual 4.11:

Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Tumbuhan

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Al An'am Ayat 95	Sesungguhnya Allah jualah yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamujadikan sekutuNya)? (Al-An'aam 6:95)
2.	Surah Ar Ra'du Ayat 3	Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir. (Ar-Ra'd 13:3)
3.	Surah Al -Nahl Ayat 10	Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya. (Al-Nahl 16:10)

Jadual 4.12

Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Tanah

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Hud :ayat 61 Ayat 20	“Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".(Hud 11:61)
2.	Surah Ar-Ruum	Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya (menghidupkan kamu semula), bahawa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran dimuka bumi. (Ar-Ruum 30:20)
3.	Surah An-Nisaa' ayat 43	Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan Junub (berhadas besar) - kecuali kamu hendak melintas sahaja - hingga kamu mandi bersuci. Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwuduk), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah - debu, yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. (An-Nisaa' 4:43)

Jadual 4.13:
Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Air

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Al An'am : ayat 99	Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.(Al-An'aam 6:99)
2.	Surah Al Mukminun ayat 18-19	Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatana yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya. Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu beroleh dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu beroleh rezeki penghidupan kamu. (Al-Mu'minun 23:19)
3.	Surah Al Mursalat : ayat 27	Dan Kami telah jadikan di bumi: gunung-ganang yang menetapnya, yang tinggi menjulang; dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga? (Al-Mursalaat 77:27)

Jadual 4.14:

Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Udara atau Angin

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Al A'raf Ayat 57	Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya). (Al-A'raaf 7:57)
2.	Surah Al Faatir Ayat 9	Dan Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (yang kering kontang); lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan (hujan dari awan) itu. Sedemikian itu pula kebangkitan manusia (hidup semula sesudah mati).(Faatir 35:9)
3.	Surah Yunus Ayat 22	Dia lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): "Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur".(Yunus 10:22)

Jadual 4.15

Dalil Elemen Ekologi Spiritual: Fenomena Alam

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Surah Al Ra'd Ayat 12-13	Dia lah yang memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir), dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia yang menjadikan awan tebal yang berat (dengan air). Dan Dia lah juga yang guruh dan malaikat bertasbih memujiNya, kerana takut kepadaNya. Dan Dia lah juga yang menghantarkan petir, lalu Ia mengenakan dengan panahannya kepada sesiapa yang dikehendakinya Dan mereka yang ingkar itu membantah (serta mendustakan Rasul) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah (dan kuat kuasaNya) Padahal Ia Amat keras azab seksanya. (Ar-Ra'd 13:12-13)
2.	Surah Yunus Ayat 67	Dia lah yang menjadikan malam bagi kamu supaya kamu berehat padanya, dan menjadikan siang terang-benderang (supaya kamu berusaha). Sesungguhnya perubahan malam dan siang itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu mendengar (keterangan-keterangan yang tersebut dan mengambil pelajaran daripadanya). (Yunus 10:67)
3.	Surah Ar-Ra'd Ayat 2	Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; dan Ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya) tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan segala urusan; Ia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan). (Ar-Ra'd 13:2)

c. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Sifat-Sifat Ekologi Spiritual

Jadual 4.16

Dalil Sifat Ekologi Spiritual

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Sifat Berfikir Surah Al Baqarah 2: 267	Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.
2.	Sifat Bersyukur Surah Al-A'raaf 7: 10	Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.
3.	Sifat Bertanggungjawab Surah Al-An'aam 6:165	Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.
4.	Sifat Bertakwa Surah Al an'am 6:51	Dan berilah amaran dengan Al-Quran itu kepada orang-orang yang merasa takut bahawa mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (pada hari kiamat), (padahal) tiadalah bagi mereka pelindung dan tidak juga pemberi syafaat yang lain dari Allah, supaya mereka bertaqwah.

d. Dalil-Dalil al-Quran Berkaitan Penghayatan Amalan

Jadual 4.17

Dalil Penghayatan Amalan berdasarkan Model Ekologi Spiritual

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Rukun Iman	<p>1. Beriman Kepada Allah</p> <p>Katakanlah (wahai orang-orang yang beriman): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (Al-Quran), dan kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan Nabi Ishak dan Nabi Yaakub serta anak-anaknya, dan juga kepada apa yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan Nabi Isa (Injil), dan kepada apa yang diberikan kepada Nabi-nabi dari Tuhan mereka; kami tidak membeza-bezakan antara seseorang dari mereka (sebagaimana yang kamu - Yahudi dan Nasrani - membeza-bezakannya); dan kami semua adalah Islam (berserah diri, tunduk taat) kepada Allah semata-mata". (Al-Baqarah 2:136)</p>
		<p>2. Beriman Kepada Malaikat</p> <p>Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.(Ar-Ra'd 13:11)</p>
		<p>3. Beriman Kepada Rasul</p> <p>Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain rasul-rasulnya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepada Mu jualah tempat kembali".</p>

(Al-Baqarah 2:285)

4. Beriman Kepada Kitab

Dan juga orang-orang yang beriman kepada kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).**(Al-Baqarah 2:4)**

5. Beriman Kepada Hari Kiamat

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.

(Al-Baqarah 2:177)

6. Beriman Kepada Qada'Dan Qadar

Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

(Al-Ahzaab 33:36)

Jadual 4.18
Penghayatan Amalan Berdasarkan Rukun Islam

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Rukun Islam	1. Dua Kalimah Syahadah Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadah): "Engkau bukan orang yang beriman" (lalu kamu membunuuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal). (Janganlah kamu gelap mata kepada daki dunia itu) kerana di sisi Allah ada disediakan limpah kurnia yang banyak. Demikianlah juga keadaan kamu dahulu (dapat diketahui oleh orang lain akan keIslamam kamu dengan memberi salam atau mengucap kalimah syahadah), lalu Allah mengurniakan nikmatNya kepada kamu. Oleh itu selidikilah (apa-apa jua lebih dahulu, dan janganlah bertindak dengan terburu-buru). Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dengan mendalam akan segala yang kamu lakukan. (An-Nisaa' 4:94)
		2. Ibadat Solat Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk; (Al-Baqarah 2:45)
		3. Ibadat Puasa Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwah. (Al-Baqarah 2:183)

4. Ibadat Zakat

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

(Al-Baqarah 2:43) |

5. Ibadat Haji

Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam. Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan Umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat Haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih Dam yang mudah didapati. Kalau ia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar) masjid Al-Haraam (Makkah). Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahwasanya Allah Maha berat balasan seksaNya (terhadap orang-orang yang melanggar perintahNya).

(Al-Baqarah 2:196)

Jadual 4.19

Penghayatan Amalan Berdasarkan Sifat Ihsan

Bil.	Dalil	Maksud Ayat
1.	Sifat Ihsan	<p>1. Ihsan Kepada Diri Sendiri</p> <p><i>Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.</i></p> <p>(An-Nisaa' 4:125)</p>
		<p>2. Ihsan Kepada Manusia</p> <p><i>Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.</i></p> <p>(Al-Baqarah 2:83)</p>
		<p>3. Ihsan Kepada Binatang</p> <p><i>Dan di antara binatang-binatang ternak itu, ada yang dijadikan untuk pengangkutan, dan ada yang untuk disembelih. Makanlah dari apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu, dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.</i></p> <p>(Al-An'aam 6:142)</p>
		<p>4. Ihsan Kepada Tumbuhan</p> <p><i>Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuhan-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta</i></p>

buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

(Al-An'aam 6:99)

5. Ihsan Kepada Alam

Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.

(al-A'raf : 7 : 56)

iii. Tafsir Ibn Kathir

Firman Allah SWT di dalam ayat 164, surah Al Baqarah yang merupakan antara dalil asas kepada teori konsep ekologi spiritual ini telah diuraikan berdasarkan Tafsiran Ibn Kathir.

Firman Allah: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan denganannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Menurut Tafsir Ibn Kathir , Allah SWT berfirman (“Sesungguhnya dalam penciptaan **langit dan bumi**,”) yaitu dalam aspek ketinggian, kelembutan, dan keluasannya, serta bintang-bintang yang bergerak, dan peredaran pada paksinya; dataran rendah dan dataran tinggi, gunung, laut, gurun pasir, kesunyian, keramaian, dan segala manfaat yang terdapat di dalamnya, **pergantian siang dan malam**; satu pergi yang lain datang mengantikannya dengan tidak saling mendahului dan tidak sedikit pun yang terlambat meskipun hanya sekejap.

Sebagaimana firman Allah SWT:

“Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Dan masing-masing beredar pada garis edarnya.” (QS. Yaasiin: 40).

Firman-Nya: (“Dan bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia.”) ertinya dalam kekuasaan Allah SWT bahtera itu dapat berlayar dari satu sisi ke sisi yang lain untuk kepentingan kehidupan manusia dan agar mereka dapat mengambil manfaat, dan mengangkut penduduk dari suatu daerah dan membawanya ke daerah lain silih berganti. (“Dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa **air**, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)nya.”)

Firman-Nya ini seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Dan suatu tanda (kekuasaan Allah yang besar) bagi mereka adalah bumi yang mati. Kami hidupkan bumi itu dan Kami keluarkan darinya **biji-bijian**, maka darinya mereka makan. Dan Kami jadikan padanya **kebun-kebun kurma dan anggur** dan Kami pancarkan padanya beberapa mata *air*, supaya mereka dapat makan dari buahnya dan dari apa yang diusahakan oleh tangan mereka. Maka mengapakah mereka **tidak bersyukur?** Mahasuci (Allah) yang telah men ciptakan pasangan-pasangan semuanya, baik dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan dari diri mereka maupun dari apa yang mereka tidak ketahui.”

(QS. Yaasiin: 33-36)

(“Dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan,”) kejadian haiwan dalam bermacam-macam bentuk, warna, dan manfaat, kecil dan besar. Dan Dia mengetahui

semuanya itu dan memberikan rezeki kepadanya, tidak ada satu pun dari haiwan-haiwan itu yang tidak terjangkau atau tersembunyi dari-Nya.

(“Dan pengisaran **angin**.”) ertinya, kadang-kadang angin itu berhembus dengan membawa rahmat dan ada yang membawa malapetaka. Ada yang datang membawa berita gembira dengan berhenti di hadapan awan sehingga turun hujan, dan terkadang berhembus dengan mengiring awan tersebut, terkadang mengumpulkannya, dan terkadang mencerai beraikannya. Terkadang berhembus dari arah selatan, dan terkadang dari arah utara, dan terkadang dari arah timur yang mengenai bahagian depan Ka’bah, dan terkadang dari arah barat yang mengenai bahagian belakang Ka’bah. Wallahu a’lam.

(“Dan awan yang dikendalikan antara **langit dan bumi**.”) ertinya berjalan di antara langit dan bumi, yang diarahkan oleh Allah; menuju wilayah dan tempat-tempat mana saja yang dikehendaki-Nya, sebagaimana Allah yang menganturnya.

(“Sungguh terdapat **tanda-tanda keesaan dan kebesaran Allah SWT** bagi kaum yang memikirkan.”) **Maksudnya, pada semuanya itu terdapat bukti-bukti yang jelas menunjukkan keesaan Nya.**

Tafsiran ayat 164 daripada Surah al-Baqarah yang telah diterangkan oleh Ibn Kathir menjadi bukti yang jelas kepada kehebatan, kekuasaan dan keagungan Allah SWT sebagai Pencipta. Bukti tersebut terlihat melalui penciptaan elemen alam (ekologi) seperti kejadian langit dan bumi, siang dan malam, matahari, bulan , haiwan, tumbuhan dan laut serta perjalanan fenomena alam itu sendiri yang begitu hebat, sangat teratur dan unik adalah jelas membuktikan kebesaran Allah SWT. Penciptaan tersebut jelas menuntut agar manusia menjadi hamba Allah SWT yang bersyukur dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya.

iv. Tafsir Ibn Abbas

Surah al-Baqarah ayat 164:

Bermaksud: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

(Surah al-Baqarah: 2: 164)

Menurut Ibnu Abbas, ada beberapa riwayat yang menceritakan sebab turun ayat ini antaranya Said bin Manshur di dalam kitabnya as-Sunnan, al-Firyabi di dalam kitabnya at-Tafsir , dan al-Baihaqi di dalam kitabnya Sua'ab al Iman meriwayatkan dari Abu Adh -Dhuha, dia berkata, “ ketika turun ayat 163 yang bermaksud:

“ Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”, orang-orang musyrik merasa aneh. Mereka berkata, “ Jika benar Tuhan itu Maha Esa,maka tunjukkan tanda-tanda keesaannya kepada kami”. Saat itu Allah menurunkan ayat ini. Bagi orang-orang yang berfikir, dapat difahami dengan jelas, Allah telah menyebut tentang kejadian langit dan bumi, siang dan malam, bahtera yang berlayar di laut, air , haiwan, angin dan awan sebagai membuktikan KeesaanNya.

Berdasarkan ayat ini, dapat disimpulkan ciri-ciri ekologi spiritual menurut perspektif Islam dapat diterangkan melalui kejadian manusia, bumi (tanah), haiwan (binatang), lautan (air), langit (udara) dan tumbuh-tumbuhan. Kejadian-kejadian ini telah diperjelaskan oleh Allah SWT di dalam Al Quran untuk orang-orang yang ingin berfikir dan merenung kekuasaan Allah SWT seterusnya menerbitkan ketauhidan kepada Nya.

v. Tafsir al -Azhar

Firman Allah SWT dalam surah aali Imran ayat 190-191 yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi **orang-orang yang berakal**; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

Menurut Hamka dalam Tafsir al-Azhar: “ berkata Imam al-Razi dalam tafsirnya: Ketahuilah oleh mu, bahawa yang dimaksudkan di dalam kitab yang mulia (al-Quran) ini ialah menjemput hati dan ruh sesudah memperkatakan soal-soal makhluk yang dijadikan, supaya mulai tenggelam memperhatikan makrifat terhadap al-Haq (Tuhan). Renungkanlah kejadian alam, langit, dan bumi dimana langit melindungimu dan bumi yang terhampar tempat kamu hidup . **Pergunakanlah fikiranmu, dan renungkanlah (tiliklah) pergantian antara siang dan malam, semuanya itu penuh dengan ayat-ayat , tanda-tanda kebesaran Tuhanmu.**

Di sana dahulu, sesuai dengan zamannya, Nabi Musa AS telah mengangkat tongkatnya ke atas, maka keluarlah ayat dan mukjizat kebesaran Tuhan, Kemudian datanglah al-Masih (Nabi Isa AS) membawa ayat-ayat pula (bukti) iaitu dapat menyembuhkan orang sakit kusta, menghidupkan orang yang baru mati. Sekarang datanglah masanya kamu disuruh berfikir melihat alam, supaya kamu dapat melihat, bahawa semuanya itu penuh dengan mukjizat Ilahi. Dalam surah al-Baqarah ayat 164 dan beberapa ayat yang lain, disebut tentang kejadian langit dan bumi serta perkisaran siang dan malam, dan sekarang dirangsang lagi untuk melihat makhluk Allah SWT (alam) yang besar ini. Kejadian langit yang menaungi kita (manusia) sangat menakjubkan pada siang hari dengan berbagai warna awan , dengan berbagai bintang

pada malam harinya. Begitu juga dengan kejadian bumi sebagai tempat tinggal, mengandungi banyak rahsia ilmu yang belum terurai, langit dan bumi dijadikan oleh Khalik (Allah SWT) dengan sangat tersusun dan teratur. Semuanya ini menjadi ayat-ayat atau tanda-tanda kepada orang yang berfikir, bahawa tidaklah semuanya ini terjadi sendirinya. Orang yang melihatnya dan menggunakan fikirannya, masing-masing melihat menurut pandangan tersendiri samada seorang ahli ilmu kalam, ahli ilmu bintang, ahli ilmu tumbuh-tumbuhan ataupun penyair dan seniman semuanya akan dipesona oleh susunan tadbir alam yang luar biasa. Merasakan diri kecil disebalik kebesaran alam, merasa kecilnya alam dihadapan kebesaran Penciptanya. Mengapa kita berfikir demikian ? kerana kita adalah manusia , kita berfikir ‘ ulul albab’.

‘Ulul Albab’ orang yang berfikiran (ayat 191): iaitu orang-orang yang mengingati Allah SWT sewaktu berdiri, duduk atau berbaring ertiinya orang yang tidak pernah lepas Allah SWT dari ingatannya. Dan disebutkan bahawasanya zikir itu hendaklah ada pertalian antara sebutan dengan ingatan. Maka sesudah penglihatan atas kejadian langit dan bumi, atau pergantian siang dan malam, lansungkan ingatan kepada yang menciptakannya. Kerana ianya jelas semuanya itu tidaklah ada yang terjadi dengan sia-sia atau secara kebetulan.

“ Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau jadikan ini dengan sia-sia”. Ucapan ini adalah lanjutan perasaan sesudah zikir dan fikir, iaitu tawakkal dan redha, menyerah dan mengakui kelemahan diri. Sebab itulah, bertambah tinggi ilmu seseorang, bertambahlah ingatlah dia kepada Allah SWT. Sebagai tanda pengakuan atas kelemahan diri itu, timbulah bakti dan ibadat kepada Allah SWT. Akhir ayat ini, adalah lanjutan daripada pengakuan atas kebesaran Tuhan, yang didapati setelah memikirkan betapa hebatnya kejadian langit dan bumi, matahari, bulan, bintang-bintang dan alam semesta kelihatan dengan nyata kepatuhannya menurut kehendak

Ilahi. Maka mengapalah kita manusia ada yang derhaka kepada Allah SWT padahal kita tidak dapat mengelak dari ketentuan Allah SWT. Bukankah orang yang ingkar itu sudah sewajarnya mendapat siksaan Tuhan ? penghujung ayat ini kita memohon ampun kepada Allah SWT dan memohon agar dihindarkan dari siksa neraka, kerana kadang-kadang oleh dorongan nafsu kita alpa dengan kewajipan kita sebagai hamba.

4.3.1.1 Rumusan Dapatan Fasa 2 : (I)

Hasil analisis Kitab Ihya' Ulumuddin dalam bab 33 karangan Imam al-Ghazali , tematik al-Quran berhubung ekologi beserta tafsiran ayat 164 Surah al-Baqarah dan ayat 190-191 Surah aali Imran daripada Tafsiran Ibn Kathir, Ibn Abbas dan al-Azhar telah diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 4. 20:

Analisis kandungan kitab Ihya' Ulumuddin dalam bab 33

Dokumen	Konsep Ekologi Spiritual	Elemen Ekologi spiritual	Sifat Ekologi spiritual
Kitab Ihya' Ulumuddin Imam al-Ghazali	Surah aali Imran 191	Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam tubuh manusia Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam bumi Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam tubuh binatang Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam lautan Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam udara Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dalam langit	Fikir syukur bertakwa

Jadual 4.21

Analisis Tematik al-Quran

Dokumen	Konsep Ekologi Spiritual	Elemen Ekologi spiritual	Sifat Ekologi spiritual	Penghayatan amalan
Dalil al-Quran	<p>Manusia Surah al-Baqarah ayat 164 Surah aali Imran 190-191 Surah az-Dzariyat: 20,21</p> <p>Haiwan Surah al-Mukminun: ayat 21-22 Surah an-Nahl: ayat 14 Surah al-Mulk: ayat 19</p> <p>Tumbuhan Surah al-An'am: ayat 95 Surah ar Ra'd: ayat 3 Surah an-Nahl: ayat 10</p> <p>Tanah Surah al-Hud: ayat 61 Surah ar-Ruum: ayat 20 Surah an-Nisaa': ayat 43</p>	<p>Manusia Surah al-Mukminun: ayat 13-14</p> <p>Haiwan Surah al-Mukminun: ayat 21-22</p> <p>Tumbuhan Surah al-An'am: ayat 95</p> <p>Tanah Surah al-Hud: ayat 61</p>	1.Berfikir Surah al-Baqarah 2: 267 2.Bersyukur Surah al-A'raaf 7: 10 3.Bertanggungjawab Surah al-An'aam 6:165 4.Bertakwa Surah al-an'am 6:51	1. Dua kalimah syahadah 2.Solat 3.Puasa 4. Zakat 5.Haji 1. Beriman kepada Allah 2.Beriman Kepada Kitab 3. Beriman Kepada Rasul 4. Beriman Kepada Malaikat 5. Beriman Kepada Qada' dan Qadar 6.Beriman Kepada Hari Kiamat 1.Ihsan kepada diri sendiri 2.Ihsan kepada manusia 3.Ihsan kepada haiwan 4.Ihsan kepada tumbuhan 5.Ihsan kepada alam

Jadual 4.21 (Sambungan)

Dokumen	Konsep Ekologi Spiritual	Elemen Ekologi spiritual	Sifat Ekologi spiritual	Penghayatan amalan
---------	--------------------------	--------------------------	-------------------------	--------------------

Air

Surah al-An'am:
ayat 99
Surah al-Mukminun: ayat 18-19
Surah al-Mursalat: ayat 27

Udara

Surah al-A'raf
ayat 57
Surah al-Fathir :
ayat 9
Surah Yunus:
ayat 22

Fenomena Alam

Surah ar-Ra'd:
ayat 12-13
Surah Yunus :
ayat 67
Surah ar-Ra'd:
ayat 2

Jadual 4.22

Analisis Tematik al Quran berdasarkan Kitab Tafsir

Dokumen	Konsep Ekologi Spiritual	Elemen Ekologi spiritual	Sifat Ekologi spiritual	Penghayatan amalan
Dalil al-Quran berhubung ekologi spiritual berdasarkan rujukan tafsiran dari Tafsir Ibn Kathir	Surah al-Baqarah ayat 164	Manusia Haiwan	Berfikir Bersyukur	Beriman kepada Allah SWT
Tafsir Ibn Abbas dan Tafsir al-Azhar	Surah aali Imran 190-191	Tumbuhan Air	Bertanggungjawab Bertakwa	
		Fenomena Alam		
		Udara		

4.3.2 Dapatan Fasa 2 (II) Kaedah *Fuzzy Delphi*

Dalam fasa ini, kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)* digunakan untuk membangunkan Model Ekologi spiritual berdasarkan al-Quran serta mendapatkan konsensus pakar mengenainya. Instrumen kajian dalam fasa pembangunan ini adalah borang soal selidik yang dimurnikan hasil dari dapatan fasa pertama (I dan II) iaitu fasa analisis keperluan dan fasa kedua (I) .

Soal selidik yang dikemukakan kepada para pakar mengandungi 54 item soalan. Item yang diutarakan merangkumi aspek utama model (3), isi kandungan dalam aspek kefahaman (8), isi kandungan dalam aspek sifat (4), isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan (3), dalil al-Quran terhadap elemen ekologi spiritual (21), item medium pembelajaran (5) dan item dalam impak pembangunan model (10). Item-item untuk konsensus pakar dalam fasa ini adalah sebagaimana tertera dalam jadual-jadual di bawah.

Jadual 4.23

Item-Item Untuk Konsensus Pakar Aspek Utama Model

Item	Aspek utama Model
1.	Konsep Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi aspek kefahaman murid
2.	Konsep Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi aspek sifat murid
3.	Konsep Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi aspek penghayatan amalan murid

Seterusnya, item-item untuk kesesuaian isi kandungan dalam aspek pemahaman ditunjukkan dalam jadual 4. di bawah:

Jadual 4.24

Item-item untuk konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek pemahaman :

Item	Isi kandungan dalam aspek pemahaman
1	Model kandungan Ekologi Spiritual menerangkan definisi konsep Ekologi Spiritual berdasarkan al Quran.
2	Model kandungan Ekologi Spiritual menyatakan objektif Ekologi Spiritual terhadap murid.
3	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sumber-sumber Ekologi Spiritual.
4	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan elemen-elemen Ekologi Spiritual berdasarkan al Quran.
5	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan falsafah kejadian setiap elemen Ekologi Spiritual berdasarkan al Quran.
6	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sifat-sifat Ekologi Spiritual.
7	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan perbezaan antara konsep Ekologi Spiritual daripada Perspektif Islam dan Barat.
8	Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi bukti kebenaran al- Quran dan pembuktian sains moden.

Jadual 4.25

Item-item untuk konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek sifat:

Item	Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat
1.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat berfikir melalui setiap kejadian ciptaan Allah SWT.
2.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bersyukur dengan setiap kejadian ciptaan Allah SWT.
3.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertanggungjawab terhadap setiap kejadian ciptaan Allah SWT.
4.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertakwa terhadap Allah SWT.

Jadual 4.26

Item-item untuk konsensus pakar dalam terhadap kandungan dalam aspek penghayatan amalan :

Item	Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan
1	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 5 Rukun Islam. i. Dua kalimah syahadah ii. Solat iii. Puasa iv. Zakat v. Haji
2	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Iman. i. Beriman kepada Allah ii. Beriman Kepada Kitab iii. Beriman Kepada Rasul iv. Beriman Kepada Malaikat v. Beriman Kepada Qada' dan Qadar vi. Beriman Kepada Hari Kiamat
3	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan terhadap 5 sifat Ihsan i. Ihsan kepada diri sendiri ii. Ihsan kepada manusia iii. Ihsan kepada haiwan iv. Ihsan kepada tumbuhan v. Ihsan kepada alam

Jadual 4.27

Item-item untuk konsensus pakar terhadap dalil elemen ekologi spiritual

Item	Manusia
1	Surah al-Mukminun: ayat 13-14
2	Surah al-Hajj: ayat 5
3	Surah az-Dzariyat: 20,21
Item	Haiwan
1	Surah al-Mukminun: ayat 21-22
2	Surah an-Nahl: ayat 14
3	Surah al-Mulk: ayat 19
Item	Tumbuhan
1	Surah al-An'am: ayat 95
2	Surah ar-Ra'd: ayat 3
3	Surah an-Nahl: ayat 10
Item	Tanah
1	Surah Hud: ayat 61
2	Surah ar-Ruum: ayat 20
3	Surah an-Nisaa': ayat 43
Item	Air
1	Surah al-An'am: ayat 99
2	Surah al-Mukminun: ayat 18-19
3	Surah al-Mursalat: ayat 27

Jadual 4.27 (Sambungan)

Item	Udara
1	Surah al-A'raf: ayat 57
2	Surah al-Fathir: ayat 9
3	Surah Yunus: ayat 22
Item	Fenomena Alam
1	Surah ar-Ra'd: ayat 12-13
2	Surah Yunus: ayat 67
3	Surah ar-Ra'd: ayat 2

Jadual 4.28

Item-item untuk konsensus pakar dalam medium pembelajaran:

Item	Medium Pembelajaran
1	Laman Web
2	Blog
3	Facebook
4	MMS
5	E-Mail

Jadual 4.29

Item-item untuk konsensus pakar dalam impak pembangunan model:

Item	Impak Pembangunan Model
1	Murid dapat meningkatkan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.
2	Murid dapat melahirkan sifat yang positif daripada konsep Ekologi Spiritual.
3	Murid dapat meningkatkan tahap penghayatan terhadap amalan diri berdasarkan konsep Ekologi Spiritual.
4	Murid dapat meneroka aktiviti pembelajaran berkonseptan Ekologi Spiritual melalui pendekatan inovatif.
5	Murid dapat menambah maklumat pembelajaran berdasarkan konsep Ekologi Spiritual.

Jadual 4.29 sambungan

Item-item untuk konsensus pakar dalam impak pembangunan model:

Item	Impak Pembangunan Model
6	Murid dapat belajar secara kendiri di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.
7	Murid dapat menghayati isi kandungan al-Quran untuk panduan hidup.
8	Murid dapat menyedari kepentingan memelihara elemen ekologi.
9	Murid dapat menyedari kepentingan elemen spiritual untuk menjadi insan yang seimbang.
10	Murid dapat memberi sumbangan kepada diri, masyarakat dan alam berasaskan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.


Hasil dapatan kajian yang menunjukkan konsensus pakar dalam item-item yang diutarakan di nilai melalui kaedah *FDM* dan ditunjukkan dalam jadual-jadual di bawah.

i. **Kaedah Penentuan Analisis Pakar**

Nilai konsensus pakar dinilai berdasarkan peratus item yang memperolehi nilai threshold (*d*) ≤ 0.2 lebih 75 % adalah diterima. Manakala item yang memperolehi nilai konsensus pakar di bawah 75 % adalah ditolak. Nilaian ini berdasarkan proses analisis data seperti yang dinyatakan sebelum ini iaitu data dijadualkan untuk mendapatkan nilai purata (*m*₁,*m*₂,*m*₃) iaitu nilai minimun, nilai munasabah dan nilai munasabah. Seterusnya menentukan jarak antara nombor bagi menentukan nilai threshold dengan menggunakan rumus khusus : hanya nilai threshold ('d') yang melebihi 75 % diterima, jika nilai threshold ('d') kurang daripada 75 %, proses Fuzzy Delphi akan dijalankan untuk pusingan kedua dan seterusnya sehingga mencapai kesepakatan pakar. Peringkat seterusnya ialah Menentukan kesepakatan kumpulan. Peratusan kumpulan mesti melebihi 75 % dan Menentukan aggregate Fuzzy evaluatioan dengan cara menambah semua nombor fuzzy. Akhir sekali dengan dilaksanakan proses Defuzzification ,

proses ini bertujuan untuk menentukan kedudukan (ranking) bagi setiap pemboleubah/sub pembolehubah. Data pengiraan boleh dirujuk dalam lampiran. Perbincangan dalam fasa 2 (II) ini berdasarkan nilai threshold (d) ≤ 0.2 item dan kedudukan item selepas proses defuzzification.

Proses analisis berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah sebagaimana diterangkan dalam rajah 4.3 berikut:



Rajah 4.3 Proses Analisis Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

ii. Konsensus Pakar Dalam Aspek Utama Model

Jadual 4.30:
Analisis konsensus pakar dalam aspek utama model

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.0	0.1	0.0
2	0.1	0.2	0.1
3	0.1	0.2	0.1
4	0.2	0.2	0.2
5	0.0	0.1	0.0
6	0.0	0.1	0.0
7	0.0	0.5	0.0
8	0.1	0.2	0.1
9	0.0	0.1	0.0
10	0.0	0.1	0.0
11	0.1	0.2	0.1
12	0.0	0.1	0.0
13	0.1	0.1	0.1
14	0.2	0.8	0.2
15	0.2	0.2	0.2
16	0.0	0.1	0.0
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.105	0.199	0.105
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	100%	88%	100%
Skor Fuzzy	0.867	0.813	0.867
Keutamaan item	1	3	2

Syarat konsensensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.31:
Konsensus Pakar dalam aspek utama model

Item	Aspek Utama Model	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
1.	Konsep Model Ekologi Spiritual mengandungi aspek kefahaman	100%	13.867	0.867	1	Diterima
2.	Konsep Model Ekologi Spiritual mengandungi aspek sifat	88%	13.000	0.813	3	Diterima
3.	Konsep Model Ekologi Spiritual mengandungi aspek penghayatan amalan	100%	13.867	0.867	2	Diterima
Peratus keseluruhan item		$(288/300) \times 100 = 96\%$				
Cadangan Panel Pakar - aspek pengalaman - aspek pengetahuan						

Berdasarkan Jadual 4.31 menunjukkan ketiga-tiga item dalam aspek utama model yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item konsep Model Ekologi spiritual mengandungi aspek kefahaman dan item konsep Model Ekologi spiritual mengandungi aspek penghayatan amalan telah mendapat kesepakatan pakar (100%) dengan skor fuzzy (0.867) dan item konsep Model Ekologi spiritual mengandungi aspek penghayatan amalan memperolehi kesepakatan pakar (88%) beserta skor fuzzy (0.813). Terdapat pakar yang mencadangkan konsep ekologi spiritual mengandungi aspek pengalaman dan pengetahuan. Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.32 berikut:

Jadual 4.32

Kedudukan item aspek utama model selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Item	No. Item asal
1	Konsep Model Ekologi Spiritual mengandungi aspek kefahaman	1
2	Konsep Model Ekologi Spiritual mengandungi aspek penghayatan amalan	3
3	Konsep Model Ekologi Spiritual mengandungi aspek sifat	2

iii. Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Dalam Aspek Pemahaman

Jadual 4.33:

Analisis konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek pemahaman

PAKAR	ITEM							
	1	2	3	4	5	6	7	8
1	0.0	0.1	0.1	0.1	0.2	0.0	0.8	0.2
2	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2	0.2
3	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1	0.1
4	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.2	0.2	0.2
5	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2	0.0	0.2	0.2
6	0.1	0.1	0.0	0.0	0.5	0.2	0.2	0.1
7	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1	0.2
8	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2	0.2
9	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1	0.1
10	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1	0.2
11	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2	0.2
12	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2	0.2
14	0.1	0.1	0.0	0.0	0.2	0.5	0.2	0.2
15	0.3	0.3	0.3	0.3	0.2	0.2	0.2	0.2
16	0.3	0.3	0.3	0.3	0.2	0.2	0.2	0.8
Nilai	0.104	0.110	0.097	0.097	0.155	0.149	0.187	0.191
Threshold (d) Setiap Item								
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	88%	88%	94%	94%	94%	94%
Skor Fuzzy	0.890	0.902	0.883	0.883	0.885	0.844	0.844	0.850
Keutamaan item	2	1	3	4	5	7	8	6

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah *Fuzzy Delphi* adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.34:

Konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek pemahaman

Item	Aspek Utama Model	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
1.	Model kandungan Ekologi Spiritual menerangkan definisi konsep Ekologi Spiritual berasaskan al Quran.	88%	14.233	0.890	2	Diterima
2.	Model kandungan Ekologi Spiritual menyatakan objektif Ekologi Spiritual terhadap murid.	88%	14.433	0.902	1	Diterima
3.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sumber-sumber Ekologi Spiritual.	88%	14.133	0.883	3	Diterima
4.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan elemen-elemen Ekologi Spiritual berasaskan al Quran.	88%	14.133	0.883	4	Diterima
5.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan falsafah kejadian setiap elemen Ekologi Spiritual berasaskan al Quran.	94%	13.600	0.850	5	Diterima
6.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sifat-sifat Ekologi Spiritual.	94%	13.500	0.844	7	Diterima

Jadual 4.34 (Sambungan)

Item	Aspek Utama Model	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
7.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan perbezaan antara konsep Ekologi Spiritual daripada Perspektif Islam dan Barat.	94%	13.500	0.844	8	Diterima
8.	Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi bukti kebenaran al- Quran dan pembuktian sains moden.	94%	13.600	0.850	6	Diterima
	Peratus keseluruhan item			728/800 x 100 = 91%		
Cadangan Panel Pakar						
- Model Ekologi spiritual melahirkan kesedaran Allah tidak mencipta apa pun secara sia-sia						

Berdasarkan Jadual 4.34 menunjukkan lapan item terhadap isi kandungan dalam aspek pemahaman yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item 5, 6, 7 dan 8 telah mendapat kesepakatan pakar (94%) dengan skor fuzzy antara (0.844 sehingga 0.850) dan item-item lain memperolehi kesepakatan pakar (88%) beserta skor fuzzy antara (0.883 sehingga 0.902). Terdapat pakar yang mencadangkan Model Ekologi spiritual melahirkan kesedaran Allah tidak mencipta apa pun secara sia-sia. Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.34 berikut:

:

Jadual 4. 35

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Item	No.Item asal
1	Model kandungan Ekologi Spiritual menyatakan objektif Ekologi Spiritual terhadap murid.	2
2	Model kandungan Ekologi Spiritual menerangkan definisi konsep Ekologi Spiritual berasaskan al Quran. Model kandungan Ekologi Spiritual menyatakan objektif Ekologi Spiritual terhadap murid.	1
3	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sumber-sumber Ekologi Spiritual.	3
4	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan elemen-elemen Ekologi Spiritual berasaskan al Quran.	4
5	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan falsafah kejadian setiap elemen Ekologi Spiritual berasaskan al Quran.	5
6	Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi bukti kebenaran al Quran dan pembuktian sains moden.	8
7	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sifat-sifat Ekologi Spiritual.	7
8	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan perbezaan antara konsep Ekologi Spiritual daripada Perspektif Islam dan Barat.	6

iv. Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat

Jadual 4.36

Analisis konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek sifat

PAKAR	ITEM			
	1	2	3	4
1	0.1	0.1	0.1	0.1
2	0.1	0.1	0.1	0.1
3	0.1	0.1	0.1	0.1
4	0.1	0.1	0.1	0.1
5	0.1	0.1	0.0	0.1
6	0.1	0.1	0.0	0.1
7	0.1	0.1	0.0	0.1
8	0.1	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.1	0.1	0.1
10	0.1	0.1	0.1	0.1
11	0.1	0.1	0.0	0.1
12	0.1	0.1	0.0	0.1
13	0.1	0.1	0.1	0.1
14	0.1	0.1	0.3	0.1
15	0.3	0.3	0.3	0.3
16	0.3	0.3	0.3	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.110	0.110	0.124	0.108
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	88%	88%
Skor Fuzzy	0.902	0.908	0.885	0.896
Keutamaan item	2	1	4	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.37

Konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek sifat

Bil	Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat	Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
1.	Model Ekologi Spiritual melahirkan sifat berfikir melalui setiap kejadian ciptaan Allah.	88%	14.433	0.902	2	Diterima
2.	Model Ekologi Spiritual melahirkan sifat bersyukur dengan setiap kejadian ciptaan Allah.	88%	14.533	0.908	1	Diterima
3.	Model Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertanggungjawab terhadap setiap kejadian ciptaan Allah.	88%	14.167	0.885	4	Diterima
4.	Model Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertakwa terhadap Allah.	88%	14.333	0.896	3	Diterima

$$(352/400) \times 100 = 88\%$$

Peratus keseluruhan item

Cadangan Panel Pakar

- Model Ekologi spiritual melahirkan sifat kecintaan kepada makhluk Allah

Berdasarkan Jadual 4.36 menunjukkan empat item terhadap isi kandungan dalam aspek sifat yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item Model Ekologi spiritual melahirkan sifat bersyukur dengan setiap kejadian ciptaan Allah SWT dan item Model Ekologi Spiritual melahirkan sifat berfikir melalui setiap kejadian ciptaan Allah telah mendapat kesepakatan pakar (88%) dengan skor fuzzy (0.908 dan 0.902) dan item-item lain turut memperolehi kesepakatan pakar (88%) beserta skor fuzzy (0.885 dan 0.896). Terdapat pakar yang mencadangkan Model Ekologi spiritual melahirkan sifat kecintaan kepada makhluk Allah SWT. Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.38 berikut:

Jadual 4.38:
Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat	No.item asal
1.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bersyukur dengan setiap kejadian ciptaan Allah SWT.	2
2.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat berfikir melalui setiap kejadian ciptaan Allah SWT.	1
3.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertakwa terhadap Allah SWT.	4
4.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertanggungjawab terhadap setiap kejadian ciptaan Allah SWT.	3

v. Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan

Jadual 4.39

Analisis Konsensus Pakar Terhadap Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.0	0.0	0.0
2	0.2	0.1	0.2
3	0.2	0.1	0.2
4	0.0	0.1	0.0
5	0.5	0.5	0.5
6	0.0	0.0	0.0
7	0.0	0.0	0.0
8	0.2	0.1	0.2
9	0.0	0.0	0.0
10	0.0	0.0	0.0
11	0.2	0.1	0.2
12	0.0	0.0	0.0
13	0.2	0.1	0.2
14	0.2	0.1	0.2
15	0.0	0.0	0.0
16	0.5	0.5	0.5
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.146	0.150	0.146
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	88%
Skor Fuzzy Keutamaan item	0.858	0.865	0.858
	2	1	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.40

Analisis konsensus pakar terhadap isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan

Bil	Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan	Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
1	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 5 Rukun Islam. i. Dua kalimah syahadah ii.Solat iii.Puasa iv. Zakat v.Haji	88%	13.733	0.858	2	Diterima
2	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Iman. i. Beriman kepada Allah ii.Beriman Kepada Kitab iii. Beriman Kepada Rasul iv. Beriman Kepada Malaikat v. Beriman Kepada Qada' dan Qadar vi.Beriman Kepada Hari Kiamat	88%	13.833	0.865	1	Diterima

Jadual 4.40 (Sambungan)

Bil	Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan	Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
3	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan terhadap 5 sifat Ihsan v. Ihsan kepada diri sendiri vi. Ihsan kepada manusia vii. Ihsan kepada haiwan viii. Ihsan kepada tumbuhan v. Ihsan kepada alam	88%	13.733	0.858	3	Diterima

$(176/200) \times 100 = 88\%$

Peratus keseluruhan item Cadangan Panel Pakar

-

Berdasarkan Jadual 4.40 menunjukkan ketiga-tiga item dalam isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item Model Ekologi spiritual Islami menekankan penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Iman (88%) dengan skor fuzzy (0.865) item Model Ekologi spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 5 Rukun Islam (88%) dengan skor Fuzzy (0.858) dan item Model Ekologi spiritual Islami menekankan penghayatan terhadap 5 sifat ihsan (88%) dengan skor fuzzy (0.858).

Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.41 berikut :

Jadual 4.41

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan	No.item asal
1	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Iman.	2
2	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 5 Rukun Islam.	1
3	Model Ekologi Spiritual menekankan penghayatan amalan terhadap 5 Sifat Ihsan	3

Konsensus Pakar Terhadap Dalil Al-Quran Dengan Setiap Elemen Ekologi Spiritual

Jadual 4.42

Analisis konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: manusia

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.8
2	0.1	0.1	0.2
3	0.1	0.1	0.0
4	0.1	0.1	0.2
5	0.1	0.1	0.0
6	0.1	0.1	0.0
7	0.1	0.1	0.2
8	0.1	0.1	0.2
9	0.1	0.1	0.2
10	0.1	0.1	0.2
11	0.1	0.1	0.2
12	0.1	0.1	0.0
13	0.1	0.1	0.0
14	0.1	0.1	0.2
15	0.1	0.1	0.0
16	0.6	0.6	0.2
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.114	0.112	0.170
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	94%	94%	94%
Skor Fuzzy	0.906	0.894	0.854
Keutamaan item	1	2	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.43

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: manusia

Item	Dalil	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
1	Surah Al Mukminu n: ayat 13-14	94%	14.500	0.906	1	Diterima
2	Surah Al Hajj : ayat 5	94%	14.300	0.894	2	Diterima
3	Surah Dzariyat : 20,21	94%	13.667	0.854	3	Diterima
Peratus keseluruhan item				(282/300)x 100 =94		
Cadangan Panel Pakar						
<ul style="list-style-type: none"> - Surah Nuh : ayat 13-14 - Surah Al Hajj : ayat 5 						

Berdasarkan Jadual 4.43 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual : manusia yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (94%) dengan skor fuzzy (0.854 sehingga 0.906). Terdapat pakar yang mencadangkan dalil bagi elemen ekologi spiritual: manusia daripada ayat 13-14 (Surah Nuh) dan ayat 5 (Surah al-Hajj). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.44 berikut :

Jadual 4.44

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Manusia	No.item asal
1	Surah al-Mukminun: ayat 13-14	1
2	Surah al-Hajj : ayat 5	2
3	Surah az-Dzariyat: 20,21	3

Jadual 4.45

b. Analisis konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: haiwan

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.0
2	0.0	0.0	0.1
3	0.1	0.0	0.0
4	0.0	0.0	0.9
5	0.0	0.0	0.0
6	0.1	0.1	0.0
7	0.0	0.0	0.1
8	0.0	0.0	0.1
9	0.0	0.0	0.1
10	0.0	0.1	0.0
11	0.0	0.0	0.1
12	0.0	0.0	0.1
13	0.0	0.0	0.1
14	0.0	0.0	0.1
15	0.1	0.1	0.0
16	0.1	0.1	0.0
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.066	0.066	0.137
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	100%	100%	94%
Skor Fuzzy	0.935	0.935	0.881
Keutamaan item	1	2	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.46

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: haiwan

Item	Haiwan	Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Keutamaan item	Kesepakatan Pakar
1	Surah Al Mukminun : ayat 21-22	100%		0.935	1	Diterima
2	Surah An Nahl : ayat 14	100%	14.967	0.935	2	Diterima
3	Surah Al Mulk :ayat 19	94%		0.881	3	Diterima
Peratus keseluruhan item						(294/300)x 100 = 98%
Cadangan Panel Pakar						
<ul style="list-style-type: none"> - Surah al Furqan : ayat 44 - Surah Al syura : ayat 9 - Surah Al Ghashiyah: ayat 17 						

Berdasarkan Jadual 4.46 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: haiwan yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (94% sehingga 100%) dengan skor fuzzy (0.881 sehingga 0.935). Terdapat pakar yang mencadangkan dalil bagi elemen ekologi spiritual: haiwan daripada ayat 44 (Surah al-Furqan) ayat 9 (Surah as-Syura) dan ayat 17 (Surah al- Ghashiyah). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.47 berikut:

Jadual 4.47

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Haiwan	No.item asal
1	Surah al-Mukminun: ayat 21-22	1
2	Surah an-Nahl: ayat 14	2
3	Surah al-Mulk: ayat 19	3

Jadual 4.48

Analisis konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: Tumbuhan

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.6
2	0.1	0.1	0.1
3	0.1	0.3	0.3
4	0.1	0.1	0.1
5	0.1	0.1	0.1
6	0.1	0.1	0.1
7	0.1	0.1	0.1
8	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.1	0.1
10	0.1	0.1	0.1
11	0.1	0.1	0.1
12	0.1	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.1
14	0.1	0.1	0.1
15	0.1	0.1	0.1
16	0.3	0.3	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.086	0.110	0.153
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	94%	88%	81%
Skor Fuzzy	0.925	0.902	0.885
Keutamaan item	1	2	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.49

Jadual 49

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: Tumbuhan

Item	Tumbuhan	Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan item	Kesepakatan Pakar
1	Surah al-An'am: ayat 95	94%	14.800	0.925	1	Diterima
2	Surah ar-Ra'd: ayat 3	88%	14.433	0.905	2	Diterima
3	Surah an-Nahl: ayat 10	81%	14.167	0.885	3	Diterima
Peratus keseluruhan item		$(263/300) \times 100 = 88\%$				

Cadangan Panel Pakar

- Surah al-Maidah: ayat 17
- Surah Maryam: ayat 65
- Surah al-Anbiya': ayat 30
- Surah al-Fussilat: ayat 11

Berdasarkan Jadual 4.49 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: tumbuhan yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (81 % sehingga 94%) dengan skor fuzzy (0.885 sehingga 0.925). Terdapat pakar yang mencadangkan dalil bagi elemen ekologi spiritual: tumbuhan daripada ayat 17 (Surah al-Maidah) ayat 65 (Surah Maryam) ayat 30 (Surah al-Anbiya) dan ayat 11 (Surah al-Fussilat). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.50 berikut:

Jadual 4.50

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Tumbuhan	No.item asal
1	Surah al-An'am: ayat 95	1
2	Surah ar-Ra'd: ayat 3	2
3	Surah an-Nahl: ayat 10	3

Jadual 4.51

Analisis konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: Tanah

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.0
2	0.1	0.1	0.1
3	0.3	0.3	0.3
4	0.1	0.1	0.5
5	0.1	0.1	0.0
6	0.1	0.1	0.0
7	0.1	0.1	0.1
8	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.1	0.1
10	0.1	0.1	0.0
11	0.1	0.1	0.1
12	0.1	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.1
14	0.1	0.1	0.1
15	0.1	0.1	0.0
16	0.3	0.3	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.110	0.110	0.147
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	81%
Skor Fuzzy	0.902	0.908	0.873
Keutamaan item	2	1	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:
Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.52

Jadual 52

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: Tanah

Item	Tanah	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan Item	Kesepakatan Pakar
1	Surah Hud : ayat 61	88%	14.800	0.902	2	Diterima
2	Surah ar-Ruum : ayat 20	88%	14.433	0.908	1	Diterima
3	Surah an-Nisaa' : ayat 43	81%	14.167	0.873	3	Diterima
Peratus keseluruhan item Cadangan Panel Pakar						(257/300)x 100 = 86%
-						-

Berdasarkan Jadual 4.52 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: tanah yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (81 % sehingga 88%) dengan skor fuzzy (0.873 sehingga 0.9208). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.53 berikut :

Jadual 4.53

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Tanah	No.item asal
1	Surah Hud: ayat 61	2
2	Surah ar-Ruum: ayat 20	1
3	Surah an-Nisaa': ayat 43	3

Jadual 4.54

Analisis konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual:air

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.0
2	0.1	0.1	0.1
3	0.3	0.3	0.3
4	0.1	0.1	0.5
5	0.1	0.1	0.0
6	0.1	0.1	0.0
7	0.1	0.1	0.1
8	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.1	0.1
10	0.1	0.1	0.0
11	0.1	0.1	0.1
12	0.1	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.1
14	0.1	0.1	0.1
15	0.1	0.1	0.0
16	0.3	0.3	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.110	0.110	0.147
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	81%
Skor Fuzzy	0.902	0.908	0.873
Keutamaan item	2	1	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.55

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: air

ITEM	Air	Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan item	Kesepakatan Pakar
1	Surah al-An'am: ayat 99	88%	14.433	0.902	2	Diterima
2	Surah al-Mukminun: ayat 18-19	88%	14.533	0.908	1	Diterima
3	Surah al-Mursalat: ayat 27	81%	13.967	0.873	3	Diterima
Peratus keseluruhan item						(257/300)x 100 = 86%
Cadangan Pakar						
<ul style="list-style-type: none"> - Surah al-An'am: ayat 63 - Surah Yunus: ayat 22 - Surah al-Isra: ayat 7 - Surah ar-Ra'd: ayat 3 - Surah al-Anbiya': ayat 30 						

Berdasarkan jadual 4.55 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: air yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (81 % sehingga 88%) dengan skor fuzzy (0.873 sehingga 0.908). Terdapat pakar yang mencadangkan dalil bagi elemen ekologi spiritual: air daripada ayat 63 (Surah al-An'am), ayat 22 (Surah Yunus), ayat 7 (Surah al-Isra), ayat 3 (Surah ar-Ra'd) dan ayat 30 (Surah al-Anbiya). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.56 berikut:

Jadual 4.56

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Air	No.item asal
1	Surah al-An'am: ayat 99	2
2	Surah al-Mukminun: ayat 18-19	1
3	Surah al-Mursalat: ayat 27	3

Jadual 4.57

Analisis konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: udara

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.0
2	0.1	0.1	0.1
3	0.3	0.3	0.3
4	0.1	0.1	0.5
5	0.1	0.1	0.0
6	0.1	0.1	0.0
7	0.1	0.1	0.1
8	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.1	0.1
10	0.1	0.1	0.0
11	0.1	0.1	0.1
12	0.1	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.1
14	0.1	0.1	0.1
15	0.1	0.1	0.0
16	0.3	0.3	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.110	0.110	0.147
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	81%
Skor Fuzzy	0.902	0.908	0.873
Keutamaan item	2	1	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$
- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - cut = 0.5$

Jadual 4.58

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: udara

Item	Udara	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan Item	Kesepakatan Pakar
1	Surah al-A'raf:	88%		0.902	2	Diterima
	Ayat 57		14.433			
2	Surah al-Fathir:	88%		0.908	1	Diterima
	Ayat 9		14.533			
3	Surah Yunus:	81%		0.873	3	Diterima
	Ayat 22		13.967			
Peratus Keseluruhan Item				(257/300)X 100 = 86%		
Cadangan Panel Pakar			-			

Berdasarkan Jadual 4.58 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: udara yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (81 % sehingga 88%) dengan skor fuzzy (0.873 sehingga 0.908). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.59 berikut:

Jadual 4.59

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Air	No.item asal
1	Surah al-A'raf: Ayat 57	2
2	Surah al-Fathir: Ayat 9	1
3	Surah Yunus: Ayat 22	3

Jadual 4.60

Analisis Konsensus Pakar Terhadap Dalil al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Fenomena Alam

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.1	0.1	0.0
2	0.1	0.1	0.1
3	0.3	0.3	0.3
4	0.1	0.1	0.5
5	0.1	0.1	0.0
6	0.1	0.1	0.0
7	0.1	0.1	0.1
8	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.1	0.1
10	0.1	0.1	0.0
11	0.1	0.1	0.1
12	0.1	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.1
14	0.1	0.1	0.1
15	0.1	0.1	0.0
16	0.3	0.3	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.110	0.110	0.147
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	88%	88%	81%
Skor Fuzzy	0.902	0.908	0.873
Keutamaan item	2	1	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.61

Konsensus pakar terhadap dalil al-Quran elemen ekologi spiritual:fenomena alam

Item	Fenomena Alam	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan Item	Kesepakatan Pakar
1	Surah ar-Ra'd: ayat 12-13	88%	14.433	0.902	2	Diterima
2	Surah Yunus: ayat 67	88%	14.533	0.908	1	Diterima
3	Surah ar-Ra'd: ayat 2	81%	13.967	0.873	3	Diterima
Peratus keseluruhan item						(257/300)x 100 = 86%
Cadangan Panel Pakar						-

Berdasarkan Jadual 4.61 menunjukkan ketiga-tiga item dalil al-Quran elemen ekologi spiritual: fenomena alam yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item-item tersebut telah mendapat kesepakatan pakar (81 % sehingga 88%) dengan skor fuzzy (0.873 sehingga 0.908). Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.62 berikut:

Jadual 4.62

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Dalil Al-Quran Elemen Ekologi Spiritual: Fenomena alam	No.item asal
1	Surah ar-Ra'd: ayat 12-13	2
2	Surah Yunus: ayat 67	1
3	Surah ar-Ra'd: ayat 2	3

vi. Konsensus Pakar Dalam Medium Pembelajaran

Jadual 4.63

Analisis Konsensus Pakar Dalam Medium Pembelajaran

PAKAR	ITEM				
	1	2	3	4	5
1	0.4	0.7	0.5	0.5	0.6
2	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
3	0.3	0.3	0.4	0.5	0.3
4	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
5	0.1	0.1	0.2	0.1	0.2
6	0.1	0.1	0.3	0.5	0.3
7	0.1	0.2	0.1	0.1	0.2
8	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
9	0.1	0.2	0.3	0.3	0.2
10	0.1	0.2	0.3	0.1	0.1
11	0.3	0.2	0.3	0.3	0.3
12	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
13	0.1	0.1	0.5	0.2	0.1
14	0.1	0.2	0.5	0.2	0.3
15	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
16	0.4	0.3	0.2	0.2	0.3
Nilai Threshold (d) Setiap Item	0.179	0.174	0.266	0.220	0.212
Peratus Item $d \leq 0.2$ (%)	75%	81%	50%	69%	63%
Skor Fuzzy	0.792	0.731	0.658	0.650	0.731
Keutamaan item	1	2	4	5	3

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Value

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.64

Analisis konsensus pakar dalam medium pembelajaran

Item	Medium Pembelajaran	Peratus Setiap Item D ≤ 0.2	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar					
1	Laman Web	75%	12.667	0.792	1	Diterima					
2	Blog	81%	11.700	0.731	2	Diterima					
3	Facebook	50%	10.533	0.658	4	Ditolak					
4	Multimedia Messaging Service	69%	10.400	0.650	5	Ditolak					
5	E-Mail	63%	11.700	0.731	3	Ditolak					
Peratus Keseluruhan Item		$(338 /500) \times 100 = 67.6 \%$									
Cadangan Panel Pakar											
<ul style="list-style-type: none"> - Rehlah - Tafakur diri - Perenungan alam - Kitab-kitab Tafsir - Kitab berkaitan mukjizat ilmu dalam al-Quran - Facebook - Edmodo 											

Berdasarkan Jadual 4.64 menunjukkan hanya 2 item yang dicadangkan dalam medium pembelajaran dalam ekologi spiritual telah diterima oleh pakar iaitu item medium pembelajaran model melalui laman web mendapat kesepakatan pakar (75%) dengan skor fuzzy (0.792). Item kedua iaitu blog mendapat kesepakatan pakar (81%) dengan skor fuzzy (0.731). Medium pembelajaran yang lain iaitu facebook, MMS, dan e-mel adalah ditolak berdasarkan nilai peratus $\leq 75\%$. Antara cadangan panel pakar berkaitan medium pembelajaran dalam model ialah rehlah, tafakur diri, perenungan alam, rujukan kitab-kitab tafsir, kitab-kitab berkaitan mukjizat ilmu dalam al-Quran, *Facebook* dan *Edmodo*. Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan dimana tiga item yang mewakili kedudukan 3,4,5 telah ditolak. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.64 berikut:

Jadual 4.65

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Medium Pembelajaran	No.item asal
1	Laman Web	1
2	Blog	2
3	E-mel	5
4	Facebook	3
5	Multimedia Messaging Service	4

vii. Konsensus Pakar Dalam Impak pembangunan model

Jadual 4. 66

Analisis Konsensus Pakar Dalam Impak Pembangunan Model

PAKAR	ITEM									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.1	0.2	0.2	0.2	0.1
2	0.2	0.5	0.2	0.2	0.2	0.1	0.5	0.2	0.2	0.1
3	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.3	0.2	0.2	0.2	0.7
4	0.0	0.1	0.1	0.2	0.0	0.4	0.1	0.2	0.1	0.2
5	0.2	0.1	0.2	0.5	0.0	0.7	0.2	0.1	0.1	0.7
6	0.0	0.1	0.1	0.1	0.0	0.2	0.1	0.1	0.1	0.2
7	0.0	0.1	0.1	0.1	0.0	0.2	0.1	0.1	0.1	0.2
8	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.3	0.2	0.2	0.2	0.3
9	0.0	0.2	0.1	0.1	0.0	0.2	0.2	0.1	0.1	0.2
10	0.2	0.2	0.1	0.2	0.2	0.3	0.1	0.1	0.1	0.2
11	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.1	0.1	0.1	0.2
12	0.0	0.1	0.1	0.1	0.0	0.1	0.2	0.2	0.2	0.1
13	0.0	0.1	0.1	0.1	0.0	0.2	0.1	0.1	0.1	0.2
14	0.2	0.1	0.1	0.1	0.2	0.3	0.2	0.2	0.1	0.2
15	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.1	0.2	0.2	0.2	0.1
16	0.2	0.5	0.5	0.2	0.2	0.4	0.2	0.2	0.2	0.4
Nilai	0.129	0.176	0.152	0.169	0.123	0.240	0.169	0.139	0.120	0.240
Threshold										
(d) Setiap Item										
Peratus	100%	88%	88%	94%	100%	56%	94%	100%	100%	75%
Item $d \leq 0.2$ (%)										
Skor Fuzzy	0.863	0.831	0.821	0.817	0.856	0.769	0.817	0.823	0.827	0.738
Keutamaan item	1	3	6	7	2	9	8	5	4	10

Syarat konsensus pakar berdasarkan kaedah *Fuzzy Delphi* adalah seperti berikut:

Trigular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus kesepakatan pakar $\geq 75\%$
- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - \text{cut} = 0.5$

Jadual 4.67
Analisis Konsensus Pakar Dalam Impak Pembangunan Model

Item	Impak Pembangunan Model	Peratus Setiap Item $D \leq 0.2$	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar
1	Murid Dapat Meningkatkan Kefahaman Terhadap Konsep Ekologi Spiritual.	100%	13.800	0.863	1	Diterima
2	Murid Dapat Melahirkan Sifat Yang Positif Daripada Konsep Ekologi Spiritual.	88%	13.300	0.831	3	Diterima
3	Murid Dapat Meningkatkan Tahap Penghayatan Terhadap Amalan Diri Berasaskan Konsep Ekologi Spiritual.	88%	13.133	0.821	6	Diterima
4	Murid Dapat Meneroka Aktiviti Pembelajaran Berkonseptan Ekologi Spiritual Melalui Pendekatan Inovatif.	94%	13.067	0.817	7	Diterima
5	Murid Dapat Menambah Maklumat Pembelajaran Berasaskan Konsep Ekologi Spiritual.	100%	13.700	0.856	2	Diterima
6	Murid Dapat Belajar Secara Kendiri Di Mana-Mana Sahaja Pada Bila-Bila Masa.	56%	12.300	0.769	9	Ditolak
7	Murid Dapat Menghayati Isi Kandungan Al Quran Untuk Panduan Hidup.	94%	13.067	0.817	8	Diterima

Jadual 4.67 (sambungan)

Analisis Konsensus Pakar Dalam Impak Pembangunan Model

Item	Impak Pembangunan Model	Peratus Setiap Item $D \leq 0.2$	Fuzzy Evaluation	Average Of Fuzzy Number	Kedudukan	Kesepakatan Pakar				
8	Murid Dapat Menyedari Kepentingan Memelihara Elemen Ekologi.	100%	13.167	0.823	5	Diterima				
9	Murid Dapat Menyedari Kepentingan Elemen Spiritual Untuk Menjadi Insan Yang Seimbang.	100%	13.233	0.827	4	Diterima				
10	Murid Dapat Memberi Sumbangan Kepada Diri,Masyarakat Dan Alam Berasaskan Kefahaman Terhadap Konsep Ekologi Spiritual.	75%	11.800	0.738	10	Ditolak				
Peratus keseluruhan item			$895/1000 \times 100 = 89.5\%$							
Cadangan panel pakar										
<ul style="list-style-type: none"> - Membentuk peribadi takwa - Membentuk peribadi cintakan alam - Membentuk peribadi memperjuangkan kelestarian alam - Murid dapat menghubungkaitkan peranan pencipta, alam dan manusia 										

Berdasarkan Jadual 4.67 menunjukkan sembilan (9) item terhadap impak pembangunan model yang dicadangkan telah diterima oleh pakar. Item 6 iaitu **murid dapat belajar secara kendiri di mana-mana sahaja pada bila-bila masa dan telah ditolak dengan kesepakatan pakar hanya (56%) dengan skor fuzzy (0.769).** Selain itu item 10 turut ditolak oleh pakar iaitu murid dapat memberi sumbangan kepada diri,masyarakat dan alam berdasarkan kefahaman terhadap konsep ekologi spiritual. Item-item lain telah memperolehi kesepakatan pakar (75% sehingga 100%) berserta skor fuzzy antara (0.738 sehingga 0.863). Terdapat pakar yang mencadangkan impak pembangunan Model Ekologi spiritual ialah membentuk peribadi mulia, membentuk peribadi cintakan alam, membentuk peribadi memperjuangkan kelestarian alam dan

murid dapat menghubungkaitkan peranan pencipta, alam dan manusia. Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.68 berikut:


Jadual 4.68

Kedudukan item selepas proses Defuzzification:

Keutamaan item	Impak Pembangunan model	No.item asal
1	Murid Dapat Meningkatkan Kefahaman Terhadap Konsep Ekologi Spiritual.	1
2	Murid Dapat Menambah Maklumat Pembelajaran Berasaskan Konsep Ekologi Spiritual.	5
3	Murid Dapat Melahirkan Sifat Yang Positif Daripada Konsep Ekologi Spiritual.	2
4	Murid Dapat Menyedari Kepentingan Elemen Spiritual Untuk Menjadi Insan Yang Seimbang.	8
5	Murid Dapat Menyedari Kepentingan Memelihara Elemen Ekologi.	8
6	Murid Dapat Meningkatkan Tahap Penghayatan Terhadap Amalan Diri Berasaskan Konsep Ekologi Spiritual.	3
7	Murid Dapat Meneroka Aktiviti Pembelajaran Berkonseptan Ekologi Spiritual Melalui Pendekatan Inovatif	4
8	Murid Dapat Menghayati Isi Kandungan al-Quran Untuk Panduan Hidup.	7
9	Murid Dapat Belajar Secara Kendiri Di Mana-Mana Sahaja Pada Bila-Bila Masa.	6
10	Murid Dapat Memberi Sumbangan Kepada Diri,Masyarakat Dan Alam Berasaskan Kefahaman Terhadap Konsep Ekologi Spiritual.	10

4.3.2.1 Rumusan Dapatan Fasa Rekabentuk

Hasil Konsensus pakar dalam fasa reka benuk pembangunan ini telah menghasilkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Ia dibangunkan berpandukan dapatan dari fasa analisis keperluan serta fasa reka bentuk dan pembangunan model. Reka bentuk model yang terhasil adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 4.4 Model Ekologi Spiritual Islami

4.4 Dapatan Fasa 3: Penilaian

Fasa penilaian penggunaan juga merupakan fasa yang penting dalam kajian yang berasaskan pembangunan model. Ini dijelaskan oleh Mack dan Sharples (2009) yang mendefinisikan bahawa kebolehgunaan adalah suatu pengukuran terhadap keupayaan sesebuah produk yang berfungsi berdasarkan objektif pembangunan produk itu sendiri. Dapatan itu selari dengan Millano dan Ullius (1998) yang menegaskan bahawa penilaian kebolehgunaan adalah merujuk kepada kepuasan dan persepsi pengguna terhadap sesuatu model yang dibangunkan. Bagi mengukur penilaian model kandungan Ekologi Spiritual Islami ini, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah temubual dan Teknik Kumpulan Nominal ubahsuai (*Modified NGT*) bagi melihat persepsi pengguna model ini.

Selain itu, bagi mengukur penilaian model kandungan Ekologi Spiritual Islami ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teknik Kumpulan Nominal ubahsuai (*Modified NGT*) bagi melihat persepsi pengguna model ini iaitu murid sekolah menengah yang beragama Islam di Malaysia. Seramai 80 orang murid tingkatan empat daripada empat (4) buah sekolah menengah di utara semenanjung telah dipilih dan dipecahkan kepada empat kumpulan iaitu kumpulan A, kumpulan B, kumpulan C, dan kumpulan D. Setiap kumpulan terdiri daripada 20 orang peserta kajian. Perwakilan kod bagi setiap kumpulan peserta kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.68
Peserta Kajian NGT

Bil	Sekolah	Perwakilan kumpulan	kod
1	Sekolah A (N:20)		Sk A
2	Sekolah B (N:20)		Sk B
3	Sekolah C (N:20)		Sk C
4	Sekolah D (N:20)		Sk D

Jumlah peserta kajian (N): 80 orang

Kewajaran pemilihan peserta kajian ini adalah bertepatan dengan kajian yang memfokuskan murid yang terlibat secara lansung dengan kandungan pembelajaran . Ini disokong dengan saranan Dobbie et.al (2004) yang mengambil peserta kajian dalam kalangan pengguna bagi menilai kebolehgunaan suatu kurikulum dengan menggunakan teknik kumpulan nominal ubahsuai (*Modified NGT*).

Sebagaimana yang telah jelaskan sebelumnya, proses pengukuran kebolehgunaan produk adalah berdasarkan kepada proses pembentangan Model Ekologi spiritual yang telah direka bentuk dan dibangunkan kepada pelajar sekolah menengah yang beragama Islam di Malaysia. Di dalam perbengkelan model ini, peserta kajian diminta memberikan pandangan dengan menjawab soal selidik yang disediakan bagi melihat kebolehgunaan model. Nilai persetujuan dan kesesuaian di dalam skala likert yang ditandakan oleh peserta akan memberikan nilai skor kepada setiap elemen yang dinilai. Nilai skor ini akan ditukarkan ke dalam bentuk peratusan bagi menginterpretasikan data sama ada setiap elemen yang dinilai sesuai dan boleh digunakan ataupun sebaliknya. Syarat peratusan skor kumpulan yang sesuai dan

diterima mestilah sama atau melebihi 70.0 %. Syarat ini adalah bertepatan dengan kajian Mohd. Riduan Jamil (2016) bersandarkan kepada Deslandes et.al, (2010) dan Dobbie *et.al* (2004) yang menegaskan bahawa sesuatu elemen diterima sekiranya jumlah peratusan skor yang diberikan oleh peserta kajian adalah sama atau melebihi 70.0%.

Sehubungan itu, bagi menjalankan perbengkelan kebolehgunaan Model Ekologi spiritual ini, terdapat satu set soal selidik yang telah dibangunkan berdasarkan soalan kajian berikut:

1. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian aspek utama dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
2. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
3. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
4. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

5. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian elemen ekologi spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
6. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
7. Apakah pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Soal selidik untuk penilaian ini telah diisi oleh peserta kajian yang mana ia dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu bahagian A (demografi) pelajar, ianya terdiri daripada latar belakang responden iaitu jantina, gred matapelajaran Pendidikan Islam (PT3), Kategori dan jenis sekolah. Bahagian B ialah item-item yang mengandungi pernyataan tentang kesesuaian aspek utama dan isi kandungan dalam setiap aspek Model MES-i yang berjumlah sebanyak 24 item, bahagian C ialah pernyataan sebanyak tujuh (7) item yang berhubung tentang kesesuaian elemen dalam Model manakala bahagian D ialah item yang berkaitan retrospeksi pelajar terhadap kepenggunaan laman blog Model MES-i (20 item), bahagian E iaitu pandangan keseluruhan pelajar terhadap kebolehgunaan Model MES-i dan akhir sekali disertakan ruangan ulasan terhadap keseluruhan kebolehgunaan Model MES-i. Instrumen ini diukur dengan menggunakan 5 skala likert yang mempunyai

skala 1 iaitu ‘teramat tidak setuju’, 2 iaitu ‘sangat tidak setuju’,3 ‘tidak setuju’, 4 ‘setuju’ dan 5 adalah sangat setuju.

Data yang diperolehi diproses menggunakan perisian excel dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dalam bentuk peratusan. Nilai peratusan yang diterima ialah adalah sama atau melebihi $\geq 70\%$. Syarat ini adalah bersandarkan Deslandes et.al.(2010) dan Dobbie et.al (2004).

4.4.1 Dapatan Fasa 3

i. Demografik Peserta Kajian

Pengkaji telah mengaplikasikan Teknik Kumpulan Nominal ubahsuai (*modified NGT*) untuk penilaian kebolehgunaan model. Proses ini adalah untuk melihat persepsi dan penggunaan model bagi pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah di Malaysia. Peserta kajian ialah terdiri daripada 80 orang murid tingkatan 4 yang beragama Islam di empat (4) buah sekolah kajian dalam negeri bahagian utara semenanjung Malaysia. Jadual memaparkan dapatan kajian demografik responden bagi semua peserta kajian.

Jadual 4.69
(Bahagian A) Demografik Responden

1.	Jantina	Lelaki	Perempuan	Jumlah
	Kekerapan Peratusan	41 51.3%	39 48.7%	80 100%
2.	Gred Pencapaian Pend.Islam	A	B	C
	Kekerapan	47	33	0
	Peratusan	57.8%	41.2%	0
3.	Kategori Sekolah	D	E	
	Sekolah A	Luar bandar		20
	Sekolah B	Bandar		20
	Sekolah C	Luar bandar		20
	Sekolah D	Bandar		20
			Jumlah	80
4.	Jenis Sekolah	Sekolah A	Sekolah Menengah Harian	
	Sekolah B	Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi		20
	Sekolah C	Sekolah Menengah Harian		20
	Sekolah D	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama		20
			Jumlah	80

Berdasarkan jadual 4.60, terdapat empat (4) sub bahagian yang dijawab oleh peserta kajian. Ia meliputi jantina, gred pencapaian Pendidikan Islam, kategori sekolah dan jenis sekolah. Bagi sub bahagian jantina, peserta kajian lelaki adalah seramai 41 orang dengan peratusan sebanyak 51.3% dan perempuan adalah 39 orang dengan peratusan 48.7%.

Seterusnya bagi sub bahagian gred pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam berasaskan keputusan peperiksaan PMR , jumlah responden yang mendapat gred A adalah paling tinggi iaitu seramai 47 orang (57.8 %) dan selebihnya adalah mendapat gred B iaitu 33 orang (41.2%). Seterusnya dalam sub bahagian kategori sekolah, kategori luar bandar adalah sama dengan bandar iaitu 50 % dan bahagian jenis sekolah yang mana sekolah menengah harian ialah 50 %, sekolah berasrama penuh intergrasi 25 % dan sekolah menengah agama ialah 25 %. Ini menunjukkan keseimbangan dalam aspek responden kajian yang terdiri daripada pelajar daripada sekolah luar bandar dan bandar serta pelbagai jenis sekolah.

ii. Kesesuaian Aspek Utama Model

Di dalam bahagian ini, penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian aspek utama Model Ekologi Spiritual Islami dilihat dan dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian ini adalah berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 1 : Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian aspek utama dalam

Model Ekologi Spiritual Untuk Pendidikan Islam?

Peserta kajian telah menterjemah pandangan masing-masing melalui soal selidik yang diberikan dan nilai penerimaan kebolehgunaan model dan kesesuaian model dilihat berdasarkan nilai peratusan skor. Jadual 4.70 adalah menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan aspek utama Model Ekologi Spiritual Islami.

Jadual 4.70

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Aspek Utama model

Bi I	3 Aspek utama	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=2	B N=2	C N=2	D N=2			
		0	0	0	0			
1.	Aspek Kefahaman	90	92	96	93	371	92.7%	Sesuai
2.	Aspek Sifat	93	92	96	97	378	94.5%	Sesuai
3.	Aspek Penghayatan Amalan	94	92	95	96	377	94.2%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada jadual 4.70 di atas, jelas memaparkan bahawa kesemua aspek utama Model Ekologi Islami adalah berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar.

iii. Kesesuaian Isi Kandungan Dalam Aspek Kefahaman Model

Ekologi Spiritual Islami

Di dalam bahagian ini, penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman Model Ekologi spiritual Islami (MES-i) dilihat dan dinilai melalui pandangan pelajar berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 2: Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman dalam Model Ekologi spiritual Islami untuk Pendidikan Islam?

Jadual 4.71

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Isi Kandungan Dalam Aspek Kefahaman.

Bil	Aspek Kefahaman	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
1.	Model kandungan Ekologi Spiritual menerangkan definisi konsep Ekologi Spiritual berasaskan al-Quran.	91	97	93	95	376	94%	Sesuai
2.	Model kandungan Ekologi Spiritual menyatakan objektif Ekologi Spiritual dalam konteks kajian.	89	97	92	93	371	92.7%	Sesuai
3.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan sumber Ekologi Spiritual .	93	98	94	97	382	95.5%	Sesuai
4.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan elemen Ekologi Spiritual berasaskan al-Quran.	96	95	96	97	384	96%	Sesuai
5.	Model Kandungan Ekologi Spiritual menerangkan hikmah kejadian bagi setiap elemen Ekologi Spiritual berasaskan al-Quran.	96	96	96	97	385	96.2%	Sesuai
6.	Model Kandungan Ekologi Spiritual mengandungi ciri-ciri Ekologi Spiritual menurut Islam	92	97	92	97	378	94.5%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada Jadual 4.71 yang mewakili isi kandungan dalam aspek kefahaman jelas memaparkan bahawa kesemua komponen Model Ekologi spiritual adalah melebihi 90 % dan berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar.

iv. Kesesuaian Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat dalam Model Ekologi Spiritual Islami.

Di dalam bahagian ini, penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam model Ekologi Spiritual (MEsQ) dilihat dan dinilai melalui pandangan pelajar berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 3: Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam Model Kandungan Ekologi spiritual berasaskan al-Quran untuk Pendidikan Islam?

Jadual 4.72 berikut menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan aspek sifat dalam model

Jadual 4.72

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Isi Kandungan Dalam Setiap Aspek Sifat.

Bil	Aspek Sifat	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
		96	99	96	96			
1.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat berfikir melalui setiap kejadian ciptaan Allah SWT.	96	99	96	96	387	96.7%	Sesuai
2.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bersyukur dengan setiap kejadian ciptaan Allah SWT.	93	98	96	95	382	95.5%	Sesuai
3.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertanggungjawab terhadap setiap kejadian ciptaan Allah SWT.	87	99	95	95	376	94%	Sesuai
4.	Model Kandungan Ekologi Spiritual melahirkan sifat bertakwa terhadap Allah SWT.	91	96	96	97	380	95%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada Jadual 4.72 yang mewakili isi kandungan dalam aspek sifat jelas memaparkan bahawa kesemua komponen Model Ekologi Spiritual adalah melebihi 90 % dan berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar.

v. Kesesuaian Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan dalam Model Ekologi Spiritual Islami

Di dalam bahagian ini, penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi spiritual Islami (MES-i) dilihat dan dinilai melalui pandangan pelajar berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 4: Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi spiritual Islami (MES-i) untuk Pendidikan Islam?

Jadual 4.73 menunjukkan dapanan data bagi penilaian kebolehgunaan aspek penghayatan amalan dalam model

Jadual 4.73

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Isi Kandungan Dalam Setiap Aspek Penghayatan amalan.

Bil	Aspek Penghayatan Amalan	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
1.Penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Iman								
i.	Beriman kepada Allah SWT	99	99	100	98	396	99%	Sesuai
ii.	Beriman kepada Rasul	97	98	100	97	392	98%	Sesuai
iii.	Beriman kepada Malaikat	96	98	98	94	386	96.5%	Sesuai
iv.	Beriman kepada Kitab	98	99	97	98	392	98%	Sesuai
v.	Beriman kepada Hari Kiamat	94	99	95	96	384	96%	Sesuai
vi.	Beriman kepada Qada' dan Qadar	97	99	96	97	389	97.2%	Sesuai

Jadual 4.73 (sambungan)

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Isi Kandungan Dalam Setiap Aspek Penghayatan amalan.

2. Penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Islam

	A N=20	B N=20	C N=20	D N=20	Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian Sesuai
i. Ucapan dua kalimah syahadah	98	99	100	97	394	98.5%	Sesuai
ii. Ibadat solat	98	99	100	95	392	98%	Sesuai
iii. Ibadat Puasa	94	99	100	94	387	96.7%	Sesuai
iv. Ibadat Zakat	95	97	97	95	384	96%	Sesuai
v. Ibadat Haji	94	96	96	93	379	94.7%	Sesuai

3. Penghayatan amalan melalui 5 sifat ihsan

	A N=20	B N=20	C N=20	D N=20	Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
i. Ihsan kepada diri sendiri	97	96	96	95	384	96%	Sesuai
ii. Ihsan kepada manusia	94	94	96	96	380	95%	Sesuai
iii. Ihsan kepada haiwan	94	97	94	96	381	95.2%	Sesuai
iv. Ihsan kepada tumbuhan	97	93	96	94	380	95%	Sesuai
v. Ihsan kepada alam	99	95	96	94	384	96%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada Jadual 4.74 di atas yang mewakili isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan jelas memaparkan bahawa kesemua komponen Model Ekologi Spiritual Islami adalah melebihi 90 % dan berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar.

vi. Kesesuaian dalil Dalam Elemen Ekologi Spiritual

Di dalam bahagian ini, penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen ekologi Spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi Spiritual Islami dilihat dan dinilai melalui pandangan pelajar berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 5: Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian elemen ekologi spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Jadual 4.74 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan elemen ekologispiritual beserta dalil dalam model

Jadual 4.74

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan Elemen Ekologi Spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi Spiritual Islami

Bil	7 Elemen beserta Dalil al-Quran	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
		93	100	98	99			
1.	Manusia Surah al-Mukminun 23: 12-14	93	100	98	99	390	97.5%	Sesuai
2.	Haiwan Surah al-Mukminun 23: 21-22	90	98	95	95	378	94.5%	Sesuai
4.	Tanah Surah Hud 11:21	90	98	95	97	380	95%	Sesuai
5.	Air Surah al-An'am 6:99	92	97	92	98	379	94.7%	Sesuai
6.	Udara Surah al-A'raf 7:57	90	100	90	98	378	94.5%	Sesuai
7.	Fenomena alam Surah ar-Ra'd 12-13	95	98	96	97	386	96.5%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada Jadual 4.74 di atas yang mewakili penilaian kebolehgunaan elemen ekologi spiritual dan dalil memaparkan bahawa kesemua komponen adalah melebihi 90 % dan berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar.

vii. Kesesuaian laman blog dalam Model Ekologi Spiritual Islami

Di dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan draf blog yang dibangunkan menggunakan *microsoft power point*. Blog tersebut mengandungi semua isi kandungan berdasarkan reka bentuk model yang di didapati daripada fasa sebelumnya. Laman blog tersebut dinamakan MES-i

Penilaian kepenggunaan dan kesesuaian laman blog dalam model Ekologi Spiritual Islami dilihat dan dinilai melalui pandangan pelajar berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 6: Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami untuk Pendidikan Islam berdasarkan laman blog Model Ekologi Spiritual ?

Jadual 4.75 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kepenggunaan laman blog Model Ekologi Spiritual Islami.

Jadual 4.75

Dapatkan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Kebolehgunaan laman blog i

Bil	Laman blog MES-i	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
1.	Meningkatkan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	89	93	88	94	364	91%	Sesuai
2.	Menambah maklumat pembelajaran berasaskan konsep Ekologi Spiritual.	90	96	92	97	375	93.7%	Sesuai
3.	Melahirkan sifat yang positif daripada pemahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	89	96	94	98	377	94.2%	Sesuai
4.	Memberi kesedaran tentang kepentingan elemen spiritual untuk menjadi insan yang seimbang.	88	97	95	96	376	94%	Sesuai
5.	Memberi kesedaran tentang kepentingan memelihara elemen ekologi.	89	97	94	96	376	94%	Sesuai
6.	Meningkatkan tahap penghayatan terhadap amalan diri berasaskan konsep Ekologi Spiritual.	91	97	90	92	370	92.5%	Sesuai

Jadual 4.75 (Sambungan)

Bil	Laman blog MES-i	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilai an
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
		90	97	89	92			
7.	Meneroka aktiviti pembelajaran berkonsepkan Ekologi Spiritual melalui pendekatan inovatif.					368	92%	Sesuai
8.	Menghayati isi kandungan al-Quran berasaskan Ekologi Spiritual untuk panduan hidup.	96	99	95	97	387	96.7%	Sesuai
9.	Melakukan aktiviti untuk pembelajaran Pendidikan Islam secara kendiri selain pembelajaran di sekolah.	85	96	92	94	367	91.7%	Sesuai
10.	Memberi kesedaran agar memahami peranan diri berasaskan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	87	95	93	95	370	92.5%	Sesuai

Jadual 4.75 (Sambungan)

Bil	Laman blog MES-i	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
		84	94	89	90			
11.	Memberi sumbangan kepada menyedarkan masyarakat tentang kepentingan memelihara ekologi berasaskan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	84	94	89	90	357	89.2%	Sesuai
12.	Memberi sumbangan kepada pemeliharaan alam berasaskan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	89	97	90	93	369	92.2%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada Jadual 4.75 di atas yang mewakili Penilaian Kebolehgunaan laman blog MES-i jelas memaparkan bahawa kesemua komponen Model Ekologi Spiritual Islami adalah melebihi 90 % dan berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar.

viii. Kesesuaian Pandangan Keseluruhan pelajar dalam kebolehgunaan Model Ekologi Spiritual .

Soalan 7: Apakah pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi spiritual berasaskan al-Quran untuk Pendidikan Islam?

Jadual 4.76 menunjukkan dapatan data bagi penilaian pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Kandungan Ekologi Spiritual untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam

Jadual 4.76

Dapatan Data Teknik Kumpulan Nominal: Penilaian Pandangan Keseluruhan Kebolehgunaan Model

Bil	Pandangan Keseluruhan Kebolehgunaan model	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
1.	Model ini amat sesuai menjadi panduan untuk meningkatkan nilai spiritual murid.	94	96	94	93	377	94.2%	Sesuai
2.	Model ini amat sesuai untuk memberi kefahaman kepada murid tentang peranan diri murid kepada masyarakat dan alam.	89	96	92	94	371	92.7%	Sesuai

Jadual 4.76 (Sambungan)

Bil	Pandangan Keseluruhan Kebolehgunaan Model	Skor Kumpulan Kajian				Jumlah Skor	(%)	Status Penilaian
		A N=20	B N=20	C N=20	D N=20			
3.	Model ini amat sesuai untuk penerokaan ilmu Pendidikan Islam, ilmu ekologi dan ilmu sains.	92	96	95	97	380	95%	Sesuai
4.	Model ini menunjukkan secara jelas tentang aspek kefahaman mengikut keutamaan kepada murid.	90	94	86	93	363	90.7%	Sesuai
5.	Model ini menunjukkan secara jelas tentang aspek sifat mengikut keutamaan kepada murid.	91	96	90	96	373	93.2%	Sesuai
6.	Model ini menunjukkan secara jelas tentang aspek penghayatan amalan mengikut keutamaan kepada murid.	96	95	93	97	381	95.2%	Sesuai

*Peratusan Kebolehgunaan $\geq 70\%$

Daripada Jadual 4.76 yang mewakili penilaian pandangan keseluruhan pelajar jelas memaparkan bahawa kesemua komponen Model Ekologi spiritual Islami adalah melebihi 90 % dan berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar. Berikut adalah kandungan blog Ekologi Spiritual Islami yang dibangunkan untuk melaksanakan kajian Fasa 3 iaitu Fasa Penilaian Model. Blog ini

dibangunkan menggunakan *microsoft power point* yang mengandungi kandungan utama model. Ia digunakan sebagai draf blog model MES-i yang sebenar bertujuan untuk kajian. Perbengkelan penilaian pelajar terhadap model dilaksanakan dengan kaedah Teknik Kumpulan Nominal yg telah diterangkan dalam bab 3. Tiga orang pakar yg terdiri daripada seorang pensyarah dan dua orang guru Pendidikan Islam telah dilantik sebagai penilai kandungan draf blog ini.




Rajah 4.5 Slide Tajuk Kajian


Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Fokus kajian ini ialah membangunkan nilai spiritual pelajar melalui elemen ekologi.

Model Ekologi Spiritual Islami adalah satu mekanisma untuk meningkatkan nilai spiritual diri khususnya pelajar melalui elemen ekologi. Berdasarkan sorotan kajian, model ini belum dibangunkan oleh mana-mana pihak dalam usaha memperkasakan domain spiritual pelajar.

Rajah 4.6 Slide Pengenalan Kajian



Rajah 4.7 Slide Teori Kajian



Rajah 4.8 Slide Aspek Utama Model

Aspek Kefahaman :

1. Apakah konsep Ekologi Spiritual Islami?

Definisi Ekologi ialah :

'Maksud ekologi iaitu satu disiplin ilmu yang mengkaji mengenai hubung kait antara spesies dengan spesies yang lain, hubung kait antara haiwan dengan tumbuhan, hubung kait antara suatu hidupan dengan alam persekitarannya, hubung kait antara satu ekosistem dengan ekosistem yang lain dan pelbagai jenis hubung kait lagi , dan tidak terkecuali manusia sebagai salah satu makhluk yang juga berada dalam sistem ekologi itu sendiri (Abu Bakar Yang ,2012).

Dalam konteks kajian ini, konsep Ekologi Spiritual Islami merupakan satu konsep untuk membangunkan nilai spiritual pelajar melalui elemen ekologi dengan bersumberkan pemikiran ilmuan Islam (Im.Al Ghazali) dan dalil-dalil al-Quran.

Rajah 4.9 Slide Aspek Utama Model


- 2. Apakah objektif konsep Ekologi Spiritual Islami dalam konteks kajian?

Objektif
Konsep
Ekologi
Spiritual
Islami
ialah:

1. Membangunkan nilai spiritual pelajar dengan elemen ekologi

Rajah 4.10 Slide Aspek Kefahaman Model

3. Apakah sumber utama Ekologi Spiritual :




Rajah 4.11 : Sumber Ekologi Spiritual Dalam Pendidikan Islam
(Sumber : diadaptasi daripada Shihab ,2012).

Rajah 4.11 Slide Sumber Utama Ekologi Spiritual


4. Apakah Elemen Ekologi Spiritual ?

1. Manusia
2. Haiwan
3. Tumbuhan
4. Tanah
5. Air
6. Udara
7. Fenomena alam


Rajah 4.12 Slide Sumber Utama Ekologi Spiritual




Rajah 4.13 Slide Elemen Ekologi Spiritual Manusia & Haiwan



Rajah 4.14 Slide Elemen Ekologi Spiritual Tumbuhan & Tanah



Rajah 4.15 Slide Elemen Ekologi Spiritual Air



Rajah 4.16 Slide Elemen Ekologi Spiritual Udara & Fenomena Alam

Elemen Ekologi Spiritual adalah antara komponen penting untuk mencapai objektif dalam konsep Ekologi Spiritual yang dinyatakan sebelum ini. Contohnya dengan memikirkan tentang proses kejadian manusia sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT di dalam al-Quranul Karim dalam ayat Surah Al Mukminun (23:12-14) dapat memantapkan nilai spiritual murid dengan elemen ekologi (manusia) bagi meningkatkan kesedaran ketuhanan.


شُئْ جَعَلْنَاهُ شُطْفَةً فِي قَرَارِ مَكْبِينِ ﴿١﴾ وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ شَأْنَاتِنَا نَحْنُ نَحْنُ طَيِّنٌ ﴿٢﴾
 شُئْ خَلَقْنَا الْمُطْهَّةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَاقِةَ مُطْهَّةً فَخَلَقْنَا
 الْمُطْهَّةَ عَطْدِيًّا فَكَسَوْتَا الْعَظَمَ لَحْمًا شُئْ آشَأْدِيَّةَ خَلْقَاءَ أَخْرَى
 فَقَبَارَكَ اللَّهُ أَخْسَنَ الْخَالِقِينَ ﴿٣﴾

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah(12) Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh(13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuah darah beku, lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi sekelut daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu ,Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta(14)

Rajah 4.17 Slide Contoh Penerangan Elemen Ekologi Spiritual (Manusia)



Rajah 4.17 Slide Proses Kejadian Manusia Menurut al Quran



Rajah 4.18 Slide Proses Kejadian Manusia Menurut Sains

5. Apakah hikmah Ekologi Spiritual Islami?

Hikmah setiap elemen adalah dinyatakan di dalam al-Quran:

1. Untuk menunjukkan kekuasaan Allah SWT.
Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang berlayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta la biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaannya, kebijaksanaannya, dan keluasan rahmatnya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran. (**Al-Baqarah 2:164**)
2. Untuk beribadat kepada Allah SWT.
Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (**Adz-Dzaariyyat 51:56**)
3. Untuk divayakini tentang hari pembalasan atau hari akhirat.
Kamilah yang telah menciptakan kamu (dari tiada kepada ada - wahai golongan yang inkar), maka ada baiknya kalau kamu percaya (akan kebangkitan kamu hidup semula pada hari kiamat). (**Al Waqiaah 56:57**)

Rajah 4.19 Slide Hikmh Ekologi Spiritual

6.ciri-ciri-ekologi Spiritual Islami menurut perspektif Islam

Ciri-Ciri Ekologi spiritual Islami menurut Islam	Ciri-Ciri Ekologi Spiritual Islami menurut Barat
1. Mempunyai konsep alam ghaib yang melibatkan tuhan, malaikat, hari kiamat, syurga, neraka dan sebagainya.	1. Tidak ada konsep alam ghaib yang melibatkan tuhan, malaikat, hari kiamat, syurga, neraka dan sebagainya.
2. Tidak menyamakan taraf manusia dengan spesies lain (manusia adalah sebaik-sebaik kejadian)	2. Menyamakan taraf manusia dengan spesies lain.
3. Pendekatannya adalah bersifat sesuai pada sepanjang masa	3. Pendekatannya adalah bersifat semasa.
4. Bukan ideologi atau agama yang baru	4. Melahirkan ideologi 'environmentalisme' dan dianggap sedolah-olah seperti agama baru di Barat.
5. Mempunyai pengaruh keimanan, agama samawi dan falsafah ketuhanan.	5. Bebas daripada pengaruh keimanan, agama samawi dan falsafah ketuhanan.

Rajah 4.20 Slide Ciri-Ciri Ekologi Spiritual Islami

Isi Kandungan dalam Aspek Sifat	
1.Berfikir	Firman Allah : (Al Baqarah 2: 267) Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.
2. Bersyukur	Firman Allah : (Al-A'raaf 7:10) Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.
3.Bertanggungjawab	Firman Allah :Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjah, kerana ia hendak mengujii kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab sekasnya, dan sesungguhnya ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi. (Al-An'aam 6:165)
4. Bertakwa	Firman Allah :(Al an'am 6:51) Dan berilah amaran dengan Al-Quran itu kepada orang-orang yang merasa takut bahawa mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (pada hari kiamat), (padahal) tiadalah bagi mereka pelindung dan tidak juga pemberi syafaat yang lain dari Allah, supaya mereka bertaqwa.

Rajah 4.21 Slide Isi Kandungan Dalam Aspek Sifat Ekologi Spiritual

**Isi Kandungan dalam
Aspek Penghayatan Amalan**

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَأَذْعُوَهُ خَوْفًا وَطَمْعًا إِنَّ رَحْمَتَ
اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.


Rajah 4.22 Slide Isi Kandungan Dalam Aspek Penghayatan Amalan

Penghayatan amalan terhadap 5 Rukun Islam	
Rukun Islam	Cara penghayatan amalan
Ucapan 2 Kalimah Syahadah	1. Melaksanakan suruhan Allah 2. Meninggalkan larangan Allah
Ibadat Solat	1. Berhemah ketika berwuduk 2. Menjaga Solat 5 waktu
Ibadat Puasa	1. Berpuasa dengan ikhlas 2. Mengerjakan puasa wajib dan sunat
Ibadat Zakat	1. Mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat 2. Prihatin dengan orang miskin
Ibadat Haji	1. Menunaikan haji apabila mencukupi syarat 2. Menghubungkan persaudaraan

Rajah 4.23 Slide Penghayatan amalan terhadap 5 Rukun Islam

Penghayatan amalan terhadap 6 Rukun Iman	
Rukun Iman	Cara penghayatan amalan
Beriman kepada Allah	1. Sentiasa berzikir kepada Allah 2. Sentiasa berdoa kepada Allah
Beriman Kepada Rasul	1. Sentiasa berselawat 2. Sentiasa mengamalkan sunnah Nabi
Beriman Kepada Malaikat	1. Sentiasa melakukan kebaikan 2. Menjauhi kemungkaran
Beriman kepada Kitab	1. Sentiasa membaca Al-Quran 2. Menghayati dan mengamalkan ajaran
Beriman kepada Hari Kiamat	1. Sentiasa berlaku adil sesama makhluk 2. Meningkatkan amal ibadat
Beriman kepada Qada' dan Qadar	1. Bersyukur apabila mendapat nikmat 2. Sabar apabila menerima musibah

Rajah 4.24 Slide Penghayatan Amalan Terhadap Rukun Iman



Rajah 4.25 Slide Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam

PENUTUP

إِنْ فِي خَلْقِ اللَّهِ مُدَوَّبٌ وَأَلْرَضٌ وَأَخْتَابٌ فَالْيَوْمِ وَالنَّهُ أَعْلَمُ
لَا يَرِيَتِ الْأَوْلَى لِلْآخِرَةِ

(١٩٣)

أَلَّا يَرِيَنَّ يَدَكُرُونَ اللَّهَ قَيِّدًا وَقَعْدًا وَعَلَى جِنْوِيهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبُّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا شَيْخَتَكَ فَقِيتَا عَذَابَ

النَّارِ

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

(A-li' Imraan 3:190-91)

Terima Kasih

Rajah 4.26 Slide Penutup

4.4.1.1 Rumusan dapatan Fasa 3: Penilaian

Hasil dapatan kajian bagi Fasa 3 iaitu Fasa penilaian kepenggunaan model berdasarkan pembentangan Model Ekologi spiritual Islami yang dijalankan kepada 4 kumpulan responden dengan menggunakan kaedah NGT yang berjumlah seramai 80 orang daripada empat buah sekolah dari negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis jelas menunjukkan bahawa model ini sesuai dan praktikal untuk dibangun dan dilaksanakan. Pengkaji telah memberikan perhatian dan mengambil kira beberapa pandangan daripada responden yang bertujuan untuk menambah baik model ini dan diterangkan dalam bab perbincangan (bab 5).

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, daripada rumusan dapatan kajian bagi fasa ketiga dan terakhir ini, dapat dinyatakan objektif kajian berdasarkan ketiga-tiga fasa telah tercapai dan kajian ini telah dapat menjawab persoalan kajian yang digariskan. Kupasan perbincangan keseluruhan kajian beserta implikasi dan cadangan lanjutan bagi kajian ini akan diperhalusi dalam bab akhir kajian (bab 5). Bab berikutnya sebagai penutup kajian dan perbincangan merangkumi cadangan untuk kajian akan datang.

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam bab akhir kajian ini berfokus kepada ringkasan keseluruhan kajian dan dapatkan kajian dalam ketiga-tiga fasa kajian iaitu Fasa 1: Fasa Analisis keperluan, Fasa 2 : Fasa Reka bentuk dan akhir sekali Fasa 3: Fasa Penilaian..

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research (DDR)*.

Dalam Fasa 1, iaitu Fasa Analisis keperluan, kajian dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 200 orang responden iaitu pelajar tingkatan 4 yang beragama Islam di empat (4) buah sekolah kajian. Objektif kajian dalam fasa ini adalah untuk melihat keperluan pembangunan model berdasarkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami . Manakala Fasa 1 (II) ialah menganalisis keperluan model dengan menggunakan kaedah temubual kepada empat (4) orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam . Ianya bertujuan untuk mengesah dan mengukuhkan dapatkan dalam Fasa 1 (I) sebelumnya. Seterusnya dalam Fasa 2, iaitu Fasa Reka bentuk, pengkaji menggunakan dua kaedah utama iaitu Fasa 2 (I) menggunakan kaedah analisis dokumen dan dalam Fasa 2 (II), kajian menggunakan kaedah *FDM* yang melibatkan 16 orang pakar. Akhir sekali dalam Fasa 3 kajian, pengkaji menggunakan kaedah *NGT* untuk memperolehi data. Dalam fasa akhir ini, satu borang soal selidik telah diedarkan kepada 80 orang pelajar yang dibahagikan kepada empat (4) kumpulan utama daripada empat (4) buah sekolah yang berlainan.

Setiap kumpulan terdiri daripada 20 orang pelajar beragama Islam sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian berasaskan pencapaian objektif kajian yang dinyatakan pada bab 1. Pencapaian objektif kajian melibatkan penggunaan kaedah-kaedah penyelidikan melalui 3 fasa kajian yang utama. Oleh itu, perbincangan dapatan kajian diklasifikasikan kepada 5.3.1: Perbincangan dapatan kajian Fasa 1, 5.3.2: Perbincangan dapatan kajian Fasa 2 dan 5.3.3: Perbincangan dapatan kajian Fasa 3:

5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 1 :

Untuk perbincangan dapatan kajian Fasa 1 iaitu Fasa 1 (I) dan Fasa 1 (II) adalah seperti berikut :

(i) Fasa 1 (I) Analisis Keperluan Melalui Soal Selidik

Untuk mendapatkan data analisis keperluan fasa pertama (I), kajian dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 200 orang responden yang terdiri daripada murid beragama Islam daripada empat (4) buah sekolah menengah di Negeri Kedah. 100 orang murid adalah daripada sekolah menengah harian biasa dan 100 orang lagi murid adalah daripada sekolah menengah agama. Bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual, sebanyak 60 item berbentuk pernyataan telah dikemukakan. Sebanyak 20 item berbentuk pernyataan berhubung konsep umum ekologi spiritual dalam bahagian B, 20 item berhubung kefahaman terhadap elemen-elemen ekologi spiritual (Bahagian C) dan 20 item berhubung sifat-sifat ekologi spiritual (Bahagian D). Instrumen yang dibina bagi fasa ini adalah menggunakan set soal selidik yang yang telah diubah suai daripada instrumen kajian yang dijalankan oleh Azma Mahmood

(2006) dan kajian Hazura Abu Bakar (2009). Dapatan kajian ini dirumuskan berpandukan soalan kajian bagi fasa pertama seperti berikut:

1. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap Konsep Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
2. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek elemen Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?
3. Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap aspek sifat Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Bagi menjawab persoalan kajian dalam fasa pertama iaitu analisis keperluan pembangunan model, pengkaji melihat apakah tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ekologi spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap konsep adalah sangat penting bagi menentukan keperluan pembangunan model. Tahap kefahaman pelajar juga dapat menunjukkan kesediaan pelajar dalam meneroka dan memahami konsep dengan lebih mendalam.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan dalam Fasa 1 (I) ini, hasil kajian mendapati tahap kefahaman pelajar terhadap konsep adalah sangat tinggi. Pengkaji mendapati 10 item yang dikemukakan berkaitan dengan konsep Ekologi Spiritual ini telah mendapat nilai skor min yang sangat tinggi , iaitu min skor antara 4.21-5.00. Di dapati, pelajar amat memahami dan bersetuju bahawa kejadian alam merupakan bukti kekuasaan Allah dengan skor min 4.96. Item-item lain seperti “ Saya berminat untuk memahami ayat-ayat al quran yang menerangkan kehebatan Allah melalui kejadian alam dengan (min=4.67), pernyataan “ saya menyedari tentang kepentingan

menjaga alam” (min= 4.55) dan “Kekuatan spiritual dalam diri seseorang dapat membentuk akhlak yang mulia” (min = 4.24).

Responden turut mengakui dan menunjukkan persetujuan dengan memberikan skor penilaian yang sangat tinggi terhadap kepentingan kekuatan spiritual dalam membentuk akhlak atau peribadi seseorang. Selain itu, item B15 iaitu “ saya mempelajari tentang alam di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, item B16 iaitu saya menyedari tentang kepentingan menjaga alam. Ini menunjukkan pelajar telah didedahkan dan mempunyai pengetahuan tentang alam atau ekologi. Pelajar juga menunjukkan telah ada penghayatan dalam aspek amalan iaitu mengucapkan Subhanallah khususnya melalui item B19 iaitu “Saya sentiasa mengucapkan ‘Subhanallah’ apabila melihat kejadian alam yang menakjubkan”.

Dari dapatan kajian ini juga dapat dirumuskan bahawa pelajar menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk menambah pengetahuan, mempelajari dan memperolehi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan konsep Ekologi spiritual berdasarkan nilai skor min yang sangat tinggi (min=4.67) pada pernyataan B18 iaitu “Saya berminat untuk memahami ayat-ayat al Quran yang menerangkan kehebatan Allah melalui kejadian alam dan nilai skor min sebanyak B20 iaitu pernyataan item “saya berminat dengan pembelajaran yang berasaskan alam”.

Selain itu, hasil analisis mendapati bahawa dapatan ini menepati objektif kajian di dalam fasa 1 (analisis keperluan) di mana responden memberi tahap skor min tinggi terhadap 6 item iaitu antara nilai min 3.61 sehingga nilai min 4.41. Antaranya dengan nilai min sebanyak 3.61 dengan pernyataan “teori kejadian manusia oleh barat (teori darwin) adalah tidak benar” (B7), “saya mengetahui maksud spiritual” (B10) dengan skor min 3.38, item B12, “saya merasakan elemen spiritual (kerohanian) adalah penting dalam kehidupan (3.97), item B14, “kekuatan spiritual dapat mencegah

seseorang daripada melakukan dosa”(4.10), dan pernyataan dalam item B17 “Saya mengetahui ayat-ayat al Quran yang menerangkan kehebatan Allah melalui kejadian alam” dengan nilai min 4.14.

Walaupun hasil analisis mendapat terdapat 3 item yang mencapai tahap min sederhana iaitu antaranya item B3, “setiap yang berlaku di dalam alam adalah kerana proses semulajadi” (3.28), item B8 “tujuan Allah mencipta alam hanya untuk diduduki oleh manusia”(2.09), item B9 “saya mengetahui maksud ekologi” dengan nilai min 3.32 dan terdapat 1 item yang mencapai tahap skor min rendah (1.99) iaitu pernyataan “ setiap benda hidup dijadikan daripada air”, ini menunjukkan keperluan pembangunan model bagi menambah kefahaman dan pengetahuan pelajar dalam konsep Ekologi spiritual.

Seterusnya, dalam mengenal pasti apakah tahap kefahaman pelajar terhadap elemen ekologi spiritual Islami untuk Pendidikan Islam, sebanyak 20 item pernyataan berhubung elemen ekologi spiritual iaitu elemen manusia, haiwan, alam, dan air telah dikemukakan kepada responden. Penciptaan manusia, haiwan alam dan air adalah bukti kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Dengan berfikir dan menghayati setiap kejadian Allah SWT akan memberi kesedaran bahawa Allah Maha berkuasa. Oleh itu, berfikir tentang elemen-elemen ekologi ini dapat meningkatkan keimanan dan memberi memberi kesedaran tentang kekuasaan Allah SWT dan seterusnya dapat mengukuhkan nilai spiritual dalam diri seseorang. Justeru itu, dalam kajian ini, elemen-elemen ini telah di klasifikasikan sebagai elemen ekologi spiritual. Dalil-dalil al-Quran berhubung kejadian manusia, haiwan, alam dan air ini telah dijadikan asas dalam kajian ini bagi mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang kekuasaan Allah SWT seterusnya mengukuhkan domain spiritual mereka.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pelajar mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dari aspek elemen-elemen ekologi spiritual. Dapatkan ini bersandarkan kepada dapatan dimana hampir kesemua pernyataan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi (4.21-5.00) kecuali pada pernyataan dalam item elemen ekologi spiritual berkaitan air iaitu “ saya tidak membazir air semasa berwuduk” pada tahap tinggi (min=4.05) dan item CA15 iaitu perbuatan mencemarkan sumber air merupakan satu dosa (3.74). Ini kerana pernyataan item tersebut mempunyai kaitan dengan aspek amalan. Contoh-contoh item yang memperoleh nilai min sangat tinggi ialah dalam elemen ekologi spiritual iaitu manusia. Item CM1 “Kejadian manusia merupakan bukti kekuasaan Allah” mencapai nilai min 4.93, item CM5 “Manusia akan dibangkitkan semula oleh Allah selepas mati” (min=4.82), item CM3 “Proses kejadian manusia telah diterangkan dengan jelas di dalam al Quran” (min=4.75), item CM2 “Manusia dicipta dengan tujuan beribadat kepada Allah” (min=4.71) dan item CM4 dengan nilai min 4.52 iaitu pada item “Manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifah dimuka bumi’.

Seterusnya dalam elemen haiwan, kelima-lima item mendapat skor dalam nilai ‘sangat tinggi’. Item CH1 “ Kejadian haiwan merupakan bukti kehebatan Allah ” nilai min 4.80 diikuti item berikutnya CH2 “Tujuan penciptaan haiwan telah dinyatakan di dalam al Quran” (min=4.21). Seterusnya bagi item CH3 “ Kejadian haiwan merupakan nikmat yang besar kepada manusia” nilai min ialah 4.34, item CH4 turut memperolehi skor yang sangat tinggi iaitu 4.87 (manusia perlu bersifat ihsan dengan haiwan) dan akhir sekali item CH5 iaitu “ terdapat nama surah di dalam Al Quran yang menggunakan nama binatang” dengan nilai min 4.45.

Selain daripada manusia dan haiwan, kejadian alam juga merupakan elemen dalam ekologi yang boleh menambah keimanan dan mengukuhkan nilai spiritual

seseorang. Kejadian alam yang begitu unik, indah dan mempunyai fungsi tersendiri merupakan elemen ekologi yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kehidupan manusia. Kepincangan dalam menguruskan alam akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada kehidupan seluruhnya. Justeru itu, sangat penting dalam meletakkan alam sebagai satu elemen yang membawa kita berfikir tentang kekuasaan Allah SWT.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap aspek elemen alam dan air adalah tinggi berdasarkan nilai skor min sangat tinggi. Item-item berikut ialah seperti berikut:

Jadual 5.1

Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Elemen Ekologi: Alam

Item	Alam	Skor	Interpretasi
CA1	Setiap kejadian alam adalah mengikut ‘sunnatullah’, iaitu peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah.	4.35	Sangat Tinggi
CA2	Terdapat banyak ayat Al Quran yang menerangkan kejadian alam	4.63	Sangat Tinggi
CA3	Kejadian bencana alam yang berlaku mempunyai kaitan dengan perlakuan manusia	4.57	Sangat Tinggi
CA4	Manusia perlu mempunyai ilmu untuk menjaga alam dengan baik	4.61	Sangat Tinggi
CA5	Kejadian bencana alam yang berlaku adalah ‘peringatan’ daripada Allah kepada manusia	4.83	Sangat Tinggi

Jadual 5.2

Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Elemen Ekologi: Air

Item	Air	Skor	Interpretasi
CAI1	Kejadian air merupakan bukti kebijaksanaan Allah	4.66	Sangat Tinggi
CAI2	Air merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan	4.87	Sangat Tinggi
CAI3	Saya tidak membazir air semasa berwuduk	4.05	Tinggi
CAI4	Kita sedang menghadapi pencemaran sumber air yang serius	3.74	Tinggi
CAI5	Perbuatan mencemarkan sumber air merupakan satu dosa	4.24	Sangat Tinggi

Jadual 5.2 menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap elemen ekologi spiritual: air. Hampir kesemua pernyataan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi (4.21-5.00) kecuali pada pernyataan “ saya tidak membazir air semasa berwuduk” pada tahap tinggi (min=4.05) dan item CA15 iaitu perbuatan mencemarkan sumber air merupakan satu dosa (3.74).

Soalan 3: Apakah tahap kefahaman pelajar terhadap sifat ekologi spiritual berasaskan al-Quran dalam Pendidikan Islam?

Seterusnya berdasarkan dapatan kajian terhadap tahap kefahaman pelajar dalam aspek sifat ekologi spiritual jelas menunjukkan kefahaman yang sangat tinggi berdasarkan nilai skor min yang diperolehi bagi 20 item yang dikemukakan. Pelajar memahami kecenderungan sifat-sifat yang baik seperti sifat berfikir, sifat bersyukur, sifat bertanggungjawab dan sifat bertakwa akan lahir daripada penerapan konsep ekologi spiritual. Item yang menunjukkan kefahaman yang sangat tinggi di mana skor nilai min melebihi 4.80 dan ke atas ialah “Kita hendaklah bersyukur dengan kejadian alam yang dicipta oleh Allah” (DS1) min 4.89 dan pernyataan item “Beribadat kepada Allah merupakan salah satu cara mensyukuri nikmat Allah”(DS2)=min 4.85.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian dalam fasa 1 (I) ini jelas menunjukkan pengetahuan sedia ada pelajar terhadap konsep ekologi spiritual ini yang diperolehi melalui proses pembelajaran khususnya melalui Pendidikan Islam. Nilai akidah atau konsep ‘Rabbani’ iaitu menyakini segala ciptaan adalah daripada Allah SWT dan amalan-amalan mahmudah telah wujud dalam diri pelajar. Dapatkan ini juga menunjukkan minat pelajar yang tinggi terhadap ilmu-ilmu berkaitan ekologi khususnya dengan pembangunan model ini. Walaubagaimanapun, nilai-nilai spiritual ini harus diperkuatkan dan sentiasa disuburkan agar mereka akan lahir menjadi

generasi yang benar-benar bertakwa kepada Allah SWT seterusnya terhindar daripada gejala-gejala negatif. Indikator-indikator ini menjadi telah menjadi kayu ukur kepada keperluan untuk membangunkan Model Ekologi spiritual berasaskan al-Quran ini.

(ii) Fasa 1 (II) Analisis Keperluan Melalui Temubual Pakar

Selain itu, untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian bagi fasa ini, pengkaji

telah menggunakan kaedah menemu bual empat orang pakar bagi mendapatkan maklumat berhubung keperluan pembangunan model ini dimana pakar tersebut adalah terdiri daripada seorang pensyarah bidang Pendidikan Islam daripada sebuah universiti awam di utara semenanjung dan dua orang guru Pendidikan Islam dan seorang guru yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Tassawur Islam melebihi tempoh 15 tahun. Analisis dapatan bagi kaedah ini adalah berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan 4: Sejauhmanakan keperluan membangunkan Model Kandungan Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam mengikut pandangan pakar?

Dapatan kajian berdasarkan analisis pandangan pakar, menunjukkan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar dengan kesemua pakar memberi respon dan persetujuan bahawa pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam adalah perlu dan signifikan. Kesepakatan pakar tersebut adalah berdasarkan tiga sub tema utama iaitu pandangan pakar terhadap tahap kefahaman murid mengenai konsep Ekologi Spiritual, pandangan pakar terhadap kepentingan kefahaman murid terhadap konsep Ekologi Spiritual Islami dan pandangan pakar

terhadap keperluan kepada pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

Dapatan ini juga berdasarkan nilai persetujuan daripada tiga pakar yang dilantik bagi mengesahkan tema yang dibina. Mereka terdiri daripada tiga orang pakar yang mahir berkaitan skop kajian dalam menentukan indeks *Cohen Kappa* dalam kajian ini. Mereka juga adalah pakar dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam dan bidang kualitatif. Purata nilai analisis *Cohen Kappa* kajian ini ialah 0.87 dikategorikan sebagai tinggi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keperluan kajian ini adalah tinggi dan menjadi satu cadangan untuk model ini untuk diserapkan dalam kandungan kurikulum dan dilaksanakan dalam pendidikan. Tuntasnya, pembangunan model ini bertujuan untuk memberi penekanan kepada aspek spiritual pelajar agar mencapai kesedaran ketuhanan melalui elemen alam dan melahirkan pelajar bersahsiah tinggi dan mempunyai jati diri yang jitu. Secara tidak lansung, pembangunan ini juga memberi kesedaran kepada pelajar agar menghargai alam sebagai mekanisme tauhid serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah untuk memelihara alam sebaik mungkin.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian di dalam Fasa 1 (I) analisis keperluan melalui kaedah temubual pakar dapat membantu pengkaji di dalam menyokong keperluan untuk membangunkan satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Keperluan pembangunan model ini yang merangkumi tiga aspek penting iaitu aspek kognitif atau kefahaman, aspek afektif atau sifat dan aspek psikomotor atau penghayatan amalan akan membentuk peribadi pelajar menjadi mukmin yang bertakwa.

5.3.2 Perbincangan Dapatan Fasa 2 (I&II): Reka Bentuk Model

Perbincangan dalam fasa ini merangkumi dapatan kajian daripada kaedah analisis kandungan beberapa dokumen utama yang dijadikan sebagai asas pembinaan teori Ekologi Spiritual dan kerangka asas bagi kajian ini. Antara dokumen yang diguna pakai serta dijadikan asas kajian ini ialah bab 33, Kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali, Tematik al-Quranul Karim, Kitab Tafsir Ibn Kathir, Kitab Tafsir Ibn Abbas dan Kitab Tafsir al-Azhar. Di samping itu, dalam dapatan ini juga diterangkan dapatan berdasarkan kaedah *FDM*. Hasil analisis dokumen dan konsensus pakar dalam fasa reka bentuk dan pembangunan ini telah menghasilkan satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.

(i) Fasa 2 (I): Reka Bentuk Model Melalui Analisis Dokumen

Dalam perbincangan dapatan Fasa 2 (I), fokus perbincangan berdasarkan persoalan kajian dalam fasa ini iaitu :

1. Bagaimanakah reka bentuk Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Berdasarkan dapatan daripada kaedah analisis dokumen, satu reka bentuk dan pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam telah berjaya dihasilkan. Reka bentuk model ini merangkumi dapatan analisis dokumen daripada Kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali, analisis tematik al-Quran berhubung dalil-dalil berkaitan ekologi, analisis tafsiran ayat 164 daripada Surah al-Baqarah berdasarkan kitab Tafsir Ibn Kathir, Ibn Abbas dan tafsiran Surah aali-Imran ayat 90-91 daripada Kitab Tafsir al-Azhar oleh Hamka.

Melalui analisis dokumen tersebut, satu reka bentuk model dapat dihasilkan iaitu berdasarkan pemikiran Imam al-Ghazali terhadap ekologi spiritual, analisis tematik al-

Quran dan tafsiran ayat dari Surah al-Baqarah ayat 164 dan Surah aali-Imran ayat 190-191 telah digunakan sebagai ayat bagi menerangkan konsep Ekologi Spiritual.

Seterusnya, penyelidik telah mengambil pandangan Imam al-Ghazali dalam bab berfikir dan menyesuaikannya dengan kajian sebagai asas pemikiran ekologi spiritual Imam al-Ghazali iaitu saranan untuk berfikir tentang tanda-tanda kekuasaan Allah SWT melalui enam (6) elemen iaitu manusia, bumi, binatang, lautan, udara dan langit. Berdasarkan analisis terhadap pandangan Imam al-Ghazali tentang tuntutan berfikir tanda-tanda kekuasaan Allah, penyelidik telah menjadikan pandangan tersebut sebagai asas pembentukan elemen ekologi spiritual. Ianya juga dijadikan asas kepada pemikiran ekologi spiritual menurut Imam al-Ghazali. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT boleh dilihat dari dalam tubuh manusia itu sendiri, kejadian alam atau bumi, tubuh binatang , kejadian lautan, udara dan langit.

(ii) Fasa 2 (II): Reka Bentuk Model Melalui Kaedah FDM

Perbincangan dapatan pada Fasa 2 (II) adalah berdasarkan persoalan kajian yang telah digariskan. Persoalan kajian tersebut adalah bagi mencapai objektif kajian iaitu Mereka bentuk dan membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam melalui kesepakatan pakar. Persoalan kajian bagi fasa ini ialah seperti berikut:

1. Apakah aspek-aspek utama dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Hasil dapatan kajian bagi fasa ini menunjukkan aspek-aspek utama yang disepakati oleh pakar ialah Model Ekologi Spiritual Islami mengandungi aspek kefahaman, aspek sifat,dan aspek penghayatan amalan. Terdapat pakar yang mencadangkan agar konsep Ekologi Spiritual mengandungi aspek pengalaman dan


pengetahuan. Hasil dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Azma Mahmud (2006) dan kajian Norsaleha Mohd Salleh et.al (2013) yang menyatakan penghayatan akidah dapat dinilai melalui tiga aspek iaitu aspek kefahaman, aspek perasasaan dan aspek amalan. Penghayatan dalam aspek akidah merupakan unsur spiritual yang perlu ada dalam diri seseorang.

2. Apakah isi kandungan bagi setiap aspek dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Hasil dapatan kajian menunjukkan kesepakatan pakar berkaitan isi kandungan bagi aspek utama model iaitu aspek kefahaman mengandungi definisi konsep ekologi spiritual, objektif, sumber ekologi spiritual, elemen ekologi spiritual, hikmah. Manakala dalam aspek sifat, mengandungi sifat berfikir, sifat bersyukur, sifat bertanggungjawab dan sifat bertakwa. Aspek terakhir iaitu aspek penghayatan amalan iaitu mengandungi penghayatan amalan terhadap Rukun Iman, Rukun Islam dan penghayatan amalan melalui sifat ihsan.

3. Apakah dalil-dalil al-Quran yang sesuai dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Bagi perbincangan dapatan bagi persoalan kajian ini, pengkaji merumuskan dapatan penting kajian hasil daripada analisis Fasa 2 (II) iaitu konsensus pakar melalui proses *Defuzzification* (keutamaan item) sebagai Pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam dalam aspek dalil-dalil al-Quran berkaitan elemen Ekologi Spiritual yang boleh digambarkan berdasarkan rajah 5.1 berikut:



Rajah 5.1 Elemen Ekologi Spiritual Islami Dalam Aspek ‘Elemen Ekologi Spiritual’

Penghayatan dalil-dalil al-Quran berhubung elemen Ekologi Spiritual akan mengukuhkan elemen spiritual apabila pelajar membaca, memahami intisari ayat, mengambil pengajaran ayat dan mengaplikasi dalam kehidupan seharian. Kefahaman intisari ayat-ayat yang dibentuk sebagai elemen ekologi spiritual adalah seperti berikut:

(i) Manusia

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun ayat 13-14 yang bermaksud:

“Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.”

(ii) Haiwan

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun ayat 21-22 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan (tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya); Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu. Dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal kamu diangkut.

(iii) Tumbuhan

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 95 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah jualah yang membela (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan). Ia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang sedemikian itu kekuasaannya ialah Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan dari menyembahNya (oleh benda-benda yang kamu jadikan sekutuNya)?”

(iv) Tanah

Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 61 yang bermaksud:

“Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".

(v) Air

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 99 yang bermaksud:

Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak

bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

(vi) Udara/ Angin

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 57 yang bermaksud:

Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

(viii) Fenomena alam

Firman Allah SWT dalam Surah ar-Ra'd ayat 12-13 yang bermaksud:

Dia lah yang memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir), dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia yang menjadikan awan tebal yang berat (dengan air). Dan Dia lah juga yang guruh dan malaikat bertasbih memujiNya, kerana takut kepadaNya. Dan Dia lah juga yang menghantarkan petir, lalu Ia mengenakan dengan panahannya kepada sesiapa yang dikehendakinya Dan mereka yang ingkar itu membantah (serta mendustakan Rasul) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah (dan kuat kuasaNya) Padahal Ia Amat keras azab seksanya.

Berdasarkan kepada dalil-dalil berkaitan Ekologi Spiritual ini, pengukuhan elemen spiritual pelajar terbentuk apabila pelajar berfikir tentang kekuasaan, kehebatan dan kebijaksaan Allah SWT dalam setiap kejadian makhluk dan alam ciptaan Allah SWT. Proses tersebut bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah aali-Imran ayat 90-91 yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”

Dalil ini jelas menunjukkan dengan orang-orang yang berfikir tentang kekuasaan Allah SWT melalui elemen-elemen ekologi contohnya kejadian alam seperti langit, bumi, malam, siang akan memberi kesan dalam aspek amalan serta aspek spiritual (rohani) seseorang. Buktinya dengan penegasan melalui firman Allah SWT dalam ayat yang sama iaitu orang-orang yang sentiasa berfikir tentang kekuasaan Allah SWT akan sentiasa menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring (aspek amalan), seterusnya akan lahir kekuatan spiritual apabila hati mereka terdetik atau menyebut dengan ucapan atau melalui doa: "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka (aspek spiritual).

Seterusnya, berdasarkan penghayatan terhadap dalil-dalil elemen Ekologi Spiritual juga, akan lahir dalam diri pelajar sifat bersyukur dengan segala nikmat kurniaan Allah melalui setiap ciptaanNya. Walaupun sekecil-kecil perkara ciptaan Allah mempunyai sebab dan fungsi yang tersendiri “Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia”(Surah aali-Imran:91). Sifat syukur ini dijelaskan oleh Imam al-Ghazali (t.th) dalam kitabnya *Ihya 'Ulumuddin* akan lahir melalui tiga perkara utama iaitu ilmu, keadaan dan perbuatan. Ilmu bermaksud menyedari bahawa segala nikmat daripada Allah SWT. Keadaan bermaksud menyatakan kegembiraan sebab

memperolehi nikmat tersebut dan amalan atau perbuatan ialah dengan menunaikan sesuatu yang sudah pasti menjadi tujuan nikmat tersebut dikurniakan oleh Allah SWT.

Contohnya berdasarkan dalil elemen Ekologi Spiritual: tumbuhan dan haiwan (Surah al-Mukminun: 21-22 dan Surah al-A'am: 95) Allah SWT menegaskan “Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya, dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya; dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu” , menunjukkan Allah SWT mencipta haiwan dengan tujuan memberi manfaat kepada manusia. Antaranya sebagai sumber makanan, sumber zat dan protein (penghasilan daging dan susu), sebagai sumber rezeki dan pengangkutan dan lain-lain. Oleh yang sedemikian, sewajarnya kita menjadi hamba yang bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT. Sifat ini yang ditekankan dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual ini di mana ianya akan melahirkan pelajar yang bersyukur dan seterusnya memberi kesedaran kepada pelajar untuk menjadi individu muslim yang bertanggungjawab dan akhirnya bertakwa kepada Allah.

4. Apakah medium pembelajaran yang sesuai untuk pelajar dalam pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Dalam persoalan kajian ini, hasil kajian mendapati kesepakatan pakar dalam meletakkan medium pembelajaran yang sesuai iaitu berdasarkan jadual 4.63 menunjukkan hanya 2 item yang dicadangkan dalam medium pembelajaran dalam Ekologi Spiritual telah diterima oleh pakar iaitu item medium pembelajaran model melalui laman web mendapat kesepakatan pakar (75%) dengan skor fuzzy (0.792). Item kedua iaitu blog mendapat kesepakatan pakar (81%) dengan skor fuzzy (0.731). Medium pembelajaran yang lain iaitu *facebook*, MMS, dan e-mel adalah ditolak

berdasarkan nilai peratus $\leq 75\%$. Antara cadangan panel pakar berkaitan medium pembelajaran dalam model ialah rehlah, tafakur diri, perenungan alam, rujukan kitab-kitab tafsir, kitab-kitab berkaitan mukjizat ilmu dalam al-Quran, *Facebook* dan *Edmodo*. Berdasarkan kesepakatan pakar ini, pengkaji telah menggunakan draf blog MES-i semasa pembentangan dalam Fasa 3 kajian yang menggunakan kaedah NGT. Draf blog MES-i ini digunakan bagi memudahkan pelajar untuk mendapat gambaran sebenar perlaksanaan Model ini secara praktikal. Hasilnya, pelajar memberi penilaian yang sangat baik dan positif terhadap kepenggunaan laman blog ini berdasarkan dapatan kajian yang akan diperincikan dalam perbincangan fasa ketiga yang menggunakan kaedah NGT.

5. Apakah impak pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?

Akhirnya dalam perbincangan dapatan dalam Fasa 2 kajian ini, keberkesanan impak pembangunan model merupakan antara fokus utama kajian kerana ianya menunjukkan tujuan dan matlamat sebenar kajian. Jika dirujuk kembali kepada bab pengenalan kajian (bab 1), pengkaji menyatakan tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk membangunkan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam sebagai satu wadah untuk memperkasakan elemen spiritual pelajar dengan bersumberkan al-Quran. Model ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar, menambah kefahaman dan memupuk kesedaran mereka tentang kesedaran ketuhanan serta tanggungjawab sebagai seorang muslim yang bertakwa.

Justeru itu, peranan model dalam mengukuhkan elemen spiritual pelajar berdasarkan konsensus pakar perlu dilihat sebagai kayu ukur untuk pembangunan model ini secara komprehensif berdasarkan kajian dan penyelidikan pada masa akan

datang. Antara impak pembangunan model terhadap pelajar yang disepakati oleh pakar (rujuk jadual 4.65,4.66 dan 4.67- m/s 243-245) ialah dapat meningkatkan kefahaman , menambah maklumat, melahirkan sifat positif, menjadi insan yang seimbang, memelihara elemen ekologi, dan dapat meningkatkan tahap penghayatan terhadap amalan diri. Model ini juga dapat meneroka aktiviti pembelajaran melalui pendekatan inovatif, dapat menghayati kandungan al-Quran sebagai panduan hidup dan akhirnya dapat memberi sumbangan kepada diri, masyarakat dan alam.

5.3.3 Perbincangan Dapatan Fasa 3: Penilaian Model

Pada fasa ketiga dan akhir kajian, pengkaji menggunakan kaedah temubual dan Teknik Kumpulan Nominal (*NGT*) dalam mendapatkan data. Teknik Kumpulan Nominal (*NGT*) adalah satu proses pembuatan keputusan dalam bentuk perbincangan kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat, Intan & Zainal Ariffin, 2006) Teknik *NGT* bersifat semi kuantitatif kerana ia turut menggabungkan kaedah kualitatif. Dapatan kajian lepas mendapati bahawa teknik ini bukan sahaja telah menjimatkan masa untuk memperolehi data malah ternyata berhasil mendapatkan pandangan responden mengenai kebolehgunaan komponen sesuatu model yang diutarakan. Dapatan kajian menunjukkan teknik ini dapat membantu penyelidik mendapatkan data dengan mudah dan cepat kerana aspek kebolehgunaan model boleh diperolehi secara terus menerusi peratusan skor item yang diuji selain mampu memberi ruang kepada peserta untuk fokus terhadap sesuatu isu yang dikaji .

Kaedah ini juga mampu meningkatkan kreativiti setiap peserta kajian kerana setiap peserta dibenarkan berhujah dan mencetuskan idea berdasarkan pengetahuan dan kreativiti mereka. Kaedah ini diguna pakai kerana terbukti dapat menjawab persoalan kajian berdasarkan penilaian kebolehgunaan menggunakan kumpulan kecil pengguna

sebagai penilai model. Kumpulan NGT yang dipilih melalui pelajar kerana bertepatan dengan objektif kajian di mana pelajar merupakan pengguna produk (Norlidah Alias, 2010). Tahap penilaian responden yang tinggi melalui kaedah NGT ini menunjukkan kesesuaian setiap elemen model yang diuji. Pengkaji telah melaksanakan bengkel kepenggunaan model kepada empat kumpulan pelajar dari empat buah sekolah daripada empat negeri di utara semenanjung. Setiap kumpulan adalah terdiri daripada dua puluh (20) orang pelajar dan merangkumi lapan puluh (80) orang pelajar selaku responden.

Perbincangan dapatan kajian bagi fasa ketiga dan fasa terakhir kajian adalah berpandukan kepada tujuh persoalan kajian berikut:

1. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian aspek utama dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Berdasarkan dapatan kajian, jelas memaparkan bahawa kesemua aspek utama Model Ekologi Spiritual Islami iaitu aspek kefahaman, aspek sifat dan aspek penghayatan amalan adalah berada pada status sesuai digunakan berdasarkan pandangan dan penilaian pelajar. Aspek sifat mendapat penilaian sebanyak 94.5 % diikuti aspek penghayatan amalan (94.2%) dan aspek kefahaman sebanyak 92.7 %. Penekanan ketiga-tiga aspek ini adalah penting bagi melahirkan pelajar yang seimbang. Sebagaimana Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin*, potensi seorang manusia perlu dibangunkan melalui empat (4) demensi iaitu *qalb, roh, nafs dan aqal*.

2. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Bagi persoalan kajian berhubung kesesuaian isi kandungan dalam aspek kefahaman, keseluruhan item telah memperolehi status penilaian sesuai untuk digunakan di mana keseluruhan item memperolehi nilai melebihi 90% ke atas. Dapatkan kajian menunjukkan isi kandungan dalam aspek kefahaman adalah mengandungi definisi konsep, objektif, sumber Ekologi Spiritual, hikmah, dan ciri-ciri Ekologi Spiritual menurut Islam. Isi kandungan bagi aspek kefahaman adalah penting bagi pelajar untuk memahami konsep dan merupakan aspek asas dalam setiap pengenalan konsep ilmu.

3. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek sifat dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Berdasarkan dapatan kajian, empat aspek sifat yang dikemukakan memperolehi status penilaian yang sesuai untuk digunakan. Kesemua item mendapat jumlah skor yang melebihi 90% iaitu sifat berfikir (96.7%), sifat bersyukur (95.5%) sifat bertanggungjawab (94%) dan sifat bertakwa (95%). Sifat-sifat ini akan lahir melalui kefahaman yang jelas berhubung isi kandungan dalam aspek kefahaman yang dinyatakan sebelum ini. Kefahaman yang jitu terhadap konsep akan melahirkan sifat atau perasaan dalam diri seseorang sebagaimana galakan untuk manusia berfikir berdasarkan firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd 13:4 iaitu:

Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.

4. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan kesesuaian isi kandungan dalam aspek penghayatan amalan. Kriteria penilaian terhadap penghayatan amalan pelajar adalah melalui penghayatan dari aspek amalan diri merangkumi Rukun Iman iaitu Beriman kepada Allah, Rasul,Kitab, Malaikat, Hari Akhirat dan Beriman kepada Qada' dan Qadar Allah SWT. Tunjang bagi seorang muslim turut diukur melalui penghayatan amalan berdasarkan Rukun Islam yang lima iaitu dua kalimah syahadah, ibadat solat, amalan berpuasa, ibadat zakat dan haji. Akhirnya kesempurnaan amalan seseorang adalah melalui sifat ihsan yang lahir daripada penghayatan rukun-rukun yang asas tadi. Keseluruhan item memperolehi skor penilaian melebihi 90%.

5. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian elemen ekologi spiritual beserta dalil dalam Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam ?

Seterusnya, dalam soalan kajian ke lima bagi fasa ini, seluruh item dinilai sebagai sesuai digunakan di mana tujuh elemen ekologi beserta dalil iaitu manusia, haiwan, tumbuhan, tanah, air, udara/angin dan fenomena alam memperolehi skor melebihi 90%. Penghayatan terhadap dalil-dalil elemen ekologi ini yang akan membangunkan spiritual pelajar.

6. Apakah pandangan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam berdasarkan laman blog MES-i?


Bagi dapatan pandangan pelajar terhadap kepenggunaan Model Ekologi Spiritual ini berdasarkan laman blog MES-i ini, keseluruhan item turut memperolehi

nilaian skor melebihi 90%. dan pada status sesuai untuk digunakan. Laman blog MES-i dinilai dapat meningkatkan kefahaman terhadap konsep, menambah maklumat pembelajaran, dapat melahirkan sifat positif, dapat memberi kesedaran tentang kepentingan elemen spiritual untuk menjadi insan yang seimbang, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara elemen ekologi dan dapat meningkatkan tahap penghayatan amalan diri.

Seterusnya perbincangan hasil dapatan kajian menunjukkan dapatan keseluruhan kajian adalah tinggi dan sangat baik berdasarkan ulasan keseluruhan pelajar. Soalan kajian yang terakhir dalam fasa ini, iaitu :

7. Apakah pandangan keseluruhan pelajar terhadap kesesuaian kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam?

Dapat dirumuskan, bahawa kajian ini mendapat maklum balas yang baik dan positif serta bersesuaian untuk dilaksanakan. Kenyataan ini disokong dengan dapatan daripada dapatan keseluruhan responden terhadap kebolehgunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam . Hasil daripada dapatan fasa ketiga kajian ini juga telah membuktikan kajian ini signifikan untuk dilaksanakan. Rumusan keseluruhan retropeksi pelajar telah memberi satu gambaran jelas keberkesanan model dalam mengukuhkan elemen spiritual pelajar. Antara dapatan penting daripada fasa penilaian dan kebolehgunaan ialah impak pembangunan model dari sudut pembangunan spiritual pelajar. Ianya digambarkan seperti rajah 5.2 berikut:



Rajah 5.3 Impak Pembangunan Model

Ulasan keseluruhan daripada responden kajian dalam fasa ketiga telah menyokong dapatan kajian dari aspek penilaian kepenggunaan model untuk membangunkan spiritual pelajar. Perbincangan dapatan kajian adalah berasaskan dua tema utama iaitu:

(i) **Tema 1: Pandangan Pelajar Terhadap Penilaian Kebolehgunaan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam.**

“...saya berpendapat bahawa **model ini amat bagus** untuk diterapkan dalam diri murid, agar murid mensyukuri dan menghargai ciptaan Allah yang berharga...”(skC)

“...pada pendapat saya model ini dapat memberi kesan dan kesedaran kepada orang ramai supaya menghargai alam dan nikmat Allah... saya berharap model ini berjaya!....”(skC)

“..ianya **merupakan pengetahuan baharu** yang saya sendiri belum tahu sebelum ini walaupun kurang memahami dan insya Allah kelak saya akan melayari internet agar dapat meningkatkan pengetahuan dan memartabatkan Islam...”(skC)

Kenyataan ini disokong dengan dapatan ulasan keseluruhan daripada responden sebuah sekolah kajian di mana empat (4) responden yang mengucapkan tahniah (*mabruk alaik*) dan memberikan pujian sangat bagus kepada pengkaji terhadap pembinaan Model dan pembentangan tersebut. Antara ulasan tersebut ialah:

“...bagus !!mabruk alaik! atas usaha yang sangat baik kepada anak anak yang semakin malas pada masa kini.... saya mendoakan agar model ini mampu menjadi teladan pada masa hadapan...”(skA)

Ulasan tersebut disokong dengan ulasan responden yang lain iaitu:

“...melalui MES-i saya dapat merujuk atau berfikir lagi tentang alam atau ekologi yang barasaskan atau merujuk al-Quran dan jadikan saya lebih berilmu...”(skA)

Terdapat juga ulasan yang baik daripada responden **sekolah kajian (B)** iaitu:

“..model ini dapat memberi kesedaran kepada semua pelajar agar berfikir dari pelbagai aspek..”

“...saya berpendapat bahawa model ini wajar dilaksanakan kerana ia akan dapat mewujudkan insan yang cermerlang bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat..” (skB)

“..model ini amat bagus dan efektif kepada pelajar khususnya pada masa kini. (skB)

“...model ini mudah untuk difahami. ia juga membuatkan saya lebih bersemangat..” (skB)

Pandangan tersebut disokong dengan ulasan berikut:

“...saya percaya sekiranya sistem ini diwujudkan, ia mampu meningkatkan motivasi diri seorang pelajar. malah ,sistem sebegini amat wajar untuk diterapkan kerana kebimbangan masyarakat terhadap akhlak kehidupan pelajar yang semakin dilumur gejala negatif. moga ustazah berjaya dunia akhirat...”(skD)

“..saya berharap agar model ini mampu menjadi panduan yang berguna kepada setiap umat islam. khususnya pelajar... semoga ustazah berjaya di dunia dan akhirat..” (skD)

“..MES-i ini sangat baik terhadap semua individu... jadi eloklah dikeluarkan dengan jayanya...”(skD)

“..pada pendapat saya, MES-i dapat dilakukan bukan sahaja dalam kalangan murid, namun dalam kalangan masyarakat juga boleh dilakuakn, semoga sentiasa beroleh sokongan daripada pelbagai pihak..”. (skD)

Ulasan-ulasan pelajar yang menyifatkan model ini adalah sangat bagus untuk dibangunkan, efektif, sangat baik untuk individu dan masyarakat jelas menunjukkan tahap penilaian kebolehgunaan Model Ekologi Spiritual Untuk Pendidikan Islam yang tinggi dan sesuai untuk dilaksanakan kepada pelajar.

(ii) Tema 2: Pandangan pelajar terhadap kepenggunaan Model Ekologi Spiritual Berasaskan al-Quran dalam membangunkan Spiritual.

Ulasan pelajar yang menyatakan model ini dapat membantu dalam membangunkan spiritual pelajar:

“..model ini sesuai untuk pelajar kerana ia mengajar murid untuk memahami dan mendalami sesuatu ilmu dalam masa yang sama **mendekatkan diri kepada Allah S.W.T...**”(skC)

“..MES-i amat sesuai diajar kepada murid kerana ia menghubungkaitkan al-Quran dan Sains. Murid dapat **mendekatkan diri mereka kepada Allah dan sedar akan kebijaksanaan Allah melalui penghayatan mereka sendiri** atau diajar oleh guru terutamanya dalam subjek sains...”(skC)

“..sangat bagus untuk generasi muda pada hari ini yang kurang ditekankan **pembelajaran melalui al-Quran..**” (skC)

“..model ini sangat membantu saya dalam **menghayati ayat al-quraan** dan sesuai untuk menjadi panduan untuk semua orang...”(skC)

“...model ini sangat bagus dan **mampu meningkatkan spritual pelajar...**”(skC)

“..MES-i ini dapat **melahirkan anak muda yang mempunyai sahsiah yang terbaik supaya berjaya di dunia dan akhirat..**” (skD)

“...pada pendapat saya mesq sudah cukup baik bagi **melahirkan generasi yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum baik di dunia maupun akhirat.**oleh itu, mesq seharusnya di terima baik oleh kerajaan untuk melahirkan generasi berminda kelas pertama..” (skD)

“..pada pendapat saya, model MES-i ini wajar dilaksanakan supaya murid dapat **meningkatkan nilai spritual dalam cara yang lebih maju dan moden..**”(skB)

“..saya amat bersetuju dengan keboleh gunaan model ini insya allah dengan adanya MES-i para pelajar di malaysia dapat **meningkatkan ketakwaan terhadap Allah s.w.t.** sekali gus berjaya dengan cemerlangdi dunia dan diakhirat.... ameen...”(skB)

“..model ini bagus dan insya allah akan **menambahkan kesedaran** dalam setiap umat islam . diharapkan agar model ini akan bertambah baik dari masa ke semasa...”(skB)

“...bagi saya , model ini patut dilaksanakan kerana dapat mengubah fikiran seseorang ke arah lebih cenderung untuk **memahami nilai kerohanian diri** dengan lebih lagi disamping lebih yakin untuk bertakwa akan kekuasaan Allah s.w.t. model ini sangat sesuai !! sekurang kurangnya kita dapat mengubah persepsi masyarakat kita kearah yang lebih baik. insya Allah teruskan ustazah!!!...” (skB)

“..sangat baik untuk **menerapkan penghayatan Agama Islam** dikalangan murid murid, sangat memberangsangkan , teruskan usaha!.... (skB)”

“..dapat kesedaran yang lebih lagi untuk **para pelajar berfikir tujuan mereka dihidupkan di muka bumi ini**.membantu para pelajar untuk berfikir lebih luas tentang kejadian alam berkonseptan Islam...”(skB)

“...amat bagus untuk **meningkatkan kesedaran seseorang melalui kekuasaan Allah** sila teruskan agar semua orang boleh membuka mata, hati dan minda kerana model ini menerangkan dengan lebih jelas apabila memberi contoh apa yang kita lihat dan alami tanpa kita sedar...”(skA)

“..pada pendapat saya model ini bagus dalam **membentuk sifat kerohanian** dalam diri seorang pelajar..” (skA)

“..**dapat kesedaran yang lebih lagi untuk para pelajar berfikir tujuan mereka dihidupkan di muka bumi ini**.membantu para pelajar untuk berfikir lebih luas tentang kejadian alam berkonseptan Islam...”(skA)

“...**amat bagus untuk meningkatkan kesedaran seseorang melalui kekuasaan Allah** sila teruskan agar semua orang boleh membuka mata, hati dan minda kerana model ini menerangkan dengan lebih jelas apabila memberi contoh apa yang kita lihat dan alami tanpa kita sedar...”(skA)

“..pada pendapat saya model ini bagus dalam **membentuk sifat kerohanian** dalam diri seorang pelajar..” (skA)


Daripada hasil keseluruhan dapatan kajian bagi Fasa 3 iaitu kepenggunaan model berdasarkan pembentangan Model Ekologi Spiritual Islami yang dijalankan kepada empat (4) kumpulan responden (*NGT*) yang berjumlah seramai 80 orang daripada empat (4) buah sekolah dari negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis jelas menunjukkan bahawa model ini sesuai dan praktikal untuk dibangun dan dilaksanakan.

5.4 Model kajian

Model Ekologi Spiritual Islami mengandungi tiga aspek utama iaitu aspek kefahaman (domain kognitif), aspek sifat (domain afektif) dan aspek penghayatan amalan (domain psikomotor). Isi kandungan di dalam aspek kefahaman ialah mengandungi definisi konsep Ekologi Spiritual Islam, objektif kajian Ekologi Spiritual Islam , sumber Ekologi Spiritual Islam , elemen Ekologi Spiritual Islam, hikmah Ekologi Spiritual Islam dan ciri-ciri Ekologi Spiritual Islam. Seterusnya isi kandungan dalam aspek sifat ialah sifat berfikir, sifat bersyukur, sifat bertanggungjawab dan sifat bertakwa. Sifat bertakwa merupakan sifat yang paling tinggi bagi seorang mukmin.

Pada aspek yang ketiga, iaitu aspek penghayatan amalan, model ini akan mempengaruhi penghayatan amalan pelajar di mana ia memberi kesan kepada tahap penghayatan amalan terhadap asas agama bagi seorang muslim iaitu Rukun Iman yang merangkumi keimanan kepada Allah SWT, Rasul, Malaikat, Kitab, Hari kiamat dan keimanan kepada *Qada'* dan *Qadar*. Seterusnya penghayatan amalan pelajar turut terkesan melalui penghayatan terhadap Rukun Islam yang lima dan akhirnya membentuk pelajar yang mempunyai sifat ihsan.

Penerapan konsep ekologi spiritual ini melalui medium pembelajaran berasaskan *ICT* iaitu melalui laman blog. Selain itu, penerapan konsep ini juga melalui peranan guru semasa melaksanakan pdp serta penerapan di dalam aktiviti pembelajaran melalui kurikulum Pendidikan Islam dan aktiviti semasa kokurikulum. Proses-proses ini akhirnya memastikan pencapaian tujuan utama pembangunan model iaitu Pembangunan spiritual pelajar. Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam adalah digambarkan pada rajah 5. 3 di bawah:



Rajah 5.4 Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam

5.5 Rumusan Kajian

Hasil rumusan daripada dapatan melalui ketiga-tiga fasa kajian telah menghasilkan satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam. Pembinaan model ini berdasarkan kerangka kajian melalui kaedah kajian reka bentuk pembangunan (DDR) yang menggabungkan beberapa konsep penting dalam teori dan model. Antara dasar dan teori yang menjadi asas di dalam membangunkan model ialah Pemikiran Imam Al Ghazali terhadap Ekologi Spiritual, Pembangunan spiritual berdasarkan al-Quran, Teori Pembelajaran Konstruktivisme (1978), Teori Pembelajaran Bloom (1956) dan Model Penghayatan Akidah Imam al-Ghazali (2005). Berdasarkan kerangka ini, satu Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam dibentuk dengan menggunakan pendekatan DDR yang merangkumi tiga fasa kajian iaitu Fasa 1 (analisis keperluan), Fasa 2 (reka bentuk) dan Fasa 3, iaitu Fasa penilaian kebolehgunaan. Pada Fasa 1 iaitu Fasa analisis keperluan, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik kepada pelajar dan temubual pakar bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model. Seterusnya bagi Fasa 2, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen dan *Fuzzy Delphi Method* mereka bentuk dan membangunkan model. Akhir sekali, dalam Fasa 3, pengkaji menggunakan kaedah Teknik Kumpulan Nominal atau NGT bagi menilai kepenggunaan model. Model yang dibangunkan ini merangkumi tiga aspek utama dan penerapan konsep Ekologi Spiritual melalui model ini dapat diaplikasikan melalui medium pembelajaran berdasarkan ICT beserta peranan guru semasa proses PdP dan pelaksanaan aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Akhirnya, model akan menghasilkan impak iaitu pembangunan spiritual pelajar.

5.6 Implikasi Kajian

(i) Aspek Pembangunan Spiritual

Antara Kepentingan kajian ini dijalankan ialah dapat meningkatkan elemen spiritual pelajar melalui penghayatan terhadap dalil-dalil al-Quran berhubung ekologi. Kajian ini juga amat penting dalam memupuk kesedaran masyarakat khususnya golongan pelajar dan guru tentang kepentingan menjaga dan menghargai diri sendiri dan alam sebagai mekanisma untuk melahirkan ketauhidan kepada Allah SWT.

(ii) Aspek Ilmu (*Knowledge*)

Dalam aspek ini, kajian ini dapat menambah kajian-kajian ilmiah sedia ada tentang konsep ekologi dalam Pendidikan Islam. Kajian ini akan menambah maklumat dan boleh dijadikan panduan dalam mengintegrasikan ilmu Islam yang bersumberkan al-Quran, hadis serta kajian ilmuan Islam berhubung alam.

(iii) Aspek sahsiah

Pembangunan model ini memberi kesan langsung kepada sahsiah pelajar kerana nilai spiritual yang kukuh akan mendorong kepada sahsiah pelajar. Peningkatan amalan-amalan kebaikan, amalan-amalan ibadat akan menjadi benteng kepada perlakuan pelajar.

(iv) Aspek Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Dan Pengajaran Guru

Kajian ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam tentang kepentingan untuk mengintegrasikan ilmu

Islam dengan disiplin ilmu yang lain seperti ilmu Ekologi, Sains, Geografi, Sejarah dan lain-lain di samping menerapkan konsep ketuhanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

(v) Aspek kurikulum

Kajian ini boleh diketengahkan sebagai satu kandungan kurikulum bagi pembinaan polisi kurikulum pada masa akan datang atau dengan kata lain ia boleh dijadikan kurikulum masa depan. Penerapan konsep ekologi turut boleh dilakukan di dalam kurikulum-kurikulum sedia ada.

(vi) Aspek Metodologi

Antara implikasi penting bagi penggunaan metodologi kajian terkini yang membuktikan bahawa pendekatan *Fuzzy Delphi Method (FDM)* berupaya untuk mengukur bagi suatu item berdasarkan pandangan sekumpulan pakar. Selain itu, pengadaptasian Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (*Modified NGT*) berupaya mengukur pandangan dan persepsi pengguna sesbuah produk dan model yang dibangunkan.

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kepada pengalaman kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan bagi menyebar luas kajian dan memanfaatkan kajian untuk peringkat seterusnya. Antara cadangan kajian lanjutan daripada pengkaji ialah:

1. Menjalankan penyelidikan pada masa akan datang bagi mengukur tahap penghayatan amalan pelajar terhadap penerapan konsep Ekologi

- Spiritual. Contohnya kajian Azma Mahmud (2006) yang mengukur tahap penghayatan pelajar dalam Pendidikan Islam.
2. Seterusnya, cadangan untuk menyebar luas penerapan konsep Ekologi Spiritual kepada guru-guru. Ini kerana peranan guru amat penting sebagai penyemai iman pelajar (Habibah Ramli ,2017) dan menjadi '*Qudwah Hasanah*' kepada pelajar.
 3. Pengkaji juga bercadang untuk membangunkan satu modul Ekologi Spiritual untuk dilaksanakan melalui kurikulum dan kokurikulum. Modul tersebut dapat membantu guru dan pelajar untuk merancang dan melaksanakan aktiviti berdasarkan konsep Ekologi Spiritual.
 4. Selain itu, untuk cadangan kajian lanjutan, sebagai usaha untuk mengukuhkan nilai spiritual pelajar dan guru, konsep ini perlu disebar luas kepada guru-guru lain, bukan hanya guru daripada bidang Pendidikan Islam sahaja. Ini kerana, sebagai saranan kepada guru-guru untuk mengintergrasi mata pelajaran bersifat duniawi seperti ilmu Sains, Ilmu Matematik dan sebagainya dengan ilmu kerohanian.
 5. Selain itu, cadangan untuk menyebar luas konsep dalam masyarakat agar memberi kesedaran tentang konsep Ekologi Spiritual yang memberi kesan kepada pembangunan spiritual. Secara tidak langsung, kesedaran tentang konsep ini dalam masyarakat boleh membangunkan masyarakat ke arah lebih harmoni dan mendekatkan masyarakat dengan al-Quran.
 6. Seterusnya, kajian perlu juga dilaksanakan bagi membangunkan satu Model Ekologi Spiritual yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar, guru atau masyarakat umumnya untuk menghargai alam

- sekitar. Konsep Ekologi Spiritual diguna pakai untuk membangunkan satu model khusus kepada kelestarian alam sekitar melalui penghayatan terhadap dalil al-Quran berhubung ekologi.
7. Akhir sekali, memberi cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Institusi-institusi pendidikan untuk menerapkan konsep ini sama di dalam kurikulum atau aktiviti kokurikulum. Ini kerana penerapan konsep ini penting bagi membangunkan elemen spiritual pelajar secara lebih eksplisit.

5.8 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan keseluruhan kajian pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk Pendidikan Islam, adalah sangat jelas pemantapan elemen spiritual dalam diri pelajar amat penting. Hal ini kerana, kekuatan spiritual dapat membentuk diri dan sahsiah pelajar. Jelasnya, kehebatan generasi-generasi sebelum ini contohnya generasi sahabat Rasulullah SAW yang mempamerkan sejarah keperibadian dan perjuangan yang hebat bersama Rasulullah SAW kerana mempunyai akidah atau nilai spiritual yang mantap dan jitu. Justeru itu, untuk melahirkan pelajar sebagai modal insan yang seimbang, potensi diri mereka perlu dibangunkan dalam setiap aspek termasuk jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Seterusnya, hasil dapatan kajian ini sangat penting kerana dengan menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan sebagai asas, berserta tafsiran daripada kitab-kitab tafsir yang muktabar, menjadikan kajian pembangunan Model Ekologi Spiritual Islami Untuk pembelajaran dalam Pendidikan Islam ini amat wajar untuk dilaksana dan disebar luaskan. Ini kerana, dengan merujuk kepada dalil al-Quran, dapat menyuburkan proses *taddabur* al-Quran bukan sahaja dalam kalangan pelajar, malah dalam kalangan masyarakat. Selain itu, kita memenuhi tuntutan sebagai seorang

mukmin untuk meletakkan al-Quran sebagai dasar utama bagi setiap urusan kehidupan. Apatah lagi merungkai permasalahan yang berlaku dalam masyarakat yang dilihat tiada penyelesaian seperti masalah kebenjatan sosial dalam kalangan pelajar, masalah pencemaran alam sekitar, masalah keharmonian masyarakat dan sebagainya dengan mencari penyelesaian melalui kaca mata al-Quran. Sesungguhnya al-Quran merupakan kalam Allah menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa.

Akhir sekali, dalam dunia pendidikan pada hari ini, pengaplikasian kaedah pembelajaran yang terkini berasaskan ICT, kaedah pembelajaran yang praktikal, efektif mudah, sesuai dan menarik dapat menggalakkan pelajar untuk meneroka maklumat dan memanfaatkan input yang diperolehi untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman seterusnya penghayatan amalan kendiri. Oleh yang demikian, kaedah pembelajaran yang efektif dapat membantu proses untuk menyebarkan maklumat dengan berkesan dan mewujudkan proses pembelajaran yang lebih bermakna. Contohnya pembelajaran berasaskan kerohanian dan kelestarian alam merupakan pembelajaran yang bermakna kerana ia sangat berkait dengan kehidupan seharian pelajar.

Akhir kalam, semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada dunia pendidikan khususnya, dan masyarakat amnya. *Wallahu alam*.

Bibliografi

Al Quranul Karim

A.R.Aqwan (1997) *Islam And The Environment*.Synergy Book International.Kuala Lumpur

Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2005). Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam. Laporan Penyelidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2006). Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke - 5: 1-8.UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan.

Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. Sari 27 (2009) 199-212.

Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin (n.d.). *Pengantar fiqh: teks komprehensif pengajian Islam Stpm*.

Abd Rahim Abd Rashid. (2003). *Falsafah budaya dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Aziz Shamsuddin (2003).*Kefahaman Konsep Mengenai Alam Sekitar Di Kalangan Pelajar Geografi Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Abdul Basit Abd. Rahman. (2012). *Keindahan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Abdul Majid Aziz Az- Zindani (2004).*Kitab Tauhid Diperakui Oleh Fakta Sains*.Kuala Lumpur. Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Abdul Majied Aziz Az-Zindani. (2004). *Kitab Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abdullah Nasih Ulwan. (1988). Pendidikan Anak-anak dalam Islam (jilid 1). Terj: Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD. (Buku Asal tt. Tarbiatul Aulad Fil Islam)

Abdullah Sulung & Mawaddah Abdullah. (2009). Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar. pp. 1-9. (*Unpublished*)

Abu Hamid Muhammad Muhammad Al Ghazali. (1998). *Ayyuhal Walad- Wahai Anakku Yang Tercinta*. Pokok Sena, Kedah: Khazanah Banjariah.

Abu Jaafar Mukmin (2009). *Keajaiban Organ Tubuh Manusia Menurut Perspektif Islam Dan Sains*. Kuala Lumpur. Al Hidayah Publications.

Abu Jaafar Mukmir. (2001). *Keajaiban Organ Tubuh Manusia: Menurut Perspektif Islam & Sains*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Abu Muhammad Saifuddin (2011). *Mencontohi Kemuliaan Akhlak Rasulullah S.A.W*. Johor Baharu.Pustaka Azhar.

Afzalur Rahman. Penterjemah: Yusof b. Ismail (1994) . Subject Index Of Al Quran :*Indeks Al Quran*. Kuala Lumpur.A.S Noordeen.

Agus Purwanto. (2012). *Nalar ayat-ayat semesta*. Bandung: Penerbit Mizan.

Ahmad Bazli Shafie. (2012). Memartabatkan Sains melalui pemodenan Universiti alAzhar: Iktibar daripada cubaan al-Syakh Muhammad Abduh di abad ke-20. Dlm. Azrina Sobrina (pnyt.). Membina Kekuatan Sains di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Alias Azhar. (2010). Faktor pembangunan dan kemunduran pengajian sains Islam silam. Jurnal Hadhari (3): 43-59.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978a. Aims and Objectives of Islamic Education. Jeddah: King Abdul Aziz University. al-Tabataba'i,

Ahmad Mohd Salleh & Mohd Farid Hafidz Ahmad. (2008). *Islam agama Rabbani: dasar pendidikan Islam teras untuk Kpli dan Ppismp*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.

Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, metodologi dan pedagogi pengajian Islam*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.

Ahmad Syukri. (2008). Pengaruh Media Massa dan Media Elektronik dalam Mensosialisasikan Masyarakat di Provinsi Riau. Jurnal Penelitian, Vol VIII No 4 September 2008, hal, 38-45.

Ahzami Sami'un Jazuli (n.d.). *Fiqh Al-Quran Kajian Atas Tema-Tema Penting Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Noor.

Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al Qasimi Ad Dimasqi (2006). *Intipati Ihya' Ulumuddin Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin Imam Al Ghazali*. Kuala Lumpur. Darul Fajr.

Ali Abdul Hamid Abu Al Khair (2002). *Al Quran Dan Sains Moden*. Johor Bahru. Perniagaan Jahabersa.

Asmawi Ehsan. (2004). *Ulum al -Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Asy.Syahid Sayyid Qutb.Terjemahan Yusoff Zaki Haji Yacob (2000).*Tafsir Fi ZilalilQuran*.Kota Bharu.Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

Muhamad Ali As-Saboony. (1985). *At-Tibyan fil Ulum Al-Quran*. Beirut. Alam al-Kutub.

Azharuddin Sahil (2007). *Panduan Lengkap Mencari Ayat-Ayat Al Quran Berdasarkan Kata Dasar*. Kuala Lumpur. Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Azizan Baharuddin & Norkumala Awang. (2016). *Al-Quran & Sains Pemetaan Rintis Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Malaysia. IKIM.

Azizan Baharuddin.(2007). *Pendekatan holistik agama dan sains: Mekanisme dan penghayatan penyelesaian alternatif*. Dlm. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (pnyt.). Wacana Sejarah dan Falsafah Sains Pendekatan Holistik Sains dan Agama: Cabaran ketamadunan, hlm.7-34 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azrina Sobian. (2012). *Membina kekuatan sains di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Bandura, A. (2002). Sosial Cognitive Theory off Mass Communicatin. In

Baron, R. A., Bryne, D., & Suls, J. (1991). Aggression and heat: Mediating effects of prior provocation and exposure to an aggressive model. *Journal of Personality and Social Psychology*, 31, 825 – 832.

Bloom, B. S. (1976). *Human Characteristics and School Learning*. New York: McGraw-Hill.

Buku Teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 1 Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Buku Teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 2 Kementerian Pelajaran Malaysia.
Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Buku Teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 3 Kementerian Pelajaran Malaysia.
Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Buku Teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4 Kementerian Pelajaran Malaysia.
Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Buku Teks Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 5 Kementerian Pelajaran Malaysia.
Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Bushmann, B. J., & Huesman, L. R. (2001). Stability of aggression over time and generations. *Journal of Developmental Psychology*, 20, 1120 – 1134. The Online Journal of Islamic Education January 2013, Vol. 1 Issue 1 27 | o j i e . u m . e d u . m y

Cohen, L., & Manion, L. (1994). *Research Methods in Education*. London: Routledge.

Craig, J. R., & Metze, L. P. (1986). *Methods of psychological research*. Monterey, CA: Brooks/Cole.

Cresswell, J.W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Cohen, L., & Manion, L. (1994). *Research methods in education*. London: Routledge.

Cresswell, J.W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Dahlina Daud Mohmud. (1994). *Perkembangan Manusia: Embriologi Berorientasi Klinikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Danial Zainal Abidin (2009). *Quran Saintifik: Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Kuala Lumpur. PTS Millennia Sdn. Bhd.

Danial Zainal Abidin. (2014). *Quran saintifik*. Batu Caves, Selangor: PTS Millennia.

Danial Zainal Abidin. (2015). *Perubatan Islam*. Bentong, Pahang: PTS Millennia.

Fariza Md Sham & Mohd. Jurairi Sharifudin. (2013). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fariza Md Sham dan Muhammad Faisal Ashaari. (2010). Media sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah. Kertas Kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam 2010.31 Mei 2010. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot. (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Faruq Al Syeikh Abd Al Sheikh Najm Al Abdali (2008). *Sains Dari Perspektif Kitab Samawi*. Penterjemah Othman Talib & Anwar Fakhir Omar. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad,Kuala Lumpur.

Fatimah Mohd Dahlan & Siti Halimah Md Yassin. *Penyepadan Elemen Pendidikan Alam Sekitar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. IPG Kampus Bahasa Melayu.

Fauzi Deraman & Mustaffa Bin Abdullah. (2006). *Pengantar usul tafsir*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

Fazlun Khalid & Joanne O'Brien (1992)*edited. *Islam And Ecology*.Cassel Publishers Limeted.USA

Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip pendidikan Islam*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Dist.

H. Mahmud Yunus.(1988) .*Tafsir Quran Karim*.Selangor.Klang Book Centre.

Hamidah Sulaiman. (2005). Pendidikan Islam dan Pengaruh Persekitaran dan Kemajuan: Kesan Kepada Pembentukan Sahsiah. Jurnal Masalah pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Hazura Abu Bakar (2009). *Hubungan Antara Penghayatan Agama, Nilai Hidup Dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim Dengan Sikap Dan Tingkah Laku*. USM.

Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates. (Media Penerapan dan Pemupukan)

Ibrahim Abdul-Matin. (2011). *GreenDeen what Islam teaches about protecting the planet*. San Francisco, CA: BK, Berrett-Koehler.

Imam Al Ghazali Penterjemah Abu Fhati Dan Husnul Aqib (2005). *Rahsia Kejadian Makhluk Ciptaan Allah S.W.T.* Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Ishak Din & Harun Din (1995). *Permasalahan Aqidah Tauhid, Pegangan Setiap Mukmin.* Kuala Lumpur .Darul Nukman

Ismail Kamus & Mohd.Azrul Azlen Ab Hamid (2009).*Indahnya Hidup Bersyariat.*Kuala Lumpur.Telaga Biru Sdn. Bhd

J. Byant & D. Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin. (2012). Delinkuensi Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam: Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Baru. 08-09 Mac 2012.

Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. (2009). Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-16 pada 21 – 24 Julai 2009 di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

Kamarul Azmi Bin Jasmi (2010).*Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes.* Bangi.Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi. (2013). *Botani, Zoologi & Tenaga.* Johor Bahru: Malaysia. UTM Press.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.

Lai Sui Kheng. (2010). Penggunaan Internet dan Kesedaran Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Di Sebuah Sekolah Menengah, Puchong: Projek Penyelidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

M.Quraish Shihab (2012). *Dia di Mana-Mana.*Selangor.PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.

Mahaya Salleh. (2018). *Apilikasi Pedagogi Terkini.* Sungai Petani: Kedah. Yusran Publishing House.

Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (2003). *Pendidikan Islam Kearah Pembentukan Warga Holistik* (Falsafah Budaya Dalam Pendidikan). Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Mardzelah Makhsin (2012). Hisbah Dan Penghayatan Akhlak Murid-Murid Sekolah Menengah. UKM.

Mark Zuckerberg. (2012, 15 September). Pengguna Facebook Kini 1 Billion. Berita Harian. hal. 18.

Mashira Yahaya. (2017). *Applikasi Modul Spiritual Pemantapan Sahsiah (Mospes) Pelajar Salah Laku*. Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Perlis.

Mat Rofa Ismail. (2014). *Ulul albab Ajaibnya Alam Semesta: Satu Kajian ulul albab Yang Membongkar Setiap Fenomena Adalah Bukti Keagungan Ciptaan Ilahi*. Kuala Lumpur: Must Read.

Mc Brien, J.L. & Brandt, R.S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Alexandria VA: Association for Supervision and Curriculum Development.

McQuail, Denis & Windahl, Swen. (1993). Communication Models. London: Longman.

Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamad Kamil. (2010). Jenayah Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Siber. Eprint. Ums. Edu.my / 117/1/ CONF2010004.pdf.

Mohd Radhi Ibrahim (2003). *Falsafah Al Tawhid dan Hubungannya Dengan Pendidikan* (Falsafah Budaya Dalam Pendidikan). Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabiah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar. (2014). *Fuzzy delphi dalam penyelidikan rekabentuk pembangunan*. Bangi, Selangor: Minda Intelek.

Mohd Suhari & Mohd Farid, "Pembangunan Spiritual dalam Pelaksanaan Program Tarbih," Afkar Vol. 20 Issue 2 (2018): 127-158

Mohd Suhari & Mohd Farid, "Pembangunan Spiritual dalam Pelaksanaan Program Tarbih," Afkar Vol. 20 Issue 2 (2018): 127-158

Mohd Yusof Othman. (2014). *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusuf Ahmad (2003). *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Mohd. Rosdi Mahamud (2008). *Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar : Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis*. USM.

Mohd. Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mokhtar Petah (1996). *Rahsia Dari Al Quran: Sains Teknologi Dan Kemanusiaan*. Kuala Lumpur. Citakhidmat (M) Sdn.Bhd.

Nadiah Thayyarah. (2013). *Buku pintar Sains dalam Al-quran*. Jakarta, Indonesia: Zaman Publisher.

Nik Aziz Nik Pa.(2003). Penggunaan Teori Dan Kerangka Teori Dalam Penyelidikan Pendidikan Matematik. *Masalah Pendidikan Jilid 26*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

Noor Hisham Md Nawi (2011). Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. *Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM*. Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah Universiti Malaysia Kelantan.

Noraini Idris. (2001). *Pedagogi Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.

Norhibah Hasan Zawawi (1999). *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Syarifah Fakhriah Syed Ahmad. (2012). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar.

Noriati A. Rashid, Keok Cheong Lee, Zulkufli Mahayudin, Zakiah Noordin (2014), *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn.Bhd.

Norlidah Alias . Saedah Siraj & Mohd Nazri Abdul Rahman (2013), *Perkembangan Spiritual Dalam Pendidikan Homeschooling*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Nor Wahida Dzalihu'zzabir (2017). Pengaruh rakan sebaya terhadap amalan akidah

dalam kalangan pelajar politeknik. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017). 2

Norlidah Alias. (2010). *Pembangunan Modul Pedagogi Berasaskan Teknologi dan Gaya Pembelajaran Felder-Silverman kurikulum fizik sekolah menengah* (TesisDoktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nur Eryanty Nordin& Zanaton Hj Ikhsan (2012). *Penyuburan Elemen Tauhid Dalam Kurikulum Sains Untuk Melahirkan Masyarakat Yang Seimbang*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ramli Abdul Samad (2010). *Menjelajah cakerawala Melalui Kosmologi Islam*. PEMIKIR,April-Jun 2010.Bil 60. Utusan Karya Sdn Bhd.

Ramli Awang, Sayed Mahussain Syed Ahmad Al-Idrus, Nasrul Hisyam Nor Muhammad & Nurazmallail Marni. (2014). *Sains, teknologi dan manusia*. Johor: Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.

Richard C. Foltz, Frederick M.Denny & Azizan Baharudin(2003)* edited by .Islam and Ecology, A Bestowed Trust . Harvard University Press.

Rosmidzatul Azila Mat Yamin. (2019). *Islam & pemuliharaan biodiversiti*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

Sa'id Hawwa. (2015). *Kajian Lengkap Penyucian Jiwa: tazkiyatun nafs intisari ihy ulumuddin*. Al-Hidayah House of Publishers sdn bhd.

Saedah Siraj. (2008). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Said Ibrahim. (1995). *Huraian asma' al-Husna jalan menghayati aqidah Islam*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

Salhah Abdullah & Amin Al Hadi Shafie. (2011). *Kecerdasan dan kaedah peningkatannya*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Sayed Sabiq. (2005). *Aqidah Islam: menurut Al-Quran dan hadis*. Kuala Terengganu, Terengganu: Rangkaian Berkat dan Pustaka Salam.

Sayid Sabiq. (1974). *Aqidah Islam: ilmu tauhid, diterjemahkan oleh Moh. Abdai Rathomy*. Bandung: Diponegoro.

- Sayid Sabiq. (2003). *Aqidah Islam: pola hidup manusia beriman*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Psikologi pendidikan: psikologi pembelajaran dan kognitif, bimbingan dan kaunseling*. Kuala Lumpur: Longman.
- Shopuan Anuar Ahmad. (1998). *Iman dan Akhlak*. Ipoh, Perak: Desktop Systems.
- Sulaiman Noordin (1992). *Sains Falsafah Dan Islam*. Bangi. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suzalie Mohamad. (2003). *Memahami isu-isu pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Syahida Nadia Zakaria (2015). Kesan Pendekatan Konstruktivisme Dan Pendekatan Tradisional Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu ISSN: 2180-4842. Vol.5, Bil.2,12-21 12 *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Umi Kalthum & Zulkifli Zainal Abidin. (2014). *Keajaiban haiwan yang mengubah dunia*. Batu Caves, Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan falsafah sains al-Quran*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusof Ismail (1988). *Bentuk Dan Ciri-ciri Pendidikan Islam*. Petaling Jaya. Syarikat Ali Imran.
- Yusuf Ahmad. (2012). *Sains moden menurut perspektif Al - Quran & As - Sunnah*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Yusuf Al Hajj Ahmad (2012). *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam Al Quran Dan Sunnah*. Tajuk asal : Mausu'ah Al -I'jaz Al Ilmi Fi Al Quran Al Karim Wa Assunnah Al Muthahharah. Cetakan Ketiga. Selangor. Al Hidayah Publication.
- Zaharah Hussin (2008). *Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak Untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. UKM
- Zahazan Mohamed & Muhammad Zakaria (2011). *Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zaini Ujang ,Seyyed Hossein Nasr & Ziauddin Sardar (1993). *Islam Dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar.

Zawawi Ahmad. (1941). *Tafsir surah yaasin dari perspektif sains dan sejarah*. Kajang, Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Zawawi Ahmad. (1996). *Sains dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zawawi Ahmad. (2012). *Tafsir surah al-Ankabut dari perspektif sains dan sejarah*. Kajang, Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Zawawi Hj. Ahmad (1996). *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zetty Nurzuliana Rashed, Ab.Halim Tamuri, Mohd Izzudin Pisool, Mohd Faeez Ilias, & Siti Suhaila Ihwani (2016). Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains. Dalam *Proceeding of 5 th International Conference on Islamic Education 2016* (ICIEd 2016),

Zillman, J.B.D. (ed). (2002). Media Effect: Advance in Theory and Research (hal.121-153).

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2007). *Himpunan Hadis Modal Insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.